

KONFRONTASI MALAYSIA INDONESIA

SIRI KONFLIK SEMPADAN

Sengketa di perbatasan negeri berlaku di merata dunia sepanjang masa. Bukan sedikit tentera dan orang awam terkorban sebelum Bukit Golan jatuh ke tangan Israel, India dan Pakistan berbalah hingga ke saat ini bagi mengesahkan hak ke atas Kashmir. Demikian juga halnya dengan isu Patani, Mindanao, Aceh, Timor Timur, Pulau Batu Putih, Pulau Layang-layang dan Spratly yang turut dituntut oleh Malaysia. Bukit Golan yang subur, Kashmir yang indah kepada pelancong, Spratly yang strategik bagi ketenteraan dan dikatakan sarat dengan petroleum di perut bumiinya, tapak Masjid Babri kerana sentimen agama terdahulu—semua ini menjadi alasan bagi sengketa, perbalahan dan perebutan. Siri ini akan memberi tumpuan ke atas konflik sempadan yang berlaku di beberapa wilayah di rantau Asia Tenggara, bermula dengan konflik di Patani. Kajian dan perbahasan dalam siri ini diharap akan menumbuhkan sosok baru dalam kajian sejarah Malaysia dan serantau.

Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani. 1785-1954*. ISBN 967-942-443-x

Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia - Indonesia*. ISBN 967-942-453-7

KONFRONTASI MALAYSIA INDONESIA

Nik Anuar Nik Mahmud

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2000

Cetakan Pertama / First Printing, 2000
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. MALAYSIA

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / Membership No. 8302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
PERCETAKAN WATAN SDN. BHD.
26, Jalan Daud, Kampung Bharu
50300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
 Cataloguing-in-Publication-Data

Nik Anuar Nik Mahmud
Konfrontasi Malaysia-Indonesia / Nik Anuar Nik Mahmud.
Mengandungi bibliografi
1. Malaysia-History. 2. Indonesia-History. 3. Malaysia-
Foreign relations-Indonesia. 4. Indonesia-Foreign relations-Malaysia.
1. Judul.
959.5

ISBN 967-942-453-7

M

NAN

M

1001124

13 AUG 2001
Perpustakaan Negara
Malaysia

K a n d u n g a n

Senarai Gambar . . .	7
Prakata . . .	9
Pendahuluan . . .	11
Bahagian I: Gagasan Malaysia	
Pengenalan . . .	17
Bab 1	Tunku dan Gagasan Malaysia . . . 21
Bab 2	Ke Arah Penubuhan Malaysia . . . 38
Bab 3	Gagasan Malaysia dan Reaksi Indonesia . . . 69
Bab 4	Gagasan Malaysia dan Reaksi Filipina . . . 85
Bab 5	Persidangan Manila dan Konfrontasi . . . 108
Bahagian II: Konfrontasi dan Perkembangannya	
Pengenalan . . .	127
Bab 6	Usaha Awal ke Arah Penyelesaian Konfrontasi . . . 129
Bab 7	Pendaratan Tentera Indonesia: Malaysia Mengadu ke PBB . . . 151
Bab 8	Indonesia Berusaha Merujuk . . . 158
Bab 9	Pendaratan Kedua: Mengatur Langkah Bertindak Balas . . . 167
Bahagian III: Rundingan dan Perdamaian	
Pengenalan . . .	187
Bab 10	Pemisahan Singapura dari Malaysia . . . 189
Bab 11	Rampasan Kuasa 30 September . . . 212
Bab 12	Rundingan Damai . . . 225 Kesimpulan . . . 241 Lampiran . . . 245 Rujukan . . . 247 Indeks . . . 251

Senarai Gambar

Gambar di antara halaman 128-129

- Gambar 1 Mr. Robert F. Kennedy (tengah) mewakili Amerika Syarikat untuk menyelesaikan krisis antara Malaysia dan Indonesia bertemu dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Timb. Perdana Menteri Tun Abdul Razak pada 21 Januari, 1964.
- Gambar 2 Ketua Pesuruhjaya dan kedutaan Malaysia di luar negara diberi taklimat terkini tentang krisis Malaysia dan Indonesia.
- Gambar 3 Menteri Luar Thai, Tun Thanat Khoman merai-kan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Menteri Luar Indonesia, Tuan Adam Malik di Hotel Erawan, Bangkok.
- Gambar 4 Perwakilan Malaysia dan Indonesia menghadiri rundingan damai di Bangkok mengadakan perund-dingan rasmi yang pertama di Rumah Tetamu Kerajaan Manangsila pada 30hb Mei 1966.
- Gambar 5 Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berangkat ke Jakarta dari Kuala Lumpur untuk menandatangani Perjanjian Perdamaian disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa, Kemajoran.
- Gambar 6 Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, di Jakarta untuk menandatangani Perjanjian Per-damaian mengunjungi Presiden Sukarno di Istana Negara Jakarta.
- Gambar 7 Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengunjungi Jeneral Soeharto, Ketua Tentera Indonesia di Markas Tentera.
- Gambar 8 Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Perwakilan Malaysia disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, sekem-balinya dari Jakarta.

- Gambar 9 Tun Abdul Razak berbincang dengan ahli Kumpulan Penyeliaan dalam perbincangan di Kuala Lumpur.
- Gambar 10 Tan Sri Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Hal Ehwal Luar meletakkan bunga di atas kubur Lt. Jeneral Achmad Jani di Makam Pahlawan, Jakarta.
- Gambar 11 Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra.
- Gambar 12 Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak.
- Gambar 13 Tan Sri Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Hal Ehwal Luar, bergambar dengan Jenderal Soeharto (kanan) dan Menteri Luar Indonesia Tun Adam Malik.
- Gambar 14 Kelihatan Wakil Malaysia Tun Abdul Razak bin Hussein sedang bersalaman dengan wakil Indonesia iaitu Tun Adam Malik di Bangkok pada 1966.
- *

Prakata

Konfrontasi adalah cabaran terbesar yang pernah dialami oleh Malaysia ketika usianya masih muda dan kurang berpengalaman dalam pengurusan konflik. Konfrontasi tercetus antara Malaysia dengan Indonesia akibat daripada persetujuan Tunku dengan MacMillan untuk menubuhkan Malaysia yang mengandungi Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) pada 31 Ogos 1963. Berdasarkan pengalaman tahun 1950-an, Indonesia menganggap bahawa Malaysia ditubuhkan adalah helah kuasa-kuasa barat untuk memencil dan mengepung Indonesia. Justeru itu, penubuhan Malaysia dibantah dan konfrontasi dilancarkan. Turut menentang penubuhan Malaysia ialah Filipina, rakan sekutu dalam ASA. Filipina menentang kemasukan Sabah ke dalam Malaysia atas alasan bahawa wilayah itu miliknya.

Namun begitu, kebijaksanaan barisan pimpinan negara di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah berjaya menyelamatkan negara daripada bencana perang dengan bangsa serumpun. Dari segi itu peranan serta pahit maung pucuk pimpinan negara – Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak serta pegawai-pegawai kanannya, khususnya Tan Sri Ghazali Shafie, selaku Setiausaha Tetap Kementerian Luar – dalam menangani dan menamatkan konfrontasi perlu dirakamkan untuk pengetahuan generasi kemudian. Hasil rundingan cemerlang antara Tun Abdul Razak dan Ghazali Shafie dengan Adam Malik, Menteri Luar Indonesia, dan Jeneral Ali Moetopo di Bangkok dan Jakarta pada awal tahun 1966, pada 11 Ogos 1966, konfrontasi Malaysia-Indonesia telah tamat.

Kajian ini ditulis berdasarkan sumber-sumber rasmi kerajaan British yang disimpan di Public Record Office, Kew, England. Antara rekod-rekod kerajaan British yang dirujuk ialah rekod Pejabat Kabinet (CAB), Pejabat Perdana Menteri (PREM), Pejabat Luar (FO), Pejabat Hubungan Komanwel (CRO) dan Pejabat Pertahanan (DEF).

Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada pelajar aliran sejarah dan antarabangsa, ahli-ahli politik

dan pegawai kerajaan, khususnya mereka yang berminat dalam kaedah pengurusan konflik dan pembuat keputusan.

Banyak pihak telah membantu penulis bagi menjayakan kajian ini: terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengembangan Akademik FSKK kerana bantuan penyelidikan; kepada kakitangan Public Record Office, Kew kerana bekerjasama dalam melayani permintaan penulis untuk mendapatkan rekod. Turut diucapkan terima kasih kepada Dato Ahmad Nazri Abdullah, Ketua Pengarang, *Kumpulan Berita Harian*, Dato Kamaruddin Jaafar, Pengurus, Institut Kajian Dasar dan Tuan Haji Abdullah Ali, dari Kumpulan ABRAR, di atas bantuan yang diberi. Kepada rakan-rakan di Jabatan Sejarah, terima kasih kerana sokongan dan teguran yang diberi dalam menyusun dan menulis kajian ini.

Kepada keluarga yang tersayang, Rahilah dan anak-anak: Nur Adnin, Hazlan, Nur Husna, Muhammad Adham, Muhammad Zafir dan Anis Syahirah terimalah khazanah ilmu ini. Semoga ia memberi manfaat kepada semua.

Nik Anuar Nik Mahmud
Jabatan Sejarah
UKM
Bangi

P e n d a h u l u a n

Semenjak mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, hubungan Tanah Melayu dengan Indonesia adalah rapat dan mesra. Malah Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia yang berada di Kuala Lumpur untuk perayaan kemerdekaan Tanah Melayu pernah berkata, "Kebebasan Tanah Melayu akan membuka satu babak baru dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Ini akan meningkatkan kerjasama kebudayaan dan bahasa".

Indonesia menduduki tempat yang paling istimewa dalam dasar luar Malaysia. Malah sebelum merdeka lagi, rakyat dari Semenanjung Tanah Melayu turut menyertai pasukan sukarelawan membantu perjuangan Indonesia menuntut kemerdekaan dari penjajah Belanda. Setengah daripada sukarelawan Semenanjung itu kemudian menetap dan memegang jawatan penting dalam kerajaan dan angkatan tentera Indonesia. Oleh kerana itu, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri, telah menghantar sahabat karibnya, Senu Abdul Rahman, sebagai Duta Tanah Melayu yang pertama ke Indonesia.

Pada tahun 1959, Tanah Melayu telah memeteraikan Perjanjian Persahabatan dan Kebudayaan dengan Indonesia dengan tujuan untuk merapatkan hubungan antara kedua-dua buah negara serumpun.

Bagaimanapun, hubungan mesra Malaysia dengan Indonesia tidak konsisten. Konflik peribadi dan perbezaan kesahaman berhubung dengan soal antarabangsa antara faktor hubungan kedua-dua negara serumpun menjadi dingin. Presiden Soekarno berbangga dengan kejayaannya membebaskan Indonesia daripada cengkaman penjajahan Belanda secara revolusi serta memain peranan utama dalam pergerakan negara-negara berkecuali yang memperjuangkan semangat antikolonialisme dan imperialisme. Oleh sebab itu usaha-usaha Tunku untuk menjalin hubungan istimewa dengan Indonesia tidak mendapat sambutan sewajarnya. Indonesia tidak menyertai ASA atau *Association of Southeast Asia* yang ditubuhkan atas inisiatif Tunku kerana menganggapnya sebagai kuda tunggangan barat. Secara kebetulan ASA dianggotai

oleh Filipina dan Thailand yang pro-Barat. Kedua-duanya anggota SEATO atau Pakatan Keselamatan Asia Tenggara. Dalam hal ehwal antarabangsa Tanah Melayu dan Indonesia sering bercanggah pendapat. Contohnya, berhubung soal Tibet dan Congo.

Pemberontakan oleh Pemerintahan Revolusiner Republik Indonesia (PRRI) di Padang, Sumatera pada tahun 1958 memberi kesan penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Kerana dari segi geografi, Sumatera dan Tanah Melayu dipisahkan oleh Selat Melaka yang lebarnya cuma dua puluh empat batu sahaja. Ini membolehkan pemberontak-pemberontak tersebut melarikan diri ke Tanah Melayu dengan mudah sekali.

Walaupun Tanah Melayu mengamalkan dasar berkecuali dalam hal ehwal dalam negeri Indonesia, kehadiran ramai pemberontak PRRI di Tanah Melayu dan Singapura telah menyebabkan akhbar-akhbar Indonesia menuduh Tanah Melayu dan juga Singapura memberi pelindungan kepada mereka. Kerajaan Indonesia meminta Tanah Melayu menghalang kemasukan pemberontak PRRI ke wilayahnya. Tuntutan itu ditolak oleh Tanah Melayu atas alasan bahawa selagi pemberontak-pemberontak tersebut menggunakan dokumen perjalanan dan pasport Indonesia yang sah seperti yang diperuntukkan oleh Undang-undang Antarabangsa, maka kemungkinan mereka sukar disekat.

Bagaimanapun pemberontakan itu gagal dan pada tahun 1958, beberapa pemimpin PRRI melarikan diri ke Tanah Melayu dan memohon perlindungan politik. Kerajaan Tanah Melayu telah memberi perlindungan politik kepada pelarian politik itu berse-suaian dengan Undang-undang Antarabangsa. Keputusan Tanah Melayu memberi perlindungan politik sedikit sebanyak telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di pihak Indonesia. Dr. Subandrio menuduh Tunku memberi bantuan kepada pihak pemberontak dengan harapan Sumatera dapat digabungkan dengan Tanah Melayu.

Isu tuntutan Irian Barat oleh Indonesia juga turut menjadi isu penting dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia. Indonesia kecewa apabila Tanah Melayu mengambil pendirian berkecuali dalam kes Irian Barat. Kes tersebut dibahaskan di PBB pada bulan September 1957. Menurut Tanah Melayu, pihaknya berkecuali dalam isu itu kerana inilah kali pertama perwakilan Tanah Melayu menghadiri perbincangan dalam perhimpunan PBB. Kemudian, semasa isu Irian Barat itu dibahaskan lagi pada bulan November

1959, Tanah Melayu telah menyokong Indonesia. Pada bulan September 1960, Tunku Abdul Rahman memaklumkan kepada Presiden Soekarno kesediaannya menjadi orang tengah dalam menyelesaikan persengketaan antara Belanda dengan Indonesia. Tunku mencadangkan supaya PBB diamanahkan mentadbir Irian Barat untuk tempoh kurang dari setahun sebelum diserahkan kepada Indonesia. Bagaimanapun tawaran dan usaha Tunku tidak dihargai Indonesia.

Dalam suasana hubungan Tanah Melayu dengan Indonesia berada dalam tahap yang dingin itu, Tunku dan MacMillan memutus untuk menubuhkan gagasan Malaysia. Indonesia melihat gagasan Malaysia sebagai alat neo-kolonialisme yang bertujuan untuk mengepung dan memusnahkan republik Indonesia. Maka itu, tidaklah hairan Indonesia memilih untuk menentang penubuhannya. Turut menyokong Indonesia menentang penubuhan Malaysia ialah Filipina.

BAHAGIAN I

GAGASAN MALAYSIA

P e n g e n a l a n

Memang menjadi impian Tunku semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, untuk membantu membebaskan wilayah-wilayah British di Borneo daripada penjajahan. Memikirkan bahawa wilayah-wilayah tersebut tidak mampu untuk berdikari dan berkemungkinan akan dituntut oleh negara-negara jiran, maka Tunku mengemukakan cadangan gagasan Melayu Raya ataupun *super federation*. Hasrat itu telah dimaklumkan oleh Tunku kepada Malcolm MacDonald bekas Pesuruhjaya Jeneral British bagi Asia Tenggara; Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu; Lord Home, Setiausaha Luar dan Lord Perth, Menteri Negara. Walaupun bersetuju dengan cadangan itu, pihak British lebih berminat untuk melaksanakan secara berperingkat-peringkat. Mengikut rancangan British, wilayah-wilayah British di Borneo hendaklah terlebih dahulu bercantum sebelum memikir untuk bergabung dengan Tanah Melayu dan Singapura, dalam persekutuan yang lebih besar. Kerajaan British sebaliknya menggalakkan Tanah Melayu bercantum terlebih dahulu dengan Singapura, tetapi telah ditolak oleh Tunku. Kedudukannya yang strategik serta pangkalan tenteranya yang canggih menjadikan Singapura penting dari segi skema pertahanan British dan sekutu-sekutunya dalam SEATO di Asia Tenggara.

Perkembangan politik di Singapura pada penghujung tahun 1950-an menunjukkan bahawa parti pemerintah pimpinan Lee Kuan Yew, PAP mungkin akan kecundang dalam pilihan raya yang dijadual pada tahun 1964. Barisan Sosialis yang didukung oleh Lim Chin Siong yang dianggap sebagai pro-Komunis dan antibarat akan menguasai koloni itu. Sekiranya keadaan ini berlaku, Singapura pasti akan menjadi 'Cuba' di Asia Tenggara dan kuasa-kuasa barat pasti akan kehilangan pangkalannya yang amat penting dalam konteks perang dingin ketika itu. Untuk menyelamatkan Singapura, British cuba mempengaruhi Tunku supaya menerima Singapura. Tunku menolak pelawaan British atas alasan perkauman dan politik. Sebaliknya bersedia berkompromi

sekiranya British membenarkan wilayah-wilayahnya di Borneo turut menyertai cantuman itu.

Pada 27 Mei 1961, Tunku secara rasmi telah mengemukakan cadangannya tentang Gagasan Malaysia. British pada prinsipnya menyokong impian Tunku, tetapi British lebih suka melihat Tanah Melayu bercantum dengan Singapura terlebih dahulu atas alasan bahawa wilayah-wilayah British di Borneo, termasuk Brunei, masih lagi mundur. Pada 23 November 1961, Perdana Menteri Harold MacMillan dan Tunku Abdul Rahman mengumumkan hasrat mereka untuk membincang Gagasan Malaysia.

Indonesia dan Filipina memandang serius keputusan kerajaan British dan Tanah Melayu untuk mewujudkan Gagasan Malaysia. Indonesia menganggap Malaysia sebagai jelmaan British yang bertujuan untuk mengepung dan melumpuhkan Indonesia. Justeru itu, ia menganggap Malaysia sebagai neokolonialis. Pemberontakan di Brunei pada awal Disember adalah kesempatan kepada Indonesia untuk membuktikan bahawa penduduk-penduduk tempatan menentang penyertaan mereka dalam Malaysia. Filipina pula membantah penyertaan Borneo Utara dalam Malaysia yang dianggap sebagai milik Filipina. Filipina menuntut British mengembalikan Borneo Utara kepadanya ataupun kekalkan wilayah itu sebagai koloni British. Seperti juga dengan Indonesia, Filipina turut bersimpati dengan pemberontak Brunei. Bantahan dan tentangan negara-negara jiran tersebut adalah cabaran besar kepada penubuhan Malaysia. Kerajaan British cuba menyelesaikan kontroversi itu melalui rundingan, tetapi gagal.

Sebagai usaha untuk menyelesaikan kemelut berhubung dengan Gagasan Malaysia, suatu persidangan peringkat Menteri dan Ketua-ketua Negara telah berlangsung di Manila bermula pada awal April 1963. Persidangan itu berakhir dengan pemerintahan Perjanjian Manila yang antara lain bersetuju untuk mematuhi prinsip penentuan sendiri. Selanjutnya, mereka juga bersetuju untuk meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu mengesahkan sama ada Gagasan Malaysia adalah satu isu besar dalam pilihan raya terbaharu di Sabah dan Sarawak. Ekoran persetujuan itu, penubuhan Malaysia yang sepatutnya dibentuk pada 31 Ogos 1963, terpaksa ditangguhkan sehingga kerja peninjauan oleh kumpulan peninjau PBB selesai. Pengumuman Tunku untuk menubuhkan Malaysia pada 16 September

1963, tanpa menunggu pengumuman laporan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, U Thant telah mencetuskan kontroversi yang berakhir dengan tindakan Indonesia dan Filipina tidak mengiktiraf penubuhan Malaysia.

BAB 1

Tunku dan Gagasan Malaysia

Idea gagasan Malaysia atau Melayu Raya bukanlah suatu yang baru. Idea itu bertujuan menyatukan tanah jajahan atau naungan British di Asia Tenggara sebagai satu koloni telah disuara sejak tahun 1894 lagi, tetapi ditolak (*Ghazali Shafie's Memoir*, 1988). Sebelum Perang Dunia Kedua, pemimpin-pemimpin nasionalis Melayu seperti Ibrahim Haji Yaacob, Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan Ahmad Boestamam pernah menyuarakan hasrat mereka untuk menggabungkan negeri-negeri Melayu di Semenanjung, Borneo dan Hindia Timur Belanda dalam sebuah gagasan yang diberi nama Melayu Raya ataupun Malaysia (Nordin Sopiee, 1974). Perkembangan politik semasa dan selepas perang menghalang impian itu daripada menjadi kenyataan.

Era selepas Perang Dunia Kedua memperlihatkan kemunculan gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu. Selepas meruntuhkan skema *Malayan Union* pada tahun 1948, pemimpin-pemimpin Tanah Melayu menyusun langkah ke arah perjuangan kemerdekaan. Darurat yang diisyihar oleh kerajaan kolonial British pada bulan Jun 1948 tidak melemahkan semangat kemerdekaan. Tahun 1951, memperlihatkan kemunculan parti Independence Malayan Party (IMP) di bawah pimpinan Dato Onn bin Jaafar. Manakala UMNO pula telah menukar slogannya daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'.

Tunku Abdul Rahman Putra, Yang Dipertua UMNO kedua, memain peranan penting dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Perjuangan Tunku bukan sekadar untuk membebaskan Tanah Melayu, tetapi juga tanah jajahan British di Borneo, termasuk Brunei. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Tunku berhasrat pula untuk membebaskan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) dan menggabungkannya dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam gagasan Melayu Raya atau Malaysia. Mengikut Dr. Ismail Abdul Rahman, penasihat kanan Tunku:

The kind of Greater Federation which the Tengku has in mind would provide the British with a convenient means of relinquishing their colonial control over their territories in Southeast Asia, something which it would appear from their efforts in the Caribbean and on the Gold Coast they are highly desirous of doing.¹

Pertama kali Tunku membayangkan impianinya untuk mewujudkan 'Malaysia' ialah semasa berucap dalam siaran Radio B.B.C. di London. Bersesuaian dengan impian itu, maka semasa merundingkan soal penggubalan perlembagaan Tanah Melayu, Tunku menuntut supaya dimasukkan fasil khas dalam Perlembagaan itu bagi membolehkan negeri-negeri baru menyertai Persekutuan Tanah Melayu. Kerajaan British bersetuju dengan cadangan Tunku dan ekorannya Fasal 2(1) telah dimasukkan ke dalam perlembagaan itu.

Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Pada awal Disember 1958, Tunku menyatakan hasratnya untuk menubuhkan Malaysia kepada Malcolm MacDonald, bekas Gabenor-Jeneral British bagi Asia Tenggara dalam satu perjumpaan informal di Kuala Lumpur. Selain daripada menyumbang kepada pembangunan ekonomi, pada hemat Tunku gagasan tersebut akan dapat menyelesaikan masalah Singapura dan akan mengukuhkan lagi pertahanan rantau Asia Tenggara daripada ancaman komunis.

Walaupun bersetuju dengan Tunku tentang kebaikan gagasan itu, MacDonald masih meragui sama ada gagasan itu praktikal untuk diimplementasikan pada ketika itu.

There would be strong opposition to it in all the three Borneo territories. For example, the people of Sarawak were very jealous to their independent entity, and HMG were pledged not to prejudice. Again, the Brunei authorities would not agree to any plan which involved their wealth being put at the disposal of a central Federal Government in Kuala Lumpur, or anywhere else except Brunei.²

Sehubungan dengan bentuk Persekutuan itu, MacDonald mempunyai konsepsi yang berbeza dengan Tunku.

I have thought that the Federation of Malaya, a possible Federation of the three Borneo territories, and Singapore either as a separate State or as part of the Federation of Malaya might all form what I called a 'Super-Federation'. They would have a common government for foreign policy,

defence and certain co-operative services, but otherwise would each enjoy complete autonomy in their internal affairs.

Hubungan Tanah Melayu dengan Brunei

Selepas mencapai kemerdekaan, Tunku mula mengeratkan hubungan dengan Brunei. Berbeza dengan Sarawak dan Borneo Utara, Brunei adalah sebuah negeri di bawah naungan British. Pada tahun 1959, Brunei akan memperkenalkan perlembagaan baru sebagai langkah awal ke arah kemerdekaan penuh kerajaan itu daripada naungan British. Tunku juga menyedari bahawa Sultan Omar Ali Saifuddin, Sultan Brunei tidak berpuas hati dengan sikap British yang memaksa baginda merapatkan Brunei dengan Sarawak dan Borneo dalam rancangan 'closer association'.

Mengambil kesempatan dari perkembangan itu, Tunku berusaha merapatkan hubungan dengan Sultan Brunei. Nampaknya Sultan Brunei memberikan reaksi yang positif terhadap usaha Tunku itu. Pada tahun 1958, Sultan Brunei telah meluluskan pinjaman mudah kepada Tanah Melayu sejumlah \$100 juta. Dalam ucapannya melalui radio pada 10 November 1958, Tunku telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada baginda kerana pinjaman tersebut.

Atas kehendak Sultan Brunei sendiri, Tunku telah meminta kebenaran daripada kerajaan British untuk turut serta dalam rundingan perlembagaan antara Brunei dengan Britain yang akan berlangsung di London pada awal tahun 1959. Sultan Brunei berharap kehadiran Tunku dalam rundingan itu akan dapat membantu baginda menghadapi tekanan pihak Pejabat Kolonial supaya Brunei bercantum dengan Sarawak dan Borneo Utara. Tetapi permohonan Tunku telah ditolak oleh kerajaan British. Seperti yang diminit oleh W.I.J. Wallace, seorang pegawai di Pejabat Tanah Jajahan:

The effect of Malayan representation would be, in Sarawak as well as in North Borneo, and indeed generally, to suggest that HMG had a plan for uniting Brunei with Malaya. It would be entirely wrong to give such an impression and it seems to me that the idea ought to be scotched at once.³

Lawatan Raja-raja Melayu ke Brunei pada September 1958 sempena perasmian Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin di bandar

Brunei merapatkan lagi hubungan antara Brunei dengan Tanah Melayu. Justeru keeratan hubungan itu, Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Syah mencadangkan supaya Brunei bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu (Nordin Sopiee, 1974) Pada awal Julai 1959, Sultan Omar telah membuat lawatan rasmi ke Tanah Melayu diikuti kemudian dengan lawatan DYMM Yang di-Pertuan Agong ke Brunei pada bulan yang sama. Beberapa persetujuan telah tercapai antara Sultan Brunei dengan kerajaan Tanah Melayu. Antaranya, kerajaan Tanah Melayu dikatakan bersetuju untuk meminjamkan pegawai-pegawaiannya berkhidmat dalam kerajaan Brunei selepas negeri itu mencapai hak pemerintahan sendiri penuh dari British.

Semasa mengadakan perjumpaan dengan Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, Tunku secara terus terang mencadangkan supaya kerajaan British membenarkan wilayahnya di Borneo bercantum dengan Tanah Melayu bagi menghalang wilayah itu daripada diambil oleh Filipina atau Indonesia. Secara prinsip, Geofroy Tory bersetuju dengan pandangan itu. Namun begitu, beliau mengingatkan Tunku supaya tidak membincangkan soal tersebut secara terbuka kerana bimbang ia akan menimbulkan salah faham.

It was important not to take a line in public which could be represented locally in the territories as an indication of Malayan ambitions or intrigue with regard to the territories. Nor would it do give the people of the territories an exaggerated idea about the early prospects of independence in some form of federation with Malaya because they were politically very backward and had a long way to go before the question of self-determination could properly be raised. He might be right in saying that the long term solution was some form of association of the territories with Malaya and even if that were acknowledged it would still be desirable for tactical reasons not to risk adverse reactions now by premature reference to this long term prospect.⁴

Hubungan erat antara Brunei dengan Tanah Melayu telah mendapat perhatian serius pihak berkuasa British. Seperti ditegas oleh Geofroy Tory, "*if his movement continues, it might eventually result in the demand for some kind of Federation/Brunei Union.*"⁵ Amaran Geofroy Tory membimbangkan Pejabat Kolonial British kerana ia bertentangan dengan dasar British untuk mewujudkan konfederasi Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Prihatin dengan perkembangan itu, perbincangan awal telah berlangsung di Pejabat Pesuruhjaya Jeneral British di Singapura pada 23 Januari 1960.⁶ Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Sir Dennis Allen, Timbalan Pesuruhjaya Jeneral British bagi Asia Tenggara, turut disertai oleh F.D. Jakeway (Sarawak), D.C. White (Brunei), Lt. Jeneral Sir W.Oliver (Canberra), Sir L.Fry (Jakarta), J.A. Pilcher (Manila), Kol. Cameron (FARELF), Cmdr Lee-White (Far East Station), E.H. Peck dan W.K.K White. Dua alternatif telah dibincangkan oleh mesyuarat sebagai jalan penyelesaian kepada soal wilayah-wilayah Borneo. Alternatif-alternatif itu adalah seperti berikut:

1. Mencantumkan tiga wilayah Borneo dengan Tanah Melayu dan Singapura dalam gagasan Persekutuan Besar atau *Grand Design*.
2. Mencantumkan tiga wilayah di British Borneo dalam satu konfederasi.

Sehubung dengan idea *Grand Design*, mesyuarat berpandangan bahawa penduduk-penduduk peribumi di British Borneo tidak mungkin bersetuju kerana bimbang mereka akan didominasikan oleh orang-orang Melayu dan Cina. Lagipun, dari segi pentadbiran, wilayah-wilayah tersebut mempunyai taraf atau tahap kemajuan pentadbiran yang berbeza. Memandangkan keadaan itu, mesyuarat mencadangkan supaya wilayah-wilayah di British Borneo itu dicantumkan sebagai satu konfederasi. Brunei hendaklah dihalang dari merapatkan hubungan dengan Tanah Melayu, kerana bimbang ia akan membawa kepada percantuman antara Brunei dengan Tanah Melayu. Sekiranya percantuman itu berlaku, usaha-usaha British untuk mencantum ketiga-tiga wilayah British di Borneo serta mewujudkan *wider Federation* yang merangkumi Tanah Melayu, Singapura dan tiga buah wilayah di Borneo mungkin terjejas.

Soal itu telah dibincang sekali lagi oleh Pejabat Tanah Jajahan British pada 29 Mac 1960.⁷ Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Sir John Martin, turut disertai oleh Sir William Goode, bakal Gabenor Borneo Utara, W.I.J. Wallace dan H. Nield dari Pejabat Kolonial juga W.J. Smith dari Pejabat Hubungan Komanwel. Beberapa pilihan tentang masa depan wilayah British di Borneo telah dipertimbangkan. Antaranya ialah:

1. Merapatkan hubungan antara Borneo Utara dengan Sarawak dan Brunei.
2. Merapatkan hubungan antara Borneo Utara dengan Sarawak.
3. Hubungan rapat antara Brunei dengan Tanah Melayu.
4. Mewujudkan *super federation*, iaitu gabungan Tanah Melayu, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Sehubung dengan aspek pertama, Sir John Martin, pengurus mesyuarat itu, berpendapat bahawa kemungkinan Brunei bercantum dengan Sarawak dan Borneo Utara adalah *remote*. Beliau juga bimbang sekiranya usaha-usaha merapatkan hubungan antara Borneo Utara dengan Sarawak dipertingkatkan, kemungkinan ia akan memaksa Brunei merapatkan hubungan dengan Tanah Melayu. Mengenai hubungan Brunei dengan Tanah Melayu, Martin mengesahkan terdapat bukti kukuh Sultan Brunei berminat untuk merapatkan hubungan dengan Tanah Melayu. Kata Martin:

It would clearly impracticable and undesirable to oppose this if the Sultan made a definite and open move to that direction. On the other hand this was not a move that should be given encouragement or impetus by Her Majesty's Government and it was preferable to await developments.

Bagaimanapun Martin percaya, sekiranya Sultan Brunei cuba mempercepatkan hubungan rapat dengan Tanah Melayu, pasti baginda akan menghadapi tantangan.

Tentang gagasan *super federation*, Martin berkeyakinan bahawa gagasan itu adalah yang terbaik bagi ketiga-tiga wilayah Borneo. Bagaimanapun, penubuhannya agak sukar untuk dilaksanakan kerana, (i) masalah hubungan Singapura dengan Tanah Melayu dan (ii) reaksi Indonesia dan Filipina. Maka itu, Martin berpendapat, bahawa

This wider federation was certainly not a process to be hastened.

Alasan lain ialah:

The three Borneo territories were still politically far behind the other two territories and might well find themselves engulfed in such a wider federation if it was brought about too soon.

Turut dibincangkan soal kemungkinan wilayah-wilayah di Borneo diperintah oleh "Chinese dominated government" dalam jangka masa sepuluh tahun, sekiranya ketiga-tiga wilayah tersebut tidak disatukan.

W.J. Smith dari Pejabat Hubungan Komanwel berpendapat bahawa pilihan yang ada ialah membiarkan wilayah-wilayah itu berkembang ke arah *wider federation* mengikut tahap kemajuan masing-masing, iaitu Borneo Utara dengan Sarawak, manakala Brunei dengan Tanah Melayu.

Pandangan Smith diterima. Pada akhir mesyuarat, satu rumusan telah dikeluarkan iaitu:

There was general agreement that the territories might move towards a Closer Association in varying stages. It was felt, however, that it would be undesirable to move too quickly in encouragement of a wider Federation and for the present the best course was to encourage the Closer Association of North Borneo and Sarawak and at the same time neither encourage nor discourage a closer alignment between Brunei and the Federation of Malaya.

Rumusan itu telah dimaklumkan kepada Sir Denis Allen, Timbalan Pesuruhjaya Jeneral British di Singapura. J.M. Martin, antara lain, menerangkan bahawa:

We took as our starting point H.M.G's accepted policy, which is that the peoples of North Borneo and Sarawak should, subject to their own wishes, ultimately achieve self-government. Attractive to the prospect (not least to many of their own inhabitants at present) of their remaining Crown Colonies, experience shows that we must not delude ourselves into thinking that can be a permanent state. That means the sooner or later we shall move out and they will be left, either each alone, or in association with each other, or (either individually or as a Borneo entity) inside some wider association, to face the South East Asian world without our protection. They are very vulnerable, both of their racial make-up. China, Indonesia, the Philippines all have, or could easily work up, interests of one kind or another. Nor, I suppose, could one exclude the possibility of a revived Japanese interest. It could be a very uncomfortable world for a little North Borneo or Sarawak trying to stand alone and we certainly have no intention of moving out so that someone else should step in. Even an associated North Borneo-Sarawak would not be a very strong state. With Brunei in also it could be more viable (though the oil won't last for ever). But here we come to our second assumption, namely that there is no

prospect in the foreseeable future of Brunei's joining an association with North Borneo and Sarawak alone. We were led by these paths to the conclusion that, as seen at present the most hopeful ultimate solution would be an association of the Federation of Malaya, Sarawak, North Borneo and Brunei, with, if possible Singapore in also – MacDonald's 'Grand Design' – which, one might hope might stay within the Commonwealth. That can be no more than a hope. Some of the difficulties in the way are obvious – not least the present remote prospect of the Federation and Singapore forming an association together. But at least it seems to us the most sensible goal to have before us.⁸

D.C. White menyokong rumusan J.M. Martin, serta percaya bahawa usaha Sultan Brunei untuk merapati Tanah Melayu pasti akan ditentang oleh Parti Rakyat. Parti Rakyat telah pun menyatakan sokongannya untuk merapatkan hubungan dengan Sarawak dan Borneo Utara.

I feel that the time is approaching when it should be made clear to the Sultan that Her Majesty's Government view with some anxiety and misgiving his attitude to his two neighbours, which must eventually weaken his own position on the throne and undermining the State's security.⁹

Semasa menghadiri Persidangan Negara-negara Komanwel di London pada awal Jun 1960, Tunku Abdul Rahman, buat pertama kali, telah membangkitkan soal wilayah Borneo secara langsung kepada Menteri-menteri British. Semasa berbincang dengan Lord Home, Setiausaha bagi Tanah Jajahan British dan Lord Perth, Menteri Negara pada 3 dan 10 Jun 1960, Tunku membayangkan tentang kemungkinan Indonesia akan mengambil alih wilayah British di Borneo kecuali wilayah-wilayah tersebut bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam sebuah Persekutuan yang lebih besar atau *super federation*. Maka itu, Tunku bersedia untuk menanggung *a great number of headaches* bagi menjayakan gagasan itu sekiranya disokong oleh kerajaan British. Lord Perth, Menteri Negara, bagaimanapun menolak dakwaan Tunku bahawa Indonesia mempunyai sebarang niat hendak menguasai wilayah British di Borneo. Namun begitu, beliau menasihat Tunku supaya *go slow* dan adalah lebih bijak kiranya:

To let sleeping dogs lie. If there was any hint of a move such as he mentioned I could imagine all sorts of agitation by other potential claimants.¹⁰

Lagipun, dari segi politik, Borneo Utara dan Sarawak masih lagi mundur. Sebaliknya:

We pressed the pace too fast it would lead to the predominance of the Chinese because they were the most advanced from an education point of view in both territories.

Apabila Tunku membangkit soal Brunei, Lord Perth menjawab bahawa "*it surely had to be something for the people of Brunei themselves to decide*". Tunku kemudian mencadangkan agar Brunei dan Sarawak sahaja menyertai Persekutuan, sementara Borneo Utara kekal sebagai koloni British. Ini kerana, pada pandangan Tunku, "*the people of Sarawak, Dyaks and so forth, were of Malay origin.*"

Lord Selkirk, Pesuruhjaya Jeneral British bagi Asia Tenggara, pada prinsipnya menyokong cadangan Tunku tentang gagasan *super federation* yang dianggap dapat memberi jaminan kestabilan kepada rantau Asia. Gagasan itu juga akan dapat memberi ruang kepada Singapura untuk bercantum dengan Tanah Melayu. Walaupun ketika itu, percantuman antara Singapura dengan Tanah Melayu adalah tidaklah praktikal.

If she is to be independent for ten years, Singapore will either become viable herself and not wish to join the Federation or alternatively, she will have to be carried by heavy external subsidies. Accordingly, the opportunity to bring Singapore into a wider Federation may be lost by deferment.¹¹

Tambahnya lagi, peluang untuk menujuhkan gagasan itu hanya ada ketika Tunku masih berkuasa. Katanya:

The Tunku has still some years to run as Prime Minister but a succeeding Government might not be so willing to take any step to bring the five territories closer together, politically or economically. The forces dividing the territories are likely to become stronger as time passes at the same time as the cohesive factor – the imprint of British rule – become less marked.

Sekembali dari London, Tunku telah berbincang dengan Sir Geofroy Tory tentang soal integrasi wilayah Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku mengulang pandangannya agar Tanah Melayu bergabung dengan Brunei dan Sarawak sahaja, manakala Borneo Utara kekal sebagai koloni British.

Pada pandangan Tunku, orang Melayu Brunei dan orang Iban di Sarawak adalah sama seperti orang Melayu Semenanjung.

Mengenai Borneo Utara, Tunku memberitahu Geofroy Tory bahawa:

If North Borneo were to be included in the Malayan Federation it would be politically impossible for us to maintain a military 'base' there; one base in the Federation was all that could be politically defended.¹²

Tentang Singapura, Tunku menegaskan bahawa beliau tidak dapat menerima koloni itu, walaupun wilayah Borneo bercantum dengan Tanah Melayu.

Oleh kerana kemenangan Barisan Sosialis akan menjelaskan kedudukan British di Timur Jauh, Tory mencadangkan supaya kerajaan British mesti berusaha untuk menjayakan *Grand Design* yang mana Singapura adalah sebahagian daripadanya. Tory meminta Pejabat Hubungan Komanwel membenarkan beliau dan Lord Selkirk membincangkan kedudukan Singapura dengan Tunku. Jelas Tory lagi:

After Tunku raised the subject of the Grand Design with Malcolm MacDonald and me I was briefed to persuade the Tunku that it would be damaging to the constitutional development of the Borneo Territories if the subject were ventilated at this stage. I am afraid, therefore, that he has necessarily been left with the impression that we are cool about the Grand Design. I should be very glad if we could now remove this impression and make it clear to him that although there are many obstacles in the way of implementing the plan with him that so far as can be foreseen now closer association between the Borneo territories and the Federation of Malaya, with Singapore included, looks like being the best long term solution for the future of all small units when the time comes for British sovereignty to be withdrawn.

Pada 27 Julai 1960 Harold MacMillan, Perdana Menteri British telah mempengerusikan mesyuarat tentang *Grand Design* di pejabatnya. Turut hadir ialah W.J. Smith, Lord Selkirk dan beberapa orang pegawai kanan Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Hubungan. Mesyuarat memutuskan bahawa kerajaan British hendaklah mengambil sikap *benevolent neutrality* terhadap hubungan wilayah Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu. Perdana Menteri British seterusnya mengarahkan Lord

Selkirk supaya membincangkan soal *Grand Design* lebih lanjut lagi dengan pegawai-pegawai British setempat dalam *Borneo Inter-Territorial Conference dan Joint Defence Advisory Committee (Borneo)* yang dijadualkan berlangsung di Kuching pada bulan Oktober 1960.

Persidangan *Borneo Inter-Territorial* mengenai *Grand Design* telah berlangsung di Kuching pada 25 Oktober 1960.¹³ Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Lord Selkirk, Lord Perth, Sir Denis Allen, Sir William Goode, Gabenor Borneo Utara, Sir Alexander Waddell, Gabenor Sarawak, Jeneral Hull, CIC FE, dan White. Perbincangan itu bersetuju bahawa *Grand Design* adalah langkah politik jangka panjang yang bijak untuk kawasan itu.

Gagasan itu dipercayai bukan sahaja akan dapat menyelesaikan masalah Singapura, tetapi juga kepentingan pertahanan British di Timur Jauh. Bagaimanapun, gagasan tersebut hendaklah kelihatan diperjuangkan oleh penduduk tempatan dan bukan oleh kerajaan British. Mesyuarat itu juga memutuskan supaya perbincangan dimulakan dengan Tunku Abdul Rahman, Lee Kuan Yew dan Sultan Brunei tentang perkara tersebut. Langkah pertama ke arah mencapai matlamat itu ialah menggalakkan Borneo Utara, Sarawak dan juga Brunei mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara mereka.

Pada 13 Januari 1961 Duncan Sandys, Setiausaha bagi Tanah Jajahan melawat Tanah Melayu (*Ghazali Shafie Memoir* 1998). Semasa di Kuala Lumpur, Sandys menemui Tunku, Tun Abdul Razak dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Adalah dipercayai soal keselamatan Singapura dan hubungannya dengan Tanah Melayu serta kedudukan wilayah Borneo adalah tajuk perbincangan utama dalam perjumpaan itu. Keengganan Sandys memberi jawapan tegas tentang kedudukan wilayah Borneo menyebabkan Tunku menolak cadangan Sandys supaya Tanah Melayu menerima Singapura.

Sikap tegas Tunku itu amat mengecewakan British dan juga Lee Kuan Yew. Dalam menghadapi masalah itu, kerajaan British tidak ada pilihan, tegas Lord Selkirk, kecuali cuba menggalakkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu bercantum dalam percantuman politik yang lebih besar atau *super-federation*.

We know moreover that there is at least the possibility that the Tengku might not feel the same repugnance towards merger in its simple form –

though his feelings on this matter seem to fluctuate a good deal. Finally, it is clear from all our recent a desirable development in its own right. These considerations seem to me to make the case for the larger grouping, as H.M.G's best bet for solving the present and future problem of Singapore, almost unanswerable.¹⁴

Setiausaha Tanah Jajahan bersetuju dengan pandangan Lord Selkirk bahawa matlamat akhir dasar British adalah untuk mewujudkan hubungan erat antara Tanah Melayu, Singapura dengan wilayah Borneo. Namun begitu, kemajuan ke arah itu hendaklah secara beransur-ansur dan disesuaikan dengan kadar evolusi politik wilayah Borneo. Pada pandangan Pejabat Tanah Jajahan, langkah pertama ke arah mencapai matlamat itu ialah dengan mengukuhkan terlebih dahulu hubungan antara Borneo Utara dan Sarawak dengan harapan bahawa kedua-dua wilayah tersebut akan menyertai gagasan itu sebagai satu unit. Sehubung dengan Brunei, Pejabat Tanah Jajahan berpendirian,

If Brunei alone wish to join Malaya in advance of the other two Borneo territories we need not object, but we should not encourage this since, from Malaya's point of view, Brunei is the plum and once she got it her interest in the rest of the plan might decline.¹⁵

Perbincangan Bersejarah antara Tunku – Lee di Kuala Lumpur

Kekalahan PAP dalam pilihan raya kecil Hong Lim pada penghujung bulan April 1961 telah mendapat perhatian Tunku dan menteri-menteri kanannya, iaitu Tun Abdul Razak dan Tan Siew Sin. Melihat kepada prestasi pilihan raya kecil itu, mereka percaya bahawa PAP akan kalah dalam pilihan raya umum dan sekiranya ini berlaku, koloni itu pasti akan dikuasai oleh sebuah kerajaan Barisan Sosialis yang dianggap pro-Komunis. Pandangan Razak tentang masalah Singapura telah dirumuskan oleh Bob Thompson, bekas Setiausaha Pertahanan Tanah Melayu, seperti berikut:

Both Razak and Tan Siew Sin, who are men around 40, are very alive to the dangers of allowing Singapore to drift on towards a greater stage of independence. They realise that although the British may wish to hang on to their bases in Singapore, they might not eventually be able to do so in the face of a strong campaign for complete independence. The military

value of the bases was declining and the pressure of world opinion might well convince H.M.G. that it would be wiser to withdraw from Singapore. If this happened, there was little doubt that Singapore would either fall under Communist control or be absorbed by Indonesia. The problem was, however, on what terms Singapore could be safely accepted as an additional state of the Federation without seriously affecting the Malay/Chinese political balance.¹⁶

Bimbang dengan situasi itu, pada 23 April 1961, Tunku telah menjemput Lee Kuan Yew ke Kuala Lumpur untuk berbincang mengenai gagasan *Grand Design* dan percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri; Tun Dr. Ismail, Menteri Dalam Negeri dan Dr. Goh Keng Swee.

Dalam perbincangan itu Tunku, menjelaskan tentang rancahan Malaysia. Mengikut Tunku, gagasan Malaysia akan dibentuk secara berperingkat. Malaysia akan bermula dengan percantuman antara Tanah Melayu dengan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara, kemudian disusuli dengan percantuman Singapura.

Selepas berbincang lanjut, Tunku meminta Lee Kuan Yew menyiapkan kertas cadangan mengenai *Grand Design* itu sebagai Singapore Government Paper. Dalam mendraf kertas cadangan itu, Lee Kuan Yew telah mendapat bantuan Lord Selkirk dan P.B.C. Moore. Selkirk mencadangkan supaya Lee menekankan tentang peri pentingnya *Grand Design* itu kepada rantaui tersebut pada masa hadapan. Moore pula meminta Lee menonjolkan tentang ancaman kepada Tanah Melayu sekiranya Singapura tidak menyertai gagasan Malaysia.

Setelah siap, kertas cadangan itu yang diberi tajuk "Paper on the future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo Territories" telah dikemuka kepada Tunku melalui Tun Abdul Razak. Ia mengemukakan dua alternatif dalam usaha untuk pembangunan politik bagi rantaui itu. Alternatif pertama ialah setiap wilayah akan mencapai kemerdekaan secara sendirian, manakala alternatif kedua ialah ketiga-tiga wilayah itu bercantum dalam satu gagasan yang dikenali sebagai Malaysia. Sekiranya alternatif pertama dipilih, kemungkinan besar Singapura akan dikuasai oleh parti Cina yang pro-Komunis.

In the opening phase, it may be that an independent Singapore Government may come to some defence treaty arrangements with the

British, but being independent these treaty arrangements would be discarded and revoked and replaced by ties with the Chinese mainland. This would ultimately lead to a Chinese Communist base right in the heart of South East Asia which incalculable consequences to all territories of the whole region. Knowing this, it is not unlikely that the British and even the Americans, may go to great pains to prevent an independent Singapore from ever emerging. However, if the desire of the people in Singapore for political independence through merger with the Federation is constantly frustrated and no progress is apparent either in common economic links, let alone political links, then frustration and desperation would drive them to the extremes of Communist policy and help the Communist pay the price in blood if necessary, to secure their political objective of an independent Singapore from which to undermine and subvert the Federation of Malaya.¹⁷

Kertas itu berpandangan bahawa alternatif kedua adalah yang terbaik bagi menyelesaikan masalah tiga wilayah itu.

This is the most satisfactory solution for the peoples of the three territories and also one which the British could accede to. It would also preserve the common economic, social and political ties that have existed between these territories as part of a common Empire in this region. But in working out the constitutional arrangements, care must be taken not to upset the sense of security and stability of the people of the Federation of Malaya, nor to arouse fears among the peoples of the Borneo territories that they are being swamped by more active and sophisticated people from the big cities of Singapore and the Federation.

Kertas itu juga mengingatkan bahawa perubahan politik yang berlaku di seluruh dunia dan meningkatnya tekanan Parti Komunis Malaya di Singapura, satu persetujuan am perlu dicapai segera mengenai asas-asas perlombagaan bagi koloni itu. Pada pertengahan tahun 1963, kerajaan Singapura akan mengkaji perlombagaannya seperti yang dipersetujui oleh kerajaan British dan Singapura pada tahun 1957. Langkah susulan selepas itu ialah pemberian kemerdekaan kepada Singapura. Kiranya rundingan perlombagaan itu gagal mencapai sebarang persetujuan atau sekadar bersifat *window dressing* sahaja, PAP mungkin akan kecundang dalam pilihan raya umum. PAP mungkin akan diganti oleh parti atau kerajaan yang pro-PKM atau pro-China. Pada peringkat permulaan, kerajaan ini tidak mungkin akan mencetuskan konfrontasi dengan British sehingga ia pasti akan mendapat bantuan

langsung daripada China. Jikalau keadaan ini berlaku, ia akan mencetuskan rusuhan kaum di Tanah Melayu dan mungkin juga akan melemahkan semangat kaum Cina untuk menentang komunis. Keadaan ini akan membawa kepada kemerdekaan Singapura.

A Singapore independent by itself must pander to its 75% Chinese population and will end up with greater appeals to Chinese chauvinism and eventually all talk of Malayan culture, national language, national solidarity and nation-building will disappear with tremendous repercussions on the Chinese in the Federation of Malaya. The consequences are incalculable and would certainly put an end to any hope of building a united community composing of Malay, Chinese, Indian and other races in Malaya. The solution lies in the larger federation, with the strength and stability from the centre. This course of events can only be avoided if Singapore is merged into the larger entity.

Kertas itu juga mengemukakan susunan perlembagaan bagi menjamin kepentingan wilayah serta kaum-kaum di wilayah Borneo juga bidang kuasa kerajaan pusat. Kertas itu seterusnya mencadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Kerja dibentuk bagi menyediakan kertas kerja untuk dipertimbangkan.

Dalam ulasannya, Selkirk menganggap bahawa kertas itu mempunyai beberapa kelemahan.¹⁸ Tentang pandangan bahawa sekiranya PAP gagal mencapai percantuman dengan Tanah Melayu, maka sebuah kerajaan pro-komunis akan wujud di Singapura yang akan mencapai kemerdekaan dengan bantuan China. Selkirk berpendapat kertas itu lupa untuk melihat kepada kemungkinan menculnya sebuah kerajaan kanan di Singapura ataupun tentang kemungkinan British mengambil keputusan untuk kekal bertapak di Singapura yang agak strategik itu. Lagipun, Tunku sendiri telah menegaskan bahawa British tidak akan membenarkan komunis bertapak, kenapa Persekutuan perlu digangu?

Beliau juga kurang bersetuju dengan cadangan Lee supaya wilayah Borneo dibawa masuk dengan kadar segera dalam Persekutuan itu, walaupun persetujuan telah tercapai antara Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Kerajaan British, tegas Selkirk, tidak seharusnya mengikuti cadangan *Grand Design* itu. Tentang perjanjian pertahanan, Selkirk meminta kerajaan British pastikan bahawa ia mempunyai hak kedaulatan ke atas pangkalan

tentera. Pandangan itu telah dikemukakan kepada Iain Macleod, Menteri di Pejabat Tanah Jajahan British pada 10 Mei 1961. Salinannya juga telah diberikan kepada Geofroy Tory.

Sementara itu, Tunku telah memaklumkan kepada Geofroy Tory hasratnya untuk memasukkan tentang keperluan Tanah Melayu mencari persefahaman dengan British dan dengan rakyat-rakyat di wilayah Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak dalam ucapannya di Kelab Wartawan Singapura pada 27 Mei 1961. Tunku memberitahu sikapnya terhadap Singapura telah berubah. Sebelum ini, tegas Tunku, beliau berpandangan bahawa masalah Singapura dapat dibendung dengan mengasingkan Singapura melalui tindakan politik, seperti menutup *causeway*, ataupun mengharapkan bantuan daripada negara-negara sahabat. Bagaimanapun, kini beliau telah menyedari bahawa:

This would only be short term solution at best and that in Malaya's interests she should find some means of absorbing Singapore safely and constructively. The Grand Design offered only means of doing this.¹⁹

Geofroy Tory mengingatkan Tunku bahawa kemungkinan kenyataannya itu akan mencetuskan bantahan daripada penduduk-penduduk tempatan di Sarawak dan Sabah, termasuk juga Brunei. Tetapi Tunku memberi jaminan bahawa tidak ada apa yang akan berlaku kecuali ada yang mendalanginya.

Dalam mesejnya kepada CRO, Geofroy Tory berharap kerajaan British akan menyerahkan kepada Tunku mengambil inisiatif mewujudkan 'Grand Design' itu. Kata Tory:

As suspected, now penny has dropped, he is perhaps moving ahead faster than we were prepared to go but we have more hope of steering him if we go along with him than if we try to restrain him at this juncture.²⁰

Nota

1. *Memorandum of Conversation: Chief Minister Rahman's Proposal for a "Greater Federation" of Malaya, 1 June 1956*, NA Reel 38 58-D-782.
2. *Extract from Malcolm MacDonald Report: Note on talk with the Prime Minister of Malaya, 24 Dis 1958*, CO 10200/608.
3. Minit oleh W.I.J. Wallace, 26 Feb 1959, CO 1030/608.
4. Kuala Lumpur - CRO, 31 Dis 1958, CO 1030/608.
5. Sir G. Tory - D.W.S. Hunt (CRO), 14 Okt 1959, CO 1030/608.

6. *Record of Meeting on Borneo Territories held at Phoenix Park, Singapore, on January 23, 1960*, CO 1030.
7. *Note of a meeting held at Sir John Martin's Room*, 29 March 1960, CO 1030/977.
8. J.M. Martin (CO) - Sir Denis Allen (Spore), 18 Mei 1960, CO 1030/977.
9. D.C. White (Brunei) - Sir John Martin (CO), 6 Jun 1960, CO 1030/977.
10. *Talk of My Talk with Tunku Abdul Rahman*, 10 Jun 1960, CO 1030/977.
11. Minit oleh Lord Selkirk kepada Setiausaha Luar British, 17 Jun 1960, CO 1030/977.
12. G.W. Tory - D.W.S Hunt (CRO), 19 Julai 1960, CO 1030/977.
13. Untuk Nota Mesyuarat lihat, Summary Note on an Informal Discussion held at Kuching on October 20, 1960 dlm. Lord Selkirk - Iain Macleod, 25 Okt. 1960, CO 1030/977.
14. Lord Selkirk - CRO, 30 Jan 1961, CO 1030/973.
15. CO - Lord Selkirk, 21 Apr. 1961, CO 1030/979.
16. Minit oleh P.B.C. Moore, 7 Apr. 1961, CO 1030/979.
17. 'Paper on the future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo Territories', CO 1030/979.
18. Lord Selkirk - Iain Macleod, 10 Mei 1961, CO 1030/979.
19. Kuala Lumpur - CRO, 26 Mei 1961, CO 1030/979.
20. Ibid.

BAB 2

Ke Arah Penubuhan Malaysia

Pada 27 Mei 1961, Tunku telah mengemukakan cadangannya tentang Gagasan Malaysia pada ucapan bersejarahnya di Kelab Wartawan di Singapura. Menurut Tunku:

Sebagai satu bangsa, Malaya hari ini sedar bahawa dia tidak dapat berdiri sendiri dan hidup bersendirian. Di luar bidang politik antarabangsa, maka politik kebangsaan kita hendaklah didasarkan pada konsep yang luas. Lambat-laun Malaya akan dapat mencari persefahaman dengan British dan dengan rakyat-rakyat di wilayah Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.¹

Beberapa hari selepas itu, Tunku telah mengadakan perbincangan dengan Geofroy Tory. Dalam perbincangan itu Tunku menekankan, sekiranya gagasan *Grand Design* ingin dilaksanakan, wilayah Sarawak dan Borneo Utara hendaklah dicantumkan bersama. Sehubung dengan Brunei, Tunku memaklumkan bahawa Sultan Brunei berminat untuk menyertai gagasan itu kerana bergabung sebagai sebuah negeri Tanah Melayu akan memberinya perlindungan yang diperlukan. Faktor lain yang menarik Sultan Brunei ialah prospek untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong. Mengenai Singapura, Tunku berpendapat bahawa masalah Singapura dapat diselesaikan dengan menggunakan model *Ulster*. Di bawah model tersebut, Singapura akan menghantar wakilnya ke Parlimen pusat di Kuala Lumpur. Tunku tidak berhasrat untuk mewujudkan konfederasi.

Geofroy Tory sekali lagi mengingatkan Tunku bahawa cadangannya mungkin tidak dapat diterima sepenuhnya oleh Sarawak dan Borneo Utara atas alasan bahawa dua negeri tersebut sekarang kelihatan seperti *wish to draw together first*.² Sehubung dengan ini, Tory menarik perhatian Tunku kepada kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin tempatan di Sarawak dan Kuching. Tunku terus bertegas dengan pandangannya sambil memaklumkan hasratnya untuk berbincang dengan Harold

MacMillan apabila Perdana Menteri British itu melawat Tanah Melayu pada bulan Oktober 1961.

Ucapan Tunku di Singapura pada 27 Mei 1961 mendapat perhatian serius di London. Iain Macleod dalam minitnya kepada Perdana Menteri British menegaskan tentang peri pentingnya Kerajaan British membuat keputusan segera dari segi prinsip pendirian kerajaan British terhadap *Grand Design*. Tegas Iain Macleod lagi:

Assuming that our decision then is that in principle we support the idea, there will then be need for much further consultation with our authorities in the area and with the Prime Ministers of the Federation and of Singapore before September, when the Tunku has put us on notice he will want to raise the matter with the Prime Minister during his visit.³

Reaksi pertama kerajaan British terhadap cadangan Tunku telah dibuat oleh Setiausaha bagi Komanwel, Duncan Sandys. Dalam suratnya kepada Tunku pada 5 Jun 1961, Sandys menegaskan bahawa Britain harus berhati-hati untuk tidak tampil memberi tekanan terhadap penduduk ketiga-tiga wilayah Borneo.⁴ Bagaimanapun beliau berharap cadangan Tunku itu akan merangsang fikiran dan perbincangan.

Menjawab surat Sandys, Tunku mengesyorkan supaya mesyuarat diadakan segera antara perwakilan kerajaan British, Sarawak, Singapura, Borneo Utara, Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu. Beliau berharap Sandys akan berusaha untuk mempengaruhi kerajaan British supaya menyokong rancangan itu.

Cadangan Tunku tentang gagasan Malaysia itu dipandang serius oleh para pegawai British di Singapura, Gabenor-gabenor British di Sarawak dan Borneo Utara juga Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei. Reaksi pertama datang dari Gabenor Sarawak Sir Alexander Waddell. Dalam telegram ringkas, beliau mengingatkan Setiausaha Tanah Jajahan supaya berhati-hati dengan rancangan Tunku kerana ia bertentangan dengan rancangan kerajaan British untuk menyatukan wilayah Borneo.

Rundingan Meja Bulat di Singapura

Pada 26 Jun 1961, mesyuarat pegawai-pegawai kanan British telah berlangsung di Singapura. Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah

Gabenor-gabenor British di Sarawak dan Borneo Utara, Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei dan Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai kanan tentera dan Pejabat Tanah Jajahan. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Lord Selkirk. Tujuan mesyuarat itu diadakan adalah untuk mendapat pandangan awal pegawai-pegawai British tempatan tentang idea *Grand Design* untuk dikemukakan kepada Setiausaha Tanah Jajahan bagi mesyuarat yang akan berlangsung di London pada 5 Julai 1961.

Pada ucapan pembukaannya, Selkirk meminta Gabenor dan para pegawai yang hadir supaya memberikan pandangan masing-masing tentang *Grand Design*. Sir William Goode, Gabenor Borneo Utara menyokong idea Tunku itu kerana ia akan meyelesaikan masalah berhubung dengan masa depan wilayah itu. Beliau tidak yakin wilayah Borneo dapat berdiri sendiri.

The best future for it was as part of a greater whole. We should welcome the Tunku's idea and tell him that we would co-operate with him in finding ways of implementing them.⁵

Pada pandangan Sir William Goode, soal pangkalan tentera adalah *secondary*. Matlamat pertama ialah untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang stabil di rantau itu. Mungkin wujud konflik antara kepentingan politik dan ketenteraan tetapi, tegas beliau, melihat kepada perkembangan yang berlaku di Singapura, British mahu tidak mahu akan kehilangan juga pangkalannya di sana.

Sir Alexander Waddell, Gabenor Sarawak, juga menyokong idea Tunku. Seperti juga dengan Borneo Utara, Sarawak tidak berupaya untuk berdiri sendiri. Tegasnya lagi:

All political leaders in Sarawak had welcome the Tunku's statement but the feeling was general that Sarawak should not be used as a pawn in the Federation's ambitions. It would be imprudent to ignore local views in Sarawak. The presence of Indonesia just across the Sarawak border always had to be remembered.⁶

Waddell kemudiannya membaca sepucuk surat yang dikirim oleh Temenggung Jugah sebagai bukti pandangan penduduk tempatan terhadap kenyataan Tunku. Dalam surat itu Temenggung Jugah memuji cadangan Tunku, tetapi meminta supaya ketiga-tiga wilayah Borneo itu bersatu terlebih dahulu. Beliau mencadangkan supaya Singapura bercantum dengan Tanah Melayu dulu.

Sarawak mesti mencapai kemerdekaan terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan untuk menyertai Persekutuan baru itu.

Waddell mencadangkan supaya kerajaan British mengeluarkan kenyataan menyokong penyatuan tiga wilayah Borneo terlebih dahulu. Ini kerana orang-orang Sarawak bimbang dengan kemungkinan kemasukan orang-orang Cina dari Singapura apabila terbentuknya Persekutuan baru itu.

D.C. White, Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, memaklumkan bahawa ucapan Tunku telah menyebabkan Sultan Brunei tidak berminat untuk mengadakan pilihan raya pada tahun 1961. Parti Rakyat menyokong percantuman dengan Sarawak dan bukan dengan Tanah Melayu. Hanya 'orang istana' sahaja yang berminat dengan idea percantuman Brunei dengan Tanah Melayu. Beliau mengingatkan mesyuarat bahawa sekiranya kerajaan British menyokong percantuman Brunei dengan Tanah Melayu, Parti Rakyat akan berpaling ke Indonesia.

M.J. Moynihan pula berpendapat bahawa percantuman Singapura dengan Tanah Melayu hanya akan berlaku kiranya ia melibatkan wilayah di Borneo. Bourdillon menyokong pandangan M.J. Moynihan. Lee Kuan Yew berminat untuk mencantumkan Singapura dengan Tanah Melayu kerana masa depannya bergantung kepadaannya. Lee menganggap perubahan sikap Tunku terhadap Singapura sebagai 'rahmat dari langit'. Bagaimanapun Tunku menegaskan bahawa percantuman tidak akan berlaku tanpa *Grand Design*.

Kol. Cameron dari G.H.Q. FARREL menolak kenyataan Sir William Goode bahawa pertahanan hanya memain peranan *secondary* sahaja dalam pertimbangan *Grand Design*. Beliau menegaskan bahawa kedudukan British di Timur Jauh bergantung kepada SEATO dan kemampuannya menggunakan bala tentera dan pangkalannya untuk memenuhi keperluan SEATO.

Mesyuarat juga membincangkan tentang pentadbiran di wilayah Borneo. Sir William Goode menyebut tentang kemungkinan sebuah Kondominium dibentuk di Borneo Utara. Beliau percaya melalui sistem ini kerajaan British dapat mempengaruhi Kuala Lumpur bagi mempastikan Borneo Utara mendapat layanan yang adil. Mengikut Waddell penduduk-penduduk di Sarawak juga tidak ingin berada di bawah dominasi Tanah Melayu. Lord Selkirk mencelah kalaulah begitu keadaannya, hubungan politik antara wilayah Borneo dan Tanah Melayu tidak mungkin dapat

diwujudkan dalam masa terdekat. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan dapatkah kerajaan British memberi jaminan bahawa Sarawak tidak akan memilih untuk merdeka di luar Persekutuan? Bagi mengatasi masalah itu, Lord Selkirk mencadangkan agar usaha-usaha dilakukan bagi merapatkan hubungan antara penduduk-penduduk dalam wilayah yang terlibat.

Mesyuarat membincangkan juga tentang soal pertahanan. Sehubung dengan ini, Lord Selkirk mengingatkan mesyuarat apabila Persekutuan Malaysia ditubuhkan tanggungjawab pertahanan akan diambil alih oleh Malaysia. Kerajaan British hanya dapat membantu Malaysia apabila ia diminta berbuat demikian. Admiral Luce mengingatkan bahawa pangkalan tentera British adalah penting untuk mempertahankan negara itu daripada ancaman luar, khususnya Indonesia. Air Marshall Selway mencadangkan Malaysia menyertai SEATO ataupun kebenaran diberikan kepada British untuk mengawal pangkalan itu. Lt. Jeneral Poett mencadangkan supaya diwujudkan suatu rangkaian pertahanan di Asia Tenggara yang tidak semestinya dilabel sebagai SEATO. Lord Selkirk berpendapat bahawa British akan dapat mengekalkan pangkalannya di Malaysia dengan cara menyesuaikannya dengan dasar luar Malaysia. Etherington-Smith bimbang kiranya British terpaksa menghadkan gerakannya, kemungkinan reputasi British di kalangan anggota SEATO terjejas. Beliau mencadangkan supaya kerajaan British merundingkan perjanjian pertahanan yang baru dengan Malaysia.

Selepas perbincangan itu, sebuah memorandum telah didraf dan dikirim oleh Lord Selkirk kepada Menteri Luar Iain Macleod pada 27 Jun 1961. Memorandum itu menggariskan pandangan dan cadangan mesyuarat tentang cadangan *Grand Design*. Pada prinsipnya mesyuarat menyokong rancangan itu yang selari dengan dasar British bagi mewujudkan ketabilan politik dan keselamatan serantau, khususnya daripada ancaman komunis serta menjamin keselamatan kepentingan British di rantau Asia Tenggara.

This formation of a larger group under the leadership of the Federation of Malaya would give a greater strength to the territories concerned than they could hope to achieve individually; this would help them to resist internal and external pressures.⁷

Sehubung dengan ini, Lord Selkirk mengingatkan bahawa China, Indonesia dan Filipina mempunyai *shadowy claims* ke atas

Borneo Utara. Di samping itu, *Grand Design* juga akan dapat menyelesaikan masalah 'dekolonialisasi'. Dari segi ekonomi, *Grand Design* akan mempercepatkan lagi proses pembangunan wilayah-wilayah berkenaan.

Dalam memorandum itu, Lord Selkirk juga menghuraikan faktor yang menyebabkan Tunku mengubah sikap terhadap Singapura. Antara faktor yang menyumbang ke arah perubahan sikap itu ialah hasil perbincangan antara Tunku dengan Sandys pada bulan Januari 1961 dan representasi Lee Kuan Yew kepada Tunku pada 10 Mei 1961. Sebelum ini, Tunku berpendapat bahawa kepentingan Tanah Melayu adalah lebih terjamin tanpa percantuman Singapura. Kiranya kekacauan berlaku di Singapura, kerajaan Tanah Melayu hanya perlu menutup *causeway* ataupun mendapatkan bantuan daripada negara-negara sahabat. Bagaimanapun kini Tunku telah mengakui bahawa tindakan itu hanya bersifat sementara, kepentingan Tanah Melayu akan lebih terjamin kiranya Singapura bercantum dengan Tanah Melayu. Sungguhpun begitu, percantuman Singapura akan menyebabkan kaum Cina menjadi majoriti. Tetapi, sekiranya wilayah Borneo dicantumkan bersama, jumlah keseluruhan kaum Cina hanyalah 42% sahaja. Atas sebab itu, mengikut Selkirk, Tunku mencadangkan rancangan *Grand Design* bagi membolehkan beliau mencantumkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Sejak memegang pemerintahan pada tahun 1959, PAP mengumumkan hasratnya untuk mencapai kemerdekaan melalui percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi, kepimpinan PAP mulai lemah dan menghadapi tekanan supaya Singapura mencapai kemerdekaan tanpa percantuman. Selkirk mengingatkan bahawa sekiranya PAP tewas, kemungkinan Singapura diperintah oleh sebuah parti yang dipimpin oleh golongan kiri atau yang prokomunis. Sekiranya ini berlaku, beliau bimbang kepentingan British di Singapura, khususnya pangkalan tentera akan terjejas.

Pada pandangan Selkirk, kedudukan wilayah Borneo adalah berbeza sama sekali. Baik dari segi politik ataupun ekonomi, Borneo Utara dan Sarawak masih mundur berbanding dengan Tanah Melayu atau Singapura. Borneo Utara dan Sarawak masih memerlukan pentadbiran British sebelum memikir untuk memrintah sendiri. Dari segi itu, beliau berpendapat bahawa *there are risks in trying to push the two territories too fast*. Kedua-dua

wilayah tersebut perlu digalakkan bercantum terlebih dahulu sebelum memutus untuk bercantum dalam rancangan *Grand Design*.

Berbeza dengan Sarawak dan Borneo Utara, pada tahun 1959 Sultan Brunei telah melulus perlumbaan bertulis yang menjanjikan pilihan raya akan diadakan dalam tempoh dua tahun. Namun begitu, urusan pertahanan dan luar negara masih diuruskan oleh kerajaan British melalui Pesuruhjaya Tinggi British selaku Penasihat kepada Sultan Brunei.

Selkirk menyokong percantuman Singapura, tetapi menolak percantuman wilayah-wilayah Borneo dengan Tanah Melayu, kecuali dalam tempoh jangka panjang. Wilayah-wilayah Borneo itu perlu diberi peluang untuk mencapai kemajuan dari segi perlumbaan dan percantuman sesama mereka dahulu sebelum menjadi sebahagian daripada Persekutuan. Lagipun, beliau bimbang rancangan *Grand Design* akan ditentang oleh Indonesia. Ini terbukti daripada kenyataan akhbar Indonesia, *Suluh Indonesia*, yang mengkritik kenyataan Tunku pada 27 Mei sebagai "manifestasi ketidakfahaman perkembangan sejarah." Walaupun Dr. Subandrio mengambil sikap berkecuali berhubung dengan rancangan. *Grand Design*, Selkirk berpendapat bahawa:

The possibility cannot, however, be ignored that developments on Grand Design may antagonise the Indonesian Government and might conceivably lead them to attempt an irredendist movement in the Borneo territories.⁸

Selkirk menjangka bahawa cadangan *Grand Design* itu akan menimbulkan kesulitan kepada kerajaan British. Pertama, wilayah-wilayah itu tidak boleh bercantum dengan Tanah Melayu tanpa terlebih dahulu memberi peluang kepada penduduk untuk menentukan pendirian. Adalah sukar untuk mendapatkan pandangan penduduk tempatan, khususnya di Borneo Utara, yang masih mundur dari segi pendidikan dan kerajaan sendiri. Kedua, Borneo Utara masih memerlukan perkhidmatan pentadbiran British. Ketiga, laporan yang diterima menunjukkan bahawa wilayah Borneo tidak mahu menjadi *an additional states of the Federation*.

Selkirk mengingatkan bahawa Tunku mahukan wilayah Borneo menyertai Persekutuan sebelum atau dalam masa yang

sama dengan Singapura, tetapi beliau masih lagi belum jelas mengenai bentuk pentadbiran yang akan dilaksanakan. Selkirk mencadangkan supaya pentadbiran berbentuk Kondominium dibentuk di bawah tanggungjawab kerajaan British dan Tanah Melayu untuk mentadbir wilayah Borneo. Mengikut Selkirk, sistem ini mempunyai dua kelebihan. Pertama, ia akan memberi jaminan kepada penduduk di wilayah Borneo bahawa kerajaan British masih bertanggungjawab ke atas mereka. Kedua, ia juga akan mendedahkan kepada kerajaan Tanah Melayu tentang masalah di wilayah tersebut. Selain dari sistem itu, Selkirk mencadangkan supaya kerajaan British terus mentadbir wilayah itu untuk selama beberapa tahun bagi pihak kerajaan Persekutuan. Dengan cara ini, kerajaan Persekutuan berpeluang menanam hubungan baik dengan wilayah-wilayah berkenaan. Bagaimanapun, di bawah sistem ini, wilayah Borneo mempunyai hak untuk keluar kiranya perlu.

Seperkara lagi yang dibangkit oleh Selkirk ialah pangkalan tentera. Pihak British memerlukan pangkalan tentera di Singapura bagi memenuhi keperluan pertahanan serantau dan untuk menyekat kemaraan komunis. Bagaimanapun, Tunku keberatan membenarkan pangkalan British di Singapura digunakan untuk kepentingan SEATO. Selkirk mencadangkan supaya kerajaan British mengadakan rundingan dengan Tunku bagi memastikan komitmen British terhadap sekutunya di Asia Tenggara tidak terjejas akibat penubuhan Persekutuan baru itu.

Walau apa pun kesulitan yang harus dihadapi berhubung dengan rancangan Tunku itu, Selkirk berpendapat rancangan *Grand Design* adalah yang terbaik untuk masa depan wilayah Borneo.

I remain convinced that the right aim of our policy is *Grand Design* and that advantage should be taken of the opportunity which the Tunku has now given us to lend encouragement to the scheme. But there are admittedly serious problems to be faced.

The two critical questions to be considered are the extent to which we would be prepared to go in meeting the Federation Government's views on (a) the Borneo territories, bearing in mind the need to take into account the wishes of the people, and (b) defence and our strategic requirements. Having formed our conclusions on these matters the next stage, before there could be any question of conference, would seem to be

round of confidential discussions, mainly with the Tunku, to ascertain whether there was sufficient common ground to enable us to go ahead.⁹

Memorandum Tunku kepada Harold MacMillan

Pada 26 Jun 1961, Tunku telah mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri British Harold MacMillan tentang cadangan untuk mengintegrasikan wilayah Borneo Utara dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku mengemukakan fakta sejarah, kebudayaan, ekonomi dan pentadbiran bagi mengukuhkan hujahnya.

The history of the Federation of Malaya is inter related with the history of the Sultanate of Brunei which was formerly a powerful state with authority over those other two Borneo territories and territories of the Malay archipelago. There had been trade and political, social and cultural ties between those territories and Malaya from time immemorial. Racially the various indigenous peoples of those territories are related to the Malays, in fact they come of the same stock. The British domination in various degrees in this region during recent history brought about a closer political and administrative connection between the British North Borneo territories and British Malaya. There was established a currency union which still exists in the form of a Currency Agreement and there was interchangeability of the civil, police, educational and technical services, and in the case of the State of Brunei, many Malayan Civil Service, Medical Service and Technical Service officers are serving on secondment with the Brunei Government.¹⁰

Dalam memorandum itu juga, Tunku mengemukakan cadangan bagi wilayah-wilayah berkenaan dapat diintegrasikan dalam gagasan itu. Sebagai langkah awal, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak akan dibawa masuk ke dalam Persekutuan sebagai unit yang mempunyai hak dan keistimewaan yang sama dengan negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai sebuah negeri kesultanan, Brunei akan mempunyai Sultan sebagai ketua negeri, sementara Sarawak dan Borneo Utara mempunyai Gabenor seperti di Pulau Pinang dan Melaka. Tambahnya lagi, adalah lebih baik lagi kiranya Sarawak dikembalikan kepada Brunei, sekurang-kurangnya daerah Limbang.

Selepas percantuman wilayah-wilayah itu dengan Persekutuan Tanah Melayu, langkah seterusnya ialah untuk menerima Singapura sebagai anggota Persekutuan itu. Tunku mencadangkan

rundingan tentang kemasukan Singapura diadakan sebelum perlembagaan negeri itu dikaji pada pertengahan tahun 1963.

Tentang pangkalan tentera British pula, Tunku menegaskan pangkalan itu tidak lagi terletak terbuka untuk kegunaan SEATO tetapi dikekalkan sebagai pangkalan tentera Komanwel. Dari segi pentadbiran, Tunku tidak nampak ia akan menimbulkan masalah, sebab sistem pentadbiran di negeri-negeri berkenaan mengamalkan sistem pentadbiran British.

Seterusnya Tunku mencadangkan supaya rundingan mengenai gagasan Malaysia ini dibincangkan dengan Perdana Menteri British ketika beliau melawat Tanah Melayu pada bulan September 1961.

Dalam rumusannya, Tunku sekali lagi menolak pandangan bahawa percantuman wilayah-wilayah berkenaan perlu dianggap sebagai matlamat jangka panjang. Beliau menganggap keadaan pada ketika itu amat sesuai untuk melaksanakan gagasan itu. Tunku mengharapkan kerajaan British memberi pertimbangan sewajarnya terhadap cadangan *Greater Malaysia*. Pada pandangan Tunku:

Such a federation of territories as proposed will do much to arrest the spread of Communism in this region of Asia, and this is particularly urgent in view of the recent intensive Communist activities in South East Asia as a result of their success in Laos.¹¹

Memorandum itu telah diteliti oleh Duncan Sandys, Setiausaha Hal Ehwal Komanwel. Dalam jawapannya kepada Tunku, Sandys mengingatkan tentang peri pentingnya isu itu dikendalikan secara berhati-hati, kerana dikhuatiri ia akan mencetuskan bantahan daripada penduduk di Borneo juga jiran-jirannya.¹²

Mesyuarat di Pejabat Tanah Jajahan

Pada 5 Julai 1961, telah berlangsung mesyuarat di Pejabat Tanah Jajahan di London yang dipengerusikan oleh Duncan Sandys, Setiausaha bagi Tanah Jajahan membincangkan *Grand Design*.¹³ Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Menteri Negara, Lord Selkirk, Sir Geofroy Tory, N. Pritchard, Pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Komanwel, J.I. McGhine dan beberapa orang pegawai lain dari Pejabat Luar. Duncan Sandys telah memulakan mesyuarat itu dengan meminta Selkirk memberikan pandangannya tentang *Grand Design* berpandukan memorandum Tunku.

Selkirk berpendapat bahawa *Grand Design* merupakan idea yang terbaik bagi masa depan wilayah timur jauh. Ia adalah penting bagi mewujudkan kestabilan politik di rantau itu, kepentingan British dan kestabilan di Singapura. Tanpa *Grand Design* wilayah-wilayah British di rantau itu pasti akan mencapai kemerdekaan masing-masing secara sendirian.

Sehubung dengan wilayah Borneo, beliau berpendapat wilayah-wilayah tersebut belum lagi sesuai untuk dicantumkan dengan Tanah Melayu dan Singapura kerana ia masih lagi mundur. Beliau juga bersetuju bahawa wilayah Borneo tidak dapat berdiri sendiri kecuali kemungkinan akan diambil alih oleh Filipina atau Indonesia. Soal pertahanan juga penting. Kerajaan British mesti menerima hakikat bahawa apabila Malaysia dibentuk ia tidak lagi dapat bertindak bebas ke atas pangkalannya.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa soal pertahanan itu sedang dikaji dengan mendalam oleh Staf Pertahanan. Dalam hal ini, Geofroy Tory mencadangkan supaya kerajaan British mengelakkan pulau Labuan sebagai pangkalan tentera British di rantau itu.

Sir John Martin berpendapat sekiranya *Grand Design* gagal, kemungkinan besar kerajaan British akan kehilangan juga pangkalan itu.

Tentang cadangan Tunku untuk melaksanakan cadangannya, Geofroy Tory percaya Tunku ingin mencantumkan wilayah Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu sebelum, ataupun dalam masa yang sama dengan Singapura. Bagaimanapun, beliau mencadangkan supaya kemasukan wilayah Borneo perlu dibuat secara berhati-hati. Kerana penduduk di wilayah tersebut masih lagi belum dapat menerima orang Melayu. Selkirk menambah, sekiranya Sultan Brunei membawa negeri itu ke dalam Persekutuan tanpa persetujuan rakyat kemungkinan besar kekacauan akan berlaku.

Mesyuarat kemudiannya membincangkan pula tentang langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya kerajaan British bersetuju menerima *Grand Design* sebagai dasar jangka panjang. Selkirk mencadangkan supaya satu persidangan diadakan di London untuk membincangkan soal itu. Sandys menganggap bahawa persidangan itu tidak penting diadakan, sebaliknya beliau mencadangkan supaya Tunku dan Lee Kuan Yew dijemput ke London bagi membincangkannya dengan Perdana Menteri British pada bulan September.

Mesyuarat kedua telah diadakan pada 7 Julai dengan dipengerusikan oleh E. Merville bertujuan meneliti pandangan dan cadangan mesyuarat sebelumnya.¹⁴ Mesyuarat menyokong cadangan menjemput Tunku dan Lee Kuan Yew ke London bagi berbincang dengan Perdana Menteri British. Tetapi perbincangan ini hanya boleh diadakan selepas Staf Pertahanan membuat keputusan tentang implikasi pertahanan selepas pembentukan *Grand Design* dipertimbangkan oleh para Menteri dan mendapat pandangan kerajaan Australia dan New Zealand.

Mesyuarat seterusnya membincang tentang kedudukan Brunei. Geofroy Tory berpendapat cadangan Tunku supaya sebahagian daripada wilayah Sarawak ditadbir oleh Brunei tidak perlu dilayan. Kerana Tunku sendiri masih ragu-ragu sama ada Sultan Brunei bermintat untuk menyertai gagasan itu atau sebaliknya.

Tentang cadangan untuk melantik seorang Gabenor baru bagi mentadbir Borneo Utara dan Sarawak, mesyuarat mencadangkan perkara itu diteliti dengan lebih mendalam.

Mesyuarat seterusnya diadakan pada 11 Julai 1961, di Pejabat Tanah Jajahan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Duncan Sandys, dihadiri oleh Hugh Fraser, Setiausaha Parlimen bagi Tanah Jajahan, Bernard Braine, Setiausaha Parlimen bagi Hal Ehwal Komanwel, Lord Selkirk serta pegawai-pegawai dari Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar.¹⁵

Duncan Sandys menyokong cadangan supaya pertemuan antara Tunku dan Lee Kuan Yew dengan Perdana Menteri British diadakan bagi membincangkan soal *Grand Design*. Selkirk menyokong cadangan itu kerana tidak mahu kerajaan British dituduh sengaja hendak melengah-lengahkan pelaksanaan *Grand Design*. Mesyuarat mencadangkan supaya pertemuan itu diadakan pada pertengahan bulan Oktober. Mesyuarat kemudianya membincangkan tentang draf jawapan kepada memorandum Tunku.

Jawapan MacMillan kepada Tunku

Keputusan mesyuarat serta draf jawapan telah dikemukakan oleh Setiausaha bagi Tanah Jajahan Duncan Sandys kepada MacMillan. Dalam minitnya kepada Perdana Menteri, Sandys mencatat bahawa:

The Tunku has made it clear that he expects the British Government to reach a very early decision on his proposals, and he is supported by the Prime Minister of Singapore. Two main problems arise from them: the handling of the Borneo Territories, and the future of our defence rights in the area, in which Australia and New Zealand are also closely concerned. The defence problem is being considered urgently by the Chiefs of Staff. Until we get their recommendations we will not be able to consider the Tunku's proposals in Cabinet. We shall thereafter need to obtain the views of the Australian and New Zealand Governments.

During my Commonwealth tour the Colonial Secretary and Baine considered the position with Lord Selkirk and our High Commissioner in Kuala Lumpur in London, and with officials of the Departments concerned. They reached their conclusion, with I agree, that we unlikely to be able to give the Tunku a firm view before October.

Meanwhile you will wish to reply to the Tunku's message. It is important that your reply should be such as to restrain him from any further over-exuberant activities on this issue. The sooner you can send it, therefore, the better - particularly since it should have a good effect on the Tunku's attitude in the next round of discussions about political detainees in Singapore in August.¹⁶

MacMillan telah membaca minit Duncan, tetapi tidak dapat memberi tarikh yang tetap bilakah perbincangan dapat diatur dengan Tunku. Pada 3 Ogos 1961, MacMillan menjawab memorandum Tunku.

MacMillan menganggap cadangan Tunku itu sebagai konstruktif kerana ia menyumbang ke arah menstabilkan keadaan di Asia Tenggara. Namun begitu, beliau memerlukan masa untuk meneliti memorandum tersebut, terutama yang menyentuh dengan soal pertahanan dan kedudukan wilayah Borneo.

Tentang pertahanan, MacMillan berpendapat adalah lebih baik isu itu tidak dibangkitkan ketika itu kerana bimbang ia akan "cast doubt on the maintenance of British defence capabilities in the area."¹⁷

Mengenai wilayah Borneo, beliau berpendapat bahawa persoalan penyertaan wilayah tersebut hendaklah dibuat secara berhati-hati untuk mengelak daripada dituduh "we are deciding on their future without regard for their wishes."

Seterusnya MacMillan mencadangkan supaya Tunku dan Lee Kuan Yew datang ke London untuk berbincang mengenai isu

tersebut. Cadangan beliau melawat Tanah Melayu pada bulan September terpaksa dibatalkan atas sebab-sebab tertentu.

Semasa surat Perdana Menteri British diterima daripada Pesuruhjaya Tinggi British Geofroy Tory, Tunku mengingatkan bahawa beliau tidak akan menjalin hubungan dengan Singapura, termasuk dalam soal keselamatan dalam negeri, kecuali dalam kerangka *Greater Malaysia*.

His Malays would never forgive him if he were by connection with Singapore alone to create at any time a Chinese majority in the two territories. To press him to agree to some bilateral arrangement with Singapore in the short term was to invite him to do great political damage to himself.¹⁸

Mengulas kenyataan Tunku itu, Tory memaklum kepada MacMillan bahawa:

I know Tunku's present intention is to tell Lee plainly that Federation will have none of Singapore by itself and that it is all of Greater Malaysia or nothing.¹⁹

Jawapan Tunku kepada MacMillan

Dalam suratnya kepada Harold MacMillan pada 11 Ogos 1961, Tunku mengulas dengan agak panjang tentang percantuman Singapura dengan Tanah Melayu.

As you know, the question of the integration of Singapore and the Federation is not a new one; indeed since independence, the idea merger, to give its popular name, has been constantly mooted, but I have stood against it because of my fear that communal politics of Singapore based on Chinese chauvinism would upset the balance of political thinking in the Federation, and destroy our hopes for the peace and well-being and harmony of our peoples. The politics of this region, however, would not allow for isolation and the idea of greater co-operation and association between the Borneo territories, Singapore and the Federation has been exercising my mind for some considerable time.

While I agree that the pace for such a development should not be forced, I am at the same time concerned about the Communist most threat in Singapore which becomes more menacing as time goes on, and I feel very

strongly that before long the question of the future of Singapore will have to be settled. I am convinced that an independent Singapore will be drawn towards China; unless that is forestalled, it is needless for me to say the Federation, as well as the region, will be exposed to grave dangers.

If we are to take in Singapore, it would be necessary first to strengthen our position, and we can only do that if the three territories of Borneo join us. This would provide a measure of such confidence in our people and would correct the imbalance in the population. The Malays and the Dayaks are the same racial origin while the Chinese in those territories have not as yet been seriously penetrated by Chinese Communist politics. Without the Borneo territories I would find it impossible to contemplate the integration of Singapore and the Federation and to persuade my political colleagues and the country to accept it.

You were right, of course, in emphasizing that the Borneo territories should be associated under the proposed arrangements only as a free and willing partners. I have no doubt that once they are persuaded that such a merger would be in their interest, they would only be happy to join us. The difficulties to which you have referred are no more serious than those which existed in the Federation before independence. They are purely parochial and create no insuperable barrier. These susceptibilities and demands can be met and provided for under the Federation Constitution, and assurances to that effect will, I think, satisfy the territories concerned.

As regards defence, I fully appreciate the points you have raised. Let me hasten to assure you that I am equally concerned that the defence arrangements for this region should not be jeopardized under the proposed arrangements. However, I foresee no difficulty in arriving at some suitable arrangements between our two countries whereby the various defence requirements may be satisfied. This would, at the same time, remove any possible fears that we are drawn unwittingly in SEATO.²⁰

Sementara itu, pertemuan antara Tunku dengan Lee Kuan Yew berlangsung di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1961, membincang soal pungutan suara di Singapura dan cadangan surat Tunku kepada MacMillan. Tunku bersetuju dengan cadangan Lee untuk mengadakan pungutan suara dalam kadar yang segera. Tentang surat Tunku kepada MacMillan, kedua-dua pemimpin itu bersetuju bahawa surat itu perlu menunjukkan tentang peranan

golongan komunis dalam memperalatkan cauvanis Cina untuk menghalang percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Kedua-dua pemimpin juga mencapai persetujuan untuk bertolak ke London pada bulan Oktober atau November 1961.

Di akhir perbincangan, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan:

The Federation and Singapore leaders had a full and frank exchange of views on the situation in Singapore vis-a-vis the Federation, in particular on the question of merger the various implications arising from the subject.

Among many matters examined was the question of Federation responsibility for defence, external matters and security. The Singapore Prime Minister laid particular stress on the necessity of Singapore's retaining local autonomy, especially on matters of education and labour.

Both Prime Ministers have agreed in principle on these proposals. They have also agreed that a working party should be set up to go into the overall financial and other implications arising out of arrangements whereby local autonomy is retained by Singapore on agreed matters, and to consider the financial contribution Singapore would be required to make to the National Government.²¹

Seperti yang dipersetujui antara Tunku dengan Lee, Ghazali Shafie telah diminta mendorong surat untuk dikirimkan kepada Perdana Menteri British. Sesudah membuat demikian, salinan surat itu telah diserahkan oleh Ghazali kepada Lee Kuan Yew untuk disemak. Tanpa pengetahuan Ghazali, Lee kemudiannya menunjukkan surat itu kepada Moore untuk mendapatkan komennya. Berikut ialah komen Moore tentang draf itu.

I said it seemed clear that the Tunku was exerting maximum pressure on us to get what we wanted (?from) the Borneo territories in return for his co-operation over Singapore. It was impossible at this stage to tell what extent the Tunku was bluffing. I hoped he did not seriously expect that we could give him any undertaking with regard to transfer of sovereignty of the Borneo territories in the immediate future, but it was possible that he had been misled by the favourable reactions of Donald Stephens and other visitors to Kuala Lumpur in thinking that we could hand over the Borneo territories overnight. On balance, Lee Kuan Yew agreed and said that, according to Ghazali, the Tunku was in

fact looking for an undertaking from HMG that the Borneo territories might simultaneously achieve independence and incorporation with Greater Malaysia in 1963.²²

Pada 6 September 1961, Tunku telah mengirim surat itu kepada MacMillan meminta supaya kerajaan British menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja bagi meneliti gagasan itu. Tunku mengingatkan sekiranya perkara itu tidak dibincang segera kemungkinan ia tidak akan dapat dilaksanakan selama-lamanya.

I am fully convinced that this subject must now be pursued with the utmost vigour and urgency and I am hoping, therefore, that the working party will be able to meet in the very near future. As you are no doubt aware there are elements in Singapore owing allegiance beyond these shores who are now working very actively to arouse chauvinist and anti-merger sentiment; as they realised that the real object of the merger was to combat Communism in this region. For my part I am equally determined to keep ahead of their moves and my recent meeting with Mr Lee was partly designed to keep the issue alive. A respite will only work to their advantage.²³

Seterusnya Tunku menambah bahawa:

However, before we meet it may perhaps be best to settle before hand the basis for our talks. It is extremely important that we should do all we can in advance to ensure the success of our discussions, as their failure will be a serious setback, of which the Communists will make full use, and to their advantage. I wonder, therefore, if at this stage, you could say whether the British Government would agree to relinquishing its sovereignty over the Borneo territories and Singapore in the immediate future to enable them to become member states of Malaysia. At the same time, I think it would be important to know whether the British Government would contemplate the use of the Singapore base within the framework of our mutual defence agreement, including the fulfilment of Commonwealth obligations.²⁴

Atas dasar itu, Tunku meminta Perdana Menteri British mengadakan perbincangan di London bagi mengatasi masalah yang menjadi penghalang percantuman wilayah-wilayah berkenaan dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Surat Tunku diteliti dan dihalusi oleh MacMillan. Beliau tidak mempunyai pilihan kecuali bersetuju dengan cadangan Setiausaha bagi Hal Ehwal Komanwel untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa *ad hoc* bagi mengkaji cadangan Tunku tentang gagasan

Malaysia. Jawatankuasa itu akan terdiri daripada wakil Pejabat Luar, Pejabat Hubungan Komanwel, Pejabat Tanah Jajahan, Perbendaharaan dan Kementerian Pertahanan.

Menjawab surat Tunku MacMillan menyatakan bahawa beliau memerlukan masa untuk meneliti implikasi rancangan Malaysia.²⁵ Beliau juga perlu pastikan bahawa idea Malaysia itu mendapat sokongan Parlimen British dan penduduk di Borneo sebelum sebarang keputusan dibuat tentangnya.

Jawapan MacMillan itu tidak memuaskan Tunku. Tunku telah mengadakan pertemuan dengan Lee Kuan Yew bagi membincang perkara tersebut. Berikut ialah gambaran yang diberikan oleh Geofroy Tory berdasarkan cerita dari Lee Kuan Yew tentang *mood* Tunku:

He found Tunku in very angry mood about Greater Malaysia, full of distrust about our motives and quite determined not to make another move until he had received in writing from us some evidence of our will to put Greater Malaysia into effect. Lee told me that he had put across all the points which you had suggested to him for this purpose but that Tunku had not been convinced. Tunku had urged Lee to go to London with Borneo Governors in order to convince H.M.G. of need of Greater Malaysia and of feasibility of implementing it quickly. Tunku had also wanted to issue jointly with Lee at the end of present talks some public statement which express dissatisfaction with British attitude.²⁶

Dalam suratnya kepada MacMillan pada 28 September, Tunku mengingatkan Perdana Menteri British itu bahawa:

...our concept of Malaysia implies the integration of the three Borneo territories on the same basis as the other existing states of the Federation of Malaya while Singapore may be merged with certain powers reserved for the state in matters of education and labour. The integration of the Borneo territories with the Federation should be agreed now and take effect before or at least simultaneously with Singapore. The main issue and in fact the only issue is whether the British Government would be ready to relinquish their sovereignty over the Borneo territories before or at least simultaneously with Singapore in favour with Malaysia. Any preliminary discussion between us would serve no useful purpose unless this issue is first settled. From my conversation with Sir Geofroy Tory I had obtained the impression that the British Government would not be able to decide until they are certain that they can get a whole hearted support from Parliament and the people of Borneo territories. I hope it is

appreciated that as far as my Government is concerned the main reason for the merger of the Borneo territories is to prevent Singapore from falling into the hands of the Communists, which we sure would happen if she were to be given independence. With the exception of the Communist elements and their proxies all Singapore politicians realise that in such an event disaster follow which will affect the rest of South East Asia. I have emphasised that my Government would not be able to carry the idea of merger of Singapore unless the Borneo territories are merged with the Federation as well. Frankly, if we are prone to think in terms of balances, even the Borneo territories would not be an adequate compensation for our trouble in the event of a merger with Singapore. Perhaps I should venture to propose that it would be best if you have a little time after some of the more serious of the world crises had blown over to visit those territories and this part in order that you may gather a first-hand information. If it is not possible for you to come here, then I would suggest that Mr. Lee Kuan Yew and the present leaders or representatives of the Borneo territories be invited to London for a discussion with you. Your visit to this area or a meeting in London with the leaders of Singapore and Borneo territories, I think would materially assist you in arriving at your decision. Our meeting should take place only after you are in a position to give a firm commitment of the British Government in favour of Malaysia. The question of the Singapore base within the framework of the mutual Defence Agreement, constitutional procedures and administration arrangements are matters which will naturally have to be sorted out once the position is clear regarding the future of these territories but these, as I have said before, are not insurmountable.

Mr. Lee Kuan Yew is worried about his position and the future of Singapore but I am afraid I cannot help him much until I have received a firm answer from you about the transfer of the sovereignty over the Borneo territories to the Federation.²⁷

Mengulas surat Tunku, M.J. Moynihan dari Pejabat Pesruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur meminta kerajaan British tidak menganggap Tunku sebagai seorang yang *iresome, greedy* ataupun seorang neokolonialis. Pada pandangannya, dengan mencantumkan Singapura dengan Tanah Melayu, Tunku telah mengambil *a very big and a nicely calculated risk*. Rakan-rakannya telah memberitahu bahawa:

The Borneo territories will not compensate him for the added problems of Singapore and he already half believes this.

With the deterioration in Lee Kuan Yew's political position and with growing fears of the eventual loss of Singapore to Communism, merger between the Federation and Singapore whether by itself or as part of a wider federation embracing the Borneo territories, began to seem to us to offer the only hope of saving Singapore and of halting a process which if not checked could undermine the freedom and stability of the whole of South East Asia.²⁸

Atas perkiraan itu, beliau menasihatkan agar kerajaan British menimbang persoalan wilayah Borneo dalam Malaysia secara praktikal.

Kedudukan Lee Kuan Yew yang semakin tergugat telah disahkan juga oleh pihak berkuasa Amerika di Singapura. Mereka berpendapat Lee Kuan Yew dan PAP tidak mungkin menang dalam pilihan raya umum dan mungkin juga akan gagal dalam pungutan suara mengenai percantuman. Bagi mengelak komunis mengambil alih kuasa melalui Barisan Sosialis, pihak berkuasa Amerika mencadangkan Lee Kuan Yew ataupun kerajaan British mengambil tindakan ke atas tokoh-tokoh komunis. Sekiranya Tunku yang mengambil tindakan, ia akan dianggap sebagai *A Malayan Government acting against Chinese*.

Dalam masa yang sama, Selkirk menasihatkan Setiausaha Tanah Jajahan British supaya memberi keputusan segera tentang percantuman wilayah Borneo dengan Tanah Melayu. Mengulas tentang kebimbangan Tunku, Selkirk percaya sekiranya skema itu *misfired*. Tunku bukan sahaja akan kehilangan peluang untuk mengawal keselamatan dalam negeri di Singapura, tetapi juga reputasinya akan turut terjejas. Maka itu, beliau berpendapat adalah penting baginya mendapatkan keputusan daripada kerajaan dengan segera berhubung dengan gagasan itu.

If I am correct in thus reading the situation, there is at least some logic in what he is doing and his move has the advantage of dispelling any suggestion that Greater Malaysia is a deep laid plot in which the Tunku is acting as British puppet. What he wants is control over the internal security of Singapore, but he cannot sell this to his Malay political supporters unless, as he says quite bluntly in his recent letter to you, he can show some weight of non-Chinese to balance the solid lump of Chinese in Singapore. I do not believe he has the slightest interest in the Borneo territories as such, except to show the people of Malaya some definite and ostensible bond of association....²⁹

Pada 4 Oktober 1961, MacMillan menjawab surat Tunku. MacMillan menegaskan sokongan kerajaan British terhadap Gagasan Malaysia yang akan merangkumi Tanah Melayu, Singapura dan tiga buah wilayah British di Borneo.

So far as we concerned, we believed that the best future for the Borneo territories lies in close political association with the federation and Singapore, and my purpose in suggesting early talks in London was to see how we could best work together with you in attaining this end. There is already a considerable body of opinion in the Borneo territories which accepts Malaysia. Malaysia as the ultimate aim, but there are anxieties, which we cannot ignore, about the form of the association and about timing. We must therefore bend our efforts, in close consultation with you, to bring the peoples of the Borneo territories freely to join with you.

I agree with you that there would be great danger to stability in the area as a whole and in Singapore in particular if the present opportunity is let slip. It is therefore urgent that you and we should consider jointly what means are best calculated to achieve our objectives as quickly as may be possible.

We have much to plan together. We shall wish to discuss with you what might be put the consultational position of the Borneo territories within a Greater Malaysia and the best means of preparing the ground in them and presenting our ideas to their peoples. Other matters are the economic development of the Borneo territories and administrative arrangements, including the staffing of the public services. It will, as you appreciate, be necessary to ensure that the future defence arrangements are on the right lines; the Australian and New Zealand Governments are of course closely concerned in this.

Imaginative plans of this kind are, I am sure, best examined in the first instance by personal discussion in the tradition of Commonwealth consultation. In this way we can insure against the misunderstandings which are liable to arise from long range correspondence.

I am very much hope therefore that, in the light of what II have said as to our attitude and approach to these matters, you will feel assured that a meeting between us will be fruitful. I understand, and agree with, your sense of urgency about the project.

There a real problems to be surmounted in bringing it about, and I am sure that much the best way of making early progress would be for us to

meet as soon as possible and talk over together how best to handle them. My colleagues and I are therefore holding ourselves in readiness for a meeting in the week beginning the 23rd October.³⁰

Bagi memuaskan kehendak Tunku, MacMillan bersetuju untuk mengeluarkan kenyataan pada 13 Oktober.

Tunku Abdul Rahman, Prime Minister of the Federation of Malaya, has accepted an invitation from the Prime Minister to come to London early in November for exploratory talks about the Tunku's suggestion for a closer future association between the Federation, Singapore, North Borneo, Brunei and Sarawak.

These discussions will naturally take into account the proposals published recently in Singapore and Malaya for a merger of these two territories.

Her Majesty's Government have welcomed Tunku Abdul Rahman's constructive proposals which would bring the Federation of Malaya, Singapore, Brunei, North Borneo and Sarawak into close political and economic association. Obviously this idea has great possibilities for the well-being of all territories involved. The many important implications of such a far-reaching scheme as well as its form and timing need careful consideration. The object of the discussions with Tunku Abdul Rahman is to reach an understanding with him on the broad issues and prepare the way for consultation with the Borneo territories, without which no commitment can be entered into.³¹

Sementara itu, dua orang pemimpin Borneo Utara, Donald Stephens dan Datu Mustapha yang sebelum ini dikatakan ber-canggah pendapat, telah mengeluarkan kenyataan bersama tentang sokongan kuat mereka terhadap kemasukan Borneo Utara ke dalam Persekutuan Malaysia.

They want to join Malaysia as soon as possible. Days of colonialism are numbered and they want self-government and independence. The British Government can help by giving them self-government as soon as possible. The people's representatives not the British Government should negotiate Malaysia. North Borneo and Sarawak can get closer by union or federation; but if this means delay, North Borneo should come to understanding with Malaya. They are confident that the people of Sarawak will want to join to Malaysia if they are told the truth.³²

Keputusan MacMillan untuk mengadakan rundingan di London memuaskan Tunku. Dalam suratnya kepada MacMillan pada 8 Oktober 1961, Tunku mengingatkan bahawa:

The essential point is the transfer of British sovereignty over North Borneo Territories to Malaysia for the Federation of Malaysia and this should be done before or at least simultaneously with the merger of Singapore.³³

Tambahnya lagi:

I am deeply appreciative of the personal interest you have taken in what may be regarded as a matter for common endeavour. There are difficulties which we must resolve arising out of anxieties of people of these territories. However, this is nothing new as we had to go through all these difficulties ourselves before independence. Much of these fears can be removed if the advantages rather than the disadvantages could be emphasised and the British Government would unreservedly commend the proposal of Malaysia to the Borneo Territories. Of course, the ideal way would be to seek the opinions and views of responsible people there but as you have already acknowledged we do not have this much time at our disposal. I am sure you agree that we have to resort to the process of telescoping time by some crash programme. But such bold steps will I am certain prove advantageous.

As you are already aware we have to reckon with the fact that the status of Singapore would be the subject of review in 1963. It cannot be ruled out that Mr. Lee Kuan Yew's Government might not last long and a general election might perhaps return a Government not so well disposed towards the merger of Singapore with the Federation or vice versa. This is therefore makes me feel that we cannot wait for 1963 but that Malaysia should be brought into being as early as reasonably convenient to both our Governments. Hence my anxiety that there should be a firm commitment on the part of the British Government now in the belief that a delay might defeat our common objective.³⁴

Memandangkan rundingan akan berlangsung di London antara Tunku dengan MacMillan pada 14 Oktober, Selkirk telah mengingatkan Reginald Maudling, Menteri di Pejabat Tanah Jajahan, bahawa:

Tunku will want to carry discussions, and a measure of agreement, a good deal further than perhaps H.M. Government appreciate at the

present time. These negotiations will require a great deal of tact, rather than hard bargaining. If we start the latter, I have little doubt that the negotiations will fail. We can be sure that in that event, every effort will be made to blame this break down on us.³⁵

Mengenai pangkalan tentera, Selkirk berpendapat adalah tidak praktikal pada ketika itu untuk mempunyai pangkalan tentera di sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tanpa mempedulikan dasar luar negara berkenaan. Dalam hal ini, Selkirk tegas lagi, kerajaan British juga mungkin tidak bersetuju Amerika mempunyai pangkalannya di Britain. Dari segi itu Persekutuan hendaklah bertanggungjawab ke atas pertahanannya dengan bantuan daripada kerajaan British. Beliau tidak bersetuju pihak British terus menekan Tunku tentang perkara itu. Walau bagaimanapun, beliau percaya kerajaan Persekutuan dan Singapura akan menerima konsep pangkalan tentera Komanwel.

Sehubung dengan wilayah Borneo, Selkirk percaya pihak British akan menghadapi masalah selagi Tunku berpendapat bahawa beliau lebih tahu tentang wilayah itu daripada Gabenor British.

Bagi mengatasi kesukaran itu, Selkirk mencadangkan satu persidangan khas diadakan bagi menemukan Tunku dengan para wakil Borneo Utara sebaik sahaja rundingan di London selesai. Persidangan ini akan meletakkan asas perlembagaan tentang hubungan antara wilayah dalam Persekutuan baru itu. Dengan itu juga sekiranya Tunku dan para wakil Borneo membuat kesilapan, kerajaan British akan dapat melepaskan diri.

Pada 16 Oktober 1961, Tunku mengemukakan usul di Parlimen tentang gagasan Malaysia. Tunku meminta Parlimen memberi persetujuan secara prinsip terhadap konsep Gagasan Malaysia serta mengesahkan usaha kerajaan untuk menjayakannya. Dalam usul itu Tunku menjelaskan dengan terperinci tentang konsep Malaysia.

I will now deal with the concept of Malaysia in relation to the British Government. Having decided on the plan for Malaysia here, our next move was to sound out the British representatives in this region. The response was encouraging. The British felt that it would provide for the political stability of South-East Asia and so I finally brought it up with the British Prime Minister direct. I have therefore forwarded the memorandum pertaining to this plan to the Prime Minister himself. The reply received from the British Prime Minister also encouraged me to carry on with the discussion further with the Prime Minister of Singapore. Britain,

however, would give the proposal with regard to the merger with Singapore a close study taking into account a number of different aspects connected with the merger. In particular I feel that they are most anxious about the question of the continued use of the important base in Singapore as a SEATO base, as they were committed under the SEATO treaty to provide a base in Singapore, though the Prime Minister has not said as much. Particularly with the situation as it is in South-East Asia they feel that there is an absolute necessity for Britain to maintain confidence in this part of the world, and nothing should be done which might commit themselves on the Borneo territories because, according to them, its question needs a lot of thinking about before the idea of finding an eventual political link-up with Malaya can be decided, but that they recognised the fact that there are similarities both as to form of administration and finance and cultural characteristics obtaining in both the territories of Borneo and the Federation. They did not want to be the sole arbiter in deciding the fate of the people of these territories without having first consulted them. However, the British Prime Minister would welcome my visit to London to discuss the various aspects with him. According to him it would be a mistake to force the pace for such development without the agreement of the Borneo people themselves. From what I can see and from the exchange of correspondence between the British Prime Minister and myself, he would welcome the idea of a merger by Singapore as soon as these territories are ready, but I still detected the note of anxiety over the Singapore base for he is a little hesitant on the idea of having up their bases for SEATO purposes. However he appears to be willing to relieve Britain of her responsibility over Singapore, by allowing Singapore to merge with Malaya, but would not be ready to part company with the Borneo territories just yet. In the circumstances I felt that a talk would not bring fruitful results, until Britain agreed on the basis for discussion and I told the British Prime Minister so. To my mind the basis for discussion would, firstly, be the agreement of the use of the Singapore not for SEATO purposes. Secondly, the transfer of the sovereignty over the state of Singapore and the Borneo territories to the Federation of Malaya to Form the Federation of Malaysia. When these were agreed to I will proceed to England to discuss the question with the British Prime Minister. On the 3rd of October I received a message from the British Prime Minister in which he said that there is a wide measure of agreement us on this plan of Malaysia, in that the British Government would incorporate the Federation of Malaya, Singapore and the three Borneo territories. And they agreed that the best future of the Borneo territories would lie in close political association with the Federation and Singapore, that it would be necessary for me to go to London as early as possible to have a talk with him so that we could

best work together in the attainment of this plan. And it was suggested that in this way we could ensure that any misunderstandings might arise from a long-range correspondence would be avoided. I have therefore decided to go to London on the 7th of November, but I feel loath to do so without the support of the House. Hence my motion.³⁶

Kenyataan Tunku di Parlimen tidak disenangi oleh kerajaan British kerana ia mendedahkan *details of confidential exchanges* antara Tunku dengan MacMillan. Geofroy Tory telah menyampaikan pesanan MacMillan kepada Tunku pada 20 Oktober 1961.

I said we were coming under pressure in Parliament and from friends and allies to explain what we were up to with Tunku as base and it was awkward for us to avoid adopting positions which would hamper us in arriving at practical solution.³⁷

Tunku menjelaskan bahawa beliau berbuat demikian adalah bertujuan bagi mendapatkan sokongan ahli-ahli parlimen terhadap gagasan Malaysia. Walau bagaimanapun, beliau berjanji *to be more discreet from now on*.

Semasa berucap di Persidangan UMNO pada 4 November, Tunku memberi jaminan bahawa rundingan di London akan berjaya. Walau bagaimanapun, Tunku menjelaskan kerajaan British perlu terlebih dahulu mendapatkan pandangan penduduk-penduduk seperti yang dituntut oleh Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pada masa yang sama, Pejabat Komenwel meminta Geofroy Tory mengingatkan Tunku bahawa penyerahan kedaulatan British ke atas wilayah Borneo bukanlah mudah dan tidak mungkin akan berlangsung dalam masa yang singkat selepas rundingan London. Pejabat Komanwel menekankan bahawa

That Greater Malaysia cannot be arbitrarily imposed in this way and that there must be enough time to enable us to carry Borneo populations with us on transfer and to make necessary arrangements. What we cannot do is to be committed firmly now to arbitrary dates, which would merely create unnecessary problems for the future.³⁸

Mengikut Pejabat Komanwel lagi, rundingan itu hanya bertujuan untuk mengkaji secara menyeluruh masalah wilayah Borneo yang dianggap kompleks dan *real*, dan cuba bekerjasama dengan Tunku bagi memastikan *of effecting transfer in a smooth manner which will carry Borneo peoples with us*.

Kertas Putih Kerajaan Singapura

Pada 11 November 1961 Tunku telah mengesahkan Kertas Putih yang dikeluarkan oleh kerajaan Singapura. Kertas itu menggariskan rangka perlombagaan yang digubal oleh Jawatankuasa Kerja Bersama antara Tanah Melayu-Singapura.

Kertas Putih itu menyatakan persetujuan kedua-dua pemimpin untuk menjadikan Singapura sebuah negeri dalam Persekutuan, tetapi dengan syarat-syarat istimewa dan bidang kuasa otonomi yang lebih luas daripada negeri-negeri lain. Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa ke atas pertahanan, hubungan luar negeri dan keselamatan. Manakala Singapura mempunyai kuasa ke atas Pendidikan dan Buruh.

Singapura juga diberikan jaminan untuk mengekalkan taraf pelabuhan bebasnya serta dibenarkan mengekalkan sebahagian besar daripada pendapatan negeri (kira-kira 75 peratus) berasaskan kepada persetujuan bersama ini.

Hak asasi dan hak keistimewaan orang-orang Melayu di Singapura akan dikekalkan.

Perkhidmatan kehakiman dan perundangan akan menjadi sebahagian daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan. Kawalan mutlak ke atas kehakiman terletak pada Ketua Hakim Persekutuan di Kuala Lumpur.

Majlis Legislatif Singapura akan terus berfungsi sebagai Majlis Legislatif Negeri, tetapi dengan bidang kuasa yang berkurangan. Perkhidmatan Awam akan dikekalkan sebagai perkhidmatan awam negeri.

Hak kerakyatan berasingan dan hak mengundi akan dikekal, tetapi dalam aspek-aspek lain warga Singapura akan menikmati hak nasional yang sama, seperti pasport dan warga Persekutuan.

Juga dipersetujui sekiranya Singapura menyertai Persekutuan setaraf seperti dengan negeri-negeri lain, ia berhak untuk mempunyai 20 buah kerusi di parliment. Bagaimanapun, memandangkan Singapura telah diberi hak otonomi yang lebih dibandingkan dengan negeri-negeri lain, maka telah dipersetujui bilangan kerusi parliment untuk Singapura berjumlah 15 kerusi sahaja.

Sementara itu, Lee telah memaklumkan kepada Tunku bahawa anasir-anasir Komunis sedang merancang untuk menganjurkan mogok dan kekacauan di Singapura. Dengan berbuat demikian,

mereka berharap kerajaan Singapura akan menggunakan anggota tentera British atau Eropah untuk mematahkan mogok atau kekacauan. Lee berharap, sekiranya kekacauan berlaku, Tunku akan mengirim pasukan Persekutuan, bukan rejimen askar Melayu untuk mengawal keadaan. Tunku keberatan memenuhi permintaan Lee sebelum British menyerahkan kedaulatannya. Tunku berpendapat sekiranya pasukan tentera Persekutuan digunakan di Singapura, ia pasti akan memberi kesan buruk kepada pandangan awam di wilayah Borneo berhubung dengan gagasan Malaysia.

Rundingan London

Seperti yang diputuskan oleh Tunku, rombongan Malaysia pimpinan beliau bertolak ke London pada 16 November 1961. Turut serta dalam rombongan itu ialah Tun Abdul Razak, Tan Siew Sen, Ghazali Shafie dan Kadir Samsuddin.

Rundingan antara Tunku dengan Perdana Menteri British, MacMillan, berlangsung di London pada 19 hingga 21 November 1961.

Rundingan bermula dengan Perdana Menteri MacMillan meminta Tunku menjelaskan sebab-sebab beliau bersetuju untuk mencantumkan Singapura dengan Persekutuan.

Tunku Abdul Rahman said that for a long time he had hesitated to agree to the proposals of the Prime Minister of Singapore, Mr. Lee Kuan Yew, for a merger between the Federation and Singapore. Mr. Lee Kuan Yew had, however, succeeded in convincing him of the danger to which the Federation would be exposed if Singapore became separately independent and, as was probable in that event, came under communist control. This, and the renewal of communist aggression in the countries to the north of Malaya, had satisfied him that he ought to come to some arrangement with Mr. Lee. As a result they had agreed upon the principle of merger between their two countries, and a working party had been set up to work out the way in which this might be arranged. The conclusions of the working party, which had been agreed to by both Mr. Lee and himself, were embodied in a White Paper.³⁹

Tunku menghuraikan kandungan Kertas Putih tersebut yang memperakui kedudukan istimewa Singapura berbanding dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan itu.

Seterusnya, Setiausaha bagi Hal Ehwal Komanwel menanya Tunku tentang apa yang akan berlaku kepada cadangan percan-

tuman, sekiranya kerajaan PAP tumbang. Tunku menjawab dengan nada positif bahawa dengan sokongan wakil Parti Perikatan dan Parti Perikatan Singapura, kerajaan PAP mampu untuk bertahan sehingga pilihan raya umum pada tahun 1963. Sungguhpun begitu, beliau tidak menolak kemungkinan PAP akan tumbang memandangkan ia hanya mempunyai majoriti yang kecil di Majlis Mesyuarat Legislatif. Jesteru itu, tegas Tunku, rancangan pembentukan *Greater Malaysia* itu perlu disegearkan. Beberapa perkara pokok tentang 'Malaysia' telah dibincangkan.

Perbincangan selanjutnya berkisar mengenai pangkalan tentera British di Singapura dan Borneo. Mengenai pangkalan tentera British di Singapura, kedua-dua kerajaan bersetuju bahawa apabila Persekutuan Malaysia dibentuk, sebuah perjanjian baru akan dimeterai dan akan memberarkan kerajaan British mengekalkan pangkalan itu bagi membantu mempertahankan Malaysia dan negara-negara Komanwel serta keamanan di Asia Tenggara.

Rundingan itu mencapai persetujuan untuk menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat bagi meninjau pandangan penduduk Borneo terhadap cadangan Malaysia. Suruhanjaya ini akan dipengerusi oleh seorang yang akan dilantik bersama oleh kedua-dua kerajaan dan mengandungi empat orang ahli. Laporan Suruhanjaya ini akan menjadi asas kepada kedua-dua kerajaan untuk memutuskan skema Persekutuan itu.

Pada 23 November 1961, Perdana Menteri MacMillan dan Tunku telah mengeluarkan kenyataan bersama.

In a series of meetings in London this week British and Malayan Ministers examined the proposal to create a 'Federation of Malaysia' which would embrace the Federation of Malaya, Singapore, North Borneo, Sarawak and Brunei.

In the light of a full study of the problem which has been going for some months, the British and Malayan Government are convinced that this is a desirable aim.

The Ministers took note with satisfaction of the heads of agreement recently negotiated between the Governments of Malaya and Singapore for the merging of the State with the Federation.

Before coming to any final decision it is necessary to ascertain the views of the peoples of North Borneo and Sarawak. It has accordingly been decided to set up a Commission to carry out this task and to make

recommendations. The Commission will be composed of a Chairman and four members, two nominated by the British Government and two Malayan Government. In the light of the Commission's report the two Governments will decide what further steps should be taken.

At the same time the views of the Sultan of Brunei are being sought.

In regard to defence matters it was decided that, in the event of the formation of the proposed Federation of Malaysia, the existing Defence Agreement between Britain and Malaya should be extended to embrace the other territories concerned. It was, however, agreed that the Government of the Federation of Malaysia will afford to the Government of the United Kingdom the right to continue to maintain bases at Singapore for the purpose of assisting in the defence of Malaysia, and for Commonwealth defence and for the preservation of peace in South East Asia.⁴⁰

Nota

1. Kuala Lumpur - CRO, 31 Mei 1961, PREM 11/3418.
2. Kuala Lumpur - CRO, 3 Jun 1961, PREM 11/3418.
3. Minit Iain MacLeod kepada Perdana Menteri British, 6 Jun 1961, PREM 11/3418.
4. CRO - Kuala Lumpur, 5 Jun 1961, PREM 11/3418.
5. *Meeting of the Grand Design, June 26, 1961*, CO 1030/981.
6. Ibid.
7. Lord Selkirk - Iain MacLeod (CO), 27 Jun 1961, PREM 11/3418.
8. Ibid.
9. Ibid.
10. Tunku Abdul Rahman - Harold MacMillan, 26 Jun 1961, PREM 11/3418.
11. Ibid.
12. CRO - Kuala Lumpur, 28 Jun 1961, PREM 11/3418.
13. *Note of Meeting: The Possible Future Political Association of the Federation of Malaya, Brunei, Sarawak and North Borneo, Colonial Office, 5 July 1961*, CO 1030/980.
14. *Note of Meeting: The Possible Future Political Association of the Federation of Malaya, Singapore, Brunei, Sarawak and North Borneo, Colonial Office, 7 July 1961*, CO 1030/980.
15. *Note of Meeting: The Possible Future Political Association of the Federation of Malaya, Singapore, Brunei, Sarawak and North Borneo, 11 July 1961, Colonial Office*, CO 1030/980.
16. Minit Duncans Sandy kepada MacMillan, 31 Julai 1961, PREM 11/3418.
17. CRO - Kuala Lumpur, 3 Ogos 1961, CO 1030/981.
18. Kuala Lumpur - CRO, 5 Ogos 1961, CO 1030/981.
19. Ibid.

20. Tunku Abdul Rahman kepada Harold MacMillan, 11 Ogos 1961, PREM 11/3418.
21. Kuala Lumpur - CRO, 25 Ogos 1961, PREM 11/3418.
22. Singapore - CO, 6 Sept. 1960, CO 1030/982.
23. Kuala Lumpur - CRO, 6 Sept. 1961/CO 1030/982.
24. Ibid.
25. CRO - Kuala Lumpur, 24 Sept. 1961, PREM 11/3422.
26. Kuala Lumpur - CRO, 29 Sept 1961, PREM 11/3422.
27. Ibid.
28. Singapore - CO, 28 Sept 1961, PREM 11/3422.
29. Selkirk - Harlod MacMillan, 3 Okt 1961, PREM 11/3422.
30. CRO - Kuala Lumpur, 4 Okt 1961, PREM 11/3422.
31. Kuala Lumpur - CRO, 13 Okt. 1961, PREM 11/3422.
32. North Borneo - CO, 4 Okt 1961, PREM 11/3422.
33. Kuala Lumpur - CRO, 7 Okt 1961, PREM 11/3422.
34. Ibid.
35. Selkirk - Reginald Mauding, 14 Okt. 1961, PREM 11/3422.
36. Kuala Lumpur - CRO, 17 Okt. 1961, PREM 11/3422.
37. Kuala Lumpur - CRO, 20 Okt. 1961, PREM 11/3422.
38. CRO - Perwakilan, 10 Nov. 1961, CO 1030/985.
39. Extract: GMD (B) (61) 1ST. Meeting, 20 Nov. 1961, CO 1030/996.
40. Joint Statement by the Government of the United Kingdom and of the Federation of Malaya, November 1961, CAB 129/107.

BAB 3

Gagasan Malaysia dan Reaksi Indonesia

Oleh kerana Indonesia merupakan jiran tetangga yang rapat dengan Tanah Melayu, maka Tunku selepas mengumumkan tentang Gagasan Malaysia pada 27 Mei 1961, mengambil initiatif memberitahu Indonesia tentang cadangan penubuhan Malaysia supaya tidak menimbulkan sebarang masalah. Kedudukan istimewa Indonesia dalam dasar luar Tanah Melayu memerlukan Tanah Melayu berbuat demikian. Pihak Indonesia pula tidak memberi jawapan yang jelas tentang pendirian mereka terhadap Gagasan Malaysia. Malah, Dr. Subandrio berkata, persoalan Malaysia adalah persoalan penduduk di wilayah yang terbabit untuk menentukannya. Kerajaan British, melalui Lord Selkirk, Pesuruhjaya Jeneral British bagi Asia Tenggara, dan Sir Leslie Fry, Duta Besar British di Indonesia, juga telah menjelaskan kepada Dr. Subandrio tentang konsep Malaysia pada awal bulan Ogos 1961. Dr. Subandrio memberi jaminan bahawa Indonesia tidak berhasrat untuk menuntut sebarang wilayah British di Borneo. Jaminan itu diulang sekali lagi oleh Dr. Subandrio semasa berucap di Majlis Perhimpunan PBB pada 20 November 1961.

...when told us of her intention to merge with the three British Crown Colonies of Sarawak, Brunei and British North Borneo as one federation, we told them that we have no objections and that we wished them success with this merger so that everyone may live in peace and freedom... Naturally ethnologically, and geographically speaking, this British part is closer to Indonesia than, let us say, to Malaya. But we still told Malaya that we have no objections to such a merger based upon the will for freedom of the peoples concerned.¹

Duta Besar Indonesia ke Tanah Melayu, Lt. Jeneral Djatikusomo, telah mengukuhkan lagi jaminan Dr. Subandrio dengan mengatakan bahawa jika Malaysia akan membawa

kestabilan politik dan menjamin keselamatan wilayah-wilayah tersebut, maka Indonesia akan menyokong cadangan itu, malah menganggap idea itu sebagai yang terbaik.

Kenyataan Dr. Subandrio dan Djatikusomo menggembirakan Tunku. Pada 23 November 1961, kerajaan British dan Tanah Melayu telah mengeluarkan kenyataan menyokong cadangan penubuhan Malaysia. Ekoran persetujuan itu, sebuah Suruhanjaya Bersama British-Tanah Melayu telah dibentuk bagi meninjau pandangan penduduk-penduduk di wilayah yang terlibat. Suruhanjaya itu dipengerusikan oleh Lord Cobbold.

Suruhanjaya Cobbold memulakan tugasnya pada bulan Februari 1962. Pada 1 Ogos 1962, Suruhanjaya itu mengeluarkan laporannya. Suruhanjaya Cobbold membuat kesimpulan bahawa dua pertiga daripada rakyat Sabah dan Sarawak ingin menyertai Malaysia, manakala bakinya menyokong pemerintahan British.

Britain dan Tanah Melayu telah menerima laporan itu. Pada bulan Ogos 1962, Jawatankuasa Antara Kerajaan yang dipengerusikan oleh Lord Lansdowne ditubuhkan untuk menggubal perlembagaan. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat di Jesselton, Kuching dan Kuala Lumpur untuk membincang peraturan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia. Cadangan Suruhanjaya itu kemudian dibahaskan di Majlis Mesyuarat Negeri dan diterima dengan sebulat suara. Soal Malaysia menjadi agenda penting dalam pilihan raya di Sabah dan Sarawak. Parti-parti yang menyokong gagasan itu mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya tersebut.

Sementara itu, di Singapura, Lee Kuan Yew mengadakan pungutan suara terhadap penyertaan Singapura ke dalam Malaysia. Lebih 70 peratus daripada rakyat Singapura menyokong Malaysia.

Sultan Brunei juga memberi sokongan kepada Gagasan Malaysia, tetapi baginda belum mengambil keputusan muktamad untuk menyertainya. Bagaimanapun, Parti Rakyat yang menguasai Majlis Perundangan Brunei, walaupun tidak menunjukkan sebarang tentangan langsung terhadap Gagasan Malaysia, menyuarakan hasratnya untuk melihat wilayah-wilayah Borneo harus bersatu di bawah pemerintahan Sultan Brunei sebelum menyertai Malaysia.

Setelah mencapai persetujuan, Tanah Melayu dan Britain menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Namun demikian,

menjelang akhir tahun 1961, suara anti-Malaysia mula kedengaran. Akhbar dan parti-parti di Indonesia mula menyuarakan bantahan mereka terhadap Gagasan Malaysia. *Bintang Timor*, umpamanya, mengkritik pembentukan Malaysia atas alasan ia akan menguatkan lagi kedudukan tentera British di Asia Tenggara dan menguasai kepentingan sumber alam Brunei, Sarawak dan Sabah melalui saluran neokolonialisme. Dalam satu perhimpunan Jawatankuasa Pusat, Parti Komunis Indonesia (PKI) ketiga, yang diadakan pada 30 dan 31 Disember 1961, meluluskan satu resolusi menentang penubuhan Malaysia. Resolusi itu, antara lain menegaskan:

By establishing this Federation, the British Colonies intend to utilise native hands, particularly those of the Prime Minister of this Federation of Malaysia to suppress the democratic and patriotic movements of the peoples in these five countries which aim at the attainment of genuine national independence and freedom from imperialism.²

Suara menentang Gagasan Malaysia semakin nyaring apabila masalah Irian Barat selesai pada bulan Ogos 1962. Dr. Ali Sastroamidjojo, bekas Perdana Menteri dan bekas Pengurus Persidangan Afro-Asian di Bandung pada tahun 1955, mengeluarkan kenyataan akhbar di Semarang pada 12 September 1962 bahawa Indonesia mesti mengikuti perkembangan itu secara dekat untuk menentukan sama ada Malaysia itu menguntung atau merugikan rakyat Indonesia. Ini kerana Indonesia dan Malaysia akan mempunyai sempadan yang sama di Borneo. Beliau juga menolak kenyataan Dr. Subandrio bahawa Indonesia tidak mempunyai tuntutan wilayah di luar bekas tanah jajahan Belanda di Hindia-Timur.

Kenyataan tersebut ternyata mengecewa dan menyenggung perasaan Tunku. Dengan itu tidaklah hairan apabila Tunku menjawab dengan nada yang agak keras terhadap kenyataan tersebut.

Whether a view expressed by this person (Sastroamidjojo) represents those of Indonesian Government, I am unable to say. But he seems to be an important person in Indonesia. I fail to understand in what manner Malaysia can be of advantage or disadvantage to Indonesia. We have existed as an entity for many years. We have no quarrel with Indonesia nor have we attempted in any way to interfere with their affairs. Everybody is free to follow developments on Malaysia. But I say categorically: keep your hands out of our affairs.³

Kenyataan Tunku ternyata berkesan. Dr. Subandrio membela dengan menyatakan bahawa "seseorang itu mesti menghindar daripada membuat kenyataan awam kerana perlu disedari bahawa persoalan tersebut menjadi kontroversi nasional, perhubungan antara negara akan terjejas". Apabila diminta memberikan penjelasan tentang kenyataan itu, Dr. Subandrio menjawab bahawa Indonesia tidak mampu untuk berdiam diri dengan perkembangan tersebut:

If everything goes on smoothly, then we shall not be concerned – it is their business. But if the things goes wrong, then we must take notice to protect our interests.⁴

Beliau memberi contoh, sekiranya pangkalan Amerika dibuka di Malaysia, Indonesia akan meminta pula pihak Soviet Union membuka pangkalannya di mana-mana tempat di Borneo.

Sementara itu, Presiden Soekarno dalam satu himpunan di Jakarta menegaskan, perjuangan Indonesia menentang penjajahan masih lagi belum tamat, walaupun isu Irian Barat telah selesai. Perjuangan menentang penjajahan mesti diteruskan kerana Indonesia masih dikelilingi oleh imperialisme dan *Old Established Forces*.

Semenjak itu hubungan antara Tanah Melayu dengan Indonesia menjadi dingin. Perang mulut semakin menjadi-jadi dan merupakan bibit-bibit awal konfrontasi antara kedua-dua buah negara serumput. Keadaan menjadi lebih goyah lagi apabila tercetusnya pemberontakan di Brunei pada awal bulan Disember 1962.

Pemberontakan di Brunei dan Reaksi Indonesia

Pemberontakan yang tercetus pada 8 Disember 1962 di Brunei oleh Parti Rakyat pimpinan A.M. Azahari adalah bantahan terhadap kerajaan British. Kerana tidak memberi rakyat Borneo hak untuk menentukan nasib sendiri, sebaliknya memaksa mereka menyertai Malaysia (Husainmiya 1995). Ketika pemberontakan itu, Azahari berada di Manila dalam perjalannya ke New York bagi mengemukakan bantahan. Pemberontakan di Brunei telah diperalat sepenuhnya oleh pihak Indonesia, termasuk badan-badan politik seperti Parti Komunis Indonesia (PKI), Kesatuan Sekerja dan Barisan Bersatu, Partindo Indonesia untuk menghasut

penduduk tempatan menolak hasrat Brunei menyertai Malaysia. Pada 15 Disember 1962, Presiden Soekarno mengumumkan sokongan beliau kepada pemberontakan tersebut. Beliau menyifatkan pemberontakan itu sebagai mencerminkan perjuangan "kemunculan kuasa-kuasa baru" yang disokong oleh Indonesia. Brigadier-Jeneral Sambas Atmadinata, Menteri Hal Ehwal Veteran pula telah mengeluarkan arahan kepada anggota veteran perang supaya bersiap sedia untuk menjalankan tugas-tugas khas akibat daripada kekacauan di Brunei.

Sokongan terbuka Indonesia terhadap perjuangan pembebasan rakyat Kalimantan telah mencetus kemarahan Tunku Abdul Rahman. Pada 11 Disember 1963, Tunku Abdul Rahman dalam pengumuman di Dewan Rakyat, mendakwa pihak Indonesia terlibat dalam pemberontakan tersebut berdasarkan laporan sulit. Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU), telah mendapat latihan tentera di Malinau, Indonesia selama beberapa bulan sebelum mereka melancarkan pemberontakan. Beliau juga mendakwa bahawa latihan tersebut ditaja oleh pihak Komunis dan pihak berhaluan kiri di Indonesia.

Pihak Indonesia menolak tuduhan itu dan menegaskan apa yang berlaku di Brunei adalah perjuangan rakyat untuk memperolehi kemerdekaan. Dalam kenyataan yang dikeluarkan di Singapura, Dr. Subandrio menuduh Tunku cuba memutarbelitkan isu. Katanya:

The Prime Minister of Malaya without any investigation immediately put the blame on Indonesia, despite the fact that the British C.I.C the FARELF did not see any evidence of Indonesia participation in this question.

We only want that the P.M. of Malaya to be straight with Indonesia. If he wants friendly relations on our part it has always been that way, it is and we will be always our aim.

On the other hand if the Prime Minister of Malaya is determined to use any occasion, any opportunity to be hostile toward Indonesia, then there is no alternative for us but to accept the challenge of the P.M. of Malaya. I regret that I am forced to make this statement but there must be an end to the humiliating statement of the P.M. of Malaya towards Indonesia.⁵

Perbalahan antara Tanah Melayu dengan Indonesia berhubung dengan pemberontakan Brunei mendapat perhatian serius

pihak British. Lord Selkirk berpendapat bahawa sikap dan aksi Indonesia adalah jelas bertujuan untuk menjelaskan penubuhan Malaysia. Mengikut maklumat yang diterima, Lord Selkirk percaya bahawa Indonesia mempunyai anggota gerila yang cukup untuk diseludup ke dalam wilayah Borneo bagi mencetuskan kekacauan. Bimbang dengan perkembangan itu, Lord Selkirk mencadangkan supaya kerajaan British mengemukakan bantahan secara formal kepada kerajaan Indonesia serta menegaskan kerajaan British menyokong dengan tegas kemasukan wilayah Borneo ke dalam Persekutuan Malaysia.

Cadangan Selkirk diterima. Pada 24 Disember 1962, Leslie Fry, Duta Besar British di Jakarta, telah menyerahkan kepada Dr. Leimena, Timbalan Perdana Menteri, perutusan khas Setiausaha Luar British, Lord Home sehubung dengan kebangkitan di Brunei. Tegas Home:

Many of these statements have, I think, been made under a misapprehension of reports on the situation. The trouble in Brunei is not a dispute between a liberation movement and a colonial Power. The declared object of the rebels is to establish a State under their leadership comprising the three Northern Borneo territories. But support for this movement is virtually confined to a minority in the small State of Brunei. Brunei itself is not a colony and has only 85,000 inhabitants. Azahari has no right to speak for the half million people of North Borneo or the three-quarters of a million people in Sarawak whose leaders have indignantly repudiated him. Nor do Her Majesty's Government have any desire to maintain their rule in these two territories. As you know, we hope their peoples will join the new federation of Malaysia. Our intervention in Brunei, which has always been an autonomous State and not a Colony, was made only at the request of the Brunei Government, who are entirely free to make their own decision about Malaysia. In the interest of future Anglo-Indonesia, friendship, I hope you will bring these facts to the attention of your colleagues in the Indonesian Government.⁶

Semasa menyerahkan surat itu, Fry secara tidak langsung menyatakan bahawa pihak British mempunyai bukti bahawa setengah daripada anggota pemberontak itu telah dilatih di wilayah Indonesia. Sebelum pemberontakan itu berlaku, Azahari dan wakil Indonesia, termasuk Konsol Indonesia di Jesselton telah melawat Jakarta. Pada bulan Mac hingga September 1962, terdapat antara 17 hingga 50 orang pemuda merentas sempadan ke Kalimantan. Pada bulan September pihak Polis di Sarawak

menemui surat yang dihantar dari Indonesia kepada orang-orang tertentu di Brunei memohon bantuan pakaian.

Dr. Leimena tidak dapat menerima dakwaan tersebut, sebaliknya menegaskan Indonesia tidak mempunyai hasrat untuk menguasai ataupun mencantumkan sebarang wilayah di Borneo Utara dengan Indonesia. Indonesia berharap ketiga-tiga wilayah tersebut akan mewujudkan sebuah negara merdeka. Indonesia juga tidak puas hati dengan campur tangan tentera British di Brunei. Fry menjawab bahawa soal masa depan ketiga-tiga wilayah itu adalah hak penduduk di wilayah itu untuk menentukan dan Indonesia tidak mempunyai hak untuk campur tangan. Sehubung dengan campur tangan tentera, Fry menegaskan tindakan itu diambil adalah semata-mata untuk menghalang Azahari daripada menguasai wilayah tersebut secara kekerasan.

Pada akhir pertemuan, Fry mengingatkan Dr. Leimena sekiranya konsep Malaysia gagal ia adalah berpunca daripada campur tangan Indonesia. Kerajaan British akan menunaikan tanggungjawabnya untuk mempertahankan kedaulatan tiga wilayah Borneo daripada sebarang campur tangan luar.

Pada 31 Disember 1962, Fry berkesempatan bertemu dengan Dr. Subandrio. Secara terus terang Fry menyoal Dr. Subandrio, mengapa Indonesia menghalang Britain daripada menunaikan tanggungjawabnya untuk membebaskan tiga wilayah itu daripada penjajah, sedangkan soal itu menjadi agenda utama dasar Indonesia. Dr. Subandrio tidak membantah sebaliknya bersetuju dengan hujah Fry. Bagaimanapun, beliau menyalahkan Tunku kerana mencetuskan perbalahan itu. Tunku seringkali memburukkan Indonesia. Sekiranya Tunku tidak berpuas hati dengan kehadiran Azahari di Indonesia, mengapa pihak Tanah Melayu tidak memaklumkan kepada kerajaan Indonesia tentang soal itu melalui saluran diplomatik.

Indonesia Mengambil Sikap Berkonfrontasi

Ingatan dan bantahan pihak British tidak dihirau langsung oleh pucuk pimpinan Indonesia. Semasa berucap di Jogjakarta pada 20 Januari 1963, Dr. Subandrio dengan rasmi mengisyiharkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu. Alasannya bahawa Tanah Melayu adalah kuda tunggangan kuasa kolonialis dan imperialis yang mempunyai niat buruk terhadap Indonesia.

We cannot but adopt a policy of confrontation against Malaysia because at present they represent themselves as accomplices of the neo-colonialists and the neo-imperialists pursuing a hostile policy towards Indonesia.

It is regrettable indeed that we have to adopt such a policy against our neighbour which we have always regarded as friend and brother. But our patience towards Malaya is running out as they keep on launching their antagonistic policy towards us.⁷

Tunku menganggap kenyataan Subandrio itu sebagai serius. Kata Tunku:

If the report is correct, it amounts to a direct attack on Malaya.⁸

Kenyataan Subandrio itu dijawab oleh Tanah Melayu. Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada 9 Februari 1963, Perkhidmatan Penerangan menegaskan bahawa orang Tanah Melayu tidak bermusuhan dengan orang Indonesia. Orang Indonesia pada umumnya adalah baik dan ingin meneruskan hubungan mesra dengan Tanah Melayu. Yang menjadi penghalang ialah PKI. Sikap permusuhan dan serangan agresif terhadap Tanah Melayu adalah hasil usaha PKI. Kenyataan itu juga mengingatkan Indonesia bahawa dasar konfrontasi itu akan merugikan negara itu dan hanya menguntungkan PKI.

If Dr. Subandrio and some of the other present leaders in Indonesia continue with their hostile policy of 'confrontation' against Malaya, the economic and social conditions in Indonesia can only get worse. That is why the Communists in Indonesia are fanning the hatred against Malaya and Malaysia. The worsening economic and social conditions in Indonesia will work 'in their favour and hasten the take over of Indonesia by the Communists'.⁹

Seterusnya, kenyataan itu menganggap dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu sebagai *unjustified*. Kenyataan itu se-terusnya mengibaratkan sikap Indonesia terhadap Tanah Melayu sebagai 'serigala dengan anak kambing'.

This is just like the lamb going to the river for a drink of water. In our case it is the water of freedom and independence for all the peoples of Malaysia. Just when the Malaysian lamb is about to drink the water, came the Indonesian wolf, demanding why we should drink the water.

Like the lamb in Aesop's fable we say that the peoples of Malaysia have a right to quench their thirst for freedom and independence.

In Aesop's fable, the wolf then proceeded to accuse the innocent lamb of dirtying the water. When this allegation was denied, the naughty wolf went on to favour the poor little lamb after falsely putting the blame on the lamb's father for an act which was never committed.

The father of our Nation and the Architect of Malaysia, Tunku Abdul Rahman, has been singled out for the most virulent abuse. All kinds of false accusations have been heaped on him by certain Indonesian leaders.

But the Indonesian wolf is not going to scare or be able to do any harm to the modern Malaysian lamb. We know the wolf is very hungry, but it will not be able to eat up the lamb this time.¹⁰

Selanjutnya, Indonesia diingatkan agar tidak bertindak bodoh dengan menyerang Tanah Melayu, walaupun ia mempunyai bala tentera yang besar. Sehubungan ini kenyataan itu juga menarik perhatian kepada pengalaman pahit yang dialami oleh Jerman pada masa Perang Dunia Pertama. Dari segi ketenteraan, Jerman adalah kuat, tetapi ia kalah kerana kelemahannya dari segi ekonomi dan sosial. Kenyataan itu juga memberi ingatan sekiranya Indonesia menyerang Tanah Melayu ia mesti bersedia untuk berperang dengan kuasa-kuasa besar lain.

The people will now, perhaps, realise why the Communists and their supporters and agents in this country have strongly opposed the Malayan-British Defence Treaty. There is no doubt British and other associated powers will come to our aid in case of aggression in the same way as the appeal for aid by the Sultan of Brunei, in accordance with treaty obligations, was most speedily responded, resulting in the collapse of Azahari's foreign-backed revolt.¹¹

Kerajaan British memandang serius sikap pemimpin Indonesia ke atas penubuhan Malaysia dan sokongan mereka terhadap pemberontakan di Brunei. Dalam menghadapi telatah pucuk pimpinan Indonesia, Fry menasihat agar pucuk pimpinan Tanah Melayu bersabar dan tidak melatah. Dalam masa yang sama, kerajaan Amerika juga hendaklah berperanan untuk meredakan keadaan dengan memaklumkan kepada kerajaan Indonesia bahawa pihaknya tidak merestui dasar konfrontasi itu. Di

samping itu, kerajaan Negara-negara Afro-Asia juga boleh memain peranan dengan menunjukkan kepada Indonesia bahawa dasar konfrontasi itu adalah bertentangan dengan pengisyiharan Bandung yang menjunjung konsep *peaceful co-existence between neighbouring States*.

Sementara itu pada 30 Januari 1963, Lord Home, Setiausaha Luar British melalui Dutanya di Jakarta mengemukakan sepucuk surat kepada Subandrio. Dalam surat itu Lord Home menyatakan kebimbangannya terhadap kenyataan Subandrio pada 20 Januari 1963, berhubung dengan Tanah Melayu.

I cannot believe, and I hope that your Government have no doubts on this score, that the present policies of the Malaysans constitute any threat to Indonesia's security or that there can be any cause whatever for the extremely strong fears which you have expressed about the policies of the Malayan State. I feel that I ought once again to let you know that Her Majesty's Government sincerely believe that the termination of our rule in the Borneo territories and the creation of Malaysia offer the best solution for the stability of the area and the welfare of the peoples in question, and that we are determined to pursue it.¹²

Semasa menyerahkan surat itu, Fry telah mengambil kesempatan untuk berbincang dengan Subandrio mengenai perkataan 'konfrontasi' yang dianggap sebagai 'menakutkan'. Beliau juga meminta kerajaan Indonesia supaya lebih bertolak ansur dalam hubungannya dengan Tanah Melayu, sebuah negara kecil berbanding dengan Indonesia.

Hal yang sama telah diungkit oleh Lord Selkirk semasa berbincang dengan Dr. Subandrio di Singapura pada 4 Februari 1963. Selkirk mengemukakan beberapa cadangan kepada Subandrio bagi meredakan perbalahan. Beliau mencadangkan supaya Subandrio mengaturkan pertemuan antara Soekarno dengan Tunku. Subandrio juga boleh mengadakan lawatan ke Kuala Lumpur dan berbincang dengan pucuk pimpinan Tanah Melayu mengenai sempadan Borneo-Kalimantan. Tetapi Subandrio menolak cadangan tersebut, sebaliknya mahukan isu itu diselesaikan melalui saluran diplomatik dan meminta supaya kenyataan-kenyataan ofensif terhadap Indonesia dihentikan. Sekiranya Tunku meneruskan sikap agresifnya terhadap Indonesia, beliau terpaksa menghantar tentera Indonesia memasuki Sarawak. Tentang penubuhan Malaysia, Subandrio sekali lagi memberi

jaminan bahawa beliau masih berpendirian bahawa "*it was a matter for the people concerned.*"¹³

Pada 14 Februari, Dr. Subandrio menjawab surat Lord Home. Beliau menyokong tindakan kerajaan British membebaskan tiga wilayah di Borneo itu daripada penjajahan. Beliau juga menyerahkan kepada penduduk-penduduk di situ untuk menentukan masa depan mereka. Beliau sanggup mengemukakan pandangan sedemikian, walaupun beliau mengetahui ada pihak tertentu di Indonesia tidak menyokongnya, kerana kerajaan Tanah Melayu bersikap agresif terhadap Indonesia. Demi solidariti Asian, Subandrio bersedia untuk bersikap toleransi terhadap Tanah Melayu, walaupun diketahui Tanah Melayu mengambil sikap bermusuh dengan Indonesia, seperti tidak melaksanakan Perjanjian Kebudayaan.

Walau bagaimanapun, Dr. Subandrio menjelaskan bahawa Indonesia juga kecewa dengan sikap Tanah Melayu kerana menyokong pemberontakan menentang kerajaan Indonesia. Menurutnya, terdapat pemimpin-pemimpin di Tanah Melayu yang menyokong pencantum Sumatera dengan Tanah Melayu. Indonesia juga tidak berpuas hati dengan sikap pemimpin Tanah Melayu kerana tidak mengajak Indonesia menyertai A.S.A. Dalam kes penubuhan Malaysia, Indonesia tidak pernah diajak berbincang sedangkan wilayah-wilayah terbabit di Borneo mempunyai persempadanan yang sama dengan Indonesia. Dr. Subandrio membangkitkan soal sikap Tanah Melayu terhadap Irian Barat. Tindakan Tunku berunding dengan kerajaan Belanda tanpa terlebih dahulu merujuk kepada Indonesia juga amat dikesali.

Lord Home menjawab surat Dr. Subandrio pada 25 Mac.¹⁴ Lord Home menyatakan kehairanannya bagaimana sebuah negara yang besar seperti Indonesia gerun terhadap Tanah Melayu, sebuah negeri yang kecil. Sehubung dengan perjanjian Kebudayaan, Lord Home mengingatkan Dr. Subandrio bahawa pihak Tanah Melayu telah bersetuju untuk menerima Laporan Bersama Kebudayaan. Manakala tentang A.S.A pula, Home menjelaskan bahawa Tunku sendiri telah menulis kepada Presiden Soekarno, tetapi tidak dijawab.

Berhubung dengan kenyataan-kenyataan pemimpin Tanah Melayu terhadap Indonesia, Home mengingatkan bahawa pemimpin-pemimpin Indonesia juga harus bersikap sedemikian. Umpamanya, Profesor Yamin menyebut bahawa Tanah Melayu

adalah sebahagian daripada Indonesia Raya di hadapan Duta Malaysia tanpa mengambil kira sensitivitinya.

Pada pandangan Home, Azahari adalah lebih khianat daripada pelarian politik Sumatera. Azahari telah dibenar oleh pihak Indonesia untuk menggunakan radio bagi muslihat politiknya, sedangkan kerajaan Tanah Melayu melarang pelarian-pelarian Sumatera berbuat demikian.

Mengenai penubuhan Malaysia, Home menganggap penubuhan gagasan itu sebagai langkah yang betul bagi membebaskan wilayah-wilayah tersebut daripada belenggu penjajahan.

Lord Home meminta pihak Indonesia dan Tanah Melayu melupakan perbalahan mereka demi kebaikan bersama. Pada Home, perbalahan antara Tanah Melayu dengan Indonesia sebagai *superficial frictions* dan bukan *fundamental clash of interests*. Beliau mengharapkan Indonesia mengamalkan prinsip hormat-menghormati, kedaulatan wilayah dan negara.

Dalam masa itu juga Narasimhan, wakil tetap Setiausaha Agung PBB, mengadakan perbincangan dengan Soekarno tentang hubungannya dengan Tanah Melayu dan idea Malaysia.¹⁵ Soekarno mengemukakan enam syarat bagi membolehkan Indonesia menarik bantahannya terhadap penubuhan Malaysia. Syarat-syarat itu adalah seperti berikut:

1. Tunku mesti berhenti daripada mengencam Indonesia.
2. Tunku mesti menyatakan secara terbuka bahawa beliau tidak mempunyai cita-cita untuk menguasai Sumatera.
3. Kerajaan Persekutuan hendaklah memberhentikan dasar memberi perlindungan kepada 'pemberontak' Indonesia.
4. Kerajaan Persekutuan mesti mengiktiraf Duta Indonesia ke Kuala Lumpur.
5. Prinsip 'hak menentu nasib sendiri' mesti dilaksanakan di Borneo Utara dan Brunei sebelum sebarang keputusan dibuat tentang kemasukannya ke dalam Malaysia.
6. Kerajaan British mesti mengadakan perbincangan dengan Indonesia tentang penyeludupan dan kegiatan perlanunan.

Lord Selkirk bersetuju dengan Narasimhan bahawa Tunku perlu dinasihat supaya memberhenti kempen anti-Indonesia bagi memastikan hubungan antara kedua-dua buah negara itu kembali pulih seperti dahulu. Sehubung itu, beliau mengesyorkan supaya

kerajaan British mengemukakan bantahan atau peringatan keras kepada Tunku.

Pada 5 Mac 1963, Fry menemui Soekarno sebagai kunjungan hormat kerana akan menamatkan perkhidmatannya di Jakarta.¹⁶ Beliau telah mengambil kesempatan itu untuk berbincang tentang hubungan Malaysia-Indonesia dan peri pentingnya kedua-dua negara berkenaan memulihkan hubungan. Soekarno bersetuju sepenuhnya dengan pandangan Fry, tetapi menyalahkan Tunku kerana memulakannya. Beliau akan hanya mengubah sikap kiranya Tunku juga membuat demikian.

Tentang Malaysia, Soekarno menegaskan bahawa kerajaannya tetap menentang gagasan itu selagi penduduk-penduduk di Kalimantan tidak diberi peluang membuat keputusan tentang masa depan mereka. Beliau mencadangkan supaya diadakan pungutan suara. Selain dari itu, isu keselamatan juga menjadi persoalan. Bagi Soekarno, Malaysia adalah suatu bentuk neo-kolonialisme.

Fry menjelaskan bahawa penduduk-penduduk di Borneo Utara dan Sarawak telah diberi peluang seluas-luasnya untuk menge-mukakan kehendak mereka dan telah memilih untuk menyokong Malaysia. Ini terbukti daripada kenyataan para pemimpin parti-parti politik di Sarawak dan juga keputusan pilihan raya di Borneo Utara. Kedudukan Brunei berlainan sedikit. Ia bukan koloni, tetapi sebuah kerajaan otonomi di bawah perlindungan British. Walaupun Azahari dan Parti Rakyat telah diberi peluang untuk bergerak di atas landasan perlembagaan, beliau telah memilih untuk mengangkat senjata. Kini hanya Sultan dan Majlisnya sahaja yang akan menentukan apa yang terbaik untuk Brunei.

Mengenai 'isu keselamatan' dan 'neo-kolonialisme', Fry menjelaskan kepada Soekarno bahawa United Kingdom mempunyai perjanjian Pertahanan dengan Tanah Melayu. Perjanjian tersebut akan berterusan selepas penubuhan Malaysia. Dengan itu, Indonesia tidak perlu bimbang dengan 'isu keselamatan'. Fry memberi jaminan bahawa Malaysia tidak akan menyertai SEATO, tetapi Britain akan bertanggungjawab ke atas keselamatannya. Kerajaan British juga bertanggungjawab ke atas keselamatan tiga buah wilayah di Borneo.

Tentang 'neo-kolonialisme', Fry menegaskan bahawa negara yang paling banyak menganggotai Komanwel ialah negara-negara Afro-Asia. Negara-negara tersebut bukan berbentuk 'neo-kolo-

nialisme'. Oleh hal demikian, Fry tidak faham mengapa Malaysia dianggap oleh Indonesia sebagai 'neo-kolonialisme'.

Dalam laporannya kepada Pejabat Luar, Fry meragui sama ada penjelasan yang diberikan itu akan mengubah sikap Soekarno.

I think he is making that affair a personal Western influence in this area.

Fry kemudiannya mengunjungi Jeneral Nasution. Dalam perbincangannya dengan Nasution, Fry menerangkan bahawa Britain mempunyai perjanjian pertahanan dengan Tanah Melayu. Nasution menyedari tentang perkara itu. Tetapi beliau bimbang Malaysia akan dikuasai oleh orang-orang Cina dan merupakan ancaman kepada Indonesia. Fry membala bahawa British juga bimbang dengan kemungkinan Indonesia akan dikuasai oleh PKI yang berkiblat kepada Moscow atau Peking. Nasution menyatakan komunis akan berjaya kiranya situasi ekonomi menjadi buruk dalam tempoh lima atau sepuluh tahun lagi. Fry mencelah bahawa situasi ekonomi di Tanah Melayu semakin bertambah baik. Berbanding dengan Indonesia, Malaysia lebih mampu untuk menghadapi orang-orang Cina.

Nasution juga menyebut faktor peribadi sebagai punca Indonesia menentang penubuhan Malaysia. Beliau menganggap isu Malaysia sebagai *complicated*.

Penjelasan dan jaminan pihak British itu nampaknya tidak mengubah sikap Indonesia terhadap gagasan Malaysia. Malah sikap konfrontasi itu telah dinyatakan secara rasmi kepada Kerajaan British dalam sepuak surat bertarikh 28 Mac 1963. Kandungannya adalah seperti berikut:

When the idea of Malaysia was launched, Indonesia showed an indifferent attitude, though as a matter of course is very interested in what is happening around her borders. The Indonesian Government appreciates the intention of Great Britain to decolonize its Borneo territories, as the Indonesian constitution clearly states in the preamble, that: Since independence is the right of every nation, any subjugation in this world is contrary to humanity and justice, and must therefore be abolished. However, the Indonesian Government disagrees with the method of decolonization by imposing the Borneo territories as recognised by the Cobbold Mission and recently shown by the revolt of Azahari, with the Borneo National Army as the backbone of the revolution. In fact, not only in the Borneo territories there is such

opposition, but also in Malaya and Singapore itself. Leaders who are opposed to the Malaysian plan have recently been rounded up and detained. From statements by the Prime Minister of Malaya, Minister of Information Mohamad bin Jusuf on the 1st February 1963, and other Government leaders, it is evident that the proposed Malaysia is sure to be antagonistic and hostile towards Indonesia. In fact this attitude of the Prime Minister Tunku Abdul Rahman dates back from 1957.

The protection and moral support given to the rebellion in 1958 onwards by the Government of Tunku Abdul Rahman can be recalled as hostile attitude towards the Republic of Indonesia, at one time there was some intention of linking Malaya with Sumatra thus dismembering the Republic of Indonesia. Though the creation of Malaysia will fulfill the expansionist ambitions of Prime Minister Tunku Abdul Rahman, the enforcement of it however will be antagonistic to the right of self determination and the idea of independence of the peoples in the Borneo territories.

As more and more British troops are poured into the Borneo territories to squel the resistance of the freedom fighters and the presence of Indonesian troops, guarding the border and though Indonesia has no intention whatsoever to invade any of those territories, the possibility of border incidents would be hard to avoid, especially Indonesia supports the state of independent Borneo territories. Indonesia prefers to have a landborder with independent Borneo than with a neo-clonialist Malaysia, which is hostile to Indonesia.

Therefore the Indonesian Government is of the opinion that if Malaysia is constituted in the form and under the present circumstances it foresees great difficulties ahead, which endanger not only the good relationship of Indonesia and Malaya but also the security and stability of South East Asia.¹⁷

Nota

1. Foreign Office Report: Recent Developments in Anglo-Indonesian Relation, 1 October 1963, FO 371/169901.
2. Ibid.
3. Ibid.
4. Ibid.
5. Press Release: Statement of Foreign Minister Subandrio in Singapore, 15 Disember 1962, FO 371/169902.
6. Djakarta - Foreign Office, 25 Dis. 1962, PREM 11/4346.
7. Kuala Lumpur - CRO, 22 Jan 1963, FO 371/169902.

8. Ibid.
9. Siaran Akhbar: Indonesian Communists behind hostile attitude againts Malaya, 10 Februari 1963, FO 371/169902.
10. Ibid.
11. Ibid.
12. Foreign Office Paper: Recent Developments in Anglo-Indonesian Relations, op. cit.
13. Ibid.
14. CRO - Kuala Lumpur, 25 Mac 1963, FO 371/169902.
15. Djakarta - Foreign Office, 5 Mac 1963, FO 371/169902.
16. Djakarta - Foreign Office, 7 Mei 1963, FO 371/169903.
17. Record of Conversation with Sir Garfield Barwick, Minister for External Affairs and Indonesian Ambassador, General Suadi, on 28 March 1963, FO 371/169903.

BAB 4

Gagasan Malaysia dan Reaksi Filipina

Selain dari Indonesia, Britain dan Tanah Melayu juga menghadapi bantahan dari Filipina. Walaupun menyokong gagasan Malaysia, Filipina membantah kemasukan Borneo Utara ke dalam gagasan itu atas alasan bahawa wilayah itu adalah sebahagian daripada republik Filipina. Wilayah itu hanya dipajak dan bukan diserah oleh Kesultanan Sulu kepada Baron Overbeck dan Alfred Dent pada tahun 1878 (Nik Anuar 1977).

Pada tahun 1930, Sultan Jamalul-Kiram III pernah cuba membatalkan pemberian tahun 1878 kepada Syarikat Piagam Inggeris Borneo Utara atas alasan agama dan undang-undang tempatan, tetapi telah ditolak oleh Syarikat dan juga Kerajaan British. Kerajaan British yang menjadi penaung kepada wilayah Borneo Utara menganggap bahawa pemberian tahun 1878 adalah 'pajakan yang berkekalan'. Pada awal tahun 1946, waris Kesultanan Sulu, dengan dibantu oleh peguam dari Amerika Syarikat, sekali lagi cuba menuntut Borneo Utara, tetapi gagal juga. Pada tahun-tahun 1950-an, waris Kesultanan Sulu cuba mendapatkan sokongan daripada ahli-ahli Dewan Perwakilan Filipina dan kerajaan Filipina, tetapi gagal juga. Pada tahun 1957 waris, Kesultanan Sulu mengumumkan perjanjian 1878 sebagai *null and void*. Kerajaan British tidak melayan dakwaan waris Kesultanan Sulu. Kerajaan British masih berpegang kepada asas bahawa hak yang ada kepada waris Kesultanan Sulu hanyalah ke atas wang serahan atau *cession monies* seperti yang ditetapkan oleh Pemberian 1878.

Kemenangan Senator Diosdado Macapagal dalam pilihan raya Presiden pada tahun 1961 memberi peluang kepada waris Kesultanan Sulu untuk memperbaharui tuntutannya ke atas Borneo Utara.

Macapagal pernah memain peranan utama dalam rundingan untuk mendapatkan kembali gugusan kepulauan 'penyu' pada

tahun-tahun 1946-47. Macapagal adalah salah seorang Senator yang memperjuangkan soal Borneo Utara pada tahun-tahun 1950-an. Malahan beliau bertanggungjawab dalam mengemukakan resolusi kepada Dewan Perhimpunan pada 28 April 1950 yang mendesak kerajaan Filipina mengadakan rundingan dengan kerajaan British bagi menuntut Borneo Utara.

Akhbar-akhbar Filipina turut membela waris Kesultanan Sulu dengan membesar-besarkan isu Borneo Utara. Akhbar-akhbar tersebut menyiaran beberapa siri artikel tentang sejarah Borneo Utara. Napoleon G. Rama, seorang wartawan *Philippines Free Press* dalam artikelnya bertajuk 'North Borneo - Its Ours', mendakwa bahawa:

The Philippines has a good case to present to the United Nations. North Borneo belongs to the Philippines and we should press our claim strongly. The Philippines cannot change its geographical location. What is done now will have its effect in the years ahead. More so than the British, who have their homeland on the other side of the world, the Philippines has a vital stake in North Borneo and its future. So far only the British have had a say on the claim – they have ignored all requests to hear the Philippine side. According to them, North Borneo is theirs and that's that. They annexed the territory without even notifying the Philippines or the Sultan of Sulu's heirs – which moved Governor Harris on to decry it as 'an act of political aggression'.

Pada 5 Februari 1962, Putri Tarhata Kiram, bagi pihak waris Kesultanan Sulu, melalui peguamnya, J.C. Orendain, mengemukakan petisyen kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina, meminta kerajaan Filipina, membantu menyampaikan tuntutan mereka ke atas Borneo Utara supaya:

They may regain their proprietary rights over the territory, and that the sovereignty over North Borneo shall be turned over to the Philippines Republic, being the home and the country to which the Sultan owed allegiance.

Turut dilampir dengan petisyen itu beberapa dokumen yang diperolehi dari Arkib Sepanyol, seperti salinan Perjanjian 1878 dan surat Sultan Sulu kepada Gabenor-Jeneral Sepanyol (1878). Putri Tarhata mendakwa bahawa surat pemberian 1878 dalam bahasa Sepanyol menyebut pemberian Sultan Sulu kepada Overbeck dan Alfred Dent pada 1878 itu adalah bersifat pajakan

— *contrato de amparamiento* dan bukan serahan seperti yang didakwa oleh British. Manakala surat Sultan Sulu kepada Gabenor-Jeneral Sepanyol bertarikh pada 4 Januari 1878 pula mendakwa bahawa Sultan Sulu tidak pernah menyerahkan wilayah tersebut kepada Overbeck dan Alfred Dent.

Petisyen itu telah diteliti oleh Jabatan Undang-undang Hal Ehwal Luar. Pada 12 Mac 1962, G. Ramos, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Luar mengemukakan kepada Dewan Rendah Kongres resolusi meminta Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina mengambil langkah untuk menuntut semula Borneo Utara. Pada 24 April 1962, Dewan Perwakilan Filipina meluluskan resolusi tersebut yang dikenali sebagai 'Resolusi Ramos'. Resolusi ini memberi kuasa kepada Presiden Republik Filipina untuk mengambil segala langkah bagi memperolehi kembali Borneo Utara mengikut lunas undang-undang. Bersesuaian dengan keputusan itu, Esmail Kiram, 'putera mahkota' waris Kesultanan Sulu, telah menyerahkan kedaulatan waris Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara kepada kerajaan Republik Filipina.

Reaksi British Terhadap Tuntutan Waris Kesultanan Sulu dan Filipina

Perkembangan di Filipina berhubung dengan isu 'Borneo Utara' itu telah mendapat perhatian serius daripada Pejabat Kedutaan British di Manila dan juga kerajaan Borneo Utara. Mereka menuntut supaya Pejabat Luar British mengambil langkah-langkah konkret bagi menghadapi kemungkinan tuntutan daripada Kerajaan Filipina. Sementara itu, Tunku Abdul Rahman memberi jaminan kepada kerajaan British bahawa kerajaan Tanah Melayu tidak akan melayan tuntutan kerajaan Filipina.

Melihat kepada perkembangan yang semakin meruncing itu, J.A. Pilcher, Duta British di Manila dalam kawatnya kepada Pejabat Luar British pada 22 Mei, mencadangkan Pejabat Luar mengambil tindakan tegas terhadap tuntutan Filipina dan waris Kesultanan Sulu dengan memaklumkan secara rasmi kepada Kerajaan Filipina bahawa kedaulatan British ke atas Borneo Utara adalah *unassailable* dan kerajaan British akan *resist any claim raised*.¹ Pejabat Luar British bersetuju dengan pandangan Pilcher itu. Pada 26 Mei 1962, Pilcher telah mengemukakan *aide-memoire* kepada Setiausaha Luar Filipina, Emmanuel Pelaez

pendirian kerajaan British yang tidak akan melayan sebarang tuntutan yang dikemukakan oleh kerajaan Filipina ataupun waris Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara.

Her Majesty's Government are convinced that the British Crown is entitled to and enjoys sovereignty over North Borneo and that no valid claim to such sovereignty could like from any other quarter, whether by inheritance of the rights of the Sultan of Sulu (the only right of his heirs being to continue to receive their shares of the cession money) or by virtue of former Spanish and American sovereignty over the Sulu Archipelago in the Philippines Islands. In the interests of the people of British North Borneo, no less than because of their undoubted legal rights, Her Majesty's Government would be bound to resist any claim to part of North Borneo, whether advanced by the Philippines Government or by private persons in the Philippines.

Moreover, the Governments of the United Kingdom and Malaya have welcomed in principle proposals for a new and independent Federation of Malaysia which would unite the independent Federation of Malaysia with North Borneo and Brunei, Sarawak and Singapore. The Commission set up by the Governments of the United Kingdom is shortly to report on these proposals in so far as they affect North Borneo and Sarawak. A public dispute with the Philippines Government about North Borneo at a critical juncture in the political development of North Borneo. It could impair the present friendly relations between Great Britain and her ally, the Philippines Republic, and it might even lead to territorial claims being put forward by other South East Asian countries. Its repercussions might involve and embarrass other friendly governments. Such developments would impair the stability of South East Asia and the capacity of the peoples concerned for offering united resistance to Communist encroachment and subversion.²

Pelaez telah membaca nota tersebut dengan penuh perhatian. Beliau bagaimanapun menjelaskan bahawa:

It was very difficult for the Philippines Government to do nothing about it, since the House of Representatives had passed an almost unanimous resolution.

Pelaez berharap persoalan itu akan dapat diselesaikan sebelum pembentukan Malaysia. Sungguhpun begitu, beliau berjanji akan menasihat Presiden dan juga Penggerusi Jawatankuasa Dewan bagi Hal Ehwal Luar supaya tidak membangkitkan tuntutan ke atas

Borneo Utara ketika Asia Tenggara sedang bergelut dengan krisis di Laos dan di Irian Barat.

Pada 22 Jun 1962, Macapagal telah mengeluarkan kenyataan akhbar mengumumkan secara rasmi keputusan kerajaan Filipina untuk mengemukakan tuntutan ke atas Borneo Utara (Nuechterlein 1961). Kenyataan Macapagal berbunyi seperti berikut:

As regards the North Borneo question, which for some time now has been under intensive study by the Department of Foreign Affairs and other officials of the Government under my supervision, the British Government sent us a Note under date of May 25, 1962, asserting British ownership and sovereignty over the territory. In reply to this Note, and on the basis of the result of the exhaustive studies made on the matter, I have instructed the Acting Secretary for Foreign Affairs to hand a Note today to the British Ambassador in Manila embodying our position which, in turn, asserts ownership and sovereignty.

We are suggesting peaceful negotiations because this is the way of diplomacy, and because our position is, in our view, so soundly based on law and justice that it will prevail where reason prevails. We take this action without any feeling of unfriendliness towards the United Kingdom, but solely in the peaceful pursuit of our national interests.³

Serentak dengan itu juga, kerajaan Filipina mengemukakan *aide-memoire* kepada kerajaan British. Nota itu telah diserah oleh Ketua Setiausaha Luar Filipina kepada Pilcher dan salinannya kepada Pejabat Luar melalui Duta Filipina di London, M.J. Gamboa.

Dalam *aide-memoire* yang dikemukakan itu, kerajaan Filipina menegaskan bahawa pertikaian wujud antara kerajaan Filipina dan Waris Kesultanan Sulu dengan kerajaan British. Kerajaan Filipina mencadangkan agar satu rundingan diadakan dalam kadar yang segera antara kerajaan British dan Filipina bagi menyelesaikan kes pertikaian ke atas Borneo Utara.

I feel I should inform Your Excellency that the House of Representatives of the Philippines at its last session unanimously adopted a resolution urging the speedy settlement of the North Borneo question. On February 5, 1962, the attorneys for the heirs of the Sultan of Sulu addressed a communication to the Department regarding the claim of proprietary rights over the North Borneo territory and the desire to see the territory included as part of the national territory of the Republic of the

Philippines. It is clear from Your Excellency's Note of May 25, 1962, and from the letter of the attorneys for the heirs of February 5, 1962, that there is a dispute between the Sultanate of Sulu and the Philippines Government on the one side and Her Majesty's Government on the other regarding the ownership and sovereignty over North Borneo.⁴

Mengulas *aide-memoire*, Pilcher percaya ia semata-mata bertujuan untuk memenuhi tuntutan politik dalam negeri, yakni:

... to give the Filipino public the feeling that the Government is doing something while in fact committing itself to nothing except asking for talks.

Alasan Pilcher ialah *aide-memoire* itu gagal untuk mengejutkan asas-asas tuntutan ke atas Borneo Utara. Justeru itu, Pilcher mencadangkan agar kerajaan British meminta kerajaan Filipina supaya:

Producing a case before we could consider whether there was anything to talk about or not.

Langkah ini melambatkan kerajaan Filipina daripada membawa kes tersebut ke Mahkamah Antarabangsa ataupun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Selepas menerima *aide-memoire* itu, Pejabat Luar mengeluarkan kenyataan yang berbunyi seperti berikut:

Her Majesty's Government are entirely satisfied that the Crown is entitled to and enjoys sovereignty over North Borneo and that no valid claim to such sovereignty can lie from any other quarter, whether by inheritance of the rights of the Sultan of Sulu (the only right of his heirs being to continue to receive their shares of the cession money) or by virtue of former Spanish and American sovereignty over the Sulu Archipelago in the Philippine Islands.

In the interests of the people of North Borneo, whose future is now being considered in the context of proposals for an independent Federation of Malaysia, Her Majesty's Government would feel bound to resist any such claim.⁵

Pendirian tegas kerajaan British berhubung dengan isu itu nampaknya kurang disenangi oleh akhbar-akhbar Filipina. Akhbar *The Philippine Herald*, umpamanya, membawa kepala berita bertajuk: "United Kingdom against meeting Philippine's claim on North Borneo". Ada juga akhbar yang mendesak supaya kerajaan

Filipina membawa kes itu ke Mahkamah Antarabangsa. Akhbar *North Borneo News* dan *Sabah Times* telah menjawab tohmahan bertindak balas dengan menganggap tuntutan Filipina itu sebagai *Rubbish*. Akhbar itu menegaskan:

There is no substance whatsoever in the Philippines claim no one in North Borneo has any doubt at all.

The Philippines Government note referred to a 'dispute'. There is no dispute. North Borneo belongs to the people of North Borneo. At present it is a British Colony and as such belongs to the United Kingdom, but in accordance with the United Kingdom policy of helping colonial territories to gain independence, North Borneo like other Colonial territories is working for self government and independence, independence which would mean that the country will be handed to the people of the country to govern.

The Filipino claim must be totally rejected by the British if the British are to keep faith with the people of Sabah. There can be no discussion and there must be no conversation started either in Manila or in London between representatives of the governments of the Philippines and the British. Any semblance of the British agreeing that there is a case for discussions would only lend strength to the Filipino claim. There can be no discussion. There must be no discussion. The claim must be unconditionally rejected.

Dalam kawatnya kepada Pilcher, F.A. Warner, Ketua Pejabat Luar bagi Asia Tenggara menegaskan, kerajaan British tidak berhasrat untuk mengadakan sebarang perbincangan dengan kerajaan Filipina sebaliknya *to muck about and gain time*. Beliau bimbang jika lalu perbincangan itu diadakan ia bukan sahaja memberikan kesan buruk kepada Borneo, tetapi menggalakkan lagi Filipina untuk menuntut pelbagai konsesi daripada kerajaan British. Sehubung dengan ini, Gabenor Borneo Utara, Sir William Goode mengingatkan Pejabat Tanah Jajahan bahawa sebarang cadangan untuk mengadakan perbincangan dengan Filipina tentang Borneo Utara pasti akan mengecewakan penduduk-penduduk di Borneo Utara. Warner menegaskan lagi:

We shall, as we have promise, send a considered and polite reply to the latest Philippines Note, but we do not intend to hurry overselves over it. We shall possibly consult the Prime Minister of Malaya...and aim at getting our reply off towards the end of July. Apart from querying the

Philippines reference to the Sultanate of Sulu on the grounds that this no longer exists, the substances of our answer will be that we do not understand what expect it is that the Filipinos want to discuss.⁶

Pada 26 Jun 1962, mesyuarat diadakan di Pejabat Luar British bagi membincangkan *aide-memoire* kerajaan Filipina. Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah wakil-wakil daripada Pejabat Hubungan Komanwel dan Pejabat Tanah Jajahan. Mesyuarat itu telah membuat beberapa keputusan. Pertama, kerajaan British tidak akan mengadakan perbincangan seperti yang dicadangkan oleh kerajaan Filipina. Kedua, kerajaan British tidak akan menjawab *aide-memoire* sebelum berbincang dengan Perdana Menteri Tanah Melayu. Ketiga, Pejabat Luar akan menyiapkan *historical memorandum* untuk menjawab tuntutan Filipina. Mesyuarat juga mengambil keputusan untuk tidak meminta pihak ketiga campur tangan menyelesaikan pertikaian tersebut.

Pada 1 Ogos 1962, kerajaan British dan Tanah Melayu telah mengeluarkan kenyataan bersama di London tentang keputusan untuk menujuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 dengan Borneo Utara sebagai sebahagian daripadanya. Keputusan itu ternyata mengecewakan pihak Filipina. Kerajaan Filipina juga telah mengemukakan kepada kerajaan Tanah Melayu perasaan kekecewaannya berhubung dengan keputusan untuk memasukkan Borneo Utara, wilayah yang dituntut itu, ke dalam gagasan Malaysia (Mezerik 1965).

The Secretary of Foreign Affairs recalls that in a talk which he had with the Prime Minister of the Federation of Malaya in Cameron Highlands in April 1962, at which the Philippine claim to North Borneo was mentioned, the latter stated that it had better be presented as soon as possible to the United Kingdom. He made it clear that he would welcome the inclusion of North Borneo in the Federation of Greater Malaysia only 'on a clean slate'. This assurance given by the Prime Minister of Malaya was received with appreciation as indicating the desire of the Federation Government not to become involved in the dispute which concerns only Britain and the Philippines, and as a proof of the relations of close relationship and fraternal understanding existing between Malaya and the Philippines.

The Secretary of Foreign Affairs accordingly expresses a certain misgiving over the possibility that the agreement signed in London according to which North Borneo would be integrated into the Federation of

Greater Malaysia might have taken no account of the existence of the Philippines claim to the territory as well as of the existence of a dispute between Britain and the Philippines over the status of this territory.

The Secretary of Foreign Affairs expresses the hope that the signing of the agreement in London for the establishment of a Greater Federation of Malaysia does not constitute, on the part of the Government of the Federation of Malaya, a desire or intention to ignore the Philippines claim to North Borneo of which it is fully aware. [Philippines Claims]

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan pada hari yang sama, Macapagal menegaskan bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan pertikaian itu ialah Britain dan Filipina mengadakan rundingan tentang kes Borneo Utara sebelum atau semasa penubuhan Malaysia.

Pada 3 Ogos 1962, Elbaeza menyerahkan kepada Pilcher *aide-memoire*. Nota itu mengulang pendirian kerajaan Filipina. Oleh kerana kedua-dua kerajaan mempunyai pandangan yang berbeza terhadap persoalan Borneo Utara, rundingan perlu diadakan segera bagi menyelesaiannya.

... these conversation become all the more necessary in wake of the reported signing in London of an agreement for establishment of Federation of Malaysia which would include North Borneo territory. This agreement can, in no way, be accepted by the Philippines claim, of which the British Government and the Malayan Government are fully aware. That claim subsists and shall subsist until dispute is resolved by peaceful means in accordance with the principles of United Nations Charter.⁷

Nota Filipina itu telah dibincang di Pejabat Luar British. Pada 7 Ogos 1962, E.H. Peck, Under-Secretary of State di Pejabat Luar, telah menyerahkan jawapan Pejabat Luar kepada Duta Filipina M.J. Gamboa. Antara lain, nota kerajaan British itu menekankan bahawa:

H.H.G. doubt whether the Note from the Government of the Philippines can have stated the position in saying 'that there is a dispute between the Sultanate of Sulu and the Philippines Government on the one side and H.M.G. on the other regarding the ownership and sovereignty over North Borneo'. Insofar as this refers to a dispute with the 'Sultanate of Sulu', H.M.G. had understood that the existence of the Sultanate of Sulu had not

been recognised by the Government of the Philippines for many years and that even the residual spiritual authority enjoyed by Sultan Jamalul-Kiram had lapsed with his death in 1936. As for the existence of a dispute with the Government of the Philippines, the foundation suggested for this would appear to be the letter addressed to the Philippine Department of Foreign Affairs on the 5th of February 1962, by the Attorneys for the heirs of the Sultan of Sulu. H.M.G. have, of course, not been informed of the terms of the letter, to which reference is made in the 4th and 5th paragraphs of Your Excellency's Note. They do not, however, consider that a communication on behalf of the heirs, whose rights they have scrupulously observed, in the general sense indicated in the 4th paragraph of that Note, could provide sufficient justification for calling in question a state of affairs that has been accepted by successive Government of the Philippines for three quarters of a century.

The view of Her Majesty's Government regarding the present sovereignty over Borneo was set out in the aide-memoire handed to His Excellency the Philippines Ambassador in London on the 24th of May 1962. Her Majesty's Government have not been made aware of any grounds on which the view expressed in that aide-memoire could be called in question and they observe that none is suggested in the present Note from the Philippines Government. Her Majesty's Government therefore find it difficult to understand what propositions the Government of the Philippines would seek to advance in conversations of the kind they have suggested.⁸

Pada 13 September 1962, Salvador Lopez, Pemangku Setiausaha Luar Filipina telah menyampaikan kepada Pilcher surat yang ditandatangan oleh Pelaez sebagai menjawab nota kerajaan British bertarikh 3 Ogos 1962. Dalam surat itu Lopez menegaskan bahawa tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara bukan berdasarkan surat waris Kesultanan Sulu yang bertarikh 5 Februari 1962 sahaja, tetapi juga beberapa dokumen lain yang akan dikemukakan oleh kerajaan Filipina kemudian. Selain itu, tegas beliau, tuntutan itu juga dibuat berdasarkan keputusan kehakiman Ketua Hakim MacKaskie yang memutuskan bahawa:

It is the position of the Philippines Government that on the basis of the deed of 1878, Her Majesty's Government could not, and cannot, acquire sovereignty over North Borneo.⁹

Selanjutnya, beliau mengulangi lagi hasrat kerajaan Filipina untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan British tentang hak kedaulatan dan hak waris Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara.

Mesyuarat di London

Pada 14 September 1962, mesyuarat telah diadakan di Pejabat Luar British untuk membincangkan taktik yang perlu diambil bagi menangani tuntutan kerajaan Filipina ke atas Borneo Utara. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Sir Arthur Snelling, Timbalan Setiausaha Bawah Negara, turut disertai oleh empat orang pegawai kanan Pejabat Komanwel, termasuk wakil kerajaan Tanah Melayu, iaitu Muhammad Ghazali bin Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar, dan Zain Azraai, pegawai di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaya di London.

Dalam mesyuarat itu, Ghazali telah ditunjukkan salinan dokumen Perjanjian 1878, Surat Tauliah 1878 dan Surat Penge-sahan Penyerahan Pulau-pulau (1903). Beliau juga telah diberikan nota Pejabat Luar tentang pembayaran *cession monies* dan nota tentang perkataan 'pajakan' dalam surat Pemberian 1878. Ghazali bersetuju dengan pandangan Peck daripada Pejabat Luar bahawa tafsiran ke atas surat Pemberian 1878 tidak sepatutnya berdasarkan perkataan 'pajakan' sahaja tetapi hendaklah dilihat daripada konteks keseluruhan surat itu. Ghazali memaklumkan kepada mesyuarat kiranya pihak Malaya merasa ragu-ragu terhadap kedudukan British di Borneo, sudah pasti mereka tidak akan meneruskan dengan rancangan Malaysia. Pada pandangan Malaya, Filipina hendaklah mengemukakan kesnya kepada British dan bukan sebaliknya, kerana British telah berada di Borneo Utara sejak 80 tahun yang lalu. Jelasnya lagi, Malaya tidak mempunyai alasan untuk membicarakan soal Borneo Utara kecuali selepas ia menerima Nota daripada kerajaan Filipina. Pada pandangan Ghazali, kenyataan Macapagal mengenai Konfederasi Malaya adalah suatu cubaan untuk memujuk orang-orang Melayu dengan menunjukkan seolah-olahnya mereka tidak menentang rancangan Malaysia, tetapi sebaliknya ingin membentuk suatu persekutuan yang lebih besar dan lebih baik daripada gagasan Malaysia. Kerajaan Malaya akan meneliti idea itu bagi kepentingannya.

Mesyuarat itu kemudiannya memaklumkan kepada Ghazali keputusan kerajaan British untuk menangguhkan jawapannya kepada Nota Filipina. Bagaimanapun, keputusan ini tidak akan menghalang Malaya daripada menjawab Nota Filipina itu. Ghazali mencelah bahawa kerajaan Tanah Melayu juga tidak tergesa-gesa dan ingin terlebih dahulu melihat reaksi British.

Namun demikian, pihak British mengharap kerajaan Malaya akan memasukkan tiga faktor berikut dalam jawapannya kepada Nota Filipina itu, faktor-faktor itu ialah:

1. Tunku's reference to 'a clean slate' last April was made in belief that the claim was purely a private and financial one on behalf of heirs of Sultan of Sulu;
2. Before receiving the Philippine *Aide-memoire* of 4th August Malayan Government had no indication that Philippines Government had made formal claim to sovereignty the issue appeared to have no relevance to the negotiations for establishment of Malaysia;
3. Malayans understand Philippines Government have never made any clear claim to sovereignty on their own behalf over North Borneo or given British any indication of grounds for any such claim.¹⁰

Sementara itu, pada 3 Oktober 1962, Ghazali Shafie telah mengemukakan *aide-memoire* kepada Duta Filipina di Kuala Lumpur sebagai menjawab *aide-memoire* Filipina bertarikh 2 Ogos 1962. Dalam *aide-memoire* itu, kerajaan Malaysia dengan tegas memperakui kedaulatan British ke atas Borneo.

The Government of the Federation of Malaya has accepted this situation as sufficient to satisfy the terms stated by the Prime Minister of the Federation of Malaya as 'clean slate'. The Government of the Federation of Malaya now understands that the Government of the Philippines is seeking negotiation with the British Government of the subject of sovereignty over North Borneo. If the Government of the Republic of the Philippines considers that there is any reason to disagree with the view that the British Government is entitled to and actually enjoys sovereignty over North Borneo, such a dispute cannot be otherwise than a matter strictly between the Government of the Republic of the Philippines and the British Government.¹¹

Pada 28 September, Pilcher telah mengadakan pertemuan dengan Lopez, pemangku Setiausaha Luar Filipina. Semasa perbincangan Lopez menjelaskan, sekiranya kerajaan British terus kekal berkuasa di Borneo Utara, Filipina tidak akan membuat tuntutan. Lopez menganggap Borneo Utara adalah sebagai "*the cork in the mouth of the Sulu Sea*".¹² Oleh kerana itu Filipina memandang berat tentang Borneo Utara. Pilcher memberitahu masalah keselamatan Filipina itu dapat dijamin dengan mengukuhkan hubungan antara Filipina dengan negara-negara anggota

A.S.A, khususnya menyokong pembentukan Persekutuan Malaysia, kemudiannya berusaha ke arah pembentukan konfederasi seperti yang dicadangkan oleh Presiden Macapagal. Namun demikian, Pilcher mengingatkan Lopez:

80 years of association with us had orientated the people of North Borneo in our direction.

Kelihatan kepada Pilcher bahawa di samping soal tuntutan ke atas Borneo Utara, Filipina juga bimbang tentang keselamatan negaranya selepas British meninggalkan wilayah tersebut. Maka Pilcher mencadangkan kepada Pejabat Luar supaya menerima cadangan Filipina untuk mengadakan rundingan membincangkan persoalan keselamatan dan dengan itu juga mungkin dapat "save *Filipino face*". Pilcher yakin bahawa perubahan sikap Filipina itu mempunyai kaitan dengan kenyataan Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia di Singapura: Sekiranya Malaysia membenarkan Amerika Syarikat membuka pangkalannya di Borneo, Indonesia akan membenarkan Rusia membuka pangkalannya di Indonesia, khususnya di Borneo.

Dalam menjawab *aide-memoire* Filipina itu, Pilcher mencadangkan supaya mengambil kira kes Filipina itu secara keseluruhan dan mematahkaninya. Kerajaan British juga perlu menimbang kemungkinan untuk menyiarkan jawapan itu dalam akhbar. Laporan Cobbold juga perlu diberi perhatian bagi membuktikan sokongan penduduk Borneo Utara terhadap pembentukan Malaysia.

Pada 8 Disember 1962, Pilcher telah mengadakan pertemuan dengan Macapagal membincangkan soal pembentukan Malaysia, keselamatan serantau dan kerjasama ekonomi.¹³ Macapagal sekali lagi mendesak kerajaan British supaya mengadakan rundingan bagi menyelesaikan masalah Borneo Utara. Bagi Macapagal, kes Borneo Utara adalah soal maruah. Beliau berpendapat hanya dengan cara perundingan sahaja masalah Borneo dapat diselesaikan dan juga untuk menyakinkan orang-orang Filipino terhadap kesahihan tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.

Cadangan Macapagal itu juga disokong dengan kuat oleh Setiausaha Luarnya, Pelaez. Kebetulan pemberontakan telah berlaku di Brunei pada 8 Disember 1962. Ketika pemberontakan itu berlaku, A.M. Azahari, pemimpin Parti Rakyat yang mendakwa dirinya sebagai Perdana Menteri kerajaan Rebolusi Negara

Kalimantan Utara, berada di Manila. Dalam kawatnya kepada Pejabat Luar British, Pilcher menegaskan bahawa:

If we go on refusing to talk to the Filipinos (as we have done in the last six months) they will really throw in their lot with Azahari and start making physical trouble in North Borneo.

F.A. Warner menerima cadangan Pilcher. Beliau berkata:

I think there is much more important reason, however. The real threat comes not from the Philippines but from Indonesia. Recently, the two have been working hand in hand, with the Filipino playing the role of dupes. The Filipinos are now beginning to realise this and our main aim must therefore be to split our enemies in this matter. Talks would certainly help to do this.¹⁴

Tambahnya lagi:

Events in Brunei have frightened the Tunku, worried the leaders in Sarawak and North Borneo and shown the Filipinos that they are playing with fire. If we move quickly, we may turn this to our own advantage, both to get the Filipinos to see sense and to push on all the negotiations on the Malaysia agreement.

Setiausaha Luar British, Lord Home, dalam memorandumnya kepada Perdana Menteri MacMillan, menyatakan persetujuannya dengan cadangan Pilcher. "I do not think we could object to this", tegas Home "and I have accordingly agreed to it."¹⁵ Rundingan itu bukan sahaja akan membincangkan aspek strategik tetapi juga untuk menyelesaikan kes pembayaran *cession money* dengan waris Kesultanan Sulu.

Selepas mendapat kelulusan Perdana Menteri, Pilcher menyampaikan jemputan itu kepada Macapagal pada 22 Disember 1962. Pada 26 Disember, Pilcher telah mengadakan perbincangan dengan Pelaez mengenai butir-butir rundingan. Setelah persetujuan tercapai, pada 28 Disember, kenyataan rasmi telah dikeluarkan mengenai cadangan rundingan di London. Teks kenyataan itu adalah seperti berikut:

The Philippine and British Governments, being vitally concerned in the security and stability of South East Asia have decided to hold conversations about questions and problems of mutual interest.

The British Government have responded to the Philippine Government's desire for talks, first expressed in their Note of June 22, by inviting the Philippine Government to send delegation to London for consultations at a mutually convenient date in January 1963.

Recent developments have made such conversations, in spirit of the Manila Treaty and Pacific Charter, highly desirable.¹⁶

Pada hari yang sama, Macapagal membuat kenyataan melalui media massa tentang tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Tuntutan ke atas Borneo Utara itu telah dibuat berdasarkan tiga faktor, iaitu faktor sejarah, politik dan keselamatan. Katanya:

The situation is that the Philippines not only has a valid and historic claim to North Borneo. In addition, the pursuit of the claim is itself vital to our national security...In laying claim to North Borneo in pursuance of the legal and historic rights and security interests of the Philippines, we recognise the cardinal principle of self-determination of which the Philippines has been a steadfast adherent.¹⁷

Rundingan di London

Rundingan British-Filipina di London berlangsung pada 28 Januari 1953 hingga 1 Februari 1963. Perwakilan Filipina diketuai oleh Timbalan Presiden Filipina Emmanuel Pelaez yang juga Setiausaha Luar Filipina, manakala The Earl of Home, Setiausaha Luar British pula mengetuai perwakilan kerajaan British.

Sesi pertama pada 28 Januari lebih tertumpu kepada persoalan pembentukan Malaysia dan keselamatan serantau. The Earl of Home mengingatkan persidangan tentang ancaman komunis ke atas Asia Tenggara dan perihal pentingnya kerjasama antara Malaysia dengan Filipina dalam bidang keselamatan dan kastam. Manakala wakil Filipina, Pelaez pula mengaitkan soal keselamatan Asia Tenggara dengan pembentukan Malaysia. Gagasan Malaysia dakwa Pelaez telah mencetuskan ketegangan, seperti kekacauan di Brunei dan perbalahan Malaya dengan Indonesia. Sehubungan dengan Borneo Utara, Pelaez mengulang dakwaan Filipina, seperti yang disuarakan oleh Macapagal bahawa Borneo Utara adalah kepunyaan Filipina berdasarkan aspek undang-undang, politik dan keselamatan. Beliau juga mendakwa, penyerahan Borneo Utara kepada kerajaan British pada tahun 1946 adalah tidak sah, kerana Syarikat Berpiagam British tidak mempunyai hak kedaulatan. Dari

segi keselamatan, kerajaan Filipina berpendapat bahawa Malaya tidak akan mampu untuk mempertahankan Borneo Utara daripada pengaruh komunis. Beliau menegaskan:

North Borneo could only be achieved by restoring it to the Philippines, who could and would guarantee it against Communism.¹⁸

Bagi menjamin kestabilan dan keselamatan Asia Tenggara, Pelaez mengemukakan dua cadangan. Pertama, kedudukan masa depan Borneo hendaklah disesuaikan dengan keperluan Filipina dan Indonesia; Kedua, peraturan itu hendaklah diasaskan atas semangat kerjasama antara Indonesia, Malaysia dan Filipina berpandukan Perisytiharan Bandung.

Kerajaan Filipina, tegas Pelaez, menuntut supaya masa depan Borneo Utara ditentukan oleh pungutan suara tajam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan itu juga beliau mahukan pembentukan Malaysia ditangguhkan.

Lord Lansdowne telah mengambil kesempatan sesi kedua untuk menerangkan kepada wakil Filipina tentang proses ke arah pembentukan Malaysia. Beliau menegaskan bahawa kerajaan British telah memberikan penjelasan secukupnya kepada penduduk-penduduk di Borneo Utara dan Sarawak tentang gagasan Malaysia serta jaminan-jaminannya sekali. Sehubung dengan Brunei, Lord Lansdowne menegaskan bahawa keputusan Brunei untuk menyertai Malaysia adalah terletak kepada Sultan Brunei. Pemberontakan di Brunei tercetus bukan kerana gagasan Malaysia tetapi "*impatience at the slow progress of political emancipation*". Mengenai penyertaan Singapura, Lord Lansdowne menegaskan penyertaan Singapura ke dalam gagasan Malaysia adalah penting bagi menyelamatkan koloni itu daripada ancaman komunis.

We, for our part, were not willing to maintain as a colony. The Tunku was adamant in his refusal to take Singapore without the Borneo territories. Equally, Sarawak and North Borneo were not viable on their own. Malaysia was thus the only framework that could provide political stability for Singapore, on which the defence of South East Asia depended.¹⁹

Perbahasan pada sesi ketiga pada 29 Januari masih menumpukan perhatian kepada aspek keselamatan. Sir Robert Scott, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan British, menjelaskan

tentang tanggugjawab Britain sebagai anggota SEATO dan juga sebagai anggota Perjanjian Pertahanan British-Malaya. Bagi membolehkan British memainkan peranannya dengan lebih berkesan ia memerlukan pangkalan di Singapura. Kestabilan Singapura adalah bergantung kepada gagasan Malaysia. Major R.D.G. Davidson, Pegawai Risik Enam (M16), mengingatkan perwakilan Filipina bahawa Asia Tenggara menghadapi ancaman daripada dua penjuru, iaitu komunis dan Indonesia. Pada pandangannya, kuasa komunis sama ada China ataupun Rusia tidak akan menyerang negara-negara di Asia Tenggara secara terbuka tetapi secara penyusupan dan kegiatan subversif. Oleh kerana itu kuasa-kuasa komunis, terutama sekali Rusia membekalkan alat senjata dan penasihat tentera kepada negara-negara Asia Tenggara. Indonesia, sebagai contoh telah dibekal alat senjata lebih daripada keperluan keselamatan dalam negeri.

Kerajaan Indonesia pula dipengaruhi oleh Parti Komunis Indonesia. Sungguhpun Indonesia mengisyiharkan ia tidak mempunyai cita-cita peluasan jajahan, tetapi kegiatan-kegiatannya seperti di Irian, membuktikan sebaliknya. Indonesia mungkin akan mengamalkan dasar luar yang agresif bagi mengalih pandangan rakyat daripada permasalahan ekonomi dalam negeri. Tanpa sokongan kuasa-kuasa Barat, wilayah Borneo dan Malaya akan terdedah kepada ancaman Indonesia yang bercita-cita untuk mewujudkan 'negara Indonesia Raya'.

Lt. Gen. D.S.S. O'Connor, Timbalan Turus Staf Pertahanan pula menghuraikan tentang matlamat strategi keselamatan British di Asia Tenggara, iaitu untuk menghalang peluasan kuasa komunis, rancangan pertahanan dengan Australia dan New Zealand, keselamatan dan pertahanan Malaysia, dan keselamatan pangkalan dan pusat perhubungan British yang berpusat di Singapura. Para perwakilan Filipina juga diterangkan tentang peruntukan-peruntukan Perjanjian Pertahanan British-Malaysia.

Berikutannya, perbincangan terbuka telah berlangsung. Macaria Peralta dan Salvador P. Lopez berhujah bahawa ancaman Indonesia tidak boleh disamakan dengan komunisme. Dasar luar Indonesia, tegas beliau, dikawal oleh Presiden Soekarno dan bukan PKI. Tentangan Indonesia terhadap Malaysia bukanlah kerana Indonesia berhasrat untuk menguasai wilayah di Borneo, tetapi lebih merupakan tindak balas Indonesia terhadap sikap Tunku Abdul Rahman yang anti-Indonesia. Beliau

tidak dapat menerima pandangan British bahawa Indonesia telah dikuasai oleh PKI. Beliau mencadangkan supaya Indonesia dijemput sama untuk menghadiri persidangan antarabangsa bagi menyelesaikan krisis dengan aman. Beliau yakin bahawa kata-kata Presiden Soekarno boleh dipercayai. Pada pandangannya, sikap Indonesia itu berpunca daripada soal 'air muka' dan beliau yakin ia akan dapat diselesaikan melalui saluran diplomasi.

Sesi keempat yang berlangsung pada sebelah petang menumpukan perhatian kepada aspek undang-undang mengenai tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Dalam sesi tersebut, wakil British Peter Thomas, Setiausaha Parliment bagi Pejabat Luar, menjawab perkara-perkara yang dibangkit oleh Pelaez mengenai Borneo Utara dalam sesi pertama. Thomas menghujah bahawa Borneo Utara telah diperintah oleh pihak British selama 84 tahun tanpa sebarang gangguan daripada kerajaan Sulu ataupun Brunei, yang juga turut menuntut bahagian-bahagian tertentu wilayah Borneo Utara. Penguasaan British ke atas Borneo Utara secara eksklusif itu telah diiktiraf oleh kerajaan Sepanyol melalui Protokol 1885, Belanda melalui Perjanjian Sempadan 1891, Amerika Syarikat melalui Perjanjian Sempadan 1930, Sultan Sulu dan juga kerajaan Filipina. Kerajaan Filipina juga tidak pernah mengemukakan sebarang bantahan terhadap tentang Borneo Utara kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada tahun 1955, kerajaan British telah memeterai sebuah perjanjian mengenai Migrasi Buruh Filipina ke Borneo Utara dengan kerajaan Filipina tanpa sebarang bantahan. Pada tahun 1961, Kongres Filipina telah mengiktiraf wilayah perairan kebangsaan Filipina tanpa memasukkan wilayah Borneo Utara dalam Resolusi Torrentino.

Menjawab penghujahan Thomas, wakil Filipina, Jovito R. Salonga mengulang pendirian Filipina bahawa Sultan Sulu melalui Perjanjian 1878 hanya memajak dan bukan menyerah Borneo Utara kepada Alfred Dent dan Overbeck. Tambahan pula, Piagam Syarikat Borneo Utara menghalang syarikat itu daripada memiliki kuasa kedaulatan (sovereignty). Bagi mengukuh penghujahannya, Salonga mengemukakan Perjanjian Carpenter (1915) sebagai bukti. Perjanjian Carpenter yang dimeterai antara kerajaan Amerika Syarikat dengan Sultan Sulu mengiktiraf hak kedaulatan Sultan Sulu ke atas Borneo Utara.

Tegasnya lagi, kerajaan Filipina tidak menganggap pihaknya masih terikat dengan sebarang perbuatan yang dibuat atas nama

kerajaan Filipina ketika berada dalam Komanwel Amerika. Beliau juga memaklumkan bahawa pada tahun 1962, Rumah Bechara kesultanan Sulu telah menyerahkan hak mereka ke atas Borneo Utara kepada kerajaan Filipina.

Selepas perbincangan itu, sidang mengambil keputusan untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Kecil Khas bagi membincangkan soal Borneo Utara dan kemudiannya mengemukakan laporan kepada Persidangan. Persidangan juga bersetuju untuk membincangkan tentang cadangan Presiden Macapagal menubuhkan Konfederasi Malaysia dan Filipina.

Sesi kelima yang berlangsung pada 30 Januari, menumpukan perhatian kepada soal kerjasama antara Borneo Utara dengan Filipina berhubung dengan pelanunan, penyeludupan dan emigrasi.

Sesi keenam pada 31 Januari, masih membicarakan tentang keselamatan. Wakil Filipina, Peralta memberikan pandangan tentang situasi keselamatan di Asia Tenggara. Kebimbangan utama Filipina ialah ancaman dari komunis. Filipina khuatir bahawa Malaysia tidak akan dapat menjamin keselamatan Borneo Utara. Beliau menjangka dalam tempoh 10 tahun Borneo Utara akan dikuasai oleh komunis dari Singapura. Sir Robert Scott menolak pandangan Peralta tersebut. Pada pandangan British ancaman komunis dari Indonesia lebih merbahaya. Presiden Soekarno sejak awal lagi berhasrat untuk menguasai wilayah Borneo. Gagasan Malaysia hanya dijadikan alat untuk mengalah pandangan rakyat Indonesia daripada masalah dalam negeri. Sekiranya perbalahan itu membawa kepada konflik dengan negara-negara yang bersekutu dengan kuasa-kuasa Barat, Soekarno akan meminta bantuan daripada kuasa-kuasa komunis. Keadaan tersebut pula akan membolehkan PKI mengembangkan kekuatan dan pengaruhnya di Indonesia. Oleh itu Scott menasihatkan kerajaan Filipina supaya bekerjasama dengan Malaysia dan kuasa-kuasa barat untuk menghalang Soekarno daripada mencuba untuk campur tangan di Borneo Utara.

Lopez tidak mahu terlibat dalam soal Indonesia atau Malaysia. Yang menjadi punca Filipina kurang senang dengan Malaya kerana Tunku Abdul Rahman menolak cadangan Macapagal untuk menubuhkan Konfederasi Malaysia dan Filipina. Pada pandangan Filipina, Konfederasi itu juga akan dapat menghalang dasar peluasan Indonesia. Filipina juga tidak berpuas hati dengan keputusan Malaya untuk meneruskan

rancangan pembentukan Malaysia sebelum idea Konfederasi dapat dihalusi. Lopez juga mengemukakan ciri-ciri persamaan antara Malaysia dengan Filipina yang membolehkan Konfederasi itu dibentuk. Akhirnya Lopez mencadangkan supaya persidangan meja bulat diadakan antara semua negara di rantau ini – Filipina, Indonesia, Malaya, juga Thailand serta Britain, Australia dan New Zealand – mengenai keselamatan dan kestabilan serantau. Beliau sekali lagi mencadangkan supaya pembentukan Malaysia ditangguhkan sehingga persidangan itu mengemukakan laporan.

Perbincangan mengenai konfederasi telah dilanjutkan pada sesi sebelah petang. Thomas mencadangkan idea konfederasi itu hendaklah dibincangkan melalui saluran diplomatik atau persidangan khas membincangkan idea itu sebelum pembentukan Malaysia. Bagaimanapun, Thomas mengingatkan bahawa konfederasi bukan alternatif kepada gagasan Malaysia. Cadangan Thomas diterima oleh wakil Filipina.

Sesi terakhir berlangsung pada pagi Jumaat 1 Februari 1963. Sesi tersebut menumpukan perhatian kepada laporan Jawatankuasa Kecil Khas mengenai aspek *legal* kedudukan Borneo Utara. Laporan itu, antara lain menyatakan persetujuan Filipina untuk mengemukakan dokumen mengenai kedudukan Borneo Utara. Sebelum mengesahkan laporan Jawatankuasa Kecil Khas itu, Thomas memberikan kenyataan penjelasannya. Beliau menarik perhatian wakil Filipina bahawa tujuan kerajaan British mengadakan persidangan London adalah untuk membincangkan masalah bersama berkaitan dengan keselamatan dan kestabilan Asia Tenggara. Bagaimanapun, pihak British terkejut apabila wakil Filipina lebih menitikberatkan soal tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara, sedangkan kerajaan British menegaskan ia tidak bersedia untuk berbincang mengenainya. Sungguhpun begitu, kerajaan British masih bersedia untuk mendengarnya dan kemudian bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kecil meneliti soal tersebut. Persetujuan kerajaan British itu adalah semata-mata untuk kepentingan politik dalam negeri Filipina.

Lopez mengucapkan terima kasih kepada kerajaan British kerana sudi mendengar pandangan Filipina mengenai tuntutannya ke atas Borneo Utara. Pada pandangan Filipina soal tuntutan Borneo Utara mempunyai kaitan dengan persoalan keselamatan dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Memandangkan kerajaan

British enggan membincangkan mengenai tuntutan itu, Lopez berhasrat untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan Filipina supaya membawa soal Borneo Utara ke Mahkamah Antarabangsa atau mana-mana badan Tribunal Antarabangsa.

Thomas menasihatkan wakil Filipina supaya menangguhkan dahulu cadangan membawa kes tuntutannya ke Mahkamah Antarabangsa sehingga kedua-dua kerajaan bertukar dokumen dan kerajaan Filipina mengemukakan cadangan balas terhadap komen kerajaan British.

Pada akhir persidangan, sebuah kenyataan bersama dikeluaran. Kedua-dua pihak bersetuju untuk menggunakan saluran diplomatik dalam sebarang rundingan seterusnya.

Pada pandangan Pejabat Luar British, persidangan London adalah mengecewakan. Kerana persidangan itu gagal untuk mempengaruhi pihak Filipina menggugurkan rancangannya membawa kes Borneo Utara ke Mahkamah Antarabangsa atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ia juga gagal untuk menghalang mereka daripada bersubahat dengan Syeikh Azahari dan Indonesia untuk menentang Malaysia. Wakil Filipina, sebaliknya mengambil keputusan menasihatkan kerajaan Filipina membawa kes tersebut ke Mahkamah Antarabangsa. Di samping itu mereka juga mendesak persidangan itu memasukkan dalam Kenyataan Akhir bahawa kerajaan Filipina menentang kemusuhan Borneo Utara ke dalam gagasan Malaysia. Namun demikian, persidangan London juga menguntungkan British kerana ia mendedahkan kelemahan tuntutan Filipina dari segi undang-undang. Daripada persidangan itu juga pihak British dapat mengesan wujudnya *understanding* antara Filipina dengan Indonesia. Dalam hal ini, Pejabat Luar British membuat rumusan berikut:

They had arrived with the determination to turn a deaf ear to all our arguments about the common danger to both British and Philippines interests of an aggressive and expansionist Indonesian policy and nothing our delegation could say on the subject made any impression.

The whole course of the talks made it clear that the Philippines Government were not only obsessed with their claim to North Borneo, but had already envisaged the need for a choice between Malaysia and Indonesia and had decided in favour of the latter. Through the smoke screen of their proposals for Six-Power International Conferences and

wider Confederations and their enthusiasm for the principles of the Bandung declaration, there emerged three practical Philippine objectives:

1. The acquisition by them of North Borneo, in which case they would be prepared to tolerate a Malaysia restricted to Malaya, Singapore, Brunei and Sarawak; or
2. The division of the British Borneo territories between themselves and Indonesia with the vague hope that Malaya would nevertheless somehow absorb Singapore;
3. At any rate the postponement of Malaysia, so that the chance of achieving (a) or (b) above still remained open.²⁰

Sungguhpun begitu Pejabat Luar British akan berusaha untuk mengubah pendirian Filipina terhadap Malaysia serta menjauhkaninya dari Indonesia.

Kegagalan Persidangan London menyelesaikan isu Borneo Utara turut merisaukan pihak berkuasa Tanah Melayu. Kuala Lumpur bimbang Filipina akan membawa kes Borneo Utara ke Bangsa-bangsa Bersatu ataupun Mahkamah Antarabangsa. Pasti kemasukan Borneo Utara ke dalam Persekutuan Malaysia akan terjejas. Tanpa penyertaan Borneo Utara, kemungkinan besar rancangan Malaysia terpaksa ditangguhkan. Keghairahan Macapagal menuntut Borneo Utara jelas dalam ucapan negaranya pada 28 Januari 1963. Macapagal menegaskan:

The Philippines claim to North Borneo is vital to our national security in the light of the continuing communist danger in South-East Asia.²¹

Keadaan tambah membimbangkan apabila Indonesia turut membantah penubuhan Malaysia. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia pada 20 Januari 1963. Beliau menuduh Tanah Melayu sebagai "*accomplices of neo-colonialist and neo-imperialist forces pursuing a policy hostile towards Indonesia*".

Nota

1. E.H. Peck - J.A. Pilcher, 25 Mei 1962, FO 371/166593.
2. J.A. Pilcher - E.H. Peck, 26 Mei 1962, FO 371/166593.
3. Manila - Foreign Office, 23 Jun 1962, FO 371/166594.
4. Ibid.
5. Foreign Office - Manila, 24 Jun 1962, FO 371/166594.

6. F.A. Warner kpd. J.A. Pilcher, 28 Jun 1962, FO 371/166594.
7. Manila - Foreign Office, 4 Ogos 1962, FO 371/166596.
8. E.H. Peck - M.J. Gamboa, 7 Ogos 1962, FO 371/166596.
9. Manila - Foreign Office, 14 Sept. 1962, FO 371/166594.
10. Minit oleh F.A. Warner, 14 Sept. 1962, FO 371/166594.
11. Ibid.
12. Pitcher - Foreign Office, 28 Sept. 1962, FO 371/166594.
13. Pilcher - E.H. Peck, 12 Dis. 1962, FO 371/166603.
14. Pilcher - E.H. Peck, 12 Dis. 1962, FO 371/166603.
15. Minit oleh F.A. Warner, 14 Dis. 1962, FO 371/166603.
16. Manila - Foreign Office, 22 Dis. 1962, FO 371/166600.
17. Manila - Foreign Office, 28 Januari 1963, FO 371/169986.
18. Lihat, 'Report on the Anglo-Philippines Talks held in London, January 28 to February 1, 1963, dlm. FO 371/169978.
19. Ibid.
20. Ibid.
21. Manila - Foreign Office, 28 Jan 1963, FO 371/166600.

BAB 5

Persidangan Manila dan Konfrontasi

Kegagalan Persidangan London untuk menyelesaikan masalah Borneo Utara antara Filipina dengan Britain, konfrontasi Tanah Melayu dengan Indonesia yang semakin memuncak selepas pemberontakan di Brunei, memaksa pemimpin-pemimpin Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia mengadakan satu persidangan kemuncak bagi mencari jalan untuk menyelesaikan kemelut tersebut. Pelaez, Setiausaha Luar Filipina, memain peranan utama dalam mengaturkan satu Sidang Kemuncak.

Tunku telah dimaklumkan secara rasmi tentang cadangan untuk mengadakan Sidang Kemuncak itu oleh Presiden Macapagal pada 10 Mac 1963 (Kunaselan 1966). Tunku menerima baik cadangan itu. Dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, Tunku menerangkan adalah menjadi tugasnya untuk menyertai sebarang persidangan jika ia bertujuan untuk keamanan. Tetapi, sekiranya persidangan itu bertujuan untuk menghalang penubuhan Malaysia, beliau tidak akan menyertainya. Tunku telah menegaskan pendiriannya sekali lagi semasa berada di Manila pada 1 April 1963 untuk menghadiri mesyuarat ASA.

Manakala Indonesia juga menyatakan persetujuannya untuk hadir pada persidangan itu. Akhbar *Indonesia Herald* menganggap persidangan itu penting kerana ia akan memberi peluang kepada Indonesia untuk membantah serta memperlambatkan penubuhan Malaysia.

Pada bulan Mac 1963, Kementerian Luar Tanah Melayu telah meminta pandangan Pejabat Luar British tentang pendirian yang patut diambil dalam Sidang Kemuncak di Manila.¹ Sehubung dengan kes Borneo Utara, Ghazali Shafie bercadang untuk mengambil sikap 'tidak campur tangan' dalam isu itu. Tetapi, sekiranya Macapagal bercadang untuk membawa kes Borneo Utara ke Mahkamah Antarabangsa selepas penubuhan Malaysia, Tunku

akan menjawab bahawa pendirian Malaysia akan ditentukan selepas perbincangan diadakan antara Malaysia dengan Filipina. Pejabat Luar menasihat Ghazali supaya menolak cadangan Filipina untuk membawa kes Borneo Utara ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa ataupun mengadakan pungutan suara di wilayah itu. Tindakan itu akan hanya mencetuskan keresahan penduduk di Borneo Utara.

Persidangan di Manila bermula dengan perbincangan di peringkat Pegawai Kanan pada 9 - 17 April 1963. Tanah Melayu telah diwakili oleh Ghazali bin Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar; manakala Indonesia pula diwakili oleh Dr. Suwito Kusumowidagdo, Timbalan Menteri Luar; dan Filipina diwakili oleh Salvador P. Lopez, Setiausaha Rendah Hal Ehwal Luar. Persidangan itu berlangsung dalam suasana yang 'tegang'. Percubaan Indonesia untuk menjadikan isu penubuhan Malaysia sebagai isu antarabangsa telah ditolak. Selepas beberapa hari berbincang, pada 11 April 1963 mesyuarat bersetuju untuk mensesyorkan kepada kerajaan masing-masing dua perkara penting untuk dijadikan agenda mesyuarat peringkat Menteri, iaitu:

1. Untuk bertukar pendapat mengenai masalah semasa bagi kestabilan, keselamatan dan pembangunan ekonomi serantau;
2. Untuk berbincang serta mencari jalan bagi merapatkan hubungan antara ketiga-tiga buah negara.

Dalam pada itu, semasa mesyuarat peringkat pegawai sedang berlangsung, Tentera Nasional Indonesia atau TNI telah menceroboh dan menyerang balai Polis di Tebedu, Sarawak pada 12 April 1963. Tebedu terletak lebih kurang tiga batu dari sempadan Indonesia. Anggota tentera TNI juga turut terlibat dalam serangan itu. Ini merupakan pencerobohan pertama pihak Indonesia sejak konfrontasi dilancarkan. Secara kebetulannya, semasa serangan itu berlaku, Timbalan Pengurus Parti Komunis China berada di Jakarta dalam rangka lawatan rasmi.

Serangan itu amat mengecewakan Tunku. Tunku menuduh Soekarno sebagai 'boneka China' dan meminta beliau supaya *mind his own business* kerana ia akan membawa kebaikan kepada semua pihak (Gordon 1966).

Pihak British memandang serius terhadap perbuatan agresif Indonesia ke atas tanah jajahannya. Lalu, pada 18 April 1963,

Duta Besar British, Fry diarah supaya mengemukakan bantahan kepada Dr. Subandrio tentang peristiwa di Tebedu. Dalam surat itu, Fry meminta kerajaan Indonesia memberi pengakuan bahawa pihaknya tidak terlibat serta juga memberi jaminan untuk menghalang serangan itu dilancar dari wilayah Indonesia.² Pada 26 April, Fry telah mengadakan perjumpaan dengan Subandrio. Fry menyatakan perasaan kecewanya apabila diketahui serangan ke atas balai polis di Tebedu itu datang dari wilayah Indonesia.

Sementara itu, Narasimhan, wakil Setiausaha Agung PBB, U Thant, telah mengadakan perbincangan dengan Tun Razak di Kuala Lumpur. Perbincangan tertumpu kepada soal pelarian politik Indonesia di Tanah Melayu dan Maphilindo. Razak memberi jaminan bahawa pelarian politik itu akan diurus seperti yang dituntut oleh Undang-undang Antarabangsa. Tentang Maphilindo, Razak akan menimbang soal itu selepas penubuhan Malaysia.

Selepas itu Narasimhan berangkat ke Manila. Dalam pertemuannya dengan Macapagal, soal Borneo Utara menjadi topik utama perbincangan. Narasimhan mencadangkan supaya Malaysia ditubuhkan seperti yang dirancangkan oleh Tanah Melayu dan Britain, iaitu pada 31 Ogos 1963, dan pungutan suara di Borneo Utara diadakan selepas itu. Macapagal bercadang untuk meminta Setiausaha Agung PBB membantu menyelesaikan isu tersebut.

Selepas itu, Narasimhan berlepas ke Jakarta untuk berjumpa dengan Soekarno dan Subandrio. Dalam perbincangan dengan Subandrio soal Malaysia telah dibangkitkan. Subandrio menjelaskan Indonesia tidak berminat untuk menguasai wilayah British di Borneo, tetapi meminta supaya wilayah-wilayah itu diberi kemerdekaan terlebih dahulu sebelum mencantumkannya dengan Malaysia. Apabila diberitahu bahawa Malaysia akan ditubuhkan pada 31 Ogos, Subandrio menjawab, pihaknya masih bersedia untuk berkompromi. Subandrio memaklumkan kepada Narasimhan cadangan Soekarno untuk mengadakan pertemuan sulit dengan Tunku di Tokyo.

Pada 7 Mei 1963, Narasimhan mengadakan pertemuan dengan Lord Home, Setiausaha Luar British, di London.³ Narasimhan telah memaklumkan kepada Lord Home hasil perbincangannya dengan Razak, Macapagal dan Subandrio tentang isu Malaysia. Sehubungan dengan cadangan Soekarno hendak bertemu dengan Tunku di Tokyo, Narasimhan agak ragu-ragu tentang kejujuran-

nya. Kerana Soekarno dan Subandrio telah menghina Tanah Melayu dengan menyanyikan lagu kebangsaan Tanah Melayu seperti lagu pop di Persidangan Wartawan Afro-Asia di Jakarta pada bulan April 1963. Menjawab pertanyaan Lord Home sama ada Indonesia akan menyerang Malaysia selepas 31 Ogos, Narasimhan menjawab bahawa Indonesia tidak akan melancarkan serangan secara terbuka, sebaliknya akan meningkatkan serangan secara *hit and run*. Mengenai pungutan suara, Lord Home menolaknya, kerana ia akan mencetuskan kemarahan penduduk-penduduk di Borneo Utara dan Sarawak. Narasimhan menganggap pungutan suara adalah penting sebagai *face-saving device* bagi Indonesia dan juga Filipina. Di akhir perbincangan, Lord Home menyatakan persetujuannya dengan cadangan Soekarno hendak mengadakan pertemuan sulit dengan Tunku di Tokyo dan Perjumpaan di Manila.

Sementara itu, perbincangan telah berlangsung antara Thomas dengan Tun Abdul Razak di London tentang strategi yang perlu diambil dalam persidangan peringkat Menteri Luar di Manila yang akan berlangsung pada 24 Mei.⁴ Thomas mengingatkan Razak bahawa Indonesia dan Filipina pasti akan berusaha untuk menangguhkan penubuhan Malaysia, malah Indonesia akan berusaha untuk menggagalkan penubuhan gagasan itu. Razak juga diingatkan agar tidak terpengaruh dengan janji-janji Indonesia dan Filipina. Sebarang konsesi yang dipersetujui mestilah menguntungkan Malaysia. Tentang kemungkinan Filipina membawa kes Borneo Utara ke hadapan Mahkamah Antarabangsa, Thomas menegaskan:

Any acceptance that it should go to the International Court, would, we feel, only to strengthen their confidence in its legal merits which, during the past few months, would appear to have weakening.⁵

Dalam pertemuannya dengan Lord Home pada 15 Mei 1963, Tun Abdul Razak diingatkan sekali supaya menolak sebarang cadangan sama ada dari Macapagal ataupun Soekarno untuk mengadakan pungutan suara sebelum penubuhan Malaysia.⁶ Bagaimanapun, sekiranya Tunku berpendapat pungutan suara perlu diadakan selepas penubuhan Malaysia, kerajaan British tidak membantah atas alasan bahawa ia merupakan hal ehwal Malaysia. Tentang cadangan Filipina untuk membawa kes Borneo

Utara ke Mahkamah Antarabangsa, Lord Home mengingatkan Razak bahawa:

Submission of the claim to the International Court was bound to cause delay and the case could easily drag on for a couple of years.⁷

Lord Home berharap kerajaan Tanah Melayu berhati-hati apabila menangani sebarang cadangan dari kerajaan Filipina tentang soal tersebut sehingga Malaysia ditubuhkan.

Pada 25 Mei 1963, Soekarno telah menjemput Tunku untuk mengunjunginya di Tokyo. Tunku berharap pertemuan itu akan membantu menyelesaikan masalah berhubung dengan penubuhan Malaysia.

Menjelang pertemuan itu, Sir Andrew Gilchrist, Duta Besar British yang baru ke Indonesia, mencadangkan kepada Pejabat Luar supaya meminta Tunku menawarkan kepada Soekarno Perjanjian Tidak Agresif sebagai jaminan terhadap keselamatan Indonesia. Cadangan Gilchrist itu ditolak kerana Pejabat Luar bimbang ia akan menjelaskan kepentingan British di rantau itu. Sekiranya perjanjian itu diterima, pihak British terpaksa meninggalkan pangkalannya di Singapura dan membatalkan Perjanjian Pertahanan Tanah Melayu-Britain. Justeru itu cadangan itu tidak dikemukakan kepada Tunku.

Pertemuan tidak rasmi antara Tunku dengan Soekarno berlangsung selama dua hari, iaitu daripada 31 Mei hingga 1 Jun 1963. Pertemuan itu menghasilkan natijah yang baik. Pertama, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengadakan perjumpaan peringkat Menteri Luar di Manila pada awal Jun 1963. Kedua, mereka juga bersetuju untuk berhenti daripada 'berperang mulut' serta bersetuju untuk menyelesaikan sebarang konflik secara rundingan dengan semangat kejiran dan muhibah, sejajar dengan Perjanjian Persahabatan (1959). Kenyataan bersama yang dikeluarkan di Tokyo berbunyi seperti berikut:

President Soekarno of Indonesia and Prime Minister Tunku Abdul Rahman of Malaya, having agreed there was need for them to meet and clarify matters regarding the proposal for the formation of the Federation of Malaysia, held discussions on May 31 and June 1 in Tokyo. The amicable and frank exchange of views over the two days has achieved this purpose. President Soekarno and Prime Minister reaffirmed their faith in the Treaty of Friendship between Indonesia and Malaya

concluded in 1959, and agreed that any outstanding differences on matters directly and exclusively affecting them, the two countries should seek to settle them in a spirit of neighbourliness and goodwill through every available channel as envisaged in the Treaty of Friendship. The two Heads of Government, recognising the desirability of restoring and maintaining friendly relations and historical ties that have bound the two countries, decided that their respective Governments would take every possible measures to refrain from making acrimonious attacks and disparaging references to each other. The President and the Prime Minister have also cleared the way for a meeting of Ministers amongst Indonesia, the Philippines and Malaya, which they hope will lead to a meeting of Heads of Government of the three countries. They would strive for the achievement of closer understanding between the three countries in matters of common understanding between the three countries in matters of common concern and mutual interest. The President and the Prime Minister wish to thank the Prime Minister and Government of Japan for their kind hospitality, and in particular the Foreign Minister of Japan, who so generously made available his home for the purpose of this historic occasion.⁸

Pada 16 Jun 1963, Gilchrist telah mengadakan pertemuan dengan Jeneral Nasution, Menteri Pertahanan dan Ketua Turus Angkatan Tentera Indonesia. Gilchrist telah mengambil kesempatan daripada pertemuan itu untuk mendapatkan penjelasan sama ada tentang Indonesia terhadap penubuhan Malaysia itu akibat dasar peribadi Soekarno atau manifestasi kebangkitan kebangsaan. Nasution menjawab tentang terhadap penubuhan Malaysia melibatkan kedua-dua faktor. Namun begitu keseluruhan sejarah perjuangan rakyat Indonesia merebut kemerdekaan menyebabkan Indonesia tidak dapat menerima kolonialisme. Tegas Nasution:

The Tunku's administration in Malaya was no more than colonialism slightly disguised and the extension of this system to North Borneo was merely the substitution of one form of colonialism for another. Furthermore, there was the Chinese consideration. Though at the national level Indonesia was now friendly with China there was a traditional and ingrained detestation and fear of the Chinese which had just been manifested in the Anti-Chinese riots. The conception of Malaysia was one which brought this Chinese danger closer to Indonesia.⁹

Gilchrist menyoal balik Nasution, sekiranya Indonesia bimbang dengan ancaman dari China, kenapa pula Indonesia

menentang penubuhan Malaysia yang akan menjadi menghalang kemaraan China dan dipimpin pula oleh Tunku Abdul Rahman, seorang pemimpin yang antikomunis. Nasution tidak dapat menerima pandangan itu. Apabila Gilchrist mengatakan bahawa *detente* yang dicapai antara Tunku dengan Soekarno di Tokyo itu sebagai palsu sahaja, Nasution akur. Di akhir pertemuan itu, Gilchrist menasihatkan Indonesia supaya mengurus perbalahan mereka secara *gentleman* mengikut metodologi kebiasaan politik kuasa.

Sidang Kemuncak Tiga Pemimpin

Persidangan peringkat Menteri telah berlangsung di Manila pada 7 sehingga 11 Jun 1963. Perwakilan Malaya diketuai oleh Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri; Indonesia diketuai oleh Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia; manakala Filipina diwakili oleh Pelaez, Naib Presiden. Perjalanan persidangan itu agak panas. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga pemimpin itu bersetuju untuk berkompromi. Pada 11 Jun 1963, kenyataan bersama dikeluarkan. Kenyataan itu mengandungi tiga aspek penting, iaitu:

1. Persetujuan untuk menyokong cadangan Macapagal mengenai gagasan Konfederasi Tiga Negara - Filipina, Malaya dan Indonesia atau MAPHILINDO.
2. Persetujuan Filipina untuk menyokong pembentukan Malaysia dengan syarat pandangan penduduk-penduduk di wilayah Borneo ditentukan oleh sebuah badan bebas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau wakilnya.
3. Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.

Ekoran persetujuan itu, Tunku telah memaklumkan kepada Lord Home pada 24 Jun 1963, tentang persetujuan Tanah Melayu menerima cadangan membenarkan sebuah badan bebas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung PBB meninjau semula pandangan penduduk-penduduk di Borneo terhadap Malaysia. Mengikut Tunku, cadangan itu dipersetujui adalah semata-mata sebagai *face saving device for the Indonesians and Filipinos*. Lord Home agak kecewa dengan keputusan yang dibuat oleh Tunku tentang hal itu. Walau bagaimanapun pihak British tidak ada

pilihan kecuali akur dengan keputusan yang telah dibuat oleh Tanah Melayu.

Pada 9 Julai 1963, Kerajaan Tanah Melayu telah mencapai persetujuan dengan British untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Bagaimanapun, Brunei memutuskan untuk menangguh kemasukannya ke dalam Malaysia. Pengumuman itu telah mencetus kemarahan Soekarno. Beliau menganggap Tunku membela kangkan persetujuan yang tercapai di Tokyo. Soekarno mengugut untuk membatalkan rundingan dengan Tunku di Manila dan kembali melancarkan dasar konfrontasi. Soekarno menuduh Tunku melanggar janji yang dibuat di Tokyo. Subandrio pula menuntut agar prinsip menentukan nasib sendiri dilaksanakan ke atas wilayah British di Borneo.

Sebagai reaksi kepada perjanjian London, Indonesia telah mengadakan latihan ketenteraan di Laut China Selatan dan juga Selat Melaka. Dalam rapat raksasa di Jakarta pada 27 Julai 1963, Soekarno berikrar akan meneruskan dasar konfrontasi sehingga "*the colonialist Malaysia has been frustrated*". Beliau juga mengancam tidak akan menghadiri persidangan di Manila.

Bantahan Soekarno terhadap pemeteraian perjanjian London amat mengejutkan Tunku. Kerana Tunku telah pun memaklumkan kepada Soekarno tentang hasratnya untuk ke London semasa perjumpaan di Tokyo. Ketika itu, mengikut Tunku, Soekarno tidak menyatakan bantahannya. Dalam kenyataan yang dikeluaran pada 26 Julai 1963, Tunku menjelaskan tentang kepentingan perjanjian itu dimeterai. Jelas Tunku:

I must be appreciated that I could not enter into any commitment regarding Sarawak and Sabah until the London Agreement was signed. Not until the British indicate their readiness to convey Judicial Sovereignty over these territories and attach their signature to a document transferring these territories to Malaysia could I have any semblance or vestige of authority over these territories. Now that I have their promise for the formation of Malaysia, I am in a position to meet the President and discuss with him more fully this subject of Malaysia.¹⁰

Penjelasan Tunku nampaknya meyakinkan Soekarno apabila beliau memutuskan untuk menghadiri juga persidangan di Manila. Sidang Kemuncak ketiga-tiga pemimpin telah diadakan pada 30 Julai dan tamat pada 5 Ogos 1963. Keputusannya, menerima

secara toto ketiga-tiga perkara yang diputuskan oleh Sidang Menteri-menteri Luar.

Pada 5 Ogos 1963, persidangan telah mengeluarkan satu laporan dan cadangan yang dinamakan Persetujuan Manila. Persetujuan Manila ini dianggap telah dilulus dan diterimakan oleh Ketua-ketua Negara berkenaan. Menurut perenggan 10 dan 11 persetujuan itu, Setiausaha Agung PBB atau wakilnya hendaklah menentukan, sebelum penubuhan Malaysia, kehendak rakyat Borneo Utara dan Sarawak. Selaras dengan Resolusi Perhimpunan Agung 1541 (15) prinsip IX dalam lampirannya dengan suatu cara baharu yang pada pendapat Setiausaha Agung PBB itu adalah perlu. Ini bagi memastikan pematuhan penuh prinsip penentuan sendiri mengikut kehendak yang dimaktubkan dalam prinsip IX dengan mengambil kira soal tertentu berhubung dengan pilihan raya terbaharu di Sabah dan Sarawak. Selanjutnya, Setiausaha Agung PBB dikehendaki mengesahkan dan memuaskan hatinya, antara lain, sama ada gagasan Malaysia satu isu besar ataupun isu utama.

Menurut perenggan 10 dan 11 Persetujuan Manila, Setiausaha Agung PBB juga diminta menghantar rombongan kerja atau wakilnya untuk menjalankan tugas yang diperlukan. Ketiga-tiga negara berkenaan juga bersetuju menghantar pemerhati untuk menyaksikan pelaksanaan tugas tersebut.

Termasuk dalam laporan dan syor Menteri Luar ialah penjelasan Filipina tentang kedudukan Borneo Utara. Perenggan 12 Persetujuan Manila menekankan bahawa kemasukan Borneo Utara ke dalam Persekutuan Malaysia adalah tertakluk kepada keputusan muktamad tuntutan Filipina terhadap Borneo Utara. Juga diambil ingatan bahawa Filipina mempunyai hak untuk terus berusaha mencapai haknya ke atas Borneo Utara mengikut undang-undang antarabangsa dan prinsip penyelesaian pertikaian secara damai. Juga dipersetujui bahawa kemasukan Borneo Utara ke dalam Persekutuan Malaysia tidak akan menjelaskan sama ada tuntutan itu atau sebarang hak di bawahnya.

Persetujuan Manila juga berhasrat untuk mengambil langkah-langkah bagi menubuhkan Maphilindo. Turut dipersetujui ialah tentang pangkalan-pangkalan tentera asing hendaklah bersifat sementara dan tidak harus digunakan secara langsung atau tidak untuk mengkhianati kemerdekaan mana-mana negara.

Bersesuaian dengan keputusan Persidangan Manila, U Thant, Setiausaha Agung PBB dijemput menghantar kumpulan khas

bagi meninjau pandangan penduduk-penduduk di Borneo Utara dan Sarawak. U Thant bersetuju dengan permintaan itu. Justeru itu, Lawrence Michelmore dilantik untuk memimpin kumpulan tersebut.

Kumpulan tersebut tiba di Borneo Utara dan Sarawak pada 17 Ogos 1963. Sebelum itu, Setiausaha Agung PBB menegaskan bahawa kumpulan itu dihantar adalah atas kehendak kerajaan British. Dengan itu laporan yang akan dikemukakan oleh kumpulan itu tidak perlu mendapat pengesahan daripada mana-mana kerajaan berkaitan. Ketiga-tiga kerajaan - Malaysia, Indonesia dan Filipina - bersetuju dengan keputusan itu.

Sementara itu, kerajaan Tanah Melayu telah mengumumkan cadangannya untuk menunda tarikh penubuhan Malaysia dari pada 31 Ogos 1963, kepada tarikh baru untuk menunggu selesainya rombangan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga laporan Setiausaha Agung PBB pada 14 September 1963.

Pejabat Luar British tidak bersetuju dengan keputusan menukar tarikh penubuhan Malaysia, kerana bimbang ia akan menjaskan rancangan penubuhan Malaysia. Bagaimanapun, kerana desakan Amerika Syarikat, Pejabat Luar terpaksa akur. Pada keseluruhannya, Pejabat Luar British menyambut baik keputusan Persidangan Manila dan memuji Tunku kerana ketegasannya menolak cadangan untuk diadakan pungutan suara. Seperti dinyatakan oleh Warner:

We had never for a moment thought that the Indonesians would give up insisting on a plebiscite before Malaysia Day, and we had rather feared that the Tunku would lead us down and agree to this.¹¹

Tegasnya lagi:

It was an immense relief when he stood firm and was actually able to get Soekarno firm and was actually able to get Soekarno to accept (on paper) that consultation of the will of the peoples should be carried out merely by an enquiry of the Secretary-General of the United Nations, which could be based on the British-controlled elections.¹²

Pada 27 Ogos 1963, ketika PBB sedang sibuk mengatur gerak kerja mereka, S.P. Lopez, Setiausaha Luar Filipina, mengemukakan kepada kerajaan British, melalui Kedutaan British di Manila, keputusannya membawa kes Borneo Utara ke Mahkamah Antarabangsa. Kerajaan Filipina mengemukakan ca-

dangan itu berasaskan Persidangan di London dan Persidangan di Manila.

In the spirit of the statement of the Heads of Government herein above mentioned, and fully aware of the contribution which Great Britain has made through her long history to advance the rule of law, and of her adherence to the Charter of the United Nations which provides, inter alia, that legal disputes should be as general rule be referred by the parties to the International Court of Justice, the Republic of the Philippines now formally proposes that the two governments enter into a special agreement to refer the dispute between them to the International Court of Justice, so that it should be decide whether the sovereignty and decision over North Borneo belong to the Republic of the Philippines or to Her Majesty's Government.¹³

Pada 9 September 1963, Pejabat Luar telah menjawab surat kerajaan Filipina.

As Your Excellency will recall, the Philippines Government have meanwhile entered into various agreements, to which Her Majesty's Government were not a party and on which Her Majesty's Government desire to express no opinion, concerning the exercise of self-determination by the people of North Borneo. In this connexion, Her Majesty's Government have duly noted Your Excellency's statement 'that the inclusion of Sabah (North Borneo) in the Federation of Malaysia does not prejudice the claim or any right thereunder'. The Philippines Government have also invited the Secretary-General of the United Nations to carry out certain enquiries in this connexion. Her Majesty's Government presume that the Philippines Government, having themselves taken this initiative, would, in any case, prefer to await the report they have requested from the Secretary-General before committing themselves finally to the different course of action envisaged in Your Excellency's Note.

Her Majesty's Government, for their part, have meanwhile concluded an agreement, published on the 9th of July 1963 with the Governments of Malaya, North Borneo, Sarawak and Singapore concerning their inter alia self-government for North Borneo within Federation of Malaysia. It would accordingly be impossible for Her Majesty's Government to return any definite reply to the proposal of the Philippines Government without consulting the remaining signatories of this agreement.¹⁴

Justeru itu, kerajaan Filipina diminta mengemukakan keterangan yang lebih jelas cara ia hendak mengemukakan maksud-

nya sejajar dengan beberapa perjanjian yang telah dimeteraikan sebelum itu.

Sementara itu perselisihan berlaku antara PBB dengan kerajaan Filipina dan Indonesia tentang jumlah anggota kumpulan pemerhati yang akan dihantar bertugas di Sarawak dan Borneo Utara. Indonesia menuntut supaya ia dibenarkan meng-hantar 30 orang pemerhati untuk mengikuti rombongan PBB. Tuntutan itu ditolak oleh pihak British, kerana 30 orang adalah terlalu ramai dan sukar untuk menyediakan kemudahan. Indonesia menganggap bilangan itu terlalu sedikit dan menuduh British cuba mengkhianati perjanjian Manila. Tanpa membuang masa, PBB memulakan kerja mereka pada 26 Ogos 1963, tanpa kehadiran para pemerhati.

Memandangkan PBB tidak dapat menyelesaikan tugasnya sebelum 31 Ogos 1963, maka Tunku dengan persetujuan kerajaan Singapura, Sarawak, Sabah dan British telah mengeluarkan perisy蒂haran pada 29 Ogos bahawa Malaysia akan ditubuhkan pada 16 September 1963.

Pengumuman Tunku itu telah menimbulkan kemarahan pihak Indonesia dan Filipina. Pada 3 September Indonesia telah membantah dengan lantang dan menganggapnya sebagai *a reckless and premature decision* sambil menuduh Tunku telah melanggar perjanjian Manila.

Pada 14 September 1963, U Thant menerbitkan laporan Kumpulan PBB tersebut yang mengesahkan bahawa majoriti daripada penduduk di Borneo Utara dan Sarawak bersetuju untuk menyertai Persekutuan Malaysia (Mohd. Ariff 1988).

Setelah meneliti sepenuhnya pertimbangan itu, dan mengambil kira bidang tugas yang telah dilaksanakan oleh rombongan itu, saya mengambil kesimpulan bahawa sebahagian besar rakyat Sabah (Borneo Utara) dan Sarawak telah memberi pertimbangan yang bersungguh-sungguh dan mendalam terhadap masa hadapan mereka, dan terhadap akibat penyertaan mereka dalam Persekutuan Malaysia. Saya percaya sebahagian besar daripada mereka telah mengambil kesimpulan bahawa mereka ingin mengakhiri taraf takluk mereka dan mencapai kemerdekaan melalui penggabungan yang dipilih secara bebas dengan rakyat lain di rantau ini yang mereka rasakan ada hubungan dengan mereka dari segi rumpun bangsa, keturunan, bahasa, agama, kebudayaan, ekonomi, cicitia dan maklumat. Bukan semua mereka yang berfikiran sedemikian tetapi kesimpulan saya ialah bahawa sebahagian besar rakyat kedua-dua buah wilayah itu, setelah menimbangkan hal mereka, ingin ikut serta

dengan rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura dalam Persekutuan Malaysia untuk berusaha bersama-sama bagi mencapai cita-cita masa hadapan mereka.

Bagaimanapun tindakan Tunku mengisytiharkan tarikh pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, sebelum kumpulan PBB mengeluarkan laporannya seperti yang dipersetujui oleh persidangan Manila memarakkan lagi kemarahan kerajaan Indonesia dan Filipina.

Pada 14 September, Dr. Subandrio telah memaklumkan kepada Duta Malaysia bahawa Dutanya di Kuala Lumpur akan dipanggil pulang ke Jakarta pada 15 September, iaitu sebelum penubuhan Malaysia diisytiharkan. Subandrio menegaskan untuk sementara waktu Malaysia tidak akan diiktiraf, tetapi hubungan masih dikekalkan.¹⁵ Walaupun begitu, Duta Malaysia telah menghantar telegram kepada kerajaan Malaysia meminta nasihat. Telegram itu yang dihantar melalui kedutaan British berbunyi seperti berikut:

Can I return home with baggage?¹⁶

Sehubungan itu, Gilchrist berpendapat keputusan untuk 'pulang' hendaklah dibuat berdasarkan kenyataan rasmi kerajaan Indonesia. Pada pandangan Gilchrist, Malaysia mempunyai dua pilihan, iaitu sama ada memutuskan hubungan diplomatik dengan Indonesia apabila negara itu mengambil pendirian tidak mengiktiraf Malaysia ataupun meneruskan hubungan.

Sementara itu, demonstrasi anti-British dan Malaysia telah berlaku di merata-rata tempat di Indonesia. Pada 16 September, penunjuk-penunjuk perasaan menyerbu kedutaan-kedutaan British dan Malaysia di Jakarta. Mereka menurunkan bendera *Union Jack* dan mengibarkan bendera Indonesia. Pejabat Konsol British dan Malaysia di Medan juga menjadi sasaran keganasan penunjuk-penunjuk perasaan. Bantahan kerajaan British dan Malaysia tidak dilayan, sebaliknya, dalam kenyataan pada 16 September 1963, Dr. Subandrio telah memuji tindakan tersebut sebagai bantahan terhadap penubuhan Malaysia. Dalam masa yang sama, kesatuan-kesatuan sekerja yang bersekutu dengan Kesatuan Buruh Kerakyatan Indonesia telah mengambil alih firma-firma milik British di Jakarta. Para pekerja lapangan terbang juga memboikot Cathay Pacific dan Malayan Airways.

Pada 18 September, Kedutaan Malaysia telah dikuasai oleh Barisan Pemuda Indonesia. Firma-firma milik British dicerobohi dan harta benda dimusnah. Lord Home, Setiausaha Luar mengemukakan bantahannya kepada Diah. Beliau meminta kerajaan Indonesia melindungi harta benda milik kerajaan dan rakyat British serta membayar ganti rugi yang setimpal. Pada 19 September 1963, Diah mengemukakan jawapan kepada bantahan kerajaan British. Dalam nota itu kerajaan Indonesia tidak merestui tindakan para perusuh serta memberi jaminan bahawa harta benda British akan diberi perlindungan. Jawapan Indonesia itu tidak memuaskan kerajaan British.

Kerajaan Filipina juga tidak berpuas hati dengan laporan tersebut. Ramos, Duta Filipina di PBB menuduh kumpulan Permerhati PBB tidak menjalankan kerja dengan bertanggungjawab dan ditipu oleh kerajaan British. Dengan itu laporan itu tidak boleh diterima oleh kerajaan Filipina.

Pada 15 September 1963, Duta Malaya ke Manila, Zaiton Ibrahim telah dipanggil ke Pejabat Luar Filipina oleh Setiausaha Rendahnya, Librado Cayco. Zaiton telah dimaklumkan secara rasmi bahawa kerajaan Filipina tidak akan mengiktiraf Persekutuan Malaysia. Pada hari yang sama Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina telah mengeluarkan kenyataan rasminya:

President Diosdado Macapagal has decided to defer action on the question of the recognition of the proposed Federation of Malaysia: Acting Secretary of Foreign Affairs Librado D. Cayco announced today.

The President's decision, in effect, means that the Philippines will have no relations with the new State of Malaysia which will be inaugurated in Kuala Lumpur tomorrow. The President has summoned Secretary of Foreign Affairs Salvador P. Lopez to return to Manila from New York immediately in connexion with the policy decision of the Philippines Government on the recognition of Malaysia. After consultation with foreign policy leaders of the administration and Congress from both parties, the President said he would need further consultation with Secretary Lopez before the President announces final action on the recognition of Malaysia. On instructions of the President P.T. Cayco also recalled Ambassadors Yusup R. Abu Bakar and Narciso Reyes, Philippine envoys to Malaya and Indonesia, respectively, to make themselves available for immediate consultation with the President and

his foreign policy advisers. Cayco revealed that the President decision came after the President had conferred with congressional experts on foreign affairs and foreign policy advisers of the administration.¹⁷

Tindakan kerajaan Filipina disambut dengan sedih oleh Kerajaan British. Duta Besar British, Addis telah mengadakan perjumpaan dengan Cayco pada 16 September untuk mendapatkan penjelasan. Cayco menjelaskan sikap Filipina terhadap Malaysia masih belum lagi diputus. Beliau memberi jaminan kerajaan Filipina tidak berhajat untuk mengambil sebarang tindakan di Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Malaysia. Pada pandangan Addis, sikap Filipina itu adalah tidak lebih daripada usaha untuk memuaskan pihak komunis dan Jakarta.

Semasa bertemu dengan Addis, Hechanova, Setiausaha Khas kepada Presiden Macapagal menjelaskan, jika Tunku memberi jaminan bertulis bahawa penubuhan Malaysia tidak akan menghalang Filipina dari menuntut Sabah, kerajaan Filipina tidak keberatan untuk mengiktiraf Malaysia dan mengadakan satu lagi Sidang Kemuncak untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tujuan utama Sidang Kemuncak diadakan tempoh hari adalah untuk mengawal Indonesia. Sekiranya Soekarno bersetuju untuk mengadakan Sidang Kemuncak baru, Presiden Macapagal berharap ia akan dapat membendung Soekarno daripada bertindak agresif terhadap Malaysia. Bagaimanapun, Sidang Kemuncak itu mesti menyediakan *some face saving device* untuk Soekarno. Tegas beliau lagi:

This had been the objective of the Manila meeting, but what had been achieved then had been frustrated by the announcement of the new date for Malaysia before publication of the Secretary-General's finding. A new device must now be thought up.¹⁸

Addis menganggap tindakan Macapagal untuk menangguh pengiktirafan terhadap Malaysia sebagai satu kesilapan. Malaysia telah menjadi mangsa tindakan Filipina. Dengan itu adalah tidak munasabah bagi Malaysia untuk memberikan jaminan dan kenyataan sebagai prasyarat sebelum Filipina memulihkan hubungan dengan Malaysia. Tegasnya lagi:

If the President continued on his present line of requiring conditions and expecting an initiative from the Malaysian side, he would in my opinion

get nowhere. I believed that the President sincerely wanted to restore relations, but he must realise that it was now up to him to make a positive and conspicuous gesture, and to extend the hand of friendship. A generous and constructive initiative was surely in keeping with the President's conception of his role.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, Kerajaan Malaysia menegaskan bahawa pengiktirafan Manila terhadap Malaysia tidaklah penting, kerana Manila sebelum itu telah pun mengiktiraf Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur juga mengingatkan Manila bahawa penyertaan Borneo Utara atau Sabah, nama barunya, ke dalam Persekutuan Malaysia dibuat atas kehendak penduduknya berasaskan prinsip 'penentuan nasib sendiri' sejajar dengan kehendak Filipina. PBB juga telah mengesahkan keputusan tersebut.

Tanpa menghirau bantahan Indonesia dan Filipina, pada 16 September 1963, Tunku Abdul Rahman mengisyiharkan penuhan Malaysia yang mengandungi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah (Borneo Utara). Brunei, atas sebab-sebab tertentu, memilih untuk berada di luar Malaysia dan dengan itu terus kekal sebagai sebuah negeri di bawah naungan British.

Indonesia menyambut penubuhan Malaysia dengan mengumumkan pemboikotan ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia. Pada 21 September 1963, Badan Eksekutif Barisan Kebangsaan Indonesia mengumumkan pembentukan Barisan Aksi Mengganyang Malaysia di bawah pimpinan Sudibjo. Kumpulan separa tentera juga telah ditubuhkan. Pada 25 September hubungan telegrafik dan kabel Indonesia dengan Malaysia telah diputuskan.

Menghadapi ancaman Indonesia, pada 23 Disember 1963, Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, dalam kenyataannya di Parlimen menyeru rakyat Malaysia, khususnya di Sabah dan Sarawak, supaya bersiap untuk mempertahankan tanah air daripada pencerobohan dan serangan pihak Indonesia. Tegas beliau:

We want to live in peace, but so long as our neighbours show that they have aggressive intentions against us or if they do not want to live in peace then we must take all possible measures to defend ourselves. We have taken steps to register people for national service and we have also taken steps to expand our territorial army by about 22,000 more men, excluding Singapore and the Borneo territories.¹⁹

Dalam masa yang sama, kerajaan British, Australia dan New Zealand memberi jaminan kepada kerajaan Malaysia bahawa mereka akan membantu mempertahankan Malaysia daripada pencerobohan Indonesia. Dalam kenyataan bersama yang dieluarkan di Kuala Lumpur pada 6 Januari 1964, kerajaan British dan Malaysia bertekad untuk menghadapi ancaman Indonesia. Perdana Menteri New Zealand juga berikrar akan '*stood ready and determined in such circumstances to meet its obligations... by whatever military or other measures as necessary*'.²⁰

Nota

1. Kuala Lumpur kpd. CRO, 19 Mac 1963, FO 371/169983.
2. FO - Djakarta, 18 Apr. 1963, FO 371/169983.
3. Record of Foreign Secretary's conversation with Mr. Narasimin on May 7, 1963, FO 371/169700.
4. Record of Conversation between Mr. Peter Thomas and the Malayan Minister of Defence, May 15, 1963, FO 371/169701.
5. Ibid.
6. Warner (FO) - Gilchrist, 22 Mei 1963, FO 371/169703.
7. Ibid.
8. Tokyo - FO, 5 Jun 1963, FO 371/169703.
9. Djakarta - FO, 16 Jun 1963, FO 371/169703.
10. Kenyataan Akhbar Kementerian Luar Tanah Melayu, 26 Julai 1963, FO 371/166685.
11. Warner - Gilchrist, 13 Ogos 1963, FO 371/169723.
12. Ibid.
13. S.P. Lopez - Theo Peters, 27 Ogos 1963, FO 371/169723.
14. Theo Peters - S.P. Lopez, 9 Sept. 1963, FO 371/169991.
15. Djakarta - Foreign Office, 14 Sept. 1963, FO 371/169982.
16. Djakarta - Foreign Office, 15 Sept. 1963, FO 371/169982.
17. Manila - Foreign Office, 15 Sept. 1963, FO 371/169982.
18. Manila - Foreign Office, 16 Sept. 1963, FO 371/169982.
19. Kuala Lumpur - Foreign Office, 24 Disember 1963, PREM 11/4905.
20. Text of Press Statement of 17 January 1964, Made by the Prime Minister of New Zealand, PREM 11/4905.

BAHAGIAN II

KONFRONTASI DAN
PERKEMBANGANNYA

P e n g e n a l a n

Perbalahan antara Malaysia dengan Indonesia telah mewujudkan ketegangan di rantau Asia Tenggara. Keadaan ini dipandang serius oleh negara-negara sahabat seperti Thailand, Jepun dan Amerika Syarikat. Mereka berpendapat bahawa konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia dan Filipina perlu diatasi. Ini akan menghalang pihak komunis mengambil kesempatan memperluaskan pengaruh serta tapaknya di rantau yang tidak tenteram itu, terutamanya dalam konteks krisis di Laos yang kritikal. Thailand merupakan negara pertama yang cuba mendamaikan perbalahan antara Malaysia dengan Indonesia dan Filipina. Thanat Khoman, Menteri Luar Thai, mengesyorkan supaya persidangan tiga kuasa diadakan di Bangkok. Tawaran Thailand itu telah dimaklumkan kepada kerajaan Malaysia, British dan Filipina. Presiden Macapagal menyokong cadangan Thanat. Kesempatan itu telah diambil oleh pihak Amerika Syarikat bagi menemukan pihak yang terbabit dalam konfrontasi itu di Bangkok. Bagi maksud itu, Presiden Johnson telah menghantar Peguam Negaranya, Robert Kennedy ke Asia Tenggara untuk mengatur pertemuan antara Soekarno, Macapagal dan Tunku Abdul Rahman. Maka persidangan peringkat Menteri dan Ketua-ketua Negara telah berlangsung di Bangkok dan Tokyo. Walau bagaimanapun, persidangan itu tidak menghasilkan sebarang natijah.

Pendaratan tentera Indonesia di Semenanjung Tanah Melayu pada bulan Oktober 1964, memaksa kerajaan Malaysia mengadu dan mengemukakan bantahan kepada Majlis Keselamatan PBB. Menteri Keselamatan Dalam Negeri Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman telah membentang aduan dan bantahan Malaysia di Majlis Keselamatan pada awal September 1964. Akibatnya, satu resolusi, yang dikenali sebagai Resolusi Norway, telah didraf tetapi malangnya telah dibatalkan oleh undi veto pihak USSR yang memihak kepada Indonesia.

Ketika konfrontasi Malaysia-Indonesia sedang memuncak, terdapat usaha-usaha oleh *peace feelers* pihak-pihak tertentu dalam pemerintahan Indonesia untuk cuba merisik kemungkinan konfrontasi antara kedua-dua buah negara itu dapat diselesaikan. Antara *peace feelers* Indonesia yang mengadakan pertemuan sulit dengan pihak British ialah Jeneral Sutowo, Jeneral S. Parman, Jeneral Soegih Arto dan Chairul Salih. Usaha-usaha *peace feelers* tidak menghasilkan sebarang natijah justeru tindakan Indonesia yang meneruskan juga pencerobohan ke atas wilayah Malaysia.

Pendaratan tentera Indonesia untuk kali kedua pada bulan Oktober 1964 telah memaksa kerajaan Malaysia mengkaji semula polisi pertahanannya. Pihak Malaysia tidak berpuas hati dengan dasar pertahanan British yang bersifat defensif. Pada pandangan Malaysia, dasar defensif tidak akan menghalang Indonesia dari pada meneruskan pencerobohan. Justeru itu, kerajaan Malaysia telah menuntut British melaksanakan dasar ofensif yang melibatkan operasi merentas sempadan sejauh 10,000 ela dan lebih. Justeru tekanan dari Malaysia, beberapa operasi ofensif telah digubal, seperti rancangan *Mason*, rancangan *Addington* dan *Althorpe*.



GAMBAR 1. Mr. Robert F. Kennedy (tengah) mewakili Amerika Syarikat untuk menyelesaikan krisis antara Malaysia dan Indonesia bertemu dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Timb. Perdana Menteri Tun Abdul Razak pada 21 Januari, 1964



GAMBAR 2. Ketua Pesuruhjaya dan kedutaan Malaysia di luar negara diberi taklimat terkini tentang krisis Malaysia dan Indonesia



GAMBAR 3. Menteri Luar Thai, Tun Thanat Khoman meraikan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Menteri Luar Indonesia, Tuan Adam Malik di Hotel Erawan, Bangkok



GAMBAR 4. Perwakilan Malaysia dan Indonesia menghadiri rundingan damai di Bangkok mengadakan perundingan rasmi yang pertama di Rumah Tetamu Kerajaan ManangAEA pada 30hb Mei 1966



GAMBAR 5. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berangkat ke Jakarta dari Kuala Lumpur untuk menandatangani Perjanjian Perdamaian disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa, Kemajoran



GAMBAR 6. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, di Jakarta untuk menandatangani Perjanjian Perdamaian mengunjungi Presiden Sukarno di Istana Negara Jakarta




GAMBAR 7. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengunjungi Jeneral Soeharto, Ketua Tentera Indonesia di Markas Tentera



GAMBAR 8. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Perwakilan Malaysia disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, sekembalinya dari Jakarta



GAMBAR 9. Tun Abdul Razak berbincang dengan ahli Kumpulan Penyeliaan dalam perbincangan di Kuala Lumpur



GAMBAR 10. Tan Sri Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Hal Ehwal Luar meletakkan bunga di atas kubur Lt. Jeneral Achmad Jani di Makam Pahlawan, Jakarta



GAMBAR 11. Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra



GAMBAR 12. Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak



GAMBAR 13. Tan Sri Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Hal Ehwal Luar, bergambar dengan Jenderal Soeharto (kanan) dan Menteri Luar Indonesia Tun Adam Malik



GAMBAR 14. Kehilatan Wakil Malaysia Tun Abdul Razak bin Hussein sedang bersalaman dengan wakil Indonesia iaitu Tun Adam Malik di Bangkok pada 1966

BAB 6

Usaha Awal ke Arah Penyelesaian Konfrontasi

Konfrontasi Malaysia-Indonesia dan Filipina dipandang serius oleh negara-negara sahabat. Pada 16-18 Oktober 1963, satu mesyuarat kuasa-kuasa ANZUS telah berlangsung di Jabatan Negara, Washington D.C. bagi membincangkan tentang dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.¹ Sir David Ormsby Gore, Duta British di Washington mengingatkan mesyuarat bahawa Soekarno mengamalkan dasar peluasan kuasa dan berhasrat untuk mendominasikan rantau Asia Tenggara. Pada pandangannya, sekiranya Indonesia dengan sokongan Filipina berjaya meruntuhkan Malaysia, kepentingan kuasa-kuasa barat di rantau itu pasti akan terjejas. Atas pertimbangan itu, Gore, dengan sokongan Sir G. Barwick, Menteri Luar Australia, dan Alistair McIntosh, Setiausaha Luar New Zealand berpendapat dasar agresif Indonesia itu mesti disekat.

Gabenor Harriman, Setiausaha Bawah Jabatan Negara, tidak menolak pandangan-pandangan tersebut. Bagaimanapun beliau menegaskan tentang peri pentingnya isu itu dilihat daripada perspektif yang lebih luas. Pada pandangan Jabatan Negara Amerika, ancaman terbesar sekali yang dihadapi oleh Asia Timur ialah China Komunis. Adalah penting untuk menyelamatkan Indonesia daripada dipengaruhi oleh komunis. Sekiranya Indonesia menjadi komunis, Asia Tenggara akan terancam. Maka itu adalah penting bagi Amerika Syarikat berusaha untuk membantu pihak antikomunis di Indonesia, khususnya angkatan tentera darat. Harriman menganggap Soekarno sebagai seorang yang tidak rasional, bersikap oportunistis, besar diri dan agresif. Soekarno sangat khuatir dengan ancaman China Komunis dan percaya bahawa Malaysia tidak mampu untuk menghalang kemaraan China. Harriman percaya bahawa sekiranya Soekarno gagal untuk mendapatkan bantuan luar, pasti dia akan berpaling kepada

Soviet Rusia. Untuk mengelak keadaan itu berlaku, adalah penting bagi Amerika cuba mempengaruhi Soekarno dalam menggubal dan menghala dasar luarnya. Bantuan Amerika kepada Indonesia adalah bertujuan untuk mengukuhkan elemen-elemen antikomunis, khususnya tentera dan polis, di samping mempengaruhi Soekarno supaya memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi. Sekiranya Amerika menghentikan bantuan ekonomi kepada Indonesia, ia tidak lagi akan dapat mempengaruhi Soekarno.

Barwick mengingatkan Harriman bahawa semenjak bulan Februari 1963, kuasa-kuasa barat cuba mengakomodasi Soekarno. Beberapa Sidang Kemuncak telah diadakan, malah Tunku juga telah bersetuju untuk membenarkan suruhanjaya Setiausaha Agung PBB menyiasat pendirian penduduk di Borneo. Malaysia dan United Kingdom tidak lagi bersedia untuk mengakomodasi kehendak Soekarno yang tidak menghasilkan sebarang natijah yang positif. Tegasnya lagi:

Malaysia had been faced with an overt declaration of implacable hostility and all Indonesian trade had been cut off. The outlook was fraught with danger for Australia. If Soekarno were allowed to get away with his present policy, Timor and New Guinea would be next on the list - Timor was probably in for trouble soon anyway. The situation had changed since the previous quadripartite talks in February, for Malaysia now existed, and we could not allow Soekarno to destroy it. No one suggested that he should be hit over the head, but firm action must be taken and the American must make their position clearer...We should cease to put pressure on the Tunku to make conciliatory gestures and should let Soekarno know that he had reached the end of the road.²

Gore menegaskan bahawa Indonesia sedang membuat kerja untuk pihak komunis dan sekiranya Indonesia dibenarkan menjahamkan Malaysia, kubu terkuat untuk menghadapi ancaman komunis di Asia Tenggara pasti akan lumpuh, dan semangat Thailand dan Filipino juga akan menjadi lemah. Beliau percaya sekiranya Soekarno sedar dia akan gagal, kemungkinan dia akan kembali ke pangkal jalan. McIntosh mengingatkan mesyuarat supaya tidak mengulangi pengalaman di Munich menjelang perang Eropah dalam menangani masalah Indonesia.

Barwick juga mengingatkan bahawa kekuatan Malaysia dan kegunaannya sebagai kuasa yang bersekutu dengan barat adalah

bergantung kepada pengekalan kuasa dominan Melayu di Malaysia. Kaum Cina di Singapura pasti akan berpaling kepada China Komunis sekiranya Malaysia gagal. Kenyataan Barwick disokong oleh McIntosh.

Harriman bersetuju dengan pandangan itu, tetapi persoalannya ialah bagaimana hendak mengalah Soekarno daripada tindakan agresifnya. Beliau mencadangkan supaya diadakan satu lagi persidangan antara Tunku, Soekarno dan Macapagal dalam kerangka Maphilindo. Barwick berpendapat bahawa perjumpaan Maphilindo akan menjadi topeng dan bukan *face saving device* untuk Soekarno meneruskan dasar konfrontasi terhadap Malaysia. Sekiranya Soekarno benar-benar ingin menamatkan konfrontasi, pasti beliau telah membuat demikian semasa sidang di Manila dan penyiasatan Suruhanjaya PBB dulu. Harriman bersetuju dan percaya bahawa persidangan tiga kuasa tidak lagi perlu diadakan kecuali apabila Indonesia dan Filipina mengubah pendiriannya terhadap Malaysia.

Selepas mesyuarat itu, satu nota persetujuan telah dikeluarkan, iaitu:

1. Perwakilan Australia, New Zealand dan United Kingdom mengulangi komitmen mereka untuk mempertahankan Malaysia.
2. Mesyuarat bersetuju bahawa Sidang Kemuncak antara tiga pemimpin (Indonesia, Malaysia dan Filipina) tidak sesuai diadakan.
3. Amerika Syarikat juga bersetuju untuk mengambil beberapa tindakan sebagai menyatakan sokongannya terhadap Malaysia, seperti menjual alat senjata kepada Malaysia secara kredit; menjemput pemimpin-pemimpin Malaysia melawat Amerika dan lawatan angkatan laut Amerika ke Malaysia. Amerika Syarikat juga bersetuju untuk menyokong pencalonan Malaysia bagi menduduki kerusi Majlis Keselamatan (PBB).
4. Mesyuarat memutus untuk menasihat Tunku supaya bersabar dalam menghadapi tekanan dan ancaman dari Indonesia.
5. Mesyuarat juga bersetuju untuk menyokong usaha Thanat Khoman, Menteri Luar Thailand menyelesaikan konfrontasi melalui meja rundingan.

Thanat Khoman Sebagai Pengaman

Dengan sokongan Amerika, Thanat Khoman berusaha untuk menjadi pengaman dalam perbalahan antara negara-negara anggota ASA dan Maphilindo. Pada 16 Disember 1963, Thanat telah menjemput Presiden Macapagal ke Bangkok. Perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu berkisar kepada soal konfrontasi. Thanat mencadangkan supaya gencatan senjata diadakan selama satu bulan bagi membolehkan Sidang Kemuncak peringkat Menteri Luar Maphilindo diadakan bagi menyelesaikan kemelut tersebut. Sidang itu hendaklah diadakan secara informal tanpa agenda, minit dan penasihat. Dalam tempoh itu, semua kegiatan tembak-menembak di perbatasan, propaganda, kenyataan keras, demonstrasi dan serangan radio hendaklah dihentikan. Thanat mengingatkan sekiranya syarat-syarat itu dilanggar, Sidang Kemuncak tidak akan diadakan. Macapagal bersetuju dengan cadangan Thanat dan menyatakan kesediaannya untuk memaklumkan cadangan itu kepada Soekarno.

Pada 16 Disember 1963, Thanat telah memanggil Dato Mohamed Sopie, Duta Malaysia ke pejabatnya untuk memaklumkan hasil rundingannya dengan Macapagal.³ Beliau meminta Dato Mohamed Sopie memberitahu Tunku kiranya beliau hendak menambahkan sebarang syarat sebelum persidangan berlangsung. Agak malang ketika cadangan itu disampaikan pasukan keselamatan Malaysia telah mengalami kecederaan yang parah akibat serangan hendap pihak Indonesia di Sarawak pada 29 Disember 1963. Apabila cadangan itu disebut kepada Tunku, beliau menolak ke tepi sambil berkata bahawa "*He would not consider any set of discussions in the light of recent incident*".⁴ Bagaimanapun Lord Head menyokong kuat cadangan Thanat untuk mengatur persidangan tersebut dan mengesyorkan supaya Tunku menerimanya. "*It would be a mistake*", kata Lord Head, "*to appear in any way to be rejecting any Thai proposal*". Tambahan lagi: "*if, as unfortunately is only too likely Thanat's initiative does not succeed the onus should be seen to be clearly on Soekarno*".

Sekembali ke Manila, Macapagal telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Soekarno pada 7 hingga 11 Januari 1964 tentang cadangan untuk mengadakan Sidang Kemuncak bagi membincangkan soal keselamatan dan kestabilan Asia Tenggara.

Pada akhir pertemuan itu, satu kenyataan bersama telah dikeluar-kan yang berbunyi seperti berikut:

President Diosdado Macapagal of the Philippines and President Soekarno of Indonesia, in fulfilment of the provisions of the Manila Agreements, namely, the Manila Accord, the Manila Declaration and the Manila Joint Statement, the first signed in Manila on the 31st day of July, 1963 and the last two on the 5th day of August, 1963 by the two leaders and the then Prime Minister of the Federation of Malaya, Tunku Abdul Rahman, considering the grave situation that has developed in the region during the last six months after the signing of the Manila Agreement and following the incorrect and improper implementation of the agreements as exemplified by the premature announcement of the establishment of the 'Federation of Malaysia' before the termination of the United Nations ascertainment of the wishes of the inhabitants of Sarawak and Sabah (former British North Borneo), as well as by the failure of the Federation of Malaya with regard to the Philippine claim to Sabah, as stipulated in the Manila Agreements, and recalling that the then Federation of Malaya, a co-signatory to the Manila Agreements, broke off diplomatic relations with the republic of the Philippines and the Republic of Indonesia, have, as loyal adherents to the Manila Agreements, agreed to meet and consult with each other, in the spirit of *if mushawarah*, for the purpose of

- (a) reviewing the events and developments that have occurred since the Summit meeting in Manila, especially as they affect the peace, security and stability of the area;
- (b) informing each other of the steps they have taken thus far in the implementation of the Manila Agreements; and
- (c) exploring further ways and means to give more substance to the ideals of Maphilindo for the benefit of the region as a whole.

For this purpose, Presiden Soekarno made an official working visit to the Philippines from the 7th to 11th January, 1964. During the visit, a series of talks were held in the spirit of *mushawarah* as the fundamental method of Maphilindo.⁵

Selaras dengan itu juga, Pejabat Luar Filipina telah menge-luarkan kenyataan akhbar pada 12 Januari 1964.

Secretary of Foreign Affairs Salvador P. Lopez revealed that President Macapagal, encouraged by the results of his recent meeting with President Soekarno, looks to having a Maphilindo *Mushawarah* meeting with Tunku Abdul Rahman at the earliest possible opportunity. President Macapagal

believes that such a meeting would further contribute to the lessening of tensions and promote the security and stability of the region.⁶

Addis, Duta Besar British di Manila, ternyata tidak berpuas hati dengan kenyataan bersama Macapagal-Soekarno. Beliau menyampaikan perasaan itu secara terus terang kepada Lopez pada majlis makan malam pada 12 Januari 1964. Kenyataan tersebut, tegas Addis, sebagai berat sebelah dan bimbang ia akan menyinggung perasaan Tunku. Pada pendapat Addis, kenyataan itu sepatutnya mengelak dari menyebut isu-isu kontroversi dan sebaliknya memberi tumpuan kepada hal-hal positif.

Sehubungan itu, Lopez berharap Tunku tidak akan mengambil berat tentang kenyataan tersebut, sebaliknya memberi perhatian kepada kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Pejabat Luar Filipina.

I could not accept that the restatement had been necessary at this time and in this official way, emphasising as it did the opposition of the two States against the third. These controversial issues could have been left on one side and the joint statement could have been confined to forward-looking and the constructive material.⁷

Sementara itu di Kuala Lumpur, Geofroy Tory telah mengadakan pertemuan dengan Tunku tentang keputusan Macapagal-Soekarno untuk mengadakan Sidang Kemuncak Maphilindo.⁸ Tunku bersedia untuk berunding dengan Macapagal di sebuah negara berkecuali. Tunku menyatakan kesediaannya untuk membenarkan Filipina membawa kes Sabah ke Mahkamah Antarabangsa sekiranya Macapagal menerima Persetujuan Manila. Tunku berharap pertemuan itu akan dapat mengasingkan Soekarno, dan, dengan sokongan Amerika, Soekarno akan terpaksa mengakhiri dasar konfrontasinya terhadap Malaysia. Mengikut Tunku, maklumat yang diterima menunjukkan bahawa Soekarno terpaksa melancarkan dasar konfrontasi kerana kegalangannya mengawal angkatan tentera dan PKI yang mahukan dasar konfrontasi dilancarkan. Pejabat Luar menyokong pandangan Tunku. Dalam suratnya kepada Jabatan Negara, Pejabat Luar mengharap Amerika Syarikat akan menggantung bantuan dan sokongannya kepada Indonesia.⁹ Dengan berbuat demikian, Pejabat Luar percaya ia akan mencetuskan keresahan dan ketidakpuasan politik yang akhirnya akan memaksa Soekarno menerima sebarang

formula *face-saving* bagi menamatkan konfrontasi demi untuk mempertahankan kedudukannya. Sebaliknya, jika Amerika masih menghulurkan bantuan kepada Indonesia, ia akan meyakinkan Soekarno bahawa kuasa-kuasa Barat tidak bersatu dan sokongan Britain terhadap Malaysia hanya bersifat sementara sahaja. Pihak British menolak pandangan Amerika mengambil tindakan drastik terhadap Indonesia, kerana kemungkinan Soekarno akan berpaling kepada blok komunis. Pihak British tidak percaya bahawa Soekarno akan meninggalkan dasar pengimbangan kuasa antara PKI dengan tentera dalam politik dalaman ataupun antara blok barat dan timur dalam politik antarabangsa. Ia juga tidak percaya bahawa Soviet Union akan menyokong Indonesia memandangkan PKI mempunyai hubungan intim dengan Peking.

Oleh itu, Pejabat Luar mengarahkan Rundall, Dutanya di Tokyo, supaya mengadakan pertemuan dengan Robert Kennedy, yang sedang berada di Tokyo ketika itu dalam misi damainya.¹⁰ Mempengaruhi Robert Kennedy supaya menggantung semua jenis bantuan kepada Indonesia, kecuali Soekarno menamatkan dasar konfrontasinya terhadap Malaysia dan bersedia untuk mengadakan rundingan dengan Tunku. Pejabat Luar juga tidak percaya bahawa tanpa tekanan dari Amerika Syarikat sebarang Sidang Kemuncak antara Soekarno dengan Tunku akan berhasil. Kemungkinan besar dalam sidang itu, Soekarno dan Macapagal akan memaksa Tunku menerima dua syarat, iaitu: (a) mengadakan pungutan suara baru di Sarawak dan Sabah bagi mengesahkan laporan U Thant; (b) dengan menutup pangkalan tentera di Singapura.

Pertemuan Robert Kennedy dengan Soekarno di Tokyo

Sementara itu, pertemuan antara Robert Kennedy dengan Soekarno telah diatur oleh Perdana Menteri Jepun, Ikeda di Tokyo. Sebelum pertemuan itu berlangsung, Ikeda telah mengadakan perbincangan dengan Soekarno. Dalam pertemuan itu Ikeda menasihatkan Soekarno supaya mengundurkan tenteranya dari perbatasan Kalimantan-Malaysia Timur.¹¹ Soekarno menyatakan persetujuan untuk berbuat demikian sekiranya pihak British juga mengundurkan tenteranya. Dalam perbincangan itu Soekarno juga menyatakan ketidakpuasan hatinya dengan cara

Setiausaha Agung PBB menjalankan penyiasatan di Borneo. Beliau mencadangkan supaya pungutan suara baru diadakan seperti yang dipersejui di Manila. Ikeda menganggap cadangan Soekarno itu sebagai tidak praktikal. Kerana hasil penyiasatan itu telah disahkan oleh U Thant.

Dalam pertemuannya dengan Soekarno pada 17 Januari 1964, Kennedy memaklumkan tentang hasratnya untuk meminta Indonesia dan British mengundurkan tentera masing-masing secara serentak dari perbatasan dan kemudiannya mengadakan Sidang Kemuncak tiga pemimpin. Soekarno bersetuju dengan cadangan itu.

Selepas mencapai persetujuan dengan Soekarno, Kennedy terbang ke Kuala Lumpur untuk bertemu dengan Tunku pada 21 Januari 1964. Tunku mengalu-alukan inisiatif Kennedy serta menyatakan persetujuannya untuk melaksanakan gencatan senjata, tetapi tidak bersetuju dengan cadangan supaya tentera British dan Malaysia berundur dari perbatasan. Tunku juga mempersoal kejujuran Soekarno untuk mengadakan gencatan senjata. Pada pandangan Tunku, kalaupun Soekarno menandatangan perjanjian gencatan senjata ia lebih merupakan *a temporary tactical device*.

Rundall menyokong pandangan Tunku itu:

At the very least, he is probably ready to observe a truce for long enough to get the Malaysians to the conference table and to try to use the pressure of world opinion to extract concessions from them. If he fails he can always revert to confrontation either openly or under the guise of a local movement when he is unable to control.¹²

Selepas itu, Kennedy terbang ke Jakarta untuk bertemu dengan Soekarno secara formal. Pada 22 Januari 1964, Soekarno mengumumkan persetujuannya untuk mengadakan genjatan senjata di perbatasan Sabah-Sarawak dengan Kalimantan. Namun demikian, beliau meletakkan syarat supaya pasukan tentera British diundurkan juga dari kawasan perbatasan. Mengulas pengumuman Soekarno itu, A. Gilchrist, Duta British di Jakarta, menyatakan sekiranya pasukan tentera British berundur daripada perbatasan, pasti kawasan itu akan diisi oleh pengikut-pengikut Azahari. Pada pandangan Gilchrist:

Soekarno's present game is to switch his whole approach from the clean sheet and the moral base to unshamed power politics and a 'realistic solution', and the Americans have found this new approach very much to their taste'. The danger lies not merely in the possible outcome of a Tripartite power meeting, with the vulnerable Tunku again exposed, but right in the forefront, in the form of the rushed Kennedy truce.¹³

Walaupun menyokong inisiatif Kennedy, Pejabat Luar British mengingatkan "*nothing should be done to put Malaysia's security and integrity at risk*". Pejabat Luar tidak bersetuju dengan desakan Soekarno supaya mengundurkan tentera British dan Malaysia dari wilayah perbatasan.

Pada 23 Januari 1964, Kennedy dan Dr. Subandrio telah mengeluarkan kenyataan masing-masing tentang hasil rundingan di Jakarta. Dalam kenyataannya, Kennedy menekankan hasrat kerajaan Amerika Syarikat untuk melihat perbalahan antara pihak yang terlibat diselesaikan secara rundingan. Dalam masa yang sama Kennedy menyatakan tentang perihal pentingnya gerakan ketenteraan di sepanjang perbatasan di Borneo dihentikan serta-merta bagi memastikan rundingan itu dapat berjalan dengan selesa. Dalam kenyataannya, Soekarno bersetuju untuk mengadakan gencatan senjata dalam *undeclared border war* dan juga bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia di Bangkok. Bagi maksud itu, pasukan bersenjata Indonesia akan digunakan untuk menghalang 'tentera pembebasan' daripada melintasi sempadan ke Malaysia semasa tempoh genjata senjata dikuatkuasakan.

Malaysia dan Britain mempersoal kejujuran pihak Indonesia, walaupun pengumuman telah dibuat untuk melaksanakan gencatan senjata. Kerana Indonesia masih meneruskan konfrontasi untuk mengganyang Malaysia. R.A. Butler, Setiausaha Luar British, memaklumkan kesangsian itu kepada Kennedy dalam perbincangan di London pada 24 Januari 1964. Butler juga minta Amerika Syarikat memberi jaminan sekiranya rundingan damai itu gagal, Amerika Syarikat hendaklah memotong bantuan kepada Indonesia. Sehubung hal ini, Kennedy menjawab, sekiranya rundingan itu gagal justeru kedegilan dan keganasan Indonesia, Amerika tidak akan teragak-agak untuk memotong sebarang bantuan kepada Indonesia.

Dalam mesejnya kepada perwakilan British di seberang laut, Pejabat Luar British menjelaskan bahawa:

We would of course welcome a negotiated settlement but we should have had more confidence in President Soekarno if he had not declared that confrontation would continue and reiterated his determination to 'crush Malaysia'. President Soekarno has said expressly that there will be a change of method but no change in ultimate aim. Moreover a statement by the Indonesia Minister of Information on January 24, that the ceasefire did not mean a change in the position of Indonesia troops, who would maintain their present positions, raises considerable doubts about Indonesian intentions. If Soekarno's warning to his troops to be prepared to receive further orders in connexion with new tasks mean that the Indonesians hope to take advantage of the ceasefire to introduce more units into eastern Malaysia or redispouse those already there, this could create a very serious situation. Indonesian irregulars had suffered quite a number of casualties in recent weeks and this could have been one element in Soekarno's agreement to a ceasefire.¹⁴

Dalam rundingannya dengan Malaysia, British telah menerangkan beberapa perkara utama yang perlu Malaysia ambil perhatian semasa berunding dengan Indonesia. British menasihat Malaysia supaya menolak sebarang cadangan Indonesia untuk menutup pangkalan British di Singapura ataupun mengadakan semula pungutan suara di Sabah dan Sarawak. British mengingatkan sekiranya pangkalan tentera British di Singapura ditutup, "*Malaysia would be hopelessly outnumbered in the face of renewed Indonesian aggression*". Begitu juga dengan cadangan pungutan suara di Sabah dan Sarawak.

The Malaysian Government cannot be expected to agree to this either. Elaborate measures were taken to test opinion in Sabah and Sarawak before the formation of Malaysia, and the wishes of the peoples in those territories were confirmed by the United Nations Secretary-General's mission of enquiry. To demand a plebiscite at this stage would be derogation from Malaysian sovereignty comparable to Hitler's demands on Austria before the Anschlus. It would also be an insult to U Thant.¹⁵

Persidangan Pertama Menteri-menteri Luar di Bangkok

Pada awal bulan Februari 1964, persidangan peringkat Menteri bermula di Bangkok. Dalam persidangan ini rombongan Indonesia diketuai oleh Dr. Subandrio dan Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak. Persidangan itu juga turut disertai oleh Salvador P.

Lopez, Setiausaha Luar Filipina. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Thanat Khoman, Menteri Luar Thailand.

Dalam persidangan pusingan pertama, soal gencatan senjata telah dibincangkan. Persetujuan telah dicapai untuk melantik pemerhati dari Thailand mengawasi genjatan senjata dan mereka juga berikrar akan memastikan genjatan senjata itu efektif. Ketiga-tiga Menteri Luar bersetuju menepatkan pegawai penyelaras di Bangkok membantu pihak Thai merangka syarat-syarat gencatan senjata. Mereka juga bersetuju sekiranya pertempuran masih berlaku antara pihak yang terbabit, arahan gencatan senjata akan dikeluarkan sementara menunggu hasil penyiasatan.

Kebuntuan berlaku antara Malaysia dengan Indonesia berhubung dengan soal pengunduran tentera Indonesia dari wilayah Malaysia yang dibangkitkan oleh Malaysia, kerana soal itu tidak disebut dalam prinsip panduan untuk gencatan senjata. Tuntutan Razak mendapat sokongan Thanat. Thanat menegaskan, sekiranya Indonesia benar-benar mahu menghentikan pertempuran, pasukan tentera Indonesia tidak perlu lagi berada dalam wilayah Malaysia. Beliau juga mempersoalkan mengapa Indonesia keberatan untuk mengundurkan tenteranya. Dalam jawapannya, Dr. Subandrio menganggap persoalan pengunduran tentera Indonesia itu sebagai soal politik. Cadangan Malaysia itu tidak dapat diterima kerana ia memberikan kesan buruk kepada imej Indonesia. Beliau akan memutuskan tentang soal itu selepas merujuk kepada Soekarno.

Dalam perbincangan selanjutnya, Dr. Subandrio meminta supaya perkataan 'berundur' yang terkandung dalam draf pengisytiharan itu digugurkan. Penggunaan perkataan itu akan membawa erti bahawa Indonesia telah mengaku kalah. Selepas perbincangan lanjut, Dr. Subandrio bersetuju untuk menerima draf kenyataan, tetapi tertakluk kepada persetujuan Soekarno. Kenyataan itu berbunyi seperti berikut:

... and to this end, they undertake to disengage their forces, regular as well as irregular, and to confine the activities and moments of such forces to their irrespective territorial jurisdiction...¹⁶

Selepas itu, mesyuarat beralih kepada soal politik. Dr. Subandrio menafikan tohmahan bahawa kononnya Indonesia berhasrat untuk meluaskan wilayah jajahannya. Indonesia

inginkan keamanan dan kestabilan politik. Beliau menuduh British kerana memerangkap Indonesia melalui dasar pecah dan perintah. Sikap British terhadap perjanjian Manila, pemerhati, tempoh pungutan suara adalah bertujuan untuk memalukan Indonesia. Tetapi, konfrontasi telah membawa perubahan dan kini mereka menerima Maphilindo dan penyelesaian ala Asian. Dr. Subandrio mengakui bahawa Malaysia adalah *fait accompli*. Tetapi, Indonesia terpaksa menolak keputusan pungutan suara, kerana ia tidak dilaksanakan dengan betul seperti yang diputuskan oleh Persidangan Manila.

Lopez kemudiannya membangkitkan soal pangkalan tentera asing. Thanat mencelah bahawa semua negara berhak untuk menjalin hubungan istimewa dengan mana-mana negara. Sehubungan dengan pangkalan British dan pasukan tenteranya di Malaysia, Thanat berpendapat ia bergantung kepada persetujuan kerajaan Malaysia. Dengan demikian, beliau berpendapat bahawa kehadiran pasukan tentera British di Singapura dan mana-mana tempat tidaklah boleh dikatakan sebagai mengancam keselamatan Indonesia. Subandrio berkata beliau tidak kisah dengan pangkalan tentera Amerika di Filipina, kerana hubungan Filipina dengan Indonesia adalah baik. Mesyuarat kemudian bersetuju untuk meminta Malaysia mengeluarkan kenyataan bahawa pangkalan tentera British di Malaysia bukan bertujuan untuk mengancam Indonesia.

Seperti yang dijangkakan, Indonesia menuntut supaya pungutan suara diadakan semula di Sabah dan Sarawak. Subandrio juga meminta Indonesia diberikan kebenaran untuk menggugurkan bekalan makanan kepada pasukan tenteranya yang masih berada dalam wilayah Malaysia.

Sementara itu, Presiden Soekarno menolak draf kenyataan bersama seperti yang dicadangkan atas alasan bahawa British masih berkuasa ke atas Borneo, atas alasan bahawa General Walker masih cuba untuk mempengaruhi gerila Indonesia di Malaysia Timur supaya menyerah diri. Oleh kerana itu Indonesia berpendapat "*there was no point in making agreements with the Malaysians*". Selepas berbahas lanjut, Thanat menegaskan jikalau tidak ada perjanjian gencatan senjata yang berkesan, pihak Thai tidak dapat menjalankan tanggungjawab pengawasan gencatan senjata. Bagaimanapun, Indonesia masih bertegas tidak akan mengundur tenteranya selagi persoalan politik tidak diselesaikan terlebih

dahulu. Indonesia juga meminta kebenaran untuk mengirim bekalan makanan kepada pasukan tenteranya dalam Malaysia.

Melihat kepada keadaan itu, Malaysia berpendapat bahawa mereka tidak perlu lagi meneruskan rundingan selagi tentera Indonesia tidak berundur dari wilayahnya. Dalam kenyataan yang dikeluarkan, Malaysia menegaskan:

Since Subandrio has broken his promise and since he has publicly declared that the Indonesian troops would not be withdrawn from Malaysian territory prior to political settlement, Malaysia has grave doubts about usefulness of further talks. Acceptance and implementation of Malaysian reservation in joint communique would be condition for further talks. This is necessary in order to create right atmosphere. Presence of hostile foreign troops on Malaysian soil cannot be subject of negotiation. Since Indonesian has decided not to withdraw her troops from Malaysian territory it is clear she has no intention of making ceasefire fully effective. In view of Indonesians unco-operative attitude her latest proposal regarding supplies and communications to her troops on Malaysian territory cannot be entertained.¹⁷

Perundingan di Bangkok berakhir tanpa sebarang penyelesaian. Sungguhpun begitu, satu kenyataan bersama telah dikeluarkan oleh ketiga-tiga pihak. Perkara 6 dalam kenyataan menyatakan hasrat mereka untuk mencapai gencatan senjata di Sabah dan Sarawak sebagai langkah mewujudkan suasana yang baik bagi mesyuarat Maphilindo. Mereka juga bersetuju untuk meminta Setiausaha Agung PBB melantik Thailand untuk mengawasi gencatan senjata tersebut. Ketiga-tiga Menteri Luar itu juga bersetuju untuk berunding dengan kerajaan masing-masing tentang mengadakan satu lagi mesyuarat peringkat Menteri sebelum mengadakan Persidangan Kemuncak di Tokyo.

Sementara itu, Razak telah meminta kerajaan British membantu Malaysia untuk menghalang pesawat Indonesia yang melintasi sempadan Malaysia menghantar bekalan kepada anggota-anggota tenteranya yang masih berada dalam wilayah Malaysia.

The character of the danger is such that on behalf of the Malaysian Government I am constrained to seek the assistance of the British Government in accordance with the mutual defence agreement so that all measures would be taken to prevent any intrusions in particular those in violation of Malaysian airspace.

Should there be a failure to take adequate measures at this stage to intercept any illegal flights over Malaysian territory I fear that it might result in grave doubts being entertained as to the value and effectiveness of the usual defence agreement with the British Government who alone is in a position to prevent aerial intrusion.¹⁸

Permohonan Razak itu telah dikemukakan oleh Duta Malaysia, Tunku Yaacob kepada Setiausaha Komanwel dan Menteri Pertahanan British pada 21 Februari 1964. Tunku Yaacob menjelaskan bahawa pesawat Indonesia pernah menceroboh wilayah udara Malaysia untuk menggugur risalah kepada tenteranya. Berlatar belakang pengalaman itu, kerajaan Malaysia bimbang Indonesia, tanpa menghirau bantahan Malaysia, akan terus menceroboh wilayah udaranya. Setiausaha Komanwel menyokong cadangan kerajaan Malaysia untuk bertindak balas terhadap pesawat Indonesia yang menceroboh wilayah Malaysia. Beliau mencadangkan kerajaan Malaysia mengisyitiharkan seluruh wilayah udara di Sarawak dan Sabah sebagai *Air Defence Identification Zone* atau A.D.I.Z. CICFE juga diminta merangka rancangan dan persiapan untuk bertindak balas.

Pada 24 Februari 1964, Lord Head telah mengadakan perjumpaan dengan Tunku. Turut hadir dalam perjumpaan itu ialah Pesuruhjaya Tinggi bagi New Zealand dan Australia. Mereka membincangkan tentang langkah-langkah yang perlu diambil selepas persidangan Bangkok. Tunku menyatakan hasratnya untuk membawa persoalan pencerobohan Indonesia ke PBB. Walaupun cadangan Tunku itu disokong, tetapi Lord Head berpendapat Malaysia hendaklah berusaha menyelesaikan soal gencatan senjata terlebih dahulu. Sekiranya rundingan itu gagal, Malaysia dapat menyalahkan Indonesia kerana bertindak agresif. Pandangan Lord Head itu dipersetujui oleh Sir Patrick Dean, wakil tetap UK di PBB.

This is absolutely right from the United States point of view and should make it very difficult for the Indonesians to represent the Malaysians as the people responsible for breaking the present uneasy truce.¹⁹

Dean juga menyokong cadangan Tunku untuk membawa kes Indonesia kepada PBB.

Persidangan Kedua Menteri-menteri Luar di Bangkok

Walaupun Indonesia meneruskan juga pencerobohan ke atas wilayah Malaysia di Sabah dan Sarawak pada 22 Februari 1964, ini tidak menghalang Malaysia dari menghadiri persidangan kedua di Bangkok. Rundingan tahap kedua adalah ringkas dan isu pengunduran tentera masih merupakan isu penting yang dibincangkan.

Dalam rundingan tersebut, Dr. Subandrio mengulangi pendiriannya supaya langkah pengunduran dilakukan seiring dengan kemajuan penyelesaian dari segi politik. Cadangan itu ditolak oleh Razak. Beliau juga menolak cadangan Thailand dan Filipina supaya pengunduran dibuat secara berperingkat. Namun demikian, pada saat-saat akhir rundingan, Razak bersetuju dengan cadangan Lopez yang mengutarakan antara lain:

1. Pengunduran tentera ke wilayah masing-masing.
2. Rundingan ke arah penyelesaian politik dilakukan pada masa yang sama.
3. Sidang Kemuncak diadakan antara Tunku Abdul Rahman, Soekarno dan Macapagal sebaik sahaja semua pengunduran penuh dilakukan.

Bagaimanapun, Indonesia tidak bersetuju dengan cadangan Lopez. Akibatnya, rundingan itu gagal mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara.

Pendirian tegas Razak dalam rundingan itu telah mendapat pujian dari kerajaan British. Dalam suratnya kepada Tunku, Perdana Menteri British menulis:

I was very glad to see that, in the negotiations at Bangkok, you stood firm on the need for the withdrawal from Malaysian territory of Indonesian regular and irregulars forces. You and Razak have shown great patience in pursuing these negotiations even beyond the point when a breakdown seemed certain. I am sure that as a result your position in the eyes of the world is a strong one and can effectively be turned to Malaysian advantage.²⁰

Kerahan Tenaga

Kegagalan rundingan Bangkok telah memburukkan lagi hubungan antara Malaysia dengan Indonesia. Soekarno menyalah-

kan Tunku kerana menggagalkan rundingan damai. PKI telah mengambil kesempatan daripada seruan Soekarno itu untuk mendesak kerajaan Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia secara menyeluruh. Maka itu, tidaklah hairan apabila serangan terhadap Malaysia semakin meningkat selepas itu. Pada 6 Mac 1964, 60 orang gerila Indonesia telah menyerbu masuk ke Sarawak dan membunuh tiga orang askar Gurkha. Sementara di Sabah, dalam satu pertempuran, dua orang gerila Indonesia dan seorang askar Malaysia terbunuh dan dua orang lagi gerila Indonesia ditawan.

Melihat sikap Indonesia yang semakin agresif itu, Tunku mengambil keputusan untuk menguatkuasa Ordinan Perkhidmatan Kebangsaan 1952 untuk mengerahkan rakyat lelaki Malaysia yang sihat dan berumur antara 21 hingga 29 tahun bagi menghadapi sebarang keadaan akibat keagresifan konfrontasi Indonesia. Dalam suratnya kepada Tunku, Perdana Menteri British itu menganggap cadangan mobilisasi itu sebagai '*disastrous*'.

I must tell you frankly that I think it would be disastrous. We have worked very hard to get the Americans with us and have succeeded. This would at once throw all that away. World opinion is on your side: such an action would alienate it. It would moreover in my view be yielding to Soekarno.²¹

Home berharap Tunku menangguhkan keputusannya untuk memobilisasi bagi mengelak beliau terperangkap dalam jerat yang dipasang oleh Soekarno. Pada pandangan Home, Soekarno sedang mencari kesempatan untuk menyalahkan Tunku kerana mencetuskan ketegangan. Penguatkuasaan mobilisasi merupakan hadiah kepada Soekarno untuk mencapai maksud itu.

Tunku tidak bersetuju dengan pandangan Home dan menganggap pandangan Home itu salah. Tegas Tunku: "*I profoundly disagree with him. He does not understand this country; the British have so often been wrong*".²²

Tunku menambah sekiranya beliau tidak mengambil tindakan tegas terhadap Indonesia, prestasi kerajaan Perikatan dalam pilihan raya 1964 mungkin akan terjejas.

...we must do something. The people are waiting for a lead. This wicked man Soekarno is attacking us and our Government is doing nothing and we are being defended by the British. I can feel the pulse of this country

and the Government is expected to act and be strong. Strength is what the Indonesians understand. Look how successful the *A.D.I.Z* was.²³

Menjawab surat Home, Tunku menulis:

We on our part have done all we could to please Indonesia in order to maintain peace in this part of the world. We went so far as to suggest to them the withdrawal of their troops in principle. Even this they refused to accept. What else can we do. If we go any further we will compromise our sovereignty and national honour in the eyes of the world.

This I am not prepared to do. We found in the past that when the United States finds herself ready to act it is already too late. So we must not allow ourselves to be put in the same situation as the result of United States policy of waiting to the last possible moment. This has caused irreparable damage to countries like Laos and Vietnam.

The policy of confrontation pursued by Indonesia is already causing serious concern and in fact is having a bad psychological effect on the morale of our people. We must counter it now by putting our nation in a state to resist aggression as otherwise the spirit of our people will be broken. This is what Indonesia wants.

We intend to call upon our young men within the call-up age group to report for National Service. We should draw a lesson from the experience of India which did not prepare herself to meet aggression. I ask you to abide by the terms of our mutual defence agreement.²⁴

Menjawab surat Tunku, Home menulis:

You were absolutely right in the negotiations at Bangkok to insist on the withdrawal of Indonesian infiltrators. We have never contemplated you could possibly give way to the Indonesians on this point.

We shall certainly stand by the Defence Agreement as we have throughout. Our forces have been greatly reinforced since the beginning of the Indonesian threat last September and inevitably have had to carry the main burden while you are building up your own forces.²⁵

Cubaan British untuk menangguh kerahan tenaga tidak berjaya. Pada 10 Mac 1964, kabinet Tunku menguatkuasakan peraturan kerahan tenaga.

Seperti yang dijangka oleh British, Soekarno telah mengexploit penguatkuasaan undang-undang mobilisasi itu untuk kepentingan propagandanya. Dalam suatu rapat umum di

Jakarta, Soekarno menuduh Tunku bersiap sedia untuk berperang. Tegas Soekarno:

O.K. If Tunku Abdul Rahman calls for general mobilization, then I now order the whole Indonesian people to reply to this challenge by conducting voluntary action... Register yourselves as volunteers and let us not stay complacent while our revolution is being threatened from without.²⁶

Cadangan Operasi Terhadap Indonesia

Bimbang dengan kemungkinan meningkatnya pencerobohan tentera Indonesia, perbincangan telah berlangsung pada 8 April 1964, antara Tun Abdul Razak dengan Lord Carrington, Lord Head dan Major-Jeneral Wyldebore-Smith, CICFE, tentang cadangan Jeneral Walter Walker, GOC, untuk mengadakan operasi ofensif, seperti *hot pursuit*, memusnah *lateral communication*, menyerbu pangkalan-pangkalan musuh.²⁷ Bagi maksud itu, Walker mencadangkan supaya pasukannya dibenarkan merentas sempadan Indonesia sejauh 3,000 ela.

Permohonan Jeneral Walker telah ditimbang dengan halus. Razak menyokong kuat cadangan Walker kerana ia akan menjasakan keupayaan Indonesia menceroboh wilayah Malaysia. Walau pun bersetuju dengan cadangan itu, Lord Carrington meminta kerajaan Malaysia hendaklah mengadu kepada Majlis Keselamatan PBB tentang pencerobahan Indonesia ke atas wilayahnya.

Our reasons for taking this view, were that Malaysia was the injured party and had so far behaved with great restraint; it would be a pity if they were discovered to have taken offensive action before the ground had been laid in the United Nations.²⁸

Lord Head menyokong cadangan Carrington supaya Malaysia mengadu kepada Majlis Keselamatan PBB memandangkan tentera Indo-nesia masih lagi berada dalam wilayah Malaysia walaupun gencatan senjata telah diisyiharkan. Malaysia mesti bersikap tegas. Sekiranya Malaysia bersikap pasif, ia akan menggalakkan lagi Indonesia menceroboh wilayahnya. Tun Abdul Razak bersetuju dengan cadangan itu dan akan mengemukakan kepada kabinet untuk keputusan muktamad.

Pada 15 April 1964, Tunku telah mengarah Ramani, Perwakilan Tetap Malaysia di New York menyampaikan kepada

U Thant rayuan kerajaan Malaysia terhadap pencerobohan dan ancaman Indonesia terhadapnya sambil merayu agar U Thant menggunakan pengaruhnya untuk mengatasi masalah itu. Antara kandungan rayuan itu ialah:

Left to run its unhampered course Indonesian military confrontation against Malaysia threatens to teeter to the brink of open war and, then it will not be Indonesia and Malaysia alone that will be involved. Everyday that passes adds to our anxieties and to our burdens and to the purposeless loss of innocent lives.

The Malaysian Government hopes and prays that Your Excellency will take every initiative open to you in this perilous crisis so that our young nation may be save the scourge of war, and be left alone to live in peace in its own way.²⁹

Sementara itu, Jawatankuasa Pertahanan dan dasar Seberang Laut dalam mesyuaratnya pada 29 April telah melulus permohonan CICFE untuk merentas sempadan dalam operasi menentang Indonesia.

Persidangan di Tokyo

Atas inisiatif Filipina satu lagi persidangan telah diatur pada 12 Jun 1964 di Tokyo. Malaysia hanya menyatakan persetujuan untuk menghadiri sidang itu apabila Indonesia bersetuju untuk mengundurkan tenteranya dari wilayah Malaysia sebaik sahaja Sidang Kemuncak bermula. Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan, kerajaan Malaysia menegaskan bahawa:

If is agreed that there shall be a meeting in Tokyo between President Soekarno, President Macapagal and Prime Minister Tunku Abdul Rahman. They shall be accompanied by their respective foreign Ministers.

There shall be a meeting of Foreign Ministers immediately preceding the meeting of the heads of government to recommend the subjects for discussion by the latter. The Foreign Ministers meeting will take place during the first half of June 1964 starting on a date to be announced shortly.

Indonesia accepts the principle of withdrawal of her forces, both regulars and irregulars, from Sabah and Sarawak.

The beginning of withdrawal shall take place simultaneously with the commencement of the Foreign Ministers meeting which immediately precedes the meeting of the heads of government. The agreement of the Government of Thailand will be sought to undertake the verification of the withdrawal.

As soon as such verification is communicated by the Thai Foreign Minister to the Foreign Ministers and the agenda is agreed upon, the meeting of the heads of government will commence.³⁰

Pada 12 Jun 1964, Tun Abdul Razak dan rombongan telah berangkat ke Tokyo untuk menghadiri Sidang Kemuncak. Persidangan peringkat Menteri-menteri Luar telah berlangsung di Tokyo pada 20 Jun 1964, diikuti pada 21 Jun 1964 oleh Persidangan Ketua-ketua Negara.

Dalam Persidangan peringkat Menteri-menteri Luar, persetujuan telah dicapai secara prinsip untuk menimbang cadangan Macapagal bagi menubuhkan Suruhanjaya Damai Afro-Asia untuk mengkaji dan mengemukakan syor penyelesaian. Kedua-dua pihak bersetuju untuk menerima cadangan Thailand tentang pembukaan pusat pemeriksaan di sempadan Sarawak-Kalimatan dan di Sempadan Sabah-Kalimantan.

Mesyuarat gagal mencapai kata sepakat, apabila pihak Indonesia menolak tuntutan Malaysia supaya Indonesia mengundurkan tenteranya dari wilayah Malaysia dalam tempoh empat minggu dan konfrontasi dihentikan dengan serta-merta. Soekarno menolak tuntutan Tunku atas alasan bahawa "*Indonesia was not the aggressor since Malaysia is not in existence*". Soekarno sebaliknya membela Malaysia dan British kerana membelakangi keputusan persidangan Manila tentang penubuhan Malaysia. Soekarno mendesak supaya persetujuan di Manila dipatuhi. Soekarno menegaskan pengunduran hanya dapat dilakukan mengikut tahap kemajuan penyelesaian politik.

Akibat perbezaan pendapat antara Tunku dengan Soekarno, persidangan di Tokyo gagal untuk mencapai kata sepakat bagi menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara itu. Seperti yang diterangkan oleh Tunku disidang akhbar pada 21 Jun:

There has been a breakdown because Indonesia refused to stop her acts of aggression against us. This the least we can expect before we can agree to the formation of a Commission. Yet I was prepared to accept the Com-

mission providing Indonesia ceased hostilities. I hope the rupture here will not end the summit.³¹

Semasa ditemu bual oleh akhbar *Japan Times*, Tunku menegaskan:

We can't go indefinitely with all these troops in our country, we cannot submit to this kind of pressure. We'd rather be crushed-perish.³²

Menjawab kenyataan Tunku, Dr. Subandrio pula menjelaskan bahawa Indonesia bukan pengancam justeru Malaysia tidak pernah wujud pun pada pandangan Indonesia.

Pihak British juga kecewa dengan kegagalan persidangan di Tokyo. Soekarno telah dipersalahkan di atas kegagalan itu. Kegagalan itu berpunca daripada sikap Soekarno yang tidak bersedia berunding dengan serius. Pada pandangannya, tujuan utama Soekarno bersetuju mengadakan sidang di Tokyo adalah semata-mata untuk memperbaiki imej Indonesia di peringkat antarabangsa. Melalui strategi diplomasi itu juga Indonesia cuba melemah dan menekan Malaysia supaya bertolak ansur dan mengalah. Keadaan ini terbukti apabila dalam tempoh rundingan itu Indonesia masih meneruskan juga dasar konfrontasinya terhadap Malaysia.

Pada 24 Jun 1964, Razak telah mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya Tinggi UK, New Zealand dan Australia tentang kegagalan persidangan Tokyo dan ancaman Indonesia. Razak memaklumkan bahawa Malaysia tidak lagi berminat untuk mengadakan mesyuarat dengan Indonesia selepas kegagalan di Tokyo atas alasan:

Indonesia had no intention of changing their position in the slightest.³³

Sehubung itu, beliau berharap cadangan Walker untuk memperluaskan skop operasi merentasi sempadan diluluskan. Tegas Razak:

'In particular' limit on depth of hot pursuit ambushes must be extended and that the security forces must be free to operate as far as inside Indonesian territory as was necessary.³⁴

Muhammad Ghazali Shafie yang turut hadir dalam mesyuarat itu, meminta supaya operasi tersebut dijalankan oleh pasukan

keselamatan Malaysia. Lord Head masih berpendirian bahawa Malaysia mesti membawa kes pencerobohan Indonesia itu ke Majlis Keselamatan PBB terlebih dahulu sebelum menjalankan operasi merentas sempadan.

Pada 30 Jun 1964, Majlis Pertahanan Malaysia telah membuat keputusan untuk menubuh pasukan Kawalan Kampung untuk menghadapi aktiviti sabotaj Indonesia yang semakin meningkat.

Nota

1. Washington - Foreign Office, 18 Okt 1963, PREM 11/4905.
2. Ibid.
3. Kuala Lumpur - CRO, 30 Dis. 1963, PREM 11/4905.
4. Kuala Lumpur - CRO, 3 Jan 1964, PREM 11/4905.
5. Manila - Foreign Office, 11 Jan 1964, PREM 11/4905.
6. Manila - Foreign Office, 12 Jan 1964, PREM 11/4905.
7. Ibid.
8. Kuala Lumpur - CRO, 14 Jan 1964, PREM 11/4905.
9. Foreign Office - Washington, 15 Jan 1964, PREM 11/4905.
10. Foreign Office - Tokyo, 16 Jan 1964, PREM 11/4905.
11. Tokyo - Foreign Office, 17 Jan. 1964, PREM 11/4905.
12. Ibid.
13. Djakarta - Foreign Office, 21 Jan 1964, PREM 11/4905.
14. Foreign Office - Perwakilan, 25 Jan 1964, PREM 11/4905.
15. Ibid.
16. Washington - Foreign Office, 8 Feb. 1964, PREM 11/4905.
17. Kuala Lumpur - CRO, 18 Feb 1964, PREM 11/4905.
18. Kuala Lumpur - CRO, 20 Feb. 1964, PREM 11/4905.
19. New York - Foreign Office, 25 Feb. 1964, PREM 11/4907.
20. CRO - Kuala Lumpur, 5 Mac 1964, PREM 11/4907.
21. Ibid.
22. Kuala Lumpur - CRO, 6 Mac 1964, PREM 11/4905.
23. Ibid.
24. CRO - Kuala Lumpur, 7 Mac 1964, PREM 11/4905.
25. Ibid.
26. Ibid.
27. Kuala Lumpur - CRO, 9 Apr. 1964; CRO - Canberra, 10 Apr 1964, PREM 11/4907.
28. Ibid.
29. Kuala Lumpur - CRO, 15 Apr. 1964, PREM 11/4905.
30. Kuala Lumpur - CRO, 12 Jun 1964, PREM 11/4905.
31. Tokyo - Foreign Office, 21 Jun 1964, PREM 11/4905.
32. Ibid.
33. Kuala Lumpur - CRO, 24 Jun 1964, PREM 11/4907.
34. Ibid.

BAB 7

Pendaratan Tentera Indonesia: Malaysia Mengadu ke PBB

Selepas kegagalan Sidang Kemuncak di Tokyo, Indonesia meningkatkan lagi pencerobohan di Borneo. Menjelang bulan Ogos Indonesia juga memperluaskan percerobohnya ke Tanah Melayu. Pada 17 Ogos 1964, Indonesia buat pertama kalinya mendaratkan tenteranya di Pontian, Johor. Pendaratan kedua berlaku di Labis, Johor pada 2 September 1964. Pendaratan di pantai Kukup, Pontian Besar dan Benut pada 17 Ogos 1964 melibatkan dua pasukan. Pasukan itu terdiri daripada pasukan *regular* seramai 21 orang anggota marin dari Korp Komando Operasi (KKO), Angkatan Laut, dan 55 orang *paratroopers* dari Angkatan Udara. Sementara pasukan *irregular* terdiri daripada rakyat Malaysia atau 'Sukarelawan Malaysia' itu pula telah mendapat latihan di Pasir Panjang di Pulau Karimon, Indonesia. Pasukan Marin berpangkalan di pulau Rupat di pesisir pantai Sumatera. Manakala pasukan *paratroopers* pula dari kepulauan Riau. Tanggungjawab anggota *regular* adalah untuk menubuhkan kem di hutan bagi melatih orang-orang Malaysia yang dijangka menjadi 'sukarelawan' bagi menentang kerajaan Malaysia. Pendaratan anggota tentera *regular* Indonesia dan 'sukarelawan' tersebut berjaya diberkas oleh pasukan keselamatan Malaysia.

Dua lagi kumpulan telah digugurkan oleh pesawat Hercules jenis C 130 dari angkatan udara Indonesia pada malam 9 September 1964. Setiap kumpulan mengandungi 48 orang anggota. Tujuh puluh lima anggota *regular* dari pasukan Indonesian Air Force Paratroopers yang berpangkalan di Jawa. Bakinya terdiri daripada rakyat Malaysia yang dilatih di Pasir Panjang dan Pusat Latihan payung terjun di Margahayu. Tugas pasukan adalah sama seperti kumpulan Pontian. Kumpulan payung terjun dari 'sukarelawan' ini juga dapat dipatahkan oleh pasukan keselamatan Malaysia dan penduduk-penduduk tempa-

tan. Seorang pegawai kumpulan payung terjun, Lt. Muda Soetikno berjaya diberkas. Beberapa orang anggota tersebut telah diembak mati, termasuklah Sarjan-Major Suparmin.

Malaysia Mengadu kepada Majlis Keselamatan

Walaupun pencerobohan Indonesia itu berjaya ditumpas oleh pasukan keselamatan Malaysia, pihak berkuasa Malaysia memandang serius terhadap pencerobohan Indonesia. Malaysia tidak dapat menolak kemungkinan Indonesia akan mempertingkatkan lagi pencerobohnya, lebih-lebih lagi apabila Soviet Union dan RCC memberi komitmen untuk membantu Indonesia.

Menghadapi ancaman itu, Malaysia dengan sokongan Britain, mengambil keputusan untuk melaporkan pendaratan Indonesia kepada Majlis Keselamatan PBB. Pada 3 September 1964, Malaysia telah mengirim surat kepada Presiden Majlis Keselamatan PBB melalui wakilnya, Ramani. Malaysia menganggap pencerobohan Indonesia sebagai:

Blatant and inexcusable aggression against a peaceful neighbour, an act which is in itself a breach of the peace and involves a threat to international peace and security in the area.¹

Dr. Ismail bin Abdul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Menteri Keadilan, kemudiannya telah dihantar oleh kerajaan Malaysia untuk menyertai prosiding Majlis Keselamatan PBB.

Persidangan Majlis Keselamatan PBB telah berlangsung pada 11 hingga 17 September 1964. Perbahasan soal konfrontasi itu telah dimulakan oleh wakil tetap Filipina, Borja. Beliau mencadangkan supaya Majlis Keselamatan PBB menyokong cadangan Macapagal mengenai penubuhan Jawatankuasa Perdamaian Afro-Asia seperti yang dikemukakan di Persidangan Tokyo. Wakil Tetap Amerika, Stevenson, menyokong cadangan Broga bahawa:

Any dispute between these two states should be settled by negotiation.²

Beliau memandang berat terhadap pencerobohan Indonesia ke atas Malaysia serta meminta Majlis Keselamatan PBB mengambil langkah segera untuk menghalang konflik itu dari merebak. Syarat

pertama yang mesti dilakukan oleh Majlis Keselamatan PBN ialah memastikan pencerobohan dihentikan dengan serta-merta.

Wakil Indonesia Sudjarwo menyokong cadangan Filipina untuk menubuhkan Jawatankuasa Perdamaian Afro-Asia. Beliau berpendapat Majlis Keselamatan PBB tidak mungkin dapat menyekat konflik sekiranya ia tidak mengkaji sebab-sebab mengapa pencerobohan itu dilakukan oleh Indonesia. Morozov, wakil Soviet Union pula menganggap pembentukan Malaysia sebagai melanggar Resolusi PBB 1514.

Selepas mendengar tohmahan wakil Indonesia dan USSR, Dr. Ismail mengemukakan hujahnya. Selepas menjelaskan usaha-usaha Malaysia untuk mewujudkan hubungan mesra dengan jiran-jirannya, terutamanya Indonesia, Ismail menceritakan dengan terperinci proses yang membawa kepada pembentukan Malaysia dan memetik rumusan yang dibuat U Thant seperti yang terkandung dalam Laporan Michelmore. Beliau kemudiannya merujuk kepada peristiwa yang membawa kepada terputusnya hubungan antara Malaysia dengan Indonesia dan Filipina pada bulan September 1963. Selanjutnya beliau menarik perhatian Majlis kepada surat kerajaan Malaysia pada 11 Ogos kepada Presiden tentang pencerobohan Indonesia ke atas Borneo dan surat sebelumnya tentang pendaratan Indonesia di Pontian. Ismail telah memberikan gambaran yang agak lengkap tentang pencerobohan di Labis dengan disertakan bersama laporan soal siasat dan gambarnya sekali. Contoh senjata dan peralatan yang dirampas daripada tahanan Indonesia juga telah dipamer kepada anggota-anggota Majlis.

Morozov membantah serta meminta alat-alat senjata itu dialih kerana ia tidak mendapat kebenaran Majlis. Bantahan itu diterima oleh Ismail. Dalam ucapan seterusnya, Ismail menekankan bahawa pencerobohan Indonesia ke atas Labis sebagai satu usaha yang tersusun yang bertujuan untuk menghancurkan Malaysia dan memetik kenyataan Soekarno yang berikrar akan mengganyang Malaysia habis-habisan. Ismail menganggap tindakan Indonesia itu sebagai melanggar Piagam PBB dan Pengisytiharan Bandung. Seterusnya Ismail menegaskan, jika bukti-bukti yang dikemukakan itu diterima, maka Majlis hendaklah menghukum Indonesia. Beliau meminta Majlis meminta Indonesia supaya memberi jaminan bahawa pada masa depan ia tidak akan menceroboh Malaysia lagi. Beliau mengakhiri ucapannya dengan mengingatkan Majlis supaya

berusaha menamatkan konflik itu, kerana kemungkinan ia akan merebak dan menjadi konflik yang lebih besar lagi.

Dalam jawapannya, Sudjarwo menganggap tuduhan Dr. Ismail itu tidak berasas, sebaliknya menyalahkan Britain sebagai bertanggungjawab mencetuskan konfrontasi yang bertujuan untuk melemahkan Indonesia. Beliau juga menyalahkan Britain kerana mengenepikan Perjanjian Manila dan semangat Maphilindo. Sudjarwo kemudiannya menyenaraikan pencerobohan British ke atas wilayah udara, darat dan laut semenjak 1962. Beliau juga mengadu tentang tindakan British menyeludup senjata ke Kalimantan dan Sulawesi. Seterusnya, beliau meminta Majlis menimbang aduan Malaysia itu dalam konteks apa yang telah dilakukan oleh British dan Malaysia terhadap Indonesia semenjak negara itu mencapai kemerdekaan. Sebagai reaksi kepada dasar konfrontasi British, sukarelawan dan gerila bersama-sama dengan para pemuda dari Sarawak dan Sabah yang mendapat latihan di Indonesia, telah memasuki wilayah Indonesia di Borneo. Beliau berpendapat kegiatan itu akan hanya dapat diselesaikan secara politik. Pada pandangan beliau, kegiatan sukarelawan yang menentang penjajahan itu tidak dapat dianggap sebagai keganasan. Sudjarwo kemudiannya memberikan versi Indonesia tentang apa yang berlaku di Bangkok dan Tokyo untuk menunjukkan sikap baik Indonesia dalam usaha untuk mencari penyelesaian. Indonesia bersedia menerima cadangan Macapagal bagi menukuhkan Jawatankuasa Perdamaian Afro-Asia, tetapi Malaysia telah menetapkan pelbagai syarat yang sukar diterima oleh Indonesia untuk menamatkan konfrontasi itu.

Dr. Ismail menjawab bahawa hujah Indonesia itu adalah sama dan tidak relevan. Beliau meminta Majlis menumpukan perhatian kepada aduan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Wakil British di Majlis Keselamatan, Sir Patrick Dean, turut berucap. Beliau menolak tohmannan Indonesia sambil meminta Majlis mengutuk Indonesia kerana tindakan agresifnya terhadap Malaysia. Tindakan Indonesia itu adalah bertentangan dengan Piagam PBB yang menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara. Beliau juga meminta Majlis Keselamatan melindungi Malaysia daripada ancaman luar seperti yang diperuntukkan oleh Artikel 2(4). Beliau menyokong kuat usaha-usaha ke arah perdamaian, tetapi menuntut supaya rundingan itu diadakan dalam suasana yang aman. Tegas beliau lagi:

We must be careful, in anything which the Council may decide, not to give the impression that we are tolerating the use of force as a legitimate instrument of negotiation. Our first task is to help to bring to an end the undeclared war on Malaysia, a fellow member of the United Nations. The way would thus be clear for resumption of talks so that both Malaysia and Indonesia may live together in peace with one another as good neighbours.³

Ekoran perbahasan itu, perwakilan dari Norway telah menge-mukakan resolusi yang dikenali sebagai 'Norwegian Resolution'. Resolusi itu antara lain menyatakan perasaan kekecewaan ter-hadap beberapa peristiwa yang berlaku di rantau Asia Tenggara, terutamanya tentang peristiwa pendaratan tentera Indonesia di Labis, Johor pada 2 September 1964. Resolusi itu juga merayu pihak yang terbabit supaya tidak lagi melakukan pencerobohan dan mengelak daripada menggunakan kekerasan serta meng-hormati kedaulatan wilayah sesebuah negara. Resolusi itu juga merayu pihak yang berkonflik meneruskan rundingan berasaskan cadangan Macapagal.

Dalam perbincangan seterusnya pada 18 September, wakil Perancis, Seydoux meminta Majlis mengutuk pencerobohan Indonesia ke atas Malaysia. Beliau menyokong draf yang di-kemukakan oleh wakil Norway. Wakil Ivory Coast, Usher juga menyokong draf resolusi itu kerana ia mencadangkan rundingan perdamaian dengan bantuan negara-negara Afro-Asia. Bagaima-napun, wakil USSR menolak draf itu kerana ia tidak mengambil kira kenyataan bahawa Indonesia menentang kolonialisme. Maka itu, USSR tidak dapat menyokong draf resolusi itu.

Dalam pengundian yang dijalankan sembilan anggota Majlis menyokong, sementara Czechoslovakia dan USSR menentang resolusi itu. Oleh kerana USSR menentang resolusi itu, maka ia tidak dapat dipakai oleh Majlis. Sikap USSR ditegur oleh wakil Amerika sebagai memalukan PBB dan bertentangan dengan pendirian USSR yang ingin melihat Majlis Keselamatan PBB memainkan peranan penting dalam usaha untuk mewujudkan keamanan sejagat. Wakil British juga kesal dengan tindakan USSR.

It is with sorrow and foreboding, Mr. President, that I have seen you, in your capacity as the distinguished representative of the Soviet Union, cast your vote on a moderate and pacific resolution which commanded broad support in this council, and which in the view of my delegation was one to

which no member state of the United Nations could properly object. This negative vote of the Soviet Delegation appears to amount you an effort to deny member State of this organisation the protection for its territorial integrity to which all members are entitled. By the same action the vote of the Soviet Delegation has removed an opportunity to end an undeclared war that, if it were to continue, would have grave implications for peace in South East Asia. The Soviet veto is a vote to ignore the merits of the matter which were brought before the Council.

Nevertheless, the Security Council cannot wash its hands of this matter. It remains within our cognizance and responsibility, and no doubt it will engage our attention again unless the principles of the Charter mentioned in the resolution for which nine members of this Council have voted are observed by the Government of Indonesia.⁴

Morozov menafikan bahawa tindakannya memvetokan resolusi itu sebagai tidak selaras dengan dasar luar USSR.

Dr. Ismail, dalam ucapannya menegaskan perasaan leganya kerana anggota-anggota Majlis Keselamatan PBB menguntuk pencerobohan Indonesia, walaupun resolusi Norway telah divetokan oleh USSR. Malah dunia juga telah mengetahui tentang kedudukan Malaysia. Beliau berjanji bahawa kerajaan Malaysia akan berusaha untuk mencari perdamaian, walaupun kenyataan Indonesia dalam Majlis itu agak mengecewakan.

Walaupun resolusi Norway itu diveto oleh USSR, perdebatan di Majlis Keselamatan PBB itu merupakan satu kejayaan moral yang besar kepada Malaysia. Resolusi itu telah disokong oleh negara-negara bukan komunis dan dua buah negara dari Afrika. Malaysia telah berjaya meletakkan Indonesia sebagai negara pengancam.

Oleh kerana imej Malaysia yang baik itu juga menyebabkan usaha-usaha Indonesia untuk memburuk imej Malaysia di kalangan negara-negara Afro-Asia telah gagal. Percubaan Soekarno untuk mempengaruhi Persidangan Negara-negara Berkecuali di Kaherah pada awal Oktober 1964 menguntuk penubuhan Malaysia yang didakwa sebagai neo-kolonialisme telah ditolak. Kekecewaan Indonesia semakin bertambah apabila Malaysia telah berjaya menempah kerusi dalam Majlis Keselamatan PBB yang akhirnya memaksa Indonesia keluar daripada badan dunia itu.

Usaha Damai Macapagal dan Jepun

Selepas sidang Majlis Keselamatan PBB, Presiden Soekarno telah memaklum kepada Macapagal tentang kesediaannya untuk menyambung semula rundingan di Tokyo dengan syarat agenda-nya adalah mengenai penubuhan Suruhanjaya Afro-Asia, seperti yang dicadangkan oleh Filipina. Apabila dibangkit soal pengunduran tentera, Soekarno hanya bersedia untuk mengundurkan tenteranya dari Semenanjung Malaysia sahaja kecuali diarah membuat demikian oleh Suruhanjaya Afro-Asia.

Macapagal telah memaklumkan kepada Sir P. Dean, wakil khas kerajaan British di PBB, hasrat Soekarno itu. Dean memberitahu Ramani mengenai hal itu dan Ramani kemudian menegaskan, Malaysia hanya bersedia mengadakan rundingan dengan Indonesia, apabila Indonesia mengundurkan tenteranya dari Malaysia dan juga menerima draf resolusi Norway sebagai asas rundingan.

Usaha Jepun untuk membawa Indonesia ke meja rundingan juga menempa kegagalan. Akhbar *Indonesia Herald Leader* menyatakan syarat-syarat Kuala Lumpur tidak dapat diterima.

The withdrawal of these volunteers and guerillas, can only be started as soon as discussions have begun, and when the negotiations show promises of success. (*Indonesian Herald Leader*).

Nota

1. CRO - Perwakilan Luar Negara, 8 Sept 1964, PREM 11/4909.
2. New York - Foreign Office, 11 Sept 1964, PREM 11/4909.
3. New York - Foreign Office, 15 Sept 1964, PREM 11/4909.
4. New York - Foreign Office, 9 Okt. 1964, FO 371/176472.

BAB 8

Indonesia Berusaha Merujuk

Dalam suasana yang tegang itu, terdapat juga usaha-usaha sulit di pihak Indonesia untuk menghubungi pihak British dan juga Malaysia bagi mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan konfrontasi. Sepanjang bulan Oktober 1964, terdapat sekurang-kurangnya sembilan *peace feelers* telah ditugaskan untuk tujuan itu. Antara yang menonjol ialah dari agensi inteligen, seperti Jeneral Sutowo dan Jeneral S. Parman, kelompok Soekarno sendiri, iaitu Jeneral Soegih Arto, dan kelompok antikomunis, iaitu Chairul Salleh, Timbalan Perdana Menteri.

Pada asasnya, misi *peace feelers* berusaha untuk mengakhiri konfrontasi mengikut formula Indonesia. Namun begitu, penghantaran misi *peace feelers* itu juga dipengaruhi oleh perasaan bimbang tentang kemungkinan British akan menyerang selepas pilihan raya umum Britain pada 15 Oktober 1964. Mereka berharap dengan membuat demikian, sekurang-kurangnya kerajaan British akan menangguhkan serangan ke atas Indonesia. Selain itu, Indonesia juga mahu membuktikan kepada dunia, khususnya Amerika Syarikat bahawa Indonesia masih bersedia untuk berdamai dan berharap imej Indonesia yang terjejas di peringkat antarabangsa akibat kegiatan pencerobohannya itu akan dapat dipulihkan. Bagi puak antikomunis pula, usaha damai perlu dicapai kerana konfrontasi lebih banyak menguntungkan puak komunis, khususnya Parti Komunis Indonesia. Walau bagaimanapun, kegiatan merujuk itu berlangsung ketika Presiden Soekarno berada di luar negara.

Misi Badan Inteligen

Usaha awal merujuk dibuat oleh badan inteligen melalui Jeneral Sutowo, Direktur Permina dan juga seorang pegawai inteligen. Melalui konteksnya dengan seorang ahli perniagaan Malaysia di Singapura, Sutowo membayangkan hasrat Indonesia mengadakan

rundingan secara sulit dengan Malaysia sama ada di Hong Kong ataupun di Cairo bagi membincangkan formula untuk mengakhiri konfrontasi.¹ Sutowo menyatakan Indonesia bersedia berdamai sekiranya Malaysia bersetuju mengadakan pungutan suara di Sabah dan Sarawak dalam tempoh lima tahun, iaitu pada tahun 1969. Berikutnya kedua-dua negara hendaklah membuka pejabat konsol masing-masing untuk menguruskan kegiatan perdagangan antara kedua-dua buah negara.

Kemudiannya, usaha merujuk itu diusahakan sendiri oleh Jeneral S. Parman, Ketua Jabatan Risikan Tentera Indonesia. Parman telah mengadakan perbincangan sulit dengan Kol.² Berger, Attache tentera British di Paris pada 9 Oktober 1964. Dalam perbincangan itu, Parman menjelaskan sebab-sebab Soekarno menentang penubuhan Malaysia:

1. Tindakan Tunku mengisyihar penubuhan Malaysia sebelum laporan Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu diumumkan.
2. Kepercayaan bahawa British memaksa wilayah Borneo menyertai Malaysia.
3. Kehadiran tentera British di Malaysia mengancam keselamatan Indonesia.

Beliau menjelaskan masalah besar yang dihadapi oleh Indonesia untuk menyelesaikan konfrontasi itu ialah soal 'air muka'. Di samping syarat mengadakan pungutan suara baru di Sabah dan Sarawak, Parman mencadangkan kerajaan British membuat kenyataan bersedia untuk menutup pangkalan tenteranya di Singapura dalam jangka sama tertentu sebagai cara yang terbaik bagi menamatkan konfrontasi.

If we could do this he thought Soekarno could be persuaded to make an immediate announcement about the end of confrontation and that all military operations would cease.³

Parman dimaklumkan bahawa cadangan itu agak sukar untuk diterima oleh kerajaan British.

There was no question on the British side of any withdrawal from Singapore. The Indonesians were skating on thin ice. Their activities had produced a very tough feeling in Britain. In short, the Indonesians would

have to stop their aggression before their overtures could command much credence here.⁴

Justeru itu, rundingan terhenti setakat itu sahaja.

Misi Soegih Arto

Ketegangan yang wujud antara Malaysia, Britain dengan Indonesia akibat pendaratan tentara Indonesia di Semenanjung juga membimbangkan Presiden Soekarno, tegasnya:

The confrontation is beginning to put us in a very difficult position. I am now looking for ways and means to end this in an honourable way. We must not lose face. (Soegih Arto 1994).

Justeru itu, Soekarno telah mengarahkan dutanya di Burma General Soegih Arto untuk menghubungi pihak British. Kerana pada pendapatnya, hanya British sahaja yang dapat membantu mengakhiri konfrontasi itu:

I give you full powers to promise the British anything you like, if you succeed in persuading them to stop the confrontation. The initiative must come from the British and then I will respond to their appeal.

Soegih Arto tidak menghubungi sendiri pihak British. Beliau telah meminta Puan Leon Soh, rakannya, untuk menghubungi pihak British. Pada 14 Oktober, Puan Leon Soh telah menghubungi Sir N. Pritchard dari Pejabat Luar British.

Puan Leon Soh menjelaskan bahawa Indonesia masih berminat untuk menyelesaikan konfrontasi melalui rundingan. Bagi memastikan rundingan itu berjaya, Britain hendaklah turut terlibat bukan sahaja untuk mengawas tetapi juga untuk memastikan keputusan rundingan itu terlaksana. Sehubungan ini, Puan Leon Soh mengulas:

Naturally one could be sure that the Tunku would carry out any undertaking he gave but one could not, of course, be sure of Soekarno. She was therefore greatly encouraged that the Indonesian had authorised her to make this approach. Soegih Arto was prepared to come and see us himself if our reaction were favourable.⁵

Kemudian, Puan Leon Soh menyampaikan kepada Pritchard mesej dari Soekarno. Dalam mesej itu Sukarno berjanji, sekiranya Britain membantu Indonesia menyelesaikan perbalahannya dengan Malaysia, beliau akan memulangkan semua harta British, termasuk membayar ganti rugi. Penyelesaian segera mesti dicapai kerana beliau tidak lagi mahu bergantung kepada PKI.

Puan Leon Soh mengemukakan dua alternatif bagi mengakhiri konfrontasi itu. Alternatif pertama ialah mengadakan *white-wash referendum* atau pungutan suara di Sabah dan Sarawak. Soekarno menyatakan kesediaannya untuk menerima keputusan pungutan suara tersebut. Alternatif kedua ialah mengadakan persidangan kemuncak. Persidangan ini bermula dengan rundingan Malaysia dengan Indonesia, dan diikuti dengan rundingan tiga berangkai, iaitu Malaysia, Indonesia dan Britain. Selepas rundingan itu, pejabat konsul hendaklah dibuka di kedua-dua buah negara. Tetapi, bagi Indonesia konsulnya bukan sahaja akan dibuka di Semenanjung tetapi juga di Sarawak, Sabah dan Singapura. Alasannya ialah untuk "*preserve the Indonesian position that they did not yet formally recognise Malaysia as such*". Seajar dengan itu, Indonesia akan mengundurkan tenteranya dan menamatkan konfrontasi. Malaysia akan diiktiraf secara formal oleh Indonesia selepas pilihan raya tahun 1969.

Soh juga menunjukkan kepada Pejabat Luar British kenyataan yang akan dikeluarkan selepas rundingan Malaysia-Indonesia. Knyataan itu adalah seperti berikut:

Out of the genuine Asian-in-common national co-desire to seek and to find a peaceful and effective solution to the political problem which is now identified as the 'crush-Malaysia' problem in Indonesia and as the Indonesian aggression problem in Malaysia, the two countries concerned while voluntarily and mutually agreeing to honour the terms of the Manila Agreement in principle, are now both prepared in practice to review and to adhere to such necessary amendments have become inevitable as a result of the circumstances changes that have come about since August 1963 on which the Manila Agreement was signed and this (date) 1964 on which is issued this joint communique by President Soekarno of the Republic of Indonesia and Tunku Abdul Rahman (etc), Prime Minister of Malaysia.⁶

Puan Leon Soh berharap pihak British akan menimbangkan cadangan Soekarno dengan teliti sambil berharap masalah

tersebut dapat diselesaikan sebelum 15 November 1964. Apabila diminta pandangan tentang cadangan Soekarno itu, Pritchard hanya menegaskan:

We were only here to listen and while we would report all she had said we could not say more. In any case the matters she had raised substantially for the Malaysia Government to consider.⁷

Pertemuan Puan Leon Soh dengan Pritchard telah dimaklumkan oleh pejabat Luar British kepada Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London. Pejabat Luar ternyata tidak begitu impressed dengan penampilan Puan Leon Soh, malah menyifatkan sebagai *typical of Indonesian opportunism*.⁸ Sehubungan dengan tawaran untuk memulang serta membayar ganti rugi kemasuhan harta British, Pejabat Luar menganggapnya sebagai *a naive compound of bribe and threat*. Manakala idea untuk menubuhkan pejabat konsulat di Sabah, Sarawak, Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1964 hingga 1969 sebagai *an obvious Trojan horse*. Tentang hasrat Soekarno untuk membebaskan dirinya dari belenggu PKI, Pejabat Luar berpendapat ia lebih merupakan *an argument and hominem*. Mengenai cadangan untuk mengadakan rundingan tiga serangkai (Britain-Indonesia-Malaysia). Pejabat Luar menganggapnya tidak lebih sebagai perangsang untuk membuktikan tohmahan Soekarno bahawa Malaysia was not a free agent tetapi boneka British adalah benar.

A.G. Gilchrist, Duta Besar British di Jakarta, menasihat Pejabat Luar supaya berhati-hati dalam menghubungi *peace feelers* tersebut. Dalam minitnya kepada Peck, Gilchrist menulis:

This approach and others are designed to fit in with the arrival of a new Government in this country.

Soekarno, who is Prime Minister of Indonesia and has not discussed politics with a British representative since November 1962 and is now taking steps to ensure the absence of such a possibility, can disown each and every approach made so far; and no doubt will do so or make them appear as our initiatives. We should be very careful indeed over the arrangements of other channels of communication.

The one single thing that Soekarno and the Army and the Communists and the Muslims agree about is Konfrontasi. This fact, together with the whole manner and context of the approaches, must lead us to give only a

low rating to the possibility that they are genuine. My own guess is that they are intended as a stalling horse vis-a-vis the Americans who, I am certain, are aware of them in full detail.

The above does not affect the question of whether or not we take up one or more of the approaches. What worries me is the possibility that by opening up this apparent possibility of 'negotiations' at the present time we shall be starting off our new masters on a line which is likely to lead to disappointment all round - and which be dangerous if a wrong channel is chosen for the contacts.⁹

BOTTOMLEY telah menjelaskan kepada GHAZALI SHAFIE, Setiausaha Tetap Kementerian Luar bahawa pendekatan yang dibuat oleh wakil SOEKARNO dan pandangan Pejabat Luar British terhadapnya. Pada pandangan Pejabat Luar British, kegiatan *peace feelers* itu lebih bertujuan untuk memisahkan antara Malaysia dengan Britain:

By persuading the Malaysians that the British were going to let them down, and that only Malaysian stupidity was blocking the way to an honourable settlement.¹⁰

GHAZALI SHAFIE bersetuju dengan pandangan itu malah menganggap PUAN LEON SOH sebagai *crazy and menace* kepada keselamatan Malaysia.

Pendekatan Chairul Salih

Sementara itu di Jakarta, Minford, Penasihat kedutaan British, telah dihubungi secara sulit oleh CHAIRUL SALIH, Timbalan Perdana Menteri ketiga Indonesia. Chairul Salih telah meminta Minford menyerahkan kepada Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Luar mesej peribadinya tentang peri pentingnya Britain dan Indonesia mengadakan rundingan secara langsung bagi menyelesaikan masalah konfrontasi.

Mesej itu berbunyi seperti berikut:

I have the conviction that direct contacts between the British and Indonesian Government are not desirable in themselves but essential for the reaching of any agreement over the Malaysian dispute. They would also serve to lessen tension now in South-East-Asia. The only possibility for the future peace of the area is by secret and direct talks between

Britain and Indonesia. These might make possible a British-Indonesian agreement, and should be parallel to direct and secret Indonesian-Malaysian talks. Only thus will results be achieved. I wish to give my personal assurance to the British Foreign Secretary that I will exert every effort to promote this attempt approachment and I hope to be successful.¹¹

Minford menegaskan kerajaan British tidak mempunyai *locus standi* dalam kes itu dan berpendapat adalah lebih menasabah kiranya Indonesia menghubungi Malaysia secara langsung bagi menyelesaikan krisis itu. Salih menolak pandangan Minford itu, sebaliknya menganggap kerajaan British memegang kunci utama dalam masalah itu. Pada pandangannya:

Without such secret United Kingdom/Indonesia talks any open negotiations would deteriorate into a publing wrangling match with both Indonesia and Malaysia seeking to save face.¹²

Dalam perbincangan itu, Salih menekankan bahawa Soekarno bersetuju untuk mengadakan rundingan sulit bagi mencari jalan mengakhiri konfrontasi tanpa menjelaskan 'air muka' mana-mana pihak. Minford mengambil sikap *non-committal* sambil mengingatkan Salih bahawa kerajaan British agak janggal untuk mengadakan rundingan sulit dengan Indonesia tanpa pengetahuan Malaysia.

Mesej Salih itu telah sampai kepada pengetahuan Setiausaha Luar British. Beliau menganggap cadangan Salih itu adalah lebih realistik berbanding dengan pendekatan Indonesia sebelum itu. Sekiranya rundingan berlangsung, kerajaan British berharap dapat diadakan di Kota London. Bagaimanapun, kerajaan British keberatan mengadakan rundingan dengan Charge d'Afaires Indonesia di London.

Pada 27 Oktober 1964, J.R.A. Bottomley, pemangku Pesuruhjaya Tinggi British diarah untuk memaklumkan kepada Tunku tentang cadangan Salih.

Tunku tidak melarang pihak British berbincang dengan pihak Indonesia. Bagaimanapun Tunku mengingatkan pihak British supaya menyatakan secara bertulis pendirian British dan Malaysia. Kenyataan bertulis ini penting sekiranya pihak Indonesia cuba menjadikan rundingan Britain-Indonesia itu sebagai bukti mengukuhkan dakwaannya bahawa Malaysia adalah boneka

Britain. Tunku mencadangkan supaya pejabat Luar British memasukkan butir-butir berikut dalam surat kepada Salih.

- (a) Malaysia (i.e. including Sabah, Sarawak and Singapore) is fully independent and sovereign;
- (b) all we could discuss with Indonesians would be either matters affecting only Britain and Indonesia and not Malaysia; or else points relating solely to our part in assisting Malaysia to defend itself against aggression as required by the defence agreement.¹³

Tunku juga mengingatkan Bottomley bahawa Malaysia tidak akan terikat dengan sebarang keputusan yang dicapai dalam rundingan Britain-Indonesia.

Pandangan Tunku telah diteliti oleh Pejabat Luar British. Pejabat Luar keberatan untuk memberi kenyataan bertulis kepada Salih kerana perjumpaan itu bersifat informal dan hanya sebagai reaksi kepada cadangan pihak Indonesia sahaja. Tunku masih bertegas dan ingin kenyataan bertulis dibuat bagi memastikan Salih tidak mengilap. Akhirnya, Pejabat Luar British terpaksa mengalah dan bersetuju untuk menyerahkan memorandum bersifat informal kepada Salih. Memorandum itu berbunyi seperti berikut:

On October 16th Mr. Chairul Salih, in an oral message to the British Foreign Secretary, proposed talks between Britain and Indonesia. In responding to this approach the British Government wish there to be no misunderstanding on the following points:

- (a) Former British sovereignty over the constituent states of Malaysia has already been fully and irrevocably transferred to the Government of Malaysia.
- (b) It must be understood that it is for Malaysia and Indonesia to negotiate any settlement between themselves by such diplomatic means as they agree on. This means there can be no question of Britain's negotiating for Malaysia or accepting any commitment which would be repugnant to the Government of Malaysia.
- (c) Similarly Britain would be unable to entertain any proposal which was inconsistent with the effective discharge of our honourable obligation to assist Malaysia, at the latter's request by virtue of the Anglo-Malaysian Defence Agreement, to defend her independence and territorial integrity against external attack.
- (d) The Malaysian Government has naturally been informed in strict confidence of the Indonesian approach and will be kept similarly informed of subsequent developments.

- (e) Secrecy is essential to any favourable outcome. If there is any breach of faith on the Indonesian side, the British Government will have no option but to publish the facts.¹⁴

Rancangan untuk mengadakan rundingan itu tidak menjadi kenyataan berikutan dengan tindakan pendaratan tentera Indonesia di Johor dan Melaka pada akhir Oktober 1964. Seperti yang ditegas oleh R. Hanbury-Tenison dari Jabatan Bersama Malaysia/Indonesia *the MUAR invasion has killed any dialogue or initiatives stone dead.*¹⁵

Nota

1. Singapore - Foreign Office, 9 Okt. 1964, FO 371/176482.
2. Record of Conversation between General Parman and Colonel Berger in Paris on 9th., 10th. and 13th October 1964, Ministry of defence, 21 Oct. 1964, FO 371/176462.
3. Ibid.
4. Ibid.
5. CRO - Kuala Lumpur, 16 Okt 1964, FO 371/176460.
6. Ibid.
7. Ibid.
8. CRO - Kuala Lumpur, 15 Okt 1964, FO 371/176460.
9. Minit A.G. Gilchrist kepada Peck, 19 Okt 1964, FO 371/176460.
10. J.R.A. Bottomley (KL) - A.A. Golds (CRO), 13 Okt 1964, FO 371/176460.
11. Djakarta - Foreign Office, 16 Okt 1964, FO 371/176460.
12. Ibid.
13. Kuala Lumpur - CRO, 21 Okt 1964, FO 371/176460.
14. CRO - Kuala Lumpur, 27 Okt 1964, FO 371/176461.
15. R. Hanbury-Tenison - O.G. Foster, 12 Nov. 1964, FO 371/176461.

BAB 9

Pendaratan Kedua: Mengatur Langkah Bertindak Balas

Pendaratan tentera Indonesia di Semenanjung Malaysia untuk kali kedua berlaku pada bulan Oktober 1964. Seramai 55 orang Indonesia yang lengkap bersenjata yang berpangkalan di Tanjung Kong Kong di bawah arahan Parwira Bantuan, Pertubuhan Operasi Inteligen Indonesia mendarat berdekatan dengan Kuala Sungai Kesang dalam daerah Muar, Johor. Pasukan itu dipimpin oleh Let. Kol. Rogito dan Let. Yusop, Ganap dan Rudi.¹

Dalam masa yang singkat sahaja, pasukan penceroboh itu telah dapat diberkas oleh anggota-anggota keselamatan. Anggota-anggota yang ditahan itu telah disoal siasat dan didapati mereka telah diarah supaya ‘membantu perjuangan kemerdekaan’. Hasil siasatan Cawangan Khas, didapati pihak Indonesia telah mengumpul anggota-anggota tenteranya dengan bilangan yang banyak di Selat Panjang dan Pulau Rupat untuk menyelusup di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Pendaratan itu dipandang serius oleh Malaysia. Tunku telah mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya Tinggi Britain, Australia dan New Zealand tentang tindakan yang sepatutnya diambil oleh Malaysia dalam menghadapi ancaman Indonesia itu. Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar juga turut hadir dalam perbincangan itu.

Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Komanwel itu mencadangkan supaya kerajaan Malaysia sekali lagi mengadukan peristiwa pendaratan itu kepada Majlis Keselamatan PBB. Kerajaan Malaysia juga perlu memberi amaran kepada Indonesia, sekiranya meneruskan kegiatan pencerobohan Malaysia akan bertindak balas bagi mempertahankan diri. Dengan berbuat demikian, mereka berpendapat Malaysia bukan sahaja akan dapat menghalang Indonesia daripada menceroboh, tetapi juga dapat mengelak kejadian itu daripada menjadi lebih serius.

Tunku bersetuju dengan cadangan pihak British. Dengan serta-merta beliau telah mengarahkan Wakil Tetap Malaysia di PBB, Ramani, mengemukakan surat itu kepada Presiden Majlis Keselamatan PBB.

Bagi menangkis serangan Indonesia, kerajaan British memutus untuk bertindak balas dengan melancarkan serangan ke atas sasaran-sasaran tentera Indonesia di pulau Riau dan Sumatera melalui operasi *Mason*.

Dalam pada itu, Tunku memberitahu hasratnya untuk menggugurkan risalah di pangkalan-pangkalan tentera Indonesia di Sumatera yang dipercayai menjadi pusat pelancaran pendaratan. Tujuannya ialah untuk memaklumkan kepada pence-roboh-penceroboh itu tentang nasib yang telah menimpa rakan-rakan mereka. Keputusan itu dibuat selepas Tunku mendapat maklumat dari Dr. Ismail, Menteri Keselamatan Dalam Negeri bahawa anggota-anggota pasukan tentera Indonesia, kecuali pegawai-pegawaiannya telah diberi maklumat palsu tentang tujuan misi mereka ke Malaysia.

Mengikut sumber itu lagi:

Some had been told that previous landings had been successful and their task was to reinforce success. Others knew that previous lands had been unsuccessful and believed that their job was to rescue survivors. Others again thought they were being sent on training exercise inside Indonesia.²

Tunku berpendapat, berdasarkan pengalaman semasa perang, menggugur risalah adalah lebih berkesan daripada siaran radio. Di bawah undang-undang darurat yang keras, Tunku tidak percaya bahawa orang-orang Indonesia berani untuk mendengar siaran radio. Tunku berharap risalah itu akan dibaca oleh keluarga anggota tentera yang terlibat dan akan mencetuskan keresahan di kalangan pasukan tentera Indonesia. Bagi melaksanakan operasi itu, Tunku meminta kerjasama dari kerajaan British dengan membenarkan pesawatnya diguna untuk tujuan itu. Sungguhpun cadangan Tunku mendapat sokongan CIC FE, Setiausaha Luar British agak keberatan untuk membenarkan pesawat British terlibat dalam operasi itu. Beliau bimbang operasi itu akan menguntungkan Indonesia dari segi propaganda. Bagaimanapun beliau bersetuju untuk menimbangnya semula kiranya Tunku dapat buktikan bahawa kebimbangannya itu adalah palsu.

This is because I feel that the Indonesians could derive propaganda advantage from the operation whereas the likelihood of the Malaysians achieving much advantage from it seems on present information available here, small. What I have in mind is that the Indonesians will obviously at present be particularly anxious to offset damage they will have done themselves with world opinion by this latest fiasco of theirs. They might well claim, therefore regardless of facts, that they had been bombed repeat bombed, by British aircraft. However, if in Tunku's judgement these misgivings about harm which such action might do to Malaysian case are unfounded I should be ready to reconsider.³

Jawapan British itu mengecewakan pihak Malaysia. Tun Abdul Razak secara terus terang menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap pemangku Pesuruhjaya British. Razak mengadu bahawa pada bulan September kerajaan Malaysia bersetuju untuk membawa kes pencerobohan Indonesia ke Majlis Keselamatan PBB atas jaminan bahawa kerajaan British akan mengambil tindak balas terhadap Indonesia. Apabila Indonesia membuat pendaratan untuk kali kedua, pihak British masih enggan bertindak kecuali selepas Majlis Keselamatan PBB mengadakan mesyuarat. Pihak British bukan sahaja enggan meminjamkan pesawat Hunter kepada kerajaan Malaysia bagi membolehkan pasukan keselamatan Malaysia menjalankan operasi ketenteraan ke atas Indonesia, tetapi juga enggan membantu Malaysia menggugurkan risalah ke atas pangkalan tentera Indonesia di Sumatera dalam operasi yang dianggap oleh Malaysia sebagai *peaceful*. Razak menegaskan, sekiranya kerajaan British enggan meminjamkan pesawat tersebut, Malaysia akan menggunakan pesawatnya untuk menjalankan operasi itu. Risikonya tinggi, tegas Razak, kerana pesawat milik Malaysia adalah *slow* dan mudah menjadi sasaran tembakan oleh pihak Indonesia.

Perasaan tidak puas hati Tun Abdul Razak itu telah dimaklumkan oleh Bottomley kepada Setiausaha bagi Hal Ehwal Negara-negara Komanwel sambil menegaskan:

We seemed to have no conception of damaging effects on country's morale of failure to take any action to discourage further landings. What were our promises really worth? ...Since Razak on Tunku's behalf clearly considered your misgivings about leaflet dropping to be unfounded I would as he wished you to reconsider position urgently.⁴

Tambahnya lagi:

Razak has been much more bellicose than Tunku ever since Security Council meeting if not before. He and C.A.F.S seemed genuinely upset over our reluctance to drop leaflets. If we continue to refuse to help over this I am sure we shall have more difficulty in controlling them later if further landings occur.⁵

Pada petang hari yang sama, Tunku telah memanggil Bottomley bagi mendapatkan kepastian tentang cadangan Malaysia untuk menggugurkan risalah itu. Sekiranya pihak British enggan menggugurkan risalah itu, beliau akan mengarah angkatan Udara Malaysia untuk melakukannya dengan syarat angkatan udara British akan melindungi pesawat Malaysia daripada ancaman pesawat Indonesia. Selepas perbincangan itu, Bottomley telah meminta Setiausaha bagi Hal Ehwal Komanwel membuat keputusan atas permintaan Tunku itu. Beliau berharap operasi menggugurkan risalah itu akan dilakukan sendiri oleh pihak British.

Ugutan Tunku untuk melakukan sendiri operasi menggugurkan risalah membimbangkan British. Sekiranya pesawat Malaysia ditembak oleh pihak Indonesia, pasti konflik akan merebak menjadi perperangan terbuka. Untuk mengelak keadaan itu daripada berlaku, Setiausaha British tidak ada pilihan kecuali memberi kebenaran kepada CIC FE untuk melaksanakan operasi itu tertakluk kepada tiga syarat, iaitu:

1. Operasi itu hanya terhad kepada pulau-pulau tertentu sahaja.
2. Pelaksanaan operasi itu adalah di atas budi bicara CIC FE dan tertakluk kepada keadaan cuaca bagi memastikan pesawat itu tidak dapat dikesan oleh pihak Indonesia.
3. Bahawa dalam sebarang publisiti, kerajaan Malaysia tidak akan membabitkan British.

Operasi Menggugur Risalah

Pada 2 November 1964, pesawat udara British dan Malaysia telah memulakan operasi menggugurkan risalah di beberapa pangkalan tentera Indonesia di Selat Panjang di Kepulauan Riau. Dilampir bersama dengan risalah itu ialah kenyataan Lt. Muda Soetikno, antara lain, berbunyi seperti berikut:

Saya ingin menyatakan disini bahwa saya tidak bersedia melihat saudara ditipu sebagai mana saja ditipu sebelumnya. Karena itu saja tanpa ragu2 menjampaikan kenjataan kepada saudara2 yang tadinya diputarbalikkan atau disembunyikan oleh pemimpin dan Komondan2 saudara2. Operasi yang kamu lakukan telah disangkal oleh pemerintah Djakarta sendiri – halmana dapat diartikan bahwa pemimpin2 di Djakarta tidak menghar-gainya dan karena itu adalah suatu perdjoangan kosong. Bersediakah saudara2 hanya menjadi umpan peluru untuk keangkuhan pemimpin2 Djakarta jang tidak bertanggung djawab.⁶

Pada hari yang sama, kerajaan Malaysia mengeluarkan kenyataan rasmi tentang tindakan kerajaan menggugurkan risalah di Indonesia.

For the first time since Indonesia's attack upon Malaysia, thousands of leaflets were air dropped today into Indonesian bases from which they launched their attacks on the Malay peninsula.

Interrogation of capture Indonesian invaders had disclosed that the real reasons for these landings are still not known to the Indonesian people and most of the Indonesian military personnel other than that we are to liberate Malaysian people from the British. Recently radio stations in Indonesia claiming Indonesian invasion successes in Eastern and Western Malaysia with the object of bolstering Indonesian public morale and distract in public attention from the crime of the Indonesian leaders in carrying out the armed confrontation against Malaysia.

Then intention behind these leaflets is to give the widest information to those Indonesian people who are likely to be sent in the future to Malaysia so that when they come here it would not be within their right to deny the knowledge of the purpose for which they are sent. It is difficult for us to say with certainty to those interrogated they appear to believe in all sincerity in the statements they made. If these leaflets attained the above objective then the Government considers it justified in air dropping them.⁷

Dua hari sebelum operasi itu, kerajaan Malaysia telah meng-arahkan wakilnya di PBB, Ong Yoke Lin, supaya mengemukakan kepada Presiden Majlis Keselamatan PBB, sepucuk surat mengenai pencerobohan tersebut serta meminta Majlis mengambil perhatian bagi memastikan keadaan itu tidak akan merebak menjadi peperangan yang lebih besar. Dalam surat yang dikemukakan

itu, kerajaan Malaysia menegaskan bahawa Indonesia bukan sahaja menolak pandangan Majlis Keselamatan PBB, tetapi juga melanggar prinsip-prinsip piagam Pertubuhan Afrika Bersatu. Indonesia juga melanggar Perisytiharan Bandung yang menyeru negara anggota menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah sesuatu negara serta tidak menggunakan kekerasan.

These acts of barefaced aggression are in violent contravention of the United Nations Charter and constitute a cynical defiance of the provisions of the Norwegian Draft Resolution which was endorsed by nine out of the eleven Security Council members at the 1152nd meeting on 17 September 1964. In committing these acts Indonesia is furthermore violating the principles of the Charter of the Organisation of African Unity, of the Bandung Declaration and of the declaration of the Conference of Non-Aligned countries of 10 October 1964 all of which call upon states to refrain from the threat or use of force and to respect the territorial integrity and political independence of other states.⁸

Operasi tersebut ternyata berjaya menarik perhatian pihak Indonesia. Ini terbukti daripada liputan ringkas yang dibuat oleh akhbar *Antara* pada 3 November 1964 yang melaporkan bahawa:

British 'Malaysian' aircraft at 02.00 local time Monday November 2nd air-dropped leaflets over islands in the Pandjang strait (Riau archipelago) containing a call making it appear as having been made by the leader of the volunteers on the peninsula, Sutikno.

The call, forged by the Tunku Abdul Rahman regime of the puppet state of 'Malaysia', called on the Indonesian nation to stop confrontation of 'Malaysia'.

The leaflets were made to appear as having been signed by the leader of the volunteers, Sutikno.

Sementara itu pada 4 November, Lord Head berbincang dengan Tunku tentang kepentingan Malaysia meminta Majlis Keselamatan PBB mengadakan perbahasan tentang pencerobohan Indonesia. Tunku berpendapat:

There would be no point in seeking further debate in Security Council even if further landings took place.⁹

Ini kerana Rusia akan mengguna undi pembatal terhadap sebarang resolusi yang diluluskan oleh Majlis dan kedudukan Malaysia juga tidak akan berubah. Walau bagaimanapun, beliau mengarahkan Wakil Malaysia di New York memaklumkan tentang pencerobohan itu kepada Presiden Majlis Keselamatan PBB.

Ramani kemudian telah menulis kepada Presiden Majlis Keselamatan PBB tentang kejadian itu serta mengedarkan surat itu kepada anggota-anggota Majlis:

On the instructions of my Government. I have the honour to report to the Security Council certain defensive measures taken by my Government in answer to Indonesian military activities that are still continuing both in Eastern Malaysia and on the mainland of which one serious incident in the series was recently debated in the Council only in September last.

Information gathered by my Government through intelligence sources over a period of time, since Indonesian military 'confrontation' against Malaysia began, has been fully corroborated in recent months, in all essential details, by the interrogation of captured Indonesian personnel, both regulars and irregulars. This information has disclosed the existence of several invasion bases on Indonesian islands to the Southwest and South of the Malaysian mainland and skirting it in an arc in very close proximity to it, across the Straits of Malacca.

The Malaysian Government has been aware for some time that among them the islands of Rupat, Tanjong Balai, Pulau Saico, Bintan dan Selat Panjang have in fact been used by Indonesia as springboards for aggression against Malaysia. It is a matter for regret and concern that this pattern of aggression is still being indulged in by Indonesia, notwithstanding the recent debate in the Council. Particulars of these hostile incidents since that debate were conveyed to you on the 31st October last. Having regard to the false propaganda which the Indonesian Government has been purposefully promoting among its own people, inciting them to acts of hostility against Malaysia on the pretence that the people of Malaysia, being oppressed by the old colonialism in new ways, were only waiting to rise in rebellion against constituted authority and, that therefore the Indonesian revolution had a sacred duty to do the comradely act of providing the leadership to ignite this alleged latent feeling, the Malaysian Government considered it meet and appropriate that it in turn had the duty to convey the truth to the Indonesian victims of their own governmental propaganda.

This necessary process of educating the Indonesian people to the truth, my Government felt had better be done by their own personnel, if that were possible. One such captured personnel, Lt. Soetikno who was the leader of one group of paratroopers dropped recently in the Labis area, having had his eyes open to conditions in Malaysia, of his own free will, offered to assist the Malaysian authorities in this behalf, as he was anxious that his people should have their minds disabused of the attractive fiction that Indonesia was assisting a national liberation movement in Malaysia by its policy of confrontation.

The Malaysian Government took advantage of this offer and dropped leaflets containing his appeal to his 'brother and comrades' on the invasion bases. An English translation of the Indonesian text is annexed to this letter.

For this purpose Malaysian and Allied aircraft had of necessity to fly over these bases for the limited purpose of making this airdrop in the early hours of Monday the 2nd November.¹⁰

Mengatur Langkah Bertindak Balas

Pendaratan tentera Indonesia di Semenanjung Malaysia pada bulan Ogos, September dan Oktober 1964 serta meningkatnya bilangan tentera Indonesia di perbatasan Borneo dan Sumatera amat mencemaskan Malaysia. Melihat kepada pencerobohan Indonesia yang semakin berani itu, Tunku Abdul Rahman tidak ada pilihan lain kecuali mendesak British mengatur strategi tindak balas yang lebih berkesan terhadap pencerobohan Indonesia. Justeru itu, Tunku telah mengarahkan Tun Abdul Razak, timbalannya dan juga Menteri Pertahanan, berangkat ke London untuk berunding dengan Perdana Menteri British, Harold Wilson pada awal November 1964.

Dalam perjumpaannya di London pada 16 November 1964, Harold Wilson memberi jaminan kepada Tun Abdul Razak bahawa kerajaan British tetap bersama Malaysia menentang pencerobohan Indonesia.¹¹ Katanya lagi, parti Buruh telah menyokong penubuhan Malaysia sejak sebagai pembangkang lagi. Bagaimanapun, beliau mengingatkan dalam mengekalkan sokongan politik terhadap tindakan Malaysia, masalah tersebut harus dibawa ke Majlis Keselamatan PBB seberapa segera yang mungkin jika lau keadaan bertambah buruk. Razak bersetuju dengan cadangan Wilson.

Pada keesokan harinya, Tun Abdul Razak telah mengadakan mesyuarat dengan Bottomley, Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Komanwel, Denis Headley, Setiausaha negara bagi Pertahanan, Lord Walston. Setiausaha Bawah Parlimen bagi Hal Ehwal Luar dan Pegawai-pegawai kanan British. Turut serta dalam mesyuarat itu ialah Tunku Yaakob, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom, Hussein Mohamed Osman, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi dan Abdullah Ahmad.

Mesyuarat itu membincangkan soal bantuan pertahanan untuk Malaysia dan usaha rujuk Indonesia. Sehubungan dengan bantuan pertahanan, Razak memohon sumbangan dari kerajaan British bagi membolehkan Malaysia membesar serta memperlengkapkan angkatan bersenjataanya menghadapi ancaman Indonesia. Razak juga meminta kerajaan British menyerahkan kapal *frigate* dan *minesweepers* untuk kegunaan angkatan laut Malaysia.

Bottomley memberi jaminan bahawa kerajaan British pimpinan parti Buruh akan mempertahankan Malaysia daripada ancaman Indonesia. Bagaimanapun, sebelum sebarang tindak balas diambil terhadap pencerobohan Indonesia, Malaysia hendaklah terlebih dahulu membawa kes itu ke pengetahuan Majlis Keselamatan PBB. Razak bersetuju dan menganggapnya sebagai tindakan yang tepat.

Sehubungan dengan usaha rujuk Indonesia, Razak menjelaskan perrujuk Indonesia berusaha untuk menghubungi Tunku bagi mengatur pertemuan dengan Soekarno. Pada pandangan Malaysia, ia tidak keberatan untuk mengadakan pertemuan itu kiranya Indonesia memberhentikan dasar agresifnya terhadap Malaysia. Razak percaya Indonesia tidak ikhlas, sebaliknya cuba menggunakan pertemuan untuk memburukkan imej Malaysia yang kononnya boneka British.

Dalam hal ini, pada pandangan Razak, Soekarno tidak mahu perdamaian, sebaliknya ingin menghidupkan isu itu untuk musahat dalaman. Lord Walston memberi jaminan sekiranya kerajaan British dihubungi oleh Indonesia, ia akan meminta mereka berunding langsung dengan kerajaan Malaysia.

Melihat meningkatnya tentera Indonesia di kawasan perbatasan di Kalimantan dan Sumatera serta pendaratan semakin berani di Semenanjung Malaysia. Maka Admiral Sir Varl Begg, CIC FE bukan sahaja meminta supaya tentera tambahan dihantar segera ke Malaysia bagi mengukuhkan lagi pertahanan, tetapi juga

menasihat kerajaan British supaya mengubah strategi pertahannya. Dalam menghadapi pencerobohan Indonesia yang semakin meningkat itu, CIC FE berpendapat bahawa *a purely defensive policy* adalah *militarily unsound*.¹² CIC FE mencadangkan supaya tentera British dan Malaysia dibenarkan menjalankan operasi merentas sempadan, iaitu sejauh 10,000 ela ke dalam wilayah Indonesia bagi memusnahkan kem-kem musuh di wilayah Indonesia. Perlu disebut di sini, ketika itu operasi merentas sempadan yang dikenali sebagai operasi *Claret* hanya sejauh 3,000 ela sahaja.

Adams, Penasihat Politik kepada CIC FE memaklumkan pandangan dan cadangan CIC FE kepada Pejabat Luar British. Pada pandangan Adam, sebelum sebarang tindak balas diambil, kerajaan British dan Malaysia hendaklah terlebih dahulu memberi amaran kepada Indonesia, sekiranya Indonesia masih meneruskan juga pencerobohnya, Malaysia dan sekutu-sekutunya tidak teragak-agak untuk mengambil tindak balas.

It will be desirable for the Malaysians and ourselves to make a further attempt to deter the Indonesians by political means and to justify to the world the more active military steps which we will have to take if deterrent fails. This could take the form of warning (possibly in two stages) by the Malaysian and British Governments that the reinforcements and the attack in Borneo, which these reinforcements were carrying out at each stage, which we could no longer tolerate, and that we felt we had no alternative but to take suitable defensive measures.¹³

Malaysia dan Britain hendaklah mengemukakan amaran itu secara *unilateral* dan bukan melalui PBB atas tiga alasan, iaitu:

1. Tindakan ketenteraan itu akan diambil secara berperingkat berdasarkan kegiatan ketenteraan Indonesia.
2. Tidak yakin bahawa Malaysia akan mendapat sokongan padu daripada negara anggota.
3. Penyelesaian konfrontasi di bawah anjuran PBB akan mengikat Malaysia dan Britain daripada bertindak balas terhadap pencerobohan Indonesia.

Cadangan CIC FE telah mendapat sokongan kuat daripada Tunku. Dalam suratnya kepada Perdana Menteri British, Tunku menulis:

I should be grateful if you give favourable consideration to a request by the Commander-in-Chief, Far East, for a more positive action in carrying out operations along Borneo-Indonesian border. This request has already been sent through your acting High Commissioner. Indonesia is continuing to build up its troops along the border. I consider that it is absolutely necessary to take adequate measures to prevent Indonesia from building up its military strength along the border.¹⁴

Wilson telah menjawab surat Tunku serta-merta. Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan British "*are fully determined to continue to ensure that the Indonesian threat to Malaysia's security is contained*".¹⁵ Maka itu, CIC FE akan dipanggil ke London untuk berbincang dengan *Chiefs of Staff* pada 12 Januari 1965. Semetara itu, tindakan akan diambil untuk menghantar pasukan tambahan ke Borneo bagi menghadapi pencerobohan Indonesia.

Jaminan Wilson itu telah dialu-alukan oleh Tunku.

Thank you very much for your message to the effect that, as far as Britain is concerned, Malaysia can depend on her for such assistance as will ensure her security in the face of the Indonesian threat. This assurance coming as it were so soon after Indonesia's withdrawal from the United Nations, gives the people of this country a great deal of comfort to know of it.

May I on behalf of this Government, my colleagues and the people of this country express our grateful thanks to your Government for the help that has already been given to us and for this assurance. Malaysia on her part will do everything she can to strengthen her defences and to maintain the efficiency of her administration so as to enable her to meet the danger from without with confidence.¹⁶

Sementara itu, Lord Head telah dipanggil oleh Jawatankuasa Ketua-ketua Turus yang dipengerusikan oleh Lord Mountbatten pada 5 Januari 1965, berhubung dengan permohonan CIC FE dari aspek politik. Sehubungan itu, Sir Norman Denning, Timbalan Ketua Staf Pertahanan (Perisikan), mengadu tentang pembocoran rahsia rancangan *Mason*. Beliau berpendapat pembocoran itu berlaku akibat pemberian maklumat tersebut kepada kerajaan Malaysia.

Lord Head menganggap pembocoran maklumat itu, seperti yang disiarkan dalam akhbar di Australia, tidaklah menjelaskan sangat sebaliknya ia memberi *salutary effect* kepada Soekarno. Maka itu, beliau percaya pembocoran rancangan *Mason* itu juga

mungkin akan memberi kesan yang sama kepada Soekarno bahawa pihak British dan sekutu-sekutunya tidak lagi dapat bersabar dengan tindakan agresif Indonesia terhadap Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Lord Head berharap tindakan segera perlu diambil ke atas kehadiran lebih kurang 16,000 tentera Indonesia di perbatasan Malaysia Timur bagi memusnahkan sebarang usaha mereka untuk menyusup atau menyerang sasaran di Malaysia Timur. Beliau sedang memikir tentang keperluan mengadakan operasi udara ke atas sasaran ketenteraan Indonesia di Kalimantan, tetapi bimbang ia akan memaksa mereka melaksanakan rancangan *Addington* apabila Indonesia bertindak balas. Malaysia, tegasnya, bercadang untuk melancarkan serangan ala komando.

Lord Head juga mencadangkan supaya rundingan dibuka semula dengan Australia dan New Zealand bagi menambahkan bilangan tentera di Malaysia. Permintaan itu hendaklah dibuat oleh Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia.

Sir David Luce, Ketua Angkatan Laut British mencadangkan sekiranya Indonesia menyerang Malaysia Timur mereka hendaklah bersedia untuk menyerang balas. Beliau mencadangkan supaya serangan dibuat ke atas Pontianak ataupun Tanakan. Beliau tidak menganggap tindakan ke atas pulau Riau sesuai bagi membala serangan Indonesia ke atas Malaysia Timur. Pandangan Sir David Luce itu disokong oleh Sir Richard Hull. Katanya:

Should any significant Indonesian force cross the borders into Borneo, then after due warning we should take out, by all available means, such vital areas as Tanakan or Pontianak.¹⁷

Sir Neil Pritchard dari Pejabat Komanwel mengingatkan, tindakan ketenteraan yang lebih agresif hanya dilaksanakan apabila terbukti Indonesia mempertingkatkan pencerobohnya.

Mesyuarat itu merumuskan, sekiranya operasi merentas sempadan diluluskan ianya hendaklah dilaksanakan tanpa mengambil kira jaraknya asalkan matlamat operasi itu tercapai. Juga dipersebutui supaya kerajaan Australia dimaklumkan tentang situasi di Borneo dan keperluan Australia turut memberi bantuan bagi menjayakan sebarang operasi yang akan dilaksanakan.

CIC FE Mencadang Strategi Serangan

Pada 12 Januari 1965, Admiral Sri Varl Begg, CIC FE telah membentang dua kertas kepada Jawatankuasa Ketua-ketua Turus yang dipengerusikan oleh Lord Mountbatten, iaitu (i) Langkah-langkah untuk menghalang Konfrontasi Indonesia (*Measures to Counter Indonesian Confrontation*) dan (ii) Ancaman ke atas Malaysia Timur (*Threat to Eastern Malaysia*).¹⁸

CIC FE mengingatkan bahawa sejak awal konfrontasi lagi Malaysia telah menuntut supaya tindakan ofensif diambil terhadap pencerobohan Indonesia ke atas wilayahnya. Namun begitu, tunutan Malaysia itu tidak diluluskan atas alasan menjaga imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Malah, Malaysia hanya ber-setuju untuk mengadu kepada PBB, berikutan dengan pencerobohan Indonesia pada bulan Ogos dan September 1964. Itu pun setelah Britain mengambil tindakan ofensif mengikut rancangan *Mason* sekiranya Indonesia meneruskan pencerobohnya.

Berikutan dengan meningkatnya bilangan tentera Indonesia di Kalimantan dan Sumatera, CIC FE berpendapat dasar defensif tidak lagi sesuai. “*To remain passive in the face of this threat can only encourage an Indonesian adventure*”, tegas CIC FE. Beliau tidak percaya tindakan ofensif akan memburukkan lagi keadaan. Oleh kerana Malaysia telah pun mengadu kepada Majlis Keselamatan PBB tentang pencerobohan Indonesia ke atas wilayahnya, imej Malaysia tidak mungkin akan terjejas akibat daripada tindakan tersebut.

Melihat kepada peningkatan pencerobohan Indonesia ke atas wilayah Malaysia, CIC FE merumuskan bahawa tentera tambahan hendaklah dihantar ke Malaysia bagi mempertahankan wilayah itu daripada serangan Indonesia. Beliau juga menganggap dasar defensif tidak lagi sesuai dan sekiranya diteruskan juga bererti bilangan tentera perlu ditambahkan dan sudah pasti akan menambahkan bebanan kewangan. Beliau mengesyorkan agar dasar ketenteraan yang lebih aktif dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi memusnahkan rancangan musuh serta untuk menunjukkan kepada Indonesia bahawa dasar seperti yang diikuti di Irian Barat tidak akan berjaya di Malaysia.

Oleh hal demikian, CIC FE meminta Jawatankuasa Ketua-ketua Turus membenarkan beliau mengarahkan operasi merentas sempadan sehingga 10,000 elak dalam wilayah Indonesia. Juga

membenarkan beliau melaksanakan operasi terhadap sasaran musuh di Selat Melaka dan Selat Singapura.

Jawatankuasa Ketua-ketua Turus telah menimbang dengan teliti permohonan CIC FE. Jawatankuasa menjelaskan setakat ini dasar British ialah untuk mengelak konflik di Malaysia itu menjadi lebih besar. Maka itu, British mengamalkan dasar defensif. Selain itu, British juga terpaksa mengambil kira soal kemampuan untuk menambahkan bilangan tentera tambahan ke Malaysia. Walaupun keadaan di Malaysia masih terkawal, akan tiba masanya apabila Indonesia meningkatkan lagi pencerobohnya. Dalam keadaan itu British akan menghadapi masalah penambahan bilangan tentera, mereka terpaksa melaksanakan tindakan ketenteraan yang lebih agresif terhadap Indonesia.

Jawatankuasa itu mendedahkan bahawa setakat itu mereka mempunyai enam rancangan ketenteraan untuk menghadapi ancaman Indonesia, iaitu:

1. Rancangan *Mason*. Rancangan ini bertujuan untuk bertindak balas terhadap Indonesia apabila tentera Indonesia mendarat di Malaysia barat atau Singapura. Rancangan ini melibatkan serangan ke atas sasaran ketenteraan Indonesia yang dianggap minoriti di Pulau Riau dan pantai timur Sumatera. Serangan itu akan dibuat dengan menggunakan pesawat dan angkatan laut.
2. Rancangan *Addington (1)*. Rancangan ini bertujuan untuk memusnahkan kekuatan angkatan udara Indonesia dan akan dilaksanakan bersama oleh United Kingdom, Australia dan New Zealand.
3. Rancangan *Addington (2)*. Rancangan ini juga bertujuan untuk memusnahkan kekuatan angkatan udara Indonesia oleh angkatan tentera United Kingdom sahaja.
4. Rancangan *Althorpe (1)*. Rancangan ini bertujuan untuk memusnahkan kekuatan ketenteraan Indonesia di Kalimantan secara menyeluruh.
5. Rancangan *Althorpe (2)*. Rancangan ini bertujuan untuk memusnahkan kekuatan ketenteraan Indonesia bagi keseluruhan Indonesia.
6. Rancangan *Spillikin*. Rancangan ini bertujuan untuk mempertahan Malaysia Timur dan Brunei daripada serangan Indonesia.

Bersetuju dengan permohonan CIC FE, Jawatankuasa Ketua-ketua Turus bersetuju untuk membenarkan CIC FE melancarkan operasi merentas sempadan sejauh 10,000 elai ke dalam wilayah Indonesia di Kalimantan.¹⁹ Operasi ini adalah semata-mata untuk memusnahkan sasaran-sasaran tertentu, seperti kem, pusat penempatan dan pengumpulan bekalan ketenteraan Indonesia. Juga diharapkan operasi itu akan menjelaskan Indonesia daripada menambahkan bilangan tenteranya di kawasan perbatasan serta menghalang pihak Indonesia daripada menceroboh wilayah Malaysia. Bagaimanapun, semasa melancarkan operasi itu, CIC FE telah diminta memastikan kecederaan ke atas orang awam berada dalam tahap minimum. CIC FE juga diingatkan supaya merahsiakan operasi itu daripada pengetahuan awam untuk mengelak tindak balas Indonesia dan juga imej di peringkat antarabangsa sekiranya diketahui operasi itu dirancang dan mendapat kelulusan kerajaan.

Mesyuarat juga membenarkan CIC FE melancarkan serangan ala komando ke atas pangkalan-pangkalan kecil tentera Indonesia yang terletak berhampiran dengan Semenanjung Malaysia, seperti di Riau dan pantai timur Sumatera. Operasi tersebut berbeza sedikit daripada operasi *Mason*. Asas operasi itu tidak melibatkan serangan laut dan udara dan akan hanya dilaksanakan apabila Indonesia meningkat pencerobohnya dan setelah Malaysia melaporkan hal itu kepada pengetahuan Majlis Keselamatan PBB. Mesyuarat telah meminta CIC FE berbincang dengan pihak berkuasa Malaysia tentang kaedah terbaik untuk membentuk dan melatih pasukan yang akan terlibat dalam operasi tersebut. Dalam masa yang sama, CIC FE diminta menyediakan rancangan operasi bagi menghalang serangan besar-besaran Indonesia ke atas Borneo yang tidak memerlukan tindak balas diambil seperti yang dirancang di bawah rancangan *Althorpe*.

CIC FE juga dibenarkan meluaskan kawasan operasi angkatan laut di Selat Melaka antara 12 dan 2 batu nautika daripada pantai Indonesia untuk mengawas pergerakan kapal-kapal Indonesia di perairan Selat Melaka dan Selat Singapura.

Jawatankuasa juga bersetuju untuk meminta kerajaan Australia dan New Zealand menambahkan tentera mereka untuk beroperasi di Malaysia ekoran perubahan strategi pertahanan itu.

Pada 18 Januari 1965, Lord Head telah mengadakan pertemuan dengan Razak bagi memaklumkan keputusan mesyuarat Ketua-ketua Turus. Turut serta dalam perbincangan itu ialah

Admiral Sir Varl Begg, CIC FE, Wade, Pesuruhjaya Tinggi bagi New Zealand, Critchley, Pesuruhjaya Tinggi bagi Australia dan Jeneral Tengku Osman Jiwa, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Malaysia.²⁰ Perbincangan tertumpu kepada strategi tentang serangan balas terhadap pangkalan-pangkalan tentera Indonesia di Riau dan beberapa buah pulau berdekatan dengan Sumatera, sekiranya Indonesia melancarkan serangan secara besar-besaran ke atas Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Tun Razak akur dengan rancangan itu, tetapi telah meminta supaya operasi menyerang pangkalan-pangkalan kecil Indonesia di Riau dan Sumatera dilakukan oleh pasukan Komando Malaysia. Mesyuarat telah menyerah kepada CIC FE dan Jeneral Tunku Osman Jiwa untuk memutuskannya.

Sementara itu Britain, New Zealand dan Australia juga ber-setuju untuk menghantar pasukan tentera tambahan ke Sabah dan Sarawak bagi mempertahankan wilayah-wilayah tersebut dari kemungkinan pencerobohan Indonesia.

Sementara itu, bermula pada akhir bulan Februari 1965, pasukan komando Malaysia yang berjumlah seramai 258 orang mula dilatih oleh *Royal Commando Marine* bagi tujuan operasi terhadap sasaran Indonesia di Riau dan Sumatera. Pada bulan April 1965, pihak British dan Malaysia telah mengenal pasti sasaran yang hendak diserang, iaitu Pulau Djemur yang terletak di Selat Melaka. Laporan risikan menunjukkan bahawa pulau itu menjadi pangkalan utama bagi penghantaran tentera Indonesia ke Semenanjung. Permohonan CIC FE untuk melancarkan serangan itu telah dilulus oleh *Chief of Staff*. Bagaimanapun, belum sempat operasi itu dijalankan, Indonesia dilanda percubaan rampas kuasa Komunis atau Gestapu. Justeru peristiwa itu arahan dikeluarkan supaya sebarang gerakan ketenteraan dikendurkan sebagai menyatakan sokongan kepada tentera darat yang dipimpin oleh Jeneral Soeharto menentang pihak Komunis.

Nota

1. Latest Indonesian Aggression against mainland Malaysia dalam Malaysia's letter to Security Council, Jabatan Penerangan Kuala Lumpur, 1964, FO 371/1762582.
2. Kuala Lumpur - CRO, 30 Okt. 1964, FO 371/176480.
3. CRO - Kuala Lumpur, 30 Okt. 1964, FO 371/176480.
4. Kuala Lumpur - CRO, 30 Okt 1964, FO 371/176480.

5. Ibid.
6. Kuala Lumpur - CRO, 2 Nov 1964, FO 371/176480.
7. Malaysia's letter to Security Council, Jabatan Penerangan, Kuala Lumpur, 1964, FO 371/176582.
8. Ibid.
9. Kuala Lumpur - CRO, 4 Nov. 1964, FO 371/176480.
10. R.Ramani - President of the Security Council, 5 Nov 1964, FO 372/176502
11. Record of meeting held in the Commonwealth Relations Office on Tuesday, 17th. November 1964, FO 371/176485.
12. Singapore - Foreign Office, 23 Dis 1964, FO 371/181525.
13. Ibid.
14. Tunku Abdul Rahman - Harold Wilson, 31 Dis 1964, FO 371/181525.
15. Harold Wilson - Tunku Abdul Rahman, 2 Jan 1964, FO 371/181525.
16. Tunku Abdul Rahman - Harold Wilson, 13 Jan 1965, FO 371/181575.
17. COS 1st. Meeting/65, 5th Jan 1965, DEFE 4/179.
18. COS 3rd. Meeting/65, 12 Jan 1965, DEFE 4/179.
19. CRO - Kuala Lumpur, 14 Jan 1965, FO 371/181526.
20. Kuala Lumpur - CRO, 19 Jan 1965, FO 371/181526.

BAHAGIAN III

KE ARAH PERDAMAIAAN DAN PEMULIHAN HUBUNGAN

P e n g e n a l a n

Ketika Malaysia sedang menghadapi ancaman Indonesia, krisis tercetus antara Tunku Abdul Rahman dengan Lee Kuan Yew hingga membawa kepada pemisahan Singapura daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Pemisahan Singapura daripada Malaysia amat mengecewakan British. Kerana pemisahan itu menjelaskan matlamat asal penubuhan Malaysia, iaitu untuk mempertahankan pangkalannya di Singapura serta melindungi wilayah Borneo daripada ancaman kuasa luar. Peristiwa ini juga menyebabkan kerajaan British mengkaji semula dasarnya terhadap Indonesia. Bagaimanapun, Indonesia gagal untuk mengeksploti isu tersebut justeru krisis politik dalam negeri – Gestapu.

Pada 30 September 1965, pasukan tentera yang pro-Soekarno dengan sokongan kuat daripada Parti Komunis Indonesia cuba merampas kuasa atas alasan untuk melindungi Presiden Soekarno daripada ancaman Dewan Jeneral. Jeneral Soeharto yang disifatkan sebagai seorang yang antikomunis telah berjaya menumpas percubaan rampasan kuasa itu. Kemunculan Jeneral Soeharto disambut baik oleh Malaysia dan juga Britain. Perubahan itu meredakan tempo konfrontasi dan membuka ruang rundingan bagi menamatkan konfrontasi Malaysia-Indonesia.

Pada 11 Mac 1966, Major-Jeneral Soeharto dengan rasminya mengambil alih kuasa dari Presiden Soekarno, diikuti pada 18 Mac dengan penahanan Dr. Subandrio. Pada 24 Mac kabinet baru telah dibentuk dengan Dr. Adam Malik sebagai Menteri Luar barunya. Sejak dengan perubahan itu, kepimpinan baru Indonesia mula menyusun langkah bagi menamatkan konfrontasi. Pada bulan April 1966, pertemuan sulit telah berlangsung antara Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar, dengan Major-Jeneral Ali Moetopo di Bangkok, disusuli kemudiannya oleh rundingan Ghazali dengan Adam Malik pada 30 April 1966. Rundingan Adam Malik-Ghazali telah membawa

kepada persidangan Razak-Adam Malik pada 29 Mei 1966. Pada 11 Ogos 1966, Perjanjian Damai dimeteraikan di Bangkok yang membawa kepada penamatkan konfrontasi dan pemulihhan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia.

BAB 10

Pemisahan Singapura dari Malaysia

Pada 9 Ogos 1965, Tunku mengumumkan di Parlimen tentang keputusan kerajaan untuk memisahkan Singapura dari Persekutuan Malaysia (Parliamentary Debates 1965). Dalam ucapannya Tunku menghuraikan latar belakang yang menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk memisahkan Singapura. Antara lain, beliau menegaskan:

We have tried everything possible to avoid the separation of Singapore from the rest of Malaysia. In the end we find that there are only two courses open to us: (1) is to take repressive measures against the Singapore Government or their leaders for the behavior of some of their leaders; and (2) is the course of action, which we are taking now, to sever connection with the State Government of Singapore that has ceased to give even a measure of loyalty to the Central Government. The position of the Central Government, not only at home but worse still abroad, has been mocked and made to look ludicrous on many occasions. It is clear that for us to take repressive measures against the Singapore leaders as we consider it repulsive to our concept of a parliamentary democracy to do so. Even then, it will not solve the problems because, as I have said just now, there is not one problem but many: and all that gives us the most concern is the communal issue which has been brought up by the leaders of Singapore. This is a matter which concerns me most, because the peace, happiness and the security of this country depend on goodwill and understanding among the various people who have made a home of this country. Without this goodwill and this understanding this nation is bound to break up and with a consequential disaster which we have seen and read about happening elsewhere. We feel that this repressive action against a few would not, therefore, solve the problem, because the seed of discontent, fear and hatred, has been sown not only in Singapore but elsewhere: and, I feel, if we were to take repressive measure, it cannot help because it would sprout elsewhere, and with the rule of force.¹

Keputusan nekad Tunku untuk memisahkan Singapura dari Malaysia mengejutkan pihak British. Kerana keputusan itu dibuat tanpa berunding terlebih dahulu dengan kerajaan British seperti yang dipersetujui sebelum ini. Tunku berkata beliau sengaja tidak berunding dengan pihak British, Australia dan lain-lain pihak kerana bimbang mereka mungkin menahannya dari menyingkirkan Singapura.

Perkembangan ke Arah Perpisahan

Sebenarnya hubungan antara Kuala Lumpur dengan Singapura tidak mesra sejak koloni itu menyertai Malaysia pada 16 September lagi. Malah pimpinan Singapura telah bergeser dengan pimpinan Tanah Melayu ketika rundingan menggubal Perlembagaan Malaysia berada pada peringkat akhir lagi. Melihat kepada sikap degil Singapura, Tunku pernah mengugut untuk membentuk Malaysia tanpa Singapura. Keadaan itu hanya dapat diselamatkan dengan campur tangan pihak British. Tindakan Lee Kuan Yew mengkritik Tunku secara terbuka kerana bersetuju mengubah tarikh perisytiharan penubuhan Malaysia daripada 31 Ogos kepada 16 September 1963, menyenggung perasaan Tunku. Selain itu, Lee juga membelakangkan Tunku, apabila beliau mengisyiharkan kemerdekaan Singapura secara *unilateral* pada 31 Ogos 1963.

Pergeseran antara Tunku dengan Lee Kuan Yew memuncak selepas pilihan raya Singapura pada bulan September 1963. Pada pilihan raya itu, semua calon UMNO-PERIKATAN Singapura telah kalah di tangan PAP. Kemenangan PAP itu mengejutkan UMNO. Seperti disebut oleh Abdullah Ahmad: "Tengku terkejut kerana beliau menaruh harapan dengan kemasukan Singapura ke dalam Malaysia, orang Melayu yang berminoriti di pulau itu akan terus menyokong UMNO malah menjadi pengikut UMNO yang lebih kuat. Sebaliknya Tengku melihat partinya di Singapura telah dihancurkan sama sekali." (Abdullah Ahmad, 1987)

UMNO Singapura menerima kekalahan itu dengan penuh emosional. Pada 27 September 1963 ahli-ahli UMNO Singapura telah membakar patung Lee Kuan Yew.

Pergeseran antara Tunku dengan Lee semakin ketara apabila PAP meletakkan 9 orang calon untuk bertanding kerusi parlimen menentang MCA dalam pilihan raya Parlimen di Semenanjung pada bulan April 1964. Tindakan PAP itu bercanggah dengan ikrar

Lee sebelum penubuhan Malaysia bahawa PAP tidak akan bertanding dalam pilihan raya di Semenanjung. Malah dalam kempen-kempen pilihan raya, Lee menyeru para pengundi menyokong PAP "*so that UMNO leaders would have to adjust their social and economic policy to take into account the wishes of the people in the towns*" (Noodin Sopiee 1974). Lee gagal mencapai cita-cita politiknya. PAP hanya menang satu daripada dari sembilan kerusi yang dipertandingkan. Ekoran dari penglibatannya dalam pilihan raya 1964, Lee dan PAP telah dicap sebagai 'musuh masyarakat Melayu'.

Keadaan bertambah buruk lagi apabila tercetusnya rusuhan kaum di Singapura pada bulan Julai 1964. Rusuhan itu telah mengorban dan mencederakan beratus orang. Ketika rusuhan itu berlaku Tunku berada di London.

Perkembangan yang berlaku itu telah menarik perhatian kerajaan British. Dalam menangani kes ini nampaknya kerajaan British menyalahkan UMNO kerana mencetuskan rusuhan. Lord Head dalam utusannya kepada Setiausaha Komanwel, ekoran rusuhan pada bulan Julai 1964 di Singapura menyalahkan Syed Ja'afar Albar, Setiausaha Agung UMNO kerana mencetuskan rusuhan itu.

Ja'afar Albar who is secretary of U.M.N.O went to Singapore and made disgraceful and inflammatory speech whipping up Malay feeling against Chinese. As a responsible and high up member U.M.N.O I do not think that he should even have been allowed to do this because although object was political, namely to detach Malay votes from Lee Kuan Yew was obviously bound to be divisive and destructive and likely to stir up trouble.²

Bagi menyelesaikan kemelut itu, Lord Head mencadangkan supaya menggunakan kekuatan tentera, kewangan dan bantuan-bantuan lain untuk memaksa Tunku membuat perubahan.

Pada pandangan Lord Head, Lee Kuan Yew dan partinya memberi sokongan seratus peratus kepada Malaysia menentang Indonesia dan setia terhadap konsep Malaysia.

Pada 6 Ogos 1964, Sir Alec Douglas-Home, Perdana Menteri British, telah mengadakan perbincangan dengan Tunku tentang situasi di Malaysia. Bagi mengatasi masalah politik, Lord Home mencadangkan supaya Tunku menambahkan lagi bilangan kerusi wakil rakyat untuk Sarawak, Sabah dan Singapura seperti yang dicadangkan oleh Lee. Tunku bersedia intuk menimbangkan

cadangan itu tetapi menganggap Lee Kuan Yew sebagai *a very tricky gentleman*. Lee tidak berpegang kepada janji. Sungguhpun begitu, Tunku berjanji untuk menyelesaikan kekalutan hubungan antara Kuala Lumpur dengan Singapura sekembalinya ke Kuala Lumpur nanti. Tunku secara terus terang memberitahu kepada Home bahawa beliau tidak dapat melantik Lee dalam kabinetnya kerana "*he was very unpopular among Malays and Chinese alike*".³ Beliau hanya bersetuju untuk menambahkan bilangan perwakilan dari Singapura, Sarawak dan Sabah dalam Majlis Pertahanan.

Rundingan Tunku dan Lee untuk Mengendurkan Ketegangan

Hubungan yang semakin tegang antara Kuala Lumpur dengan Singapura memerlukan penyelesaian segera sekiranya gagasan Malaysia hendak diselamatkan. Tunku telah mengadakan perjumpaan dengan Lee secara sulit bagi mencari penyelesaian atas masalah itu. Tunku mencadangkan supaya Lee mengosongkan kerusi parlimennya. Kerajaan Pusat pula akan memberi kuasa otonomi kepada kerajaan Singapura, khususnya dalam hal ekonomi, kewangan dan keselamatan. Sebagai *quid pro quo* Lee juga dikehendaki tidak akan terlibat dalam kegiatan politik di Semenanjung dan Borneo.

Perbincangan sulit itu diketahui oleh pihak British. Mereka berpendapat:

1. Internal security round the Singapore base would become a matter for the Singapore, rather than the Federal, police. Although these are certainly less reliable than the federal police (who are Malays) it remain a fact that we should probably have to abandon the Singapore base in any case if pressed to do so by a strongly left-wing government in Singapore.
2. The effect on Sabah and Sarawak would be very unsettling, even if they did not lose faith in Malaysia entirely.
3. Such major change would be likely to have serious repercussions on international opinion as indicating an internal weakening, and possibly ultimately collapse of the Federation. They would be a godsend to Indonesian propaganda. Relations with Sabah and Sarawak would also be upset.⁴

Dengan serta-merta, Lord Head diarah supaya berjumpa Tunku dan Lee untuk berbincang tentang hal tersebut. Pada 11 Februari

1965, Lord Head dan Earl Louis Mountbatten mengadakan perbincangan dengan Tunku di Kuala Lumpur. Earl Mountbatten, Ketua Turus Angkatan Bersenjata United Kingdom menjelaskan pandangan British dan kesan buruknya pada pandangan dunia terhadap cadangan penyerahan kerusi parlimen oleh Singapura kembali kepada Kerajaan Pusat. Tunku mengenepikan 'nasihat' tersebut sebaliknya menegaskan keputusannya untuk menukar status Singapura dalam Persekutuan sebagai satu alternatif untuk menyelesaikan "*present dog and cat relations between Singapore and Kuala Lumpur*".⁵

Gagal untuk meyakinkan Tunku tentang keburukan rancangan itu. Lord Head dan Lord Mountbatten kemudian berjumpa pula dengan Lee. Selepas mendengar pandangan Lord Head dan Lord Mountbatten, Lee menyatakan persetujuannya untuk menolak cadangan Tunku untuk meminta Singapura menyerahkan kerusi Parlimen kepada UMNO dalam tempoh konfrontasi. Selepas perbincangan lanjut, Lee mengemukakan cadangan komprominya. Mengikut Lee, di bawah cadangan kompromi itu, Singapura akan mempunyai kuasa penuh dalam urusan dalaman kecuali pertahanan dan hubungan luar. Dalam masa yang sama Lee Kuan Yew hendaklah memberikan kenyataan bertulis kepada Tunku, walaupun Singapura akan terus mengekalkan kerusi Parlimennya, ia tidak akan digunakan untuk menyerang Kerajaan Pusat. Sekiranya ikrar itu dilanggar, Lee bersedia untuk membuat perjanjian bahawa kuasa-kuasa tambahan yang diberikan kepada Singapura akan dibatalkan. Selepas konfrontasi tamat, Lee bersedia untuk menimbang dengan serius cadangan untuk menyerahkan kerusi Parlimen kepada Kerajaan Pusat. Kesemua cawangan UMNO dan MCA di Singapura akan ditutup dan PAP juga akan menutup cawangannya di Semenanjung.

Lord Head, walaupun menganggap cadangan Lee itu sebagai kompromi yang terbaik, berpendapat cadangan itu mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, Tunku pasti meminta Lee memberikan jaminan tegas selepas tamatnya konfrontasi, beliau mesti menyerahkan kerusi Parlimennya kepada Kerajaan Pusat. Beliau tidak percaya Lee akan tunduk kepada kehendak Tunku. Kedua, Lord Head juga tidak percaya Lee mampu mengawal soal keselamatan dalam negeri tanpa bantuan daripada Kerajaan Pusat.

Lord Head dan Earl Mountbatten juga tidak percaya bahawa Tunku akan menerima jaminan Lee yang ahli-ahli Parlimen PAP

akan berpegang kepada janjinya. Lee mengulang hasratnya untuk membuat perjanjian bertulis kepada Tunku tentang jaminan tersebut, serta kesediaannya untuk menyerah semula kuasa tambahan kepada Kerajaan Pusat, sekiranya beliau melanggar perjanjian itu.

Lee bersetuju dengan pandangan Lord Head dan berjanji akan mengekalkan kerusi Dewan Rakyat. Untuk itu, Lee bersedia memberi kenyataan bertulis kepada Tunku bahawa kehadiran wakil rakyat Singapura di Dewan Rakyat tidak akan diguna untuk tujuan kontroversi atau menyerang Kerajaan Pusat.

Pada 15 Februari 1965, Lee telah mengadakan pertemuan dengan Tunku di Singapura. Dalam perbincangan itu, Tunku bersetuju untuk membenarkan Singapura mengekalkan kerusinya di Parlimen.

Persoalan Malaysia-Singapura telah dibincang dengan serius oleh Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri berpendapat bahawa kedua-dua cadangan itu sama ada cadangan Tunku atau Lee akan membawa kepada perpecahan Persekutuan Malaysia. Malah ia bukan sahaja akan menjelaskan imej Malaysia di mata dunia, tetapi juga akan menjelaskan tanggungjawab British dalam mengurus soal keselamatan dalam negeri dan pertahanan wilayah Malaysia daripada ancaman Indonesia. Jabatan itu mengesyorkan kedua-dua rancangan itu hendaklah ditolak.

Justeru keputusan itu, arahan telah dikeluarkan kepada Lord Head supaya berjumpa Tunku dan Lee mengenai keburukan kedua-dua cadangan tersebut.

Your immediate aim must in short be to press for abandonment of any radical changes in constitutional, defence or internal security fields. On this you will be best judge as to how far Tunku's colleagues may be of further help.

Your secondary objectives in event of Tunku proving unresponsive should be at least to ensure that he gives us firm undertaking that we shall have ample opportunity to express our views on any major changes on which he and Lee may still insist.⁶

Sementara itu, kerajaan Australia dan New Zealand juga telah dimaklumkan tentang perkembangan di Malaysia.

Pada 23 Februari 1965, Lord Head telah berjumpa dengan Tunku seperti yang diarahkan. Tunku memberi jaminan bahawa

kerusi Singapura di Parlimen akan dikenakan. Berhubung dengan soal keselamatan dalam negeri dan kewangan, Tunku masih berbincang dengan ahli-ahli kabinetnya.

Selepas pertemuan itu, Lord Head menulis kepada Tunku mengulang jaminan Tunku tentang kedudukan kerusi Parlimen Singapura. Dalam surat itu dinyatakan:

I was much encouraged in my talk with you yesterday when you said that there would be no question of the Singapore representatives leaving the Federal Parliament. As I told you my Government had considerable apprehensions about such a possibility largely because of its effect on world opinion and confidence about future unity of the Federation.⁷

Perihal pentingnya kompromi perlu dicapai antara Tunku dengan Lee semakin menonjol, apabila pada awal Februari 1965, Dr. Subandrio menyatakan hasratnya untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia di Bangkok. Menghadapi situasi itu, pihak British menekankan kepada Tunku tentang perihal pentingnya Malaysia menunjukkan kepada dunia tentang kekuatan dan keutuhan Malaysia.

Pada 2 Mac 1965, Tunku selepas mendapat persetujuan kabinet, beliau menulis surat kepada Perdana Menteri British, Harold Wilson memberi jaminan bahawa cadangan perubahan dalam hubungan Pusat dengan Singapura itu tidak akan melemah sebaliknya mengukuhkan lagi pentadbiran.

When Earl Mountbatten called on me in Kuala Lumpur recently, he discussed certain matters about which you and your colleagues have expressed deep concern, and that is with regard to the news that I was contemplating a break-up with Singapore. This news, according to him, would cause serious alarm to all those who have the interest of Malaysia at heart and if it were to leak out it would give the Indonesians moral advantage. I have very much in mind that aspect of the matter and you can rest assured that I will do nothing to give Indonesia a sense of victory.

What I have in view is that there should be a re-arrangement of the State and Federal powers as between Singapore and the Central Government without affecting the status of Singapore as a member State of Malaysia. We found out after one and half years of experience in the working of the Constitution that this arrangement is necessary for the effective and smooth running of the administration. It would not change in any way Singapore's relation with the Central Government. On the other hand, it will give Singapore greater autonomy with which to administer the State having in mind the peculiar situation obtaining in that State. The

changes, if any, will be worked out in easy stages without giving any indication that there is any conflict of interest between the State and the Central Government.

I am convinced, so does the Prime Minister of Singapore, that this reshuffling of State and Federal powers will bring about better relationship between the State and Central Governments.⁸

Ketegangan Memuncak

Hubungan antara Kuala Lumpur dengan Singapura kembali tegang apabila Lee Kuan Yew mengumum hasratnya untuk menubuhkan pakatan parti politik untuk menentang Parti Perikatan dalam pilihan raya. Turut serta dalam mesyuarat yang berlangsung di Singapura pada 8 Mei 1965 ialah United Democratic Party dan SUPP. Pada 9 Mei, Malaysian Solidarity Convention (MSC) telah ditubuhkan serta menjadikan slogan 'Malaysian Malaysia' sebagai dasar perjuangan mereka. Lee Kuan Yew percaya bahawa slogan 'Malaysian Malaysia' pasti akan menarik para pengundi bukan-Melayu untuk menyokong parti-parti yang bergabung dalam MSC kerana parti-parti itu memperjuangkan hak sama rata.

Ahli-ahli UMNO memandang serius terhadap penubuhan MSC serta menganggapnya sebagai satu usaha untuk menjatuhkan Perikatan dan menghapuskan hak keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputera. Maka itu, tidaklah hairan ahli-ahli UMNO mendesak supaya Lee Kuan Yew ditahan (*Utusan Melayu* 1965). Malah Tunku dan Dr. Ismail, Menteri Dalam Negeri dikecam kerana bersikap lembut terhadap Lee Kuan Yew. Tunku meminta anggota-anggotanya supaya bertengang dan bersedia untuk menangani Lee Kuan Yew secara demokratik.

Tanpa menghirau bantahan UMNO, Lee Kuan Yew menegaskan tekadnya untuk menjayakan rancangan 'Malaysian Malaysia' dan akan berusaha kuat bagi memastikan MSC berjaya dalam pilihan raya umum yang membolehnya menubuhkan kerajaan.

If we must have trouble, let us have it now instead of waiting for another 5 or 10 years. If we find Malaysia cannot work now, we can make alternative arrangement. (*Straits Times* 1965).

Kuala Lumpur telah menganggap kenyataan Lee Kuan Yew itu sebagai tanda untuk berpisah.

Jun 1965 merupakan bulan yang paling kritis. Sidang Dewan Rakyat bulan Jun telah menjadi medan perang mulut antara pemimpin pusat dengan pemimpin Singapura. Razak secara terang menyalahkan Lee di atas kekalutan politik. (Parliamentary Debates 1965). Tindak tanduk Lee telah menguntungkan Indonesia, tegas Razak. Razak menambah:

Lee was playing dangerous game and had embarked on reckless adventure. If despite alliance government's belief in, and work for, racial harmony trouble were to break out they must hold him fully responsible.

Tunku ternyata amat kecewa dengan sikap dan kegiatan Lee Kuan Yew. Kekecewaan itu kelihatan dalam kenyataannya sebelum berangkat ke London menghadiri Sidang Negara-negara Komanwel.

I wish I had not listened to all that persuasive talk before... Then Malaya would still be very happy Malaya... no confrontation, nothing. (*Sunday Times* 1965).

Hubungan buruk antara Kerajaan Pusat dengan Singapura turut merisau pihak British. Pada 1 Jun 1965, Lord Head telah bertemu dengan Tunku serta menasihatkan beliau berusaha untuk meredakan keadaan.

If things went on like this, it would be hard to see how or when they would terminate; and that Malaysia seemed to be heading for a serious political clash which might have most disastrous results.⁹

Walaupun akur dengan nasihat itu, Tunku menyalahkan Lee Kuan Yew kerana memburukkan keadaan.

Lee Kuan Yew had been deliberately spreading false propaganda abroad and had now returned and was determined to attack bitterly the Federal Government in a way he must know would lead to racial trouble. The Tunku went on to say that he agreed that things could not go on like this and they must end soon.

Head bertanya Tunku:

How would they end and did the Tunku think he could still treat with Lee Kuan Yew and bring about some kind of detente.

Tunku menjawab:

No, he was determined never again to try and treat with Lee Kuan Yew, whom he did not trust a yard and about whom he was completely disillusioned'.

Head berkata 'how then was all this going to end', to which the Tunku replied, 'I know my duty and I shall not hesitate to do it'.

Head menanya Tunku sama ada kenyataannya itu bererti Lee akan ditahan. Tunku menjawab begitulah kehendaknya. Head menerangkan:

If Lee Kuan Yew were put inside for any reason other than for reasonable activities, it would mean much shock and embarrass the British Government and would undoubtedly have far-reaching effects among world opinion. Lee was now well-known in many countries which wished Malaysia well and any suggestion that he had been confined for carrying on purely political activities would have a most unfortunate affect in Britain and elsewhere.

Tunku membalas bahawa beliau mempunyai tanggungjawab:

To preserve the unity of this Federation and that if Lee Kuan Yew was destroying it, he knew where his duty lay.

Pihak British memandang serius perkembangan dalam hubungan Singapura dengan kerajaan pusat. Sekiranya kekacauan atau rusuhan berlaku di Singapura, kepentingan Pangkalan British di pulau itu akan terjejas. Pada 3 Jun, Lord Head diarah oleh Jabatan Komanwel agar mengingatkan Lee Kuan Yew supaya tidak mencetuskan ketegangan yang boleh melemahkan struktur Kerajaan Pusat dan juga menguntungkan Indonesia.

Dalam masa yang sama, Head juga diarah supaya menasihat Tunku daripada menahan Lee di bawah undang-undang darurat. Pada pandangan British:

We fully realise that such a decision would be a matter lying within the internal responsibilities of the Federal Government. Further, we would not wish the Tunku to think that we do not fully realise that Lee's present behaviour must necessarily cause deep concern to the Federal Government, particularly in respect of its relationship with the States.

We feel we must let the Tunku have our frank views, because we are most concerned at the prospect of very serious consequences which would directly affect our own interests and our relations with Malaysia.

If Lee were to be arrested and detained shock to world opinion would be profound.¹⁰

Tunku akur dengan 'nasihat' itu. Namun demikian, Tunku memberitahu Head bahawa beliau tidak lagi percaya kepada Lee Kuan Yew.

Completely disillusioned. The time for patience and delay had passed.

Sejam kemudian Lee berjumpa dengan Head. Mengikut Head, Lee berada dalam keadaan *a very emotional state*. Lee memaklumkan:

Time had come to fight for a Malaysia that would not be dominated by Malays.

Oleh sebab itulah beliau menubuhkan barisan pembangkang. Beliau juga bersedia untuk dipenjarakan kerana itu akan menguatkan kedudukannya. Head mengingatkan Lee:

To continue on his present course would only precipitate a crisis...

Bagaimanapun Lee menjawab dengan sombong:

Time for patience and delay was over...

Kerajaan British amat bimbang dengan perkembangan tersebut. Pesuruhjaya Tinggi diarah supaya mempengaruhi Tunku dan Lee mencapai *detente*.

Pada 4 Jun 1965, Head bertemu sekali lagi dengan Lee. Head dengan terus terang menyatakan perasaan tersinggung kerajaan British terhadap sikap provokatif Lee, seperti mempersoal siapa datang dulu ke Tanah Melayu dan cadangan perlombagaan pilihan. Head ingatkan Lee:

Continuing to stoke up fires of political controversy Lee would firstly forfeit sympathy and support which he had created overseas, secondly he would make it less likely that his multi-racial policy would succeed in attracting Malays because of his present conduct would alarm them and

give ammunition to Chauvinistic Malays to say that he was dangerous leader of Chinase Party. Thirdly continuation of his present policy would inevitably endanger future stability of Federation.¹¹

Lee menjawab itu bukanlah satu kesalahan. Beliau menyebut sikap provokatif akhbar-akhbar Melayu dan mengkritik dengan tajam propaganda UMNO di Singapura. Beliau menjelaskan:

He had to fight now because to adopt a mild line would be intepreted as tacit acceptance of malay dominated Malaysia.

Head mengingatkan bahawa Malaysia akan gagal sekiranya kaum Melayu dan Cina tidak dapat bekerjasama. Begitu juga sekiranya beliau ingin menjadi pemimpin, beliau mesti menarik undi kaum Melayu. Sekiranya Singapura hendak maju, ia mesti mempunyai pasaran bersama.

Kemudian mereka membincangkan bagaimana cara untuk meredakan keadaan. Lee berkata sekiranya beliau dapat wujudkan pasaran bersama dan UMNO bersedia untuk tidak akan campur tangan politik di Singapura barulah beliau akan *soft pedal his political line*. Head bertanya Lee adakah itu membawa maksud bahawa beliau tidak akan campur tangan dalam politik Tanah Melayu. Lee menjawab bahawa beliau tidak dapat berbuat demikian:

Because with his new solidarity convention many of whom come from Malaya he would not be able to put across policy of PAP in Peninsula.

Head kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Tunku. Tunku menyatakan kebimbangannya dengan perkembangan yang berlaku. Sungguhpun begitu Tunku berasa yakin bahawa beliau akan dapat mengatasinya, seperti mengganti Lee daripada pimpinan PAP. Head tidak yakin ia akan berjaya. Walau bagaimanapun, tegas Tunku, keadaan sudah menjadi teruk dan adalah mustahil *political detente* atau *disengagement* dapat dicapai.

Head membangkitkan tentang kemungkinan Lee ditahan. Tindakan itu akan menjelaskan sokongan Britain terhadap Malaysia. Tunku menjawab:

I trust in God and I have been here to do my duty and I will not fear to do it but you can assure your government that I will not detain Lee without good reason which can be fully justified.

Perpisahan Singapura dari Malaysia

Keadaan yang semakin meruncing itu telah menyebabkan Tunku memikirkan secara serius mengenai keburukan serta kebaikan Singapura kekal dalam Malaysia. Tun Razak yang telah ditugaskan berbincang dengan ahli-ahli kabinet dan Lee Kuan Yew mengenai persoalan. Tun Razak memberitahu Tunku bahawa rundingannya dengan Lee telah gagal mencapai persetujuan. Ahli-ahli kabinet terkanan, Dato Ismail, Tan Siew Sen dan V.T. Sambanthan, memutuskan Kerajaan Pusat mempunyai dua pilihan, iaitu

1. Menggunakan kuasa darurat dengan mengambil tindakan dengan cara kekerasan terhadap pimpinan PAP, atau
2. memberikan kemerdekaan kepada Singapura.

Mereka mencapai kata sepakat bahawa Singapura mesti dipisahkan. Pada 29 Julai, Tun Razak terbang ke Singapura untuk berjumpa dengan Lee sebagai usaha terakhir untuk mencari penyelesaian tetapi ternyata gagal.

I met Mr. Lee. I found it impossible. Our minds did not meet on most points.

Pada 5 Ogos 1965, Tunku pulang dari London. Pada 6 Ogos 1965, Tunku mengadakan pertemuan dengan menteri-menteri kanannya. Tun Razak mengemukakan laporannya tentang pertemuannya dengan Lee. Mesyuarat mengambil keputusan untuk memisahkan Singapura dari Malaysia.

Pada petang itu juga Dr. Goh Keng Swee dimaklumkan tentang keputusan itu. Pada tengah hari 7 Ogos, Lee berjumpa dengan Tunku. Lee cuba mengelakkan perpisahan dengan mengemukakan beberapa pilihan, termasuk *a political truce*. Tunku was completely resolute. Pada hari itu juga, Tunku dan Lee Kuan Yew, dengan perasaan berat hati, telah memeteraikan perjanjian tentang pemisahan Singapura dari Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Lord Head cuba menghalang perpisahan tersebut, tetapi gagal. Dalam suratnya kepada Dr. Toh Chin Chye, Tunku menulis:

I am writing to tell you that I have given the matter of our break with Singapore my utmost consideration and I find that in the interest of our

friendship and the security and peace of Malaysia as a whole there is absolutely no other way out.

If I were strong enough and able to exercise complete control of the situation I might perhaps have delayed action, but I am not, and so while I am able to counsel tolerance and patience I think the amicable settlement of our differences in this way is the only possible way out.¹²

Dengan nada yang sedih dan menyesal, Toh memaklumkan kepada Tunku hasratnya untuk mengekalkan Singapura dalam Malaysia. Beliau percaya bahawa masalah Kuala Lumpur dengan Singapura itu dapat diselesaikan. Bagaimanapun, oleh kerana Tunku telah berkeyakinan bahawa pengekalan Singapura akan hanya mencetuskan maslaah yang lebih lagi, maka tiada pilihan lain, selain menentang kemahuan kita, membiarkan Singapura berpisah daripada Persekutuan Malaysia.

Tambahnya Tunku lagi:

I and my colleagues had rejoined at the reunification of Singapore with Malaya in September 1963. It has come as a blow to us that the peace and security of Malaysia can only be secured by the expulsion of Singapore from Malaysia. If this is the price for peace in Malaya and Singapore than we must accept it however agonising our inner feelings may be. Although lasting unification of Singapore and Malaya has not been achieved this time, nevertheless it is my profound belief that future generations will succeed where we have failed.

Sementara itu, Lee Kuan Yew telah mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Pesuruhanjaya Tinggi British, Mills, untuk menjelaskan bahawa pemisahan Singapura dari Malaysia bukanlah kerana kelemahannya ataupun kerana takut sesuatu berlaku ke atasnya. Kata Lee:

Conviction that the ultimate alternative was blood-shed and the triumph of Communism had alone persuaded him that there was no other way.¹³

Pada 9 Ogos 1965, Tunku membawa usul ke Parlimen. Ketika berucap di sidang Parlimen dalam suasana tegang, Tunku dengan masyukul memperkatakan tentang sebuah negara Kerajaan Negeri yang tidak lagi memberikan, bahkan sedikit pun taat setia kepada Kerajaan Pusat sambil mengisyiharkan perpisahan Singapura. Tun Tan Siew Sen, Menteri Kewangan, telah menyokong usul itu.

Tindakan Tunku itu ternyata mendapat bantahan keras bukan sahaja daripada sesetengah pucuk pimpinan UMNO, tetapi juga daripada pemimpin-pemimpin PAS. Namun begitu, Tun Abdul Razak menjelaskan:

Kita terpaksa mengeluarkan Singapura dari Malaysia – dan inilah saat yang sungguh bersejarah, kerana sungguh pun kita merasa sedih dan dukacita kerana satu negeri telah terpaksa keluar, tetapi kita gembira kerana kita telah dapat menyingsirkan duri dari dalam daging kita. (Abdul Razak 1966).

Dalam pada itu, kedua-dua kerajaan telah mencapai beberapa persetujuan untuk kepentingan bersama. Singapura dan Malaysia telah bersetuju untuk menujuhkan Jawatankuasa Pertahanan Bersama bagi mempertahankan kedua-dua negara itu daripada ancaman luar.

Reaksi British Terhadap Pemisahan

Pada 11 Ogos 1965, Tunku telah memaklumkan kepada Harold Wilson, Perdana Menteri British tentang pemisahan Singapura daripada Malaysia serta langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia bagi memastikan Singapura tidak akan menjelaskan keselamatan Malaysia. Malaysia juga bersetuju untuk menaja kemasukan Singapura dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.¹⁴

Singapura juga telah bersetuju untuk memberikan Malaysia mengekal serta menggunakan pangkalan-pangkalan tentera di Singapura. Juga dipersetujui bahawa mana-mana pihak tidak akan menjalin hubungan dengan negara asing yang mana mungkin akan menjelaskan kemerdekaan dan keselamatan Malaysia. Tegas Tunku:

I must apologise for not advising you before hand that I would be taking this step to set up Singapore as an independent country. I was afraid then that if my intention were to become known then there would be trouble within the country and so I had to force a measure through as quickly as I could. I can assure you that the step which I have taken is the right one, bearing in mind the internal situation. Mr. Lee Kuan Yew had planned for a break with the Central Government and had ingratiated into favour of many Asian countries when he visited these countries recently. I had two avenues open to me, either to take repressive measures against him or do what I have done – a fitting way out of our critical situation.

Berhubung dengan soal keselamatan, Tunku menegaskan bahawa:

We consider that the arrangement we have made with Singapore is adequate for our purpose as it precludes Singapore from entering into any relationship with any country which is unfriendly to Malaysia. On the other hand you may ask, what then if they were to do so? What course of action is open to us? This I may say: when our security and our freedom is in danger, it is for us to decide what measures we will take to meet the situation.

Seperti yang dijangkakan, kerajaan British agak kecewa dengan tindakan nekad Tunku memisahkan Singapura daripada Malaysia. Dalam suratnya kepada Tunku, Wilson menyatakan perasaan kecewanya dengan apa yang telah berlaku.

I know you will agree that we must all to now is do look ahead to the future. It is our strong hope that what has been done will provide the opportunity for the Federation and Singapore to establish very friendly and cooperative relations, particularly in the field of defence, external affairs, trade, industry and fiscal matters, where the interests of the two countries are so closely linked. I am rather concerned at the effect which this development may have in Sabah and Sarawak, where we have so many of our own armed forces, and I should be most garteful to have your thoughts on the situation there.¹⁵

Selain itu, Tunku juga telah memaklumkan kepada semua kerajaan komanwel tentang pemisahan Singapura dari Malaysia.

Reaksi Indonesia Terhadap Pemisahan

Indonesia telah menyambut berita perpisahan Singapura dengan Malaysia dengan gembira. Dalam propagandanya, Indonesia menekankan kepercayaannya bahawa Malaysia adalah sebuah projek neokolonial dan harapannya tidak lama lagi ia akan berkecai, seperti yang terjadi kepada Persekutuan Afrika Tengah dan Persekutuan Hindia Barat.

Dr. Subandrio dalam satu kenyataan akhbar menegaskan Indonesia akan menjalinkan hubungan diplomatik dengan Singapura selepas pulau itu mengisyiharkan kemerdekaannya. Perpisahan itu membuktikan tohmahan Indonesia bahawa Malaysia adalah neokolonialisme adalah benar. Malaysia adalah

sebuah gagasan yang artifisial dan telah dibentuk oleh British dengan tujuan untuk melemahkan Indonesia dan kemudiannya membolehkan ia menguasai Asia. Justeru itu, Subandrio juga mendesak supaya Sabah dan Sarawak juga mengisyiharkan kemerdekaan daripada Malaysia. Dengan itu beliau percaya hubungan antara negara-negara di Asia Tenggara akan dapat dipulihkan.

Sementara itu Jabatan Hal Ehwal Luar Indonesia telah menge-luarkan kenyataan seperti berikut:

The split between Singapore and Malaysia is a complete defeat for British policy of artificially creating the federation as a base for subversion against Indonesia. This should also be a bitter reminder to the United Nations to think twice before submitting to the pressures and manipulations of the big powers and thereby foresaking the interests and integrity of small nations.

Britain and her allies would do well to appreciate the present course of history by leaving Asians to settle their own problems according to the wishes and sentiments of the people here.

After this defeat Britain and its allies may be in a position to admit the correctness of Indonesia's policy of *Ganyang Malaysia*.¹⁶

Hasrat Indonesia untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Singapura telah disambut dengan ghairah oleh Singapura. Sikap Singapura itu kurang disenangi oleh Malaysia. Lantas Tunku memberitahu Singapura bahawa ia hendaklah memilih sama ada Indonesia atau Malaysia sebagai sahabatnya sambil memberi amaran bahawa Singapura tidaklah boleh bersahabat dengan kedua-dua negara itu selagi konfrontasi masih dilancarkan ke atas Malaysia (Abdullah Ahmad 1987). Kemarahan Tunku telah menyebabkan Lee Kuan Yew memberi jaminan kepada Tunku bahawa Singapura tidak akan berbuat sesuatu untuk 'merugikan kepentingan Malaysia'.

Sikap British Terhadap Malaysia Selepas Perpisahan Singapura

Kerajaan British agak kecewa dan marah dengan keputusan Tunku memisahkan Singapura daripada Malaysia. Kerana pemisahan itu bererti asas utama persetujuan British untuk membentuk Malaysia dengan menyertakan Sabah dan Sarawak telah berkecaci.

Tujuan utama British membentuk Malaysia adalah untuk menyelamatkan Singapura daripada menjadi 'Cuba' di Asia Tenggara dan sekali gus memaksa British menutupkan pangkalan di Singapura untuk kegunaan SEATO.

Dengan itu, tidaklah hairan sejak peristiwa itu, kerajaan Buruh Britain mengambil sikap anti-Tunku dan pro-Singapura. Ini jelas tergambar daripada minit Denis Healey kepada Harold Wilson, Perdana Menteri, apabila mengesyorkan supaya dasar pertahanan British terhadap Malaysia dikaji semula. Pada pandangan Denis:

The key issue is not whether or when we leave Singapore, but how to get out of Borneo: i.e. how to end our commitment under confrontation as soon as possible.¹⁷

Denis juga mencadangkan supaya kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia dikaji semula di bawah pengawasan PBB, sama ada ia mahu terus kekal dengan Tanah Melayu ataupun dengan Singapura ataupun dengan Filipina dan Indonesia atau Brunei ataupun mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Pada pandangan Denis:

A readiness on our part to agree to such consultation could remove some of the obstacles to better relations with Indonesia and the Philippines.

Pemisahan Singapura daripada Malaysia sememangnya memberi kesan juga kepada wilayah-wilayah di Malaysia Timur, khususnya Sabah. Terpengaruh dengan hasutan pegawai-pegawai British, Donald Stephen telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Pusat dan juga memutuskan membawa usul dalam persidangan Majlis Kebangsaan U.P.K.O. untuk membawa keluar Sabah daripada Malaysia, kerana kononnya tidak berpuas hati dengan kedudukan Sabah yang dianggap diberi layanan seperti sebuah koloni. Stephen telah meminta pihak British membantunya mencapai hasrat tersebut.

Bottomley, pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, bagaimanapun meminta Stephens menyelesai soal itu secara rundingan dengan pihak Kuala Lumpur bagi mengelakkan kekacauan yang akan hanya menguntungkan Indonesia.

Apabila Bottomley menanya Razak tentang situasi di Sabah, Razak dengan tegas menjawab:

There was no question of Malaysia acquiescing in independence for Sabah.¹⁸

Razak meminta Bottomley memberitahu Stephens bahawa kerajaan British tidak akan mempertahankan Sabah selepas ia keluar daripada Malaysia dan kiranya negeri itu diambil alih oleh Indonesia, beliau percaya orang pertama yang akan digantung oleh Indonesia ialah Stephen sendiri.

Melihat kepada ketegasan Kuala Lumpur untuk menangani isu Sabah, Pejabat Hubungan Komanwel menasihat pegawai-pegawaiannya di Malaysia tidak bersikap *rash and hasty action* sebaliknya *to play the matter long for the time being*. Pejabat Hubungan Komanwel menjelaskan, kerajaan British tidak menentang keputusan kedua-dua buah wilayah itu untuk berpisah ataupun menentang sebarang usaha untuk berpisah, sekiranya dipersetujui oleh semua pihak dalam Persekutuan itu.

Bagaimanapun, kerajaan British tidak mahu perpisahan itu berlaku dalam keadaan drastik seperti Singapura.

If a change is going to take place we wish it to happen as part of the processes of bringing confrontation to an end – i.e. we may be able to use it to assist us to achieve this objective.

- (iv) In any event any change must not happen in such a way as to leave us still defending Borneo territories against Indonesian confrontation, in circumstances in which the Federation has already broken up.
- (v) We must handle the problem of the Borneo territories in such a way as not to prevent us from remaining in the Singapore base for such further period as we may consider necessary.
- (vi) We want all the parties concerned in the Federation to realise that if any of them take initiatives towards secession without due deliberation and full preliminary consultation with us, they will thereby run the risk of losing any right to further consideration on our part.
- (vii) If on the other hand the parties concerned approach a decision for or against secession in an orderly manner, we shall certainly try to assist in making the best of the ensuing situation in the interests of all those in Malaysia and of ourselves. But this must not be taken to imply that even in this situation we shall be prepared to regard all existing defence obligations in the area as binding upon ourselves.

- (viii) We must bear in mind that an orderly method of reaching decisions as to the future status of the Borneo territories (whether the same or different from the present status) would most properly include some processes of ascertainment of the people's wishes analogous to the processes of 1963. Bilateral agreement between the leaders, as at present, in the two Borneo territories and those in Kuala Lumpur could hardly be presented as a satisfactory procedure. We have yet to be certain whether or not such processes would assist us in the ending of confrontation, but we should at least try to ensure that the leaders in Kuala Lumpur and the Borneo territories do not reach irrevocable decisions without giving due thought to the desirability of such reascertainment.
3. In short, we want to continue to hold back the Tunku and the Borneo leaders from rashly creating a situation which would give rise to the greatest possible difficulties for us. But equally we do not want to give any impression of maintaining a non possumus attitude, since some move over Borneo must almost certainly be an element in bringing confrontation to an end. It is very much in our interests, therefore, not to preclude the possibility of such moves taking place at the right time in the confrontation context. In this connexion the point made paragraph 2 (viii) above should also be borne in mind in that, at some stage, we might well feel it desirable that one or other of the leaders should make a proposal for reascertainment...¹⁹

Sementara itu, Pejabat Hubungan Komanwel menasihat Bottomley supaya mengingatkan Tunku agar tidak membuat sebarang keputusan berhubung dengan Sabah tanpa berbincang terlebih dahulu dengan kerajaan British.

Pada 19 Ogos 1965, Tunku telah menjelajah seluruh Sabah dan Sarawak untuk menunjukkan kekuasaan Kerajaan Pusat sambil mengingatkan mereka bahawa beliau akan mengganyang dan menghancurkan sebarang percubaan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia.

Amaran Tunku nampaknya meninggalkan kesan positif baik kepada Donald Stephens, Kalong Ningkan ataupun British. Melihat ketegasan Tunku itu, Donald Stephens dan Kalong Ningkan membatakan hasrat mereka untuk membawa Sabah dan Sarawak keluar daripada Persekutuan Malaysia.

Sementara itu, pada 15 Ogos 1965, mesyuarat telah berlangsung di Kementerian Pertahanan di London antara Perdana Menteri British Harold Wilson, menteri-menteri kabinet dengan

Lord Head, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur tentang implikasi perpisahan Singapura daripada Malaysia.²⁰ Mesyuarat memutus untuk berusaha menamatkan konfrontasi melalui rundingan, walaupun terpaksa menerima syarat-syarat yang tidak menguntungkan seperti dalam keadaan biasa. Mengenai operasi ketenteraan, mesyuarat memutuskan selagi Soekarno tidak meningkatkan pencerobohnya terhadap Malaysia dan Singapura, adalah penting untuk tidak menghasut Soekarno. Persiapan untuk melancar serangan komando hendaklah diteruskan juga, walaupun ia mungkin tidak akan dilancarkan. Begitu juga dengan operasi merentas sempadan, ia mesti diteruskan juga. Sehubungan dengan ini, wakil Pejabat Luar dan Pejabat Hubungan Komanwel menasihat supaya operasi itu dikurangkan secara berperingkat-peringkat menjelang sebarang rundingan untuk menamatkan konfrontasi.

Dalam pada itu, satu lagi persidangan kuasa-kuasa bersekutu berlangsung di London pada 3 hingga 7 September 1965, membincangkan dengan sekutu-sekutunya tentang kesan ke atas dasar British berikut dengan pemisahan Singapura daripada Malaysia.²¹

Dalam persidangan itu wakil kerajaan British, Sir N. Pritchard menegaskan bahawa kedudukannya berhubung dengan soal keselamatan pangkalan di Singapura dan pertahanan terhadap konfrontasi menjadi semakin lemah. Ini disebabkan perkembangan di luar kawalannya, seperti hubungan Malaysia-Singapura, perkembangan di Sabah dan Sarawak, situasi keselamatan di Singapura, imej Singapura di peringkat negara-negara Afro-Asia dan kegiatan-kegiatan ketenteraan Indonesia serta usaha-usaha diplomatik pihak ketiga. Maka itu, tegasnya lagi, usaha-usaha tertentu perlu diambil bagi menamatkan dengan segera konfrontasi Indonesia. Apabila konfrontasi tamat, beliau percaya pihak British akan menghadapi kesukaran untuk mengguna pangkalan di Singapura. Perwakilan Australia, New Zealand dan Amerika tidak bersetuju dengan pandangan pihak British itu, sebaliknya berpendapat adalah penting bagi Singapura dan juga Malaysia untuk membenarkan British menggunakan pangkalan itu bagi mempertahankan wilayah mereka daripada ancaman Indonesia.

Wakil British juga menyatakan bahawa pihak British bersedia untuk menamatkan konfrontasi berdasarkan dua perkara, iaitu:

1. Britain bertekad untuk tidak akan berundur dari Singapura dalam keadaan yang hina dan memalukan.
2. Britain juga tidak bersedia untuk menamatkan konfrontasi kira-kiranya wilayah Malaysia dipecah-belahan tanpa persetujuannya.

Wakil kerajaan lain berpendapat adalah suatu kesilapan sekiranya British mengambil initiatif bersendirian dan percaya bahawa Indonesia tidak semudah itu untuk menerima syarat-syarat perdamaian. Dengan itu, mereka mencadangkan supaya pihak British mengambil sikap tunggu dan lihat. Pada pandangan mereka, perkembangan dalam negeri di Indonesia, seperti kematian Soekarno akan menyebabkan konfrontasi lenyap begitu sahaja.

Dari segi jangka panjang, pegawai-pegawai Australia, New Zealand dan Amerika berpendapat pangkalan di Singapura adalah yang terbaik bagi Timur Jauh dan sukar dicari ganti. Justeru itu, mereka mencadangkan agar British terus kekal di pangkalan itu melebihi tempoh lima tahun seperti yang dinyatakan oleh pihak British.

Pada persidangan itu sekutu-sekutu British mengambil pendekatan yang agak berbeza daripada Britain tentang perkembangan di Asia Tenggara dan kedudukan pangkalan tentera di Singapura.

Berhubung dengan konfrontasi, wakil Australia, New Zealand dan Amerika berpendapat bahawa perpisahan Singapura daripada Malaysia tidaklah menjelaskan sangat kepentingan barat, sehingga mereka perlu mengambil initiatif untuk menyelesaikan konfrontasi dengan Indonesia. Tindakan itu, pada pandangan mereka akan menguntungkan Soekarno. Maka itu, mereka menasihat British supaya mengambil sikap tunggu dan lihat sebelum membuat sebarang tindakan lanjut.

Jika dalam tempoh tersebut, berlaku sebarang perkembangan baru yang memerlukan pihak British bertindak. Maka wakil Australia, New Zealand dan Amerika meminta kerajaan British merujuk kepada mereka sebelum tindakan diambil. Begitu juga sekiranya terdapat usaha pihak ketiga untuk menyelesaikan konfrontasi, pihak British diminta agar tidak menghalang mereka daripada membuat demikian.

Berkenaan dengan pangkalan di Singapura wakil Australia, New Zealand dan Amerika menegaskan tidaklah menguntungkan pihak barat sekiranya dinyatakan bahawa selepas lima tahun tentera

British tidak akan berada lagi di Singapura. Mereka meminta kerajaan British berbincang dengan mereka mengenai perkara tersebut.

Ketika persoalan dasar pertahanan British di Asia Tenggara sedang hangat dibincangkan, konfrontasi Malaysia-Indonesia telah memasuki peringkat yang kusut dan tidak menentu, dengan Indonesia dalam keadaan kepayahan berusaha menstabilkan dirinya berikutan dengan berlakunya percubaan tentera pro-komunis merebut kuasa pada 30 September 1965, tetapi gagal.

Nota

1. Parliamentary Debates, Ogos 1965.
2. Kuala Lumpur - CRO, 22 Julai 1964, PREM 11/4904.
3. Note by the Prime Minister of his private conversation with Tunku Abdul Rahman at No. 10 Downing Street on Thursday, August 6, 1964. PREM 11/4904.
4. Singapura - CRO, 12 Feb. 1965, PREM 13/430.
5. Minit untuk Setiausaha Luar dlm. Joint Malaysia/Indonesia Department, 3 Feb 1965, FO 371/181454.
6. Minit kepada Perdana Menteri Harold Wilson, 18 Feb. 1965, PREM 13/430.
7. Lord Head - Tunku Abdul Rahman, 24 Feb. 1965, PREM 11/430.
8. Tunku Abdul Rahman - Harold Wilson, 2 Mac 1965, PREM 13/430.
9. Kuala Lumpur - CRO, 1 Jun 1965, PREM 13/430.
10. CRO - Kuala Lumpur, 3 Jun 1965, PREM 13/430.
11. Kuala Lumpur - CRO, 4 Jun 1965, PREM 13/430.
12. Singapore - CRO, 9 Ogos 1965, PREM 13/589.
13. Mills (S'pore) - CRO, (Ogos 1965, PREM 13/589.
14. Hussain Mohamed Osman (Ag. High Commissioner) - Harold Wilson, 11 Ogos 1965, PREM 11/589.
15. CRO - Kuala Lumpur, 14 Ogos 1965, PREM 11/589.
16. Djakarta - CRO, 10 Ogos 1965, PREM 13/430.
17. Denis Headley - Wilson, 13 Ogos 1965, PREM 13/431.
18. Bottomley (KL) - CRO, 17 Ogos 1965, PREM 11/431.
19. CRO - Kuala Lumpur, 17 Ogos 1965, PREM 11/431.
20. Ministry of Defence:COS 42rd. Meeting/65, 17 Ogos 1965, DEFE4/188.
21. Foreign Office - Washington, 9 Sept. 1965, PREM 13/431.

BAB 11

Rampasan Kuasa 30 September

Pada pagi 30 September 1965, Let. Kolonel Untung komander Pengawal Presiden yang sangat setia kepada Presiden Soekarno, dengan sokongan kuat dari PKI, atas alasan kononnya untuk menyelamatkan Presiden Soekarno daripada dijatuhkan oleh 'Dewan Jeneral' yang kononnya dibantu oleh C.I.A. telah mengambil alih kuasa (Mackie 1974).

Pada 1 Oktober jam 7.20 pagi, Kol. Untung telah mengumumkan secara ringkas bahawa sejumlah Jeneral yang merencanakan suatu rampasan kuasa pada 5 Oktober telah ditangkap. Pengumuman itu juga menyatakan bahawa gerakan tersebut merupakan suatu gerakan ketenteraan di dalam angkatan bersenjata, tetapi dibantu juga oleh angkatan udara. Kenyataan itu juga mengatakan bahawa para Jeneral tersebut berharap bahawa Presiden Soekarno akan meninggal dalam sakitnya pada awal bulan Ogos, apabila mereka mengetahui beliau tidak meninggal, mereka lalu merencanakan suatu rampasan kuasa. Untuk itulah mereka masuk ke Jakarta dengan sejumlah pasukan pada perayaan Hari Angkatan Bersenjata. Pusat penyiaran dan beberapa pusat lain telah dikuasai oleh Gerakan 30 September atau *Gestapu*. Ekoran peristiwa itu, sebuah Dewan Revolusiner dibentuk untuk mengurus pentadbiran negara.

Pada pagi itu juga, Komandan Angkatan Udara, Marshal Umar Dhani membuat pengumuman radio menyokong rampasan kuasa itu. Pada pagi itu, Presiden Soekarno berangkat ke pangkalan tentera udara Halim di pinggiran tenggara ibu kota.

Hari itu, pada jam dua malam, komandan *Gestapu* dan ketua Dewan Revolusiner, Kol. Untung mengumumkan perlantikan empat puluh anggota dewan, dan mencabut semua jabatan ketenteraan yang lebih tinggi dari pangkatnya, iaitu kolonel.

Usaha Kol. Untung untuk kekal berkuasa kecundang. Walau-pun berjaya membunuh enam orang Jeneral kanan, *Gestapu* gagal untuk menangkap Jeneral Nasution, Menteri Koordinator Per-

tahanan dan Keamanan dan Kepala Staf Angkatan Bersenjata, dan Major-Jeneral Soeharto, Komandan Kostrad yang anti-komunis dan pendukung setengah hati terhadap Soekarno. Menjelang malam 1 Oktober, Jeneral Soeharto dan pasukannya berjaya merebut kembali kekuasaan atas Jakarta. Jeneral Soeharto mengumumkan melalui siaran radio bahawa angkatan darat, angkatan laut dan angkatan polis telah menghancurkan gerakan *Gestapu* dan Dewan Revolusioner.

Pada 2 Oktober, kelompok Nasution-Soeharto mengeluarkan kenyataan bahawa PKI, walaupun dinafikan oleh PKI, terlibat serta bertanggungjawab dalam pembunuhan enam orang Jeneral yang diculik dan menguburkan mereka di daerah Lubang Buaya. Presiden Soekarno juga menafi penglibatannya dalam percubaan rampasan tersebut dan beliau ke Halim adalah atas inisiatifnya sendiri. Kenyataan PKI dan Presiden Soekarno gagal untuk meyakinkan orang ramai yang telah terpengaruh dengan dakwaan Nasution-Soeharto.

Beberapa bulan berikutnya, emosi anti-PKI menyapu seluruh negeri dan akibatnya antara 150,000 hingga 500,000 anggota PKI dan keluarga mereka dibunuh.

Reaksi British – Malaysia Kemunculan Kelompok Nasution-Soeharto

Perkembangan politik yang tidak menentu di Indonesia telah mendapat perhatian serius dari pihak British dan Malaysia serta sekutu-sekutunya. Walaupun pada prinsipnya mereka menyokong kemunculan tentera di bawah pimpinan Jeneral Nasution-Soeharto kerana sikapnya yang antikomunis, namun kerajaan British dan Malaysia mengambil sikap berhati-hati, sebelum sebarang keputusan diambil terhadap rejim baru itu. Seperti ditegaskan oleh A.J. Brown, seorang pegawai kanan di Pejabat Luar British:

A strong military regime which has not called off confrontation of Malaysia would be very awkward for us, possibly even worse than Sukarno's regime before the coup.¹

Pejabat Hubungan Komanwel mengarahkan Pesuruhjaya Tingginya di Kuala Lumpur berbincang dengan kerajaan

Malaysia tentang perkembangan di Indonesia dan sikap yang perlu diambil.

Pada 6 Oktober 1965, Lord Head, Pesuruhjaya Tinggi mengadakan perjumpaan dengan Tunku. Lord Head menjelaskan kepada Tunku tentang sikap kerajaan British terhadap perkembangan di Indonesia dan pendirian yang sepatutnya diambil sehubungan dengan perkara itu.

Pada pandangan kerajaan British adalah penting bagi kerajaan Malaysia untuk mengelak dari membuat sebarang komen yang boleh memberi ruang kepada Soekarno untuk menubuhkan kerajaan perpaduan termasuk memulihkan semula PKI, atas alasan untuk menghadapi ancaman dari luar. Pihak British juga tidak mahu mengalihkan tumpuan tentera Indonesia daripada operasinya untuk membersihkan anasir-anasir komunis akibat pergerakan tentera British ataupun Malaysia.

Tumpuan utama propaganda British dan Malaysia terhadap Indonesia pada pandangan Pejabat Hubungan Komanwel, sama ada melalui radio ataupun akhbar adalah untuk menggalakkan pihak tentera menghancurkan komunis, memburukkan imej PKI pada pandangan rakyat Indonesia, mencetuskan keresahan dan memanjangkan lagi krisis serta menghalang kemunculan semula kerajaan NASAKOM di bawah Soekarno.

Tetapi, sekiranya kerajaan Malaysia memikirkan membuat ulasan terhadap perkembangan di Indonesia, maka ulasan itu hendaklah tertumpu kepada persoalan konfrontasi sahaja. Kerajaan Malaysia perlu menegaskan Indonesia yang memulakan konfrontasi, maka ia juga boleh menamatkannya pada bila-bila masa sahaja. Malaysia hanya berhasrat untuk hidup aman dan harmoni dengan rakyat Indonesia atas dasar hormat menghormati dan tidak campur tangan dalam urusan negara. Juga perlu ditegaskan konfrontasi adalah punca utama kemerosotan ekonomi Indonesia.

Tunku bersetuju dengan pandangan British. "*We should all keep quiet and not weigh in with any views or opinions*", tegas Tunku.² Namun begitu, Tunku berharap pihak tentera akan bertindak dengan lebih tegas lagi terhadap pemimpin-pemimpin komunis.

Hubungan Sulit Malaysia dengan Wakil Nasution/Soeharto

Dalam pada itu, Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Malaysia menerima wakil dari pihak tentera secara sulit di Kuala Lumpur. Wakil tentera tersebut menerangkan situasi di Indonesia serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak tentera untuk menghancurkan PKI. Wakil tentera itu juga memaklumkan mereka meminta Presiden Soekarno mengambil tindakan ke atas PKI sebelum 9 Oktober, sekiranya beliau tidak akur dengan tuntutan itu, wakil itu menegaskan pihak tentera akan bertindak sendiri. Maka itu, pihak tentera mengharapkan kerajaan Malaysia akan menggunakan saluran propaganda untuk mempengaruhi Soekarno agar akur kepada tuntutan pihak tentera.

Atas nasihat Ghazali Shafie, Tunku bersetuju untuk memenuhi permintaan pihak tentera tersebut. Pada 9 Oktober, Tunku mengeluarkan kenyataan terbuka menyokong tindakan pihak tentera Indonesia menentang komunis. Tunku menyatakan:

Should the Army take power we of the free world must help the Indonesians. Malaysia has been threatened by the Communists. Our sympathies lie with the Indonesia Army which wants to wide out the Reds.³

Sokongan Tunku kepada pihak tentera yang dibuat secara terbuka itu kurang disenangi oleh Gilchrist, Duta Besar British di Indonesia. Beliau bimbang sokongan terbuka akan menjelaskan usaha tentera untuk menghapuskan anasir-anasir PKI. Pandangan Gilchrist disokong oleh Pejabat Luar. Katanya:

It is mistaken to assume that the Generals would call off confrontation if they come to undisputed power. The fact that they are opposed to the PKI in the context of Indonesian domestic politics does not mean that they do not share the PKI's appetite for confrontation. They too dream of using Indonesia's 103 million people to further Javanese expansionist ambitions and of dominating South East Asia. They have never yet dragged their feet on confrontation; indeed one reason why Soekarno adopted this policy was that it was the one issue on which the Army and the Communists were agreed. The Generals lost no time after the 30 September Coup in reiterating their continuing enthusiasm for confrontation.⁴

Ghazali menjelaskan kepada pihak British bahawa kenyataan itu dikeluarkan adalah atas permintaan pihak tentera Indonesia. Dengan itu, beliau tidak percaya ia merupakan tindakan yang *mis-guided* sebaliknya berkeyakinan sekiranya tentera berkuasa, konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia akan berakhir segera. Malah, katanya, kenyataan Tunku itu membantu para pelajar melancarkan demonstrasi terhadap Subandrio dan PKI di Indonesia.

Perjumpaan Sulit Ghazali Shafie dengan Jeneral Sukendro di Bangkok

Sokongan terbuka Malaysia terhadap kepimpinan tentera Indonesia memberi kesan positif dalam hubungan dua hala, walaupun secara sulit dan tertutup. Beberapa minggu kemudian, wakil tentera Indonesia menghantar Jeneral Sukendro untuk mengadakan rundingan sulit dengan Ghazali Shafie di Bangkok pada awal November 1965.

Selepas mendapat persetujuan Tunku, Ghazali Shafie berlepas ke Bangkok pada 1 November. Pertemuan yang berlangsung di sebuah hotel di ibu kota Thailand pada 2 dan 3 November 1965 tidak diketahui langsung oleh pihak berkuasa Thai.

Jeneral Sukendro yang mendakwa dirinya sebagai wakil Jeneral Nasution/Soeharto, menjelaskan pihak tentera yang dipimpin oleh Jeneral Soeharto mempunyai dua tanggungjawab besar, iaitu menentang komunis dan juga mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi di Indonesia.⁵ Jangka masa antara November dan Januari 1966 dianggap oleh pihak tentera sebagai jangka masa yang paling kritikal, khususnya dalam menghadapi puak Komunis. Pihak tentera memerlukan masa selama enam bulan untuk mengukuhkan kedudukannya. Dalam jangka masa itu, pihak tentera akan berusaha kuat bagi mempengaruhi rakyat jelata supaya memihak kepada mereka, dengan itu akan dapat mengukuhkan kedudukannya dan membolehkan pihak tentera berusaha menamatkan konfrontasi. Maka itu, pihak tentera mesti berusaha mengatasi semua faktor yang akan menghalang usaha untuk menamatkan konfrontasi. Dari segi itulah, pihak tentera mengharapkan sokongan dan bantuan luar, khususnya bantuan dan kerjasama langsung dari Malaysia.

Bagi mengalahkan komunis, memulihkan ekonomi dan kestabilan politik dan menamatkan konfrontasi dengan Malaysia

yang didalang oleh Komunis, pihak tentera terpaksa mengambil langkah-langkah politik, ketenteraan dan ekonomi. Sehubungan itu, satu rancangan tindakan yang konfrehensif yang meliputi kesemua aspek bagi menentang komunis telah disedia dan disebarluaskan kepada semua komander-komander tentera.

Dari aspek politik, memandangkan pengaruh dan kedudukan Soekarno masih kuat, pihak tentera sepatutnya menjatuhkan Soekarno, sebaliknya akan menggunakan beliau untuk kepentingan taktikal sehingga keadaan untuk menamatkan konfrontasi mengizinkan.

Maka itu pihak tentera akan membiarkan Soekarno dan penyokong-penyokongnya melaung-laungkan slogan anti-Nekolin dan anti-Malaysia. Sukendro juga memberi jaminan bahawa pihak tentera tidak akan bersikap kompromi dengan Soekarno dan PKI.

Sehubungan dengan konfrontasi, Sukendro meminta pihak Malaysia memahami kesulitan yang dihadapi oleh Indonesia bagi menamatkan konfrontasi dalam kadar yang segera. Maka itu, pihak tentera memerlukan masa selama sekurang-kurangnya enam bulan bagi mempengaruhi dan mengubah pemikiran dan sikap rakyat terhadap isu konfrontasi hasil propaganda PKI. Pihak tentera akan mendedahkan kepada rakyat bukti-bukti bahawa PKI memperalatkan konfrontasi dengan tujuan untuk merampas kuasa di Indonesia. Sukendro mengaku bahawa ia adalah suatu tugas yang sukar selagi Dr. Subandrio masih kekal berkuasa. Maka itu, Sukendro telah meminta Malaysia membantu pihak tentera dalam usaha untuk 'mematikan' karier politik Dr. Subandrio. Pihak tentera akan membekalkan maklumat dan bahan-bahan kepada Malaysia untuk dijadikan sumber propaganda. Beliau juga meminta pihak Malaysia menekankan peri pentingnya persahabatan dipulihkan antara Malaysia dengan Indonesia atas pertimbangan agama dan bangsa serumpun dalam siaran radio bagi menunjukkan kepada rakyat Indonesia bahawa Malaysia bersedia untuk berdamai.

Dari segi ketenteraan, Sukendro menjelaskan pihak tentera sedang berusaha untuk melumpuhkan kekuatan komunis di Jawa Tengah dan Kalimantan yang disokong oleh anggota-anggota komunis Sarawak dan Sukarelawan. Sukendro mengingatkan bahawa pihak komunis mungkin akan menggunakan nama tentera republik Indonesia dalam operasi mereka bagi tujuan mengeruhkan hubungan antara Kuala Lumpur dengan Jakarta.

Dalam usaha untuk mendapatkan sokongan rakyat dan menghalang penyusupan anasir-anasir komunis dalam angkatan tentera, Nasution telah meminta sokongan daripada parti-parti nasionalis dan Islam. Malah pihak tentera juga sedang memikir untuk membekalkan senjata kepada kumpulan-kumpulan tersebut.

Setakat ini, tegas Sukendro, senjata telah dibekal kepada Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), Ikatan Pendukung Kemerdekaan Indonesia (IPKI) dan Pemuda Nahdatul Ulama (Pemuda NU). Pihak tentera juga sedang menimbang untuk membebaskan para tahanan politik dalam usaha untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Sejarah dengan itu, beberapa langkah ekonomi juga disusun bagi mengalah sokongan rakyat kepada pihak tentera. Semenjak berlakunya Peristiwa 30 September, situasi ekonomi di Indonesia semakin bertambah buruk. Masalah yang paling besar dihadapi oleh Indonesia ialah masalah kekurangan beras, khususnya di Sumatera Utara dan Jawa. Indonesia memerlukan sebanyak 100,000 ton beras bagi bulan Disember 1965 dan Februari 1966. Di samping itu, Indonesia juga memerlukan bantuan bekalan perubatan yang bernilai sebanyak US\$1 juta.

Sukendro menjelaskan, setakat ini pihak tentera telah menghantar beberapa misi ke luar negara atas nama BERDIKARI untuk merunding pembelian beras, mendapatkan kredit, juga memasarkan minyak. Misi itu bukan sekadar mendapatkan bekalan beras dan perubatan untuk rakyat, tetapi juga membuktikan kepada rakyat bahawa pihak tentera mempunyai kebolehan dan kemampuan mentadbir negara. Bagi memudahkan pihaknya mendapatkan bantuan luar, Sukendro meminta kerjasama dan sokongan Malaysia.

Ghazali Shafie memberi jaminan bahawa pihak Malaysia akan membantu pihak tentera mencapai matlamatnya di Indonesia. Sehubungan itu, operasi ketenteraan di Borneo akan dikurangkan, malah pihak Malaysia bersedia untuk meminta pihak British mengundurkan tenteranya secara berperingkat-peringkat di Borneo. Mengenai bantuan ekonomi dan perubatan, Ghazali bersetuju pihak tentera mempunyai alasan kukuh untuk mendapatkan bantuan tersebut atas pertimbangan kemanusiaan dan juga membantu pihak tentera menentang komunis. Bantuan yang diperolehi dari negara asing tersebut akan disalurkan ke Indonesia melalui saluran sulit yang akan dikendalikan oleh Malaysia. Bagi tujuan itu, Ghazali meminta persetujuan Sukendro menempatkan pegawai-pegawaiannya dengan pihak tentera di Jakarta.

Sekembalinya ke Kuala Lumpur, Ghazali telah memaklumkan hasil perbincangannya kepada Tunku dan Tun Abdul Razak. Tentang bantuan perubatan dan ekonomi, Tunku dan Tun berse-tuju untuk membantu dalam mendapatkan hubungan mesra di kalangan jeneral-jeneral Indonesia.

Hasil perbincangan itu juga telah dimaklumkan oleh Tunku kepada Lord Head, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur. Tunku meminta Britain menyokong cadangan Malaysia membantu Jeneral Sukendro menangani masalah ekonomi dan sekali gus memperkuatkan kedudukan mereka menghadapi tantangan dari pihak komunis. Tunku percaya apabila pihak tentera berjaya mengatasi masalah dalaman, konfrontasi Malaysia dengan Indonesia akan berakhir.

Lord Head menyokong permintaan Tunku. Dalam telegramnya kepada Pejabat Hubungan Komanwel, Lord Head mendaangkan supaya kerajaan British memenuhi kehendak Malaysia.

There is obviously room for our doubting Sukendro's *bona fides*, but unless we have proof that there is something wrong in his approach, I suggest that we should give favourable and quick consideration to contributing something to Malaysian Government for this purpose partly in order to avoid snubbing them but more importantly in order to preserve our access to, possibly influence on their talks with Indonesia. It would be helpful from this point of view if we could tell them very soon that we will supply, say, pounds 30,000 worth of medical supplies to form part of an early shipment through some agreed channel, further contribution being dependent on an assessment of results of the rest. Exact nature of medical supplies could then be ascertained through Malaysians.⁶

Pejabat Hubungan Komanwel enggan memberi keputusan kecuali selepas persidangan dengan sekutu-sekutunya di London yang dijadual akan berlangsung pada bulan Disember 1965.

We should prefer to delay any response to Malaysian suggestion that we should participate in financing provision by them of medical supplies to Generals until after our talks next week with American, Australian and New Zealand officials. This is mainly to enable us to discuss with our allies how the contacts between Ghazali and Sukendro could be fitted into our ideas for influencing the Indonesian situation to the Western advantage, but partly also because there are indications that the Generals may have asked the Americans separately for medical supplies.⁷

Lord Head diarahkan supaya memaklumkan kepada kerajaan Malaysia, sekiranya ditanya, bahawa kerajaan British memerlukan masa untuk mempertimbangkannya memandangkan:

The Indonesian military action against Malaysia, involving our troops, is still in progress, whatever Sukendro say in private....

Persidangan di London

Pada 1 dan 2 Disember 1965, persidangan khas kuasa-kuasa bersekutu telah diadakan di London bagi meneliti perkembangan di Indonesia serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mempengaruhi keadaan demi kepentingan kuasa-kuasa barat. Dalam sidang itu, pihak British meminta pihak bersekutu menyokong dan membantu pihak tentera menentang puak komunis dan memperkuatkan kedudukan mereka dengan menawarkan bantuan ekonomi serta mengurangkan aktiviti ketenteraan di perbatasan. Tetapi, sekiranya Jeneral masih berdegil dan sebaliknya meneruskan konfrontasi secara lebih agresif, Britain dan sekutunya hendaklah bertindak balas, seperti mengenakan sekatan ekonomi dan tindakan ketenteraan.

Persidangan bersetuju tentang peri pentingnya konfrontasi ditamatkan. Pihak Amerika berpendapat bahawa situasi di Indonesia telah berubah ke arah yang lebih baik. Prospek untuk sebuah rejim bukan komunis wujud di Indonesia semakin nyata, lebih awal daripada yang dijangkakan. Sungguhpun begitu, memandangkan keadaan belum pulih, pihak tentera tidak dapat memberikan tumpuan kepada soal ekonomi dan konfrontasi. Justeru itu, pihak Amerika tidak dapat menggunakan hubungan sulitnya dengan Jeneral Nasution bagi membincangkan soal-soal politik. Seperkara lagi, terdapat juga kemungkinan kerajaan Soekarno/Subandrio akan terus kekal. Ini bererti usaha merujuk yang dilakukan oleh pihak Indonesia di pelbagai peringkat berkaitan dengan bantuan dan dasar luar tidak semestinya konsisten dengan kehendak pihak tentera. Pada pandangan Amerika adalah kurang bijak pihak barat menimbang secara serius sebarang inisiatif Indonesia sama ada dari sudut ekonomi ataupun politik. Amerika mencadangkan agar pihak tentera diberi masa yang secukupnya memperkuatkan kedudukan dalam politik. Apabila mereka bersedia, pihak tentera pasti akan menghubungi mereka

semula. Pihak Australia bersetuju dengan pandangan Amerika. Sungguhpun begitu, pihak Australia meminta supaya CIC FE mengurangkan gerakan tentera di Borneo untuk mengelak pihak tentera mengesyaki Komanwel dan Malaysia mempunyai objektif ofensif terhadap Indonesia.

Atas pertimbangan itu juga, mereka bersetuju menolak hasrat CIC FE mengeksplorasi keadaan di Indonesia bagi kepentingan perang psikologi.

Such attempt might help provide the kind of external enemy against which the quarrelling factions could attempt to rally together.⁸

Pihak New Zealand, walaupun menyokong pandangan Amerika dan Australia, bersimpati dengan pandangan pihak British.

Adalah jelas kepada pihak British bahawa pihak Amerika lebih mengutamakan pertumbuhan gerakan antikomunis di Indonesia daripada mengganggu pihak tentera dengan persoalan konfrontasi. Kepada Amerika, soal konfrontasi adalah minor. Namun begitu, pihak Bersekutu bersetuju untuk memberikan pertimbangan wajar kiranya terdapat sebarang pendekatan lain daripada mana-mana pihak, khususnya pihak tentera, berkaitan dengan bantuan ataupun soal dasar luar.

Persidangan tersebut telah membuat beberapa rumusan, iaitu:

1. konfrontasi perlu ditamatkan segera untuk mengurangkan bebanan perbelanjaan.
2. perbalahan antara Malaysia dengan Singapura melemahkan pendirian komanwel terhadap konfrontasi.
3. menghubungi Jeneral secara sulit untuk melaksana gencatan senjata sebagai langkah awal ke arah penamatkan konfrontasi.
4. sekiranya Indonesia masih berkeras, komanwel akan bertindak balas.

Pada akhir sidang, sebuah nota informal telah didraf untuk dijadikan panduan dalam menguruskan dasar mereka terhadap Indonesia. Nota itu adalah seperti berikut:

- (a) Economic considerations. We should examine any Indonesian feelers, whether to us or to other friendly countries, so as to ensure

- that any resulting assistance benefitted the Generals, not Soekarno or Subandrio, and to secure such return as was practicable in progress over confrontation. To this end, we should continue to consult among ourselves and with other friendly countries.
- (b) Military Considerations. The Western desiderata are a reduction of confrontation and disengagement leading to a permanent solution and we should aim to secure these desiderata as soon as the key Indonesian situation had developed propitiously. The need for sharper reaction if the Indonesians increased military activity, or there was a protracted stalemate, was noted. The Americans asked to be informed if we decided to sharper action.
 - (c) There was little hope for useful discussion with the Generals on the economic or the military aspects until Subandrio's pernicious influence had been eliminated. A formal end to confrontation could not be expected until Soekarno had gone. We had to leave the initiative to the Generals.⁹

Rundingan Gilchrist dengan Adam Malik

Dalam masa yang sama Gilchrist, Duta British di Jakarta telah berbincang dengan Adam Malik, Menteri Luar Indonesia yang baru, tentang soal konfrontasi Malaysia-Indonesia.¹⁰ Adam Malik bersedia untuk menamatkan konfrontasi sekiranya Sabah dan Sarawak bebas dari Persekutuan Malaysia. Gilchrist menjawab bahawa persoalan itu hendaklah dibincangkan dengan pihak Malaysia. Bagaimanapun, Gilchrist menjelaskan sebelum sebarang rundingan diadakan, pihak Indonesia hendaklah memberhentikan kegiatan bersenjata terlebih dahulu.

Dalam pertemuan lain dengan Adam, Gilchrist mengulangi sekali lagi cadangannya supaya Adam *deal direct* dengan Malaysia bagi menamatkan konfrontasi. Perbualan antara Gilchrist dengan Adam Malik adalah seperti berikut:

I asked him whether he was preparing to make contact with Kuala Lumpur and whether it would be through Diah in Bangkok. Not through Diah (sic) he said: the Army had a good channel in Kuala Lumpur and were working on it, there were also commercial channels, and he also had closer relatives in Kuala Lumpur.

I said presumably these contacts were to work out a preliminary basis for discussion. He agreed, and referred to Borneo. Through their military net the Indonesians had got the impression that the Tunku would not be

reluctant to see the Borneo States become genuinely independent; but there were other reports which seemed to cast doubt on this. Anyhow, when some preliminary basis had been established, then talks should be held at Foreign Office level (not on any account at the Soekarno-Tunku level) with Filipino assistance...

I drew attention to Soeharto's mention of re-ascertainment and asked if it represented a firm Indonesian policy. A possibility, Malik replied. I said that if he really wanted to push this idea. I ought to warn him on the basis of 1963 experience against trying to rush through any such proposal for an 'immediate' re-ascertainment: appalling arguments over small points of procedure could boil up if there was too much pressure. He seemed to see the point. Finally spoke about frontier hostilities which, if unchecked could spoil the whole picture. Malik said he had obtained the firmest personal assurance from Soeharto that no new Indonesian offensive action was taking place. I said this was good news, but perhaps more was needed. Speaking personally I felt that with two well-armed forces, accustomed to hostility facing each other at very close-quarters, the risk of unpremeditated conflict must be considerable. I then floated the idea of reciprocal withdrawals, adding that though this was being put forward to him on a personal basis, I am sure my Government would welcome the idea.¹¹

Adam Malik bersetuju dengan pandangan Gilchrist dan berjanji akan mengemukakannya kepada Jeneral Soeharto.

Perbincangan Gilchrist dengan Tunku dan Ghazali Shafie

Perbincangan antara Gilchrist dengan Adam Malik telah dimaklumkan secara rasmi kepada Tunku Abdul Rahman oleh Kedutaan British di Kuala Lumpur. Dalam suratnya kepada Tunku, Michael Walker, Duta British menasihatkan Tunku supaya bersedia untuk berunding dengan pihak Indonesia kiranya dihubungi bagi memulihkan hubungan.

Pada 15 April, Sir Michael Walker, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur membawa Gilchrist berjumpa Tunku di pejabatnya. Gilchrist melaporkan tentang perkembangan muktahir di Indonesia dan juga tentang perbincangannya dengan Adam Malik. Kemudiannya mereka membincang tentang pengunduran pasukan bersenjata dari kawasan perbatasan dan kedudukan Sabah dan Sarawak.

Selepas itu pada 16 April, Gilchrist bertemu dengan Ghazali Shafie. Hadir sama dalam pertemuan itu ialah Michael Walker dan J. de Silva.¹² Perbincangan tertumpu kepada soal Sabah dan Sarawak. Ghazali menanya pandangan Gilchrist tentang sikap rejim baru terhadap kedudukan Sabah dan Sarawak, iaitu sama ada bersedia untuk melihat Sabah dan Sarawak kekal dalam Malaysia. Gilchrist tidak begitu yakin. Mendengar jawapan itu, Ghazali berpendapat bahawa Malaysia tidak perlu lagi memulihkan hubungan dengan Indonesia. Walau bagaimanapun, Ghazali berpendapat bahawa keadaan itu tidak akan menghalang meredakan gerakan konfrontasi, sehingga memulihkan semula hubungan.

Nota

1. Minit A.J. Brown, 15 Okt. 1965, FO 271/180318.
2. Kuala Lumpur, 6 Okt 1965, FO 371/181455.
3. Kuala Lumpur - CRO, 12 Okt 1965, FO 371/1814455.
4. Foreign Office/CRO - Perwakilan, 14 Okt 1965, FO 371/181455.
5. Record of Meeting between Dato M. Ghazali and Bri-General Sukendro on 2nd and 3rd. November 1965 at Bangkok, dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 10 November 1966, FO 371/181457.
6. Kuala Lumpur - CRO, 19 Nov 1965, FO 371/181457.
7. CRO - Kuala Lumpur, 25 Nov 1965, FO 371/181457.
8. E.H. Peck - M.N.F. Stewart, 7 Disember 1965, FO 371/181457.
9. Ibid.
10. Djakarta - Foreign Office, 31 Mac 1966, FO 371/187561.
11. Djakarta - Foreign Office, 2 Apr 1966, FO 371/187562.
12. Kuala Lumpur - CRO, 16 Apr 1966, FO 371/187562.

BAB 12

Rundingan Damai

Enam bulan selepas peristiwa 30 September 1965, pihak tentera di bawah pimpinan Jeneral Soeharto mula bertindak. Presiden Soekarno tidak ada pilihan lain kecuali akur dengan tuntutan supaya menyerahkan kuasa eksekutif kepada Soeharto. Pada 11 Mac 1966, Presiden Soekarno menyerah kuasa itu kepada Jeneral Soeharto secara rasmi. Dokumen yang diserah kepada Soeharto oleh Soekarno dikenali sebagai 'Surat Perintah 11 Maret' (Ulf Sundhaussen 1988). Surat perintah itu memberi kuasa kepada Jeneral Soeharto untuk "mengambil segala tindakan yang dianggap perlu, untuk terjaminnya keamanan dan ketenangan serta kestabilan jalannya Pemerintahan dan jalannya Revolusi, serta menjamin keselamatan peribadi dan kewibawaan Pimpinan Presiden/Panglima Tertinggi/Pemimpin Besar Revolusi/Mandataris M.P.R.S demi untuk keutuhan Bangsa dan Negara Republik Indonesia, dan melaksanakan dengan pasti segala ajaran Pimpinan Besar Rebolusi".

Dengan kuasa itu, Soeharto mula bertindak. Pada 18 Mac, lima belas menteri di antaranya Dr. Subandrio dan Chairul Saleh telah ditangkap. Pada 27 Mac, Jeneral Nasution telah dilantik sebagai Wakil Panglima Besar 'Komando Ganyang Malaysia' dan diduduk kembali dalam kabinet. Pada hari berikutnya, Polis Tentera Angkatan Darat telah mengambil alih tugas untuk menjaga istana Presiden berikut dengan pembubararan Rejimen Cakrabirawa.

Pada 30 Mac, sebuah kabinet baru telah dibentuk yang terdiri dari Leimena, Idham Chalid, Abdul Gani, Sultan Yogyo, Soeharto dan Adam Malik. Soeharto telah dilantik sebagai Menteri Pertahanan dan Adam Malik sebagai Menteri Luar.

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi kedudukannya, Soeharto telah berjaya mendapatkan sokongan daripada Majlis Permusuaratan Rakyat Sementara (MPRS) pada 20 Jun 1966. Majlis itu bersetuju untuk menerima "Surat Perintah 11 Maret" sebagai ketetapan MPRS, malah MPRS telah juga memberi kuasa

kepada Soeharto untuk bertindak sebagai kepala pemerintah sementara dalam hal Presiden tidak mampu melaksanakannya. Selain itu, MPRS juga telah menarik semula ketetapan Soekarno sebagai "Presiden Seumur Hidup", membubar PKI, melarang ajaran Marxisme dan membentuk sebuah panitia untuk meninjau kembali ajaran Soekarno. Sidang MPRS itu merupakan suatu kemenangan besar bagi Jeneral Soeharto. Dengan kekuasaan itu, Soeharto dapat memulakan usaha ke arah pemulihkan hubungan dengan Malaysia.

Rundingan Sulit Ghazali dengan Moetopo di Bangkok

Selepas Jeneral Soeharto berkuasa dan perlantikan Adam Malik sebagai Menteri Luar, usaha-usaha untuk memulihkan hubungan Malaysia-Indonesia semakin serius. Pada 4 April 1966, Adam Malik mengumumkan bahawa Indonesia akan menilai semula dasar luarnya.¹ Menyentuh tentang konfrontasi, secara peribadi Adam Malik mengatakan beliau ingin melihat konfrontasi ditamatkan secepat mungkin. Tunku juga berhasrat untuk memulihkan hubungan dengan Indonesia, sekiranya Indonesia menghentikan dasar konfrontasi serta memberhenti aktiviti dan mengundurkan tenteranya daripada perbatasan.

Maka itu, pada akhir April 1966, Jeneral Soeharto melalui pegawai-pegawai kanannya, telah menghubungi pihak Malaysia secara sulit bagi menamatkan konfrontasi. Major-Jeneral Ali Moetopo, Asisten Inteligen Komando Daerah Militer Cendrawasih telah ditugaskan untuk melaksanakannya. Hasil dari usaha itu, satu pertemuan sulit berjaya diatur antara Ali Moetopo dengan Ghazali Shafie di Bangkok pada 23 dan 24 April 1966.²

Dalam pertemuan itu, Ghazali membangkitkan soal penambahan penempatan tentera Indonesia di perbatasan dan perairan. Ghazali juga meminta penjelasan tentang maksud Indonesia untuk menamatkan konfrontasi. Bermula dari pertanyaan itu, Ali Moetopo menjelaskan kepada Ghazali tentang motif sebenar yang diperjuangkan oleh Soeharto. Soeharto tegas Ali, adalah seorang yang sangat anti-China. Pada pandangan Soeharto, China adalah pengancam utama keselamatan Indonesia. Beliau percaya ancaman China itu akan hanya dapat dibendung kiranya bangsa Melayu bersatu. Ini dapat dilakukan melalui penubuhan konfe-

derasi antara Indonesia, Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei, diikuti kemudiannya dengan memperkuatkan Maphilindo yang mana Thailand juga akan menyertai kemudiannya.

Bagaimanapun, sebelum tahap pertama itu dilaksanakan, dua kelemahan utama mesti diselesaikan. Kedudukan Sarawak dalam Malaysia tidak kukuh kerana wujudnya tentangan dan juga kerana sikap curiga mencurigai antara Sarawak dan Kuala Lumpur. Tambahan pula, terdapat di Sarawak elemen-elemen yang bersedia untuk membantu memisahkan negeri itu dari Malaysia.

Mengikut Ali Moetopo lagi, pihak Indonesia telah pun berbincang dengan Lee Kuan Yew bagi menamatkan konfrontasi. Lee didakwa sebagai berkata bahawa:

There would be no difficulty in splitting Sarawak off from Malaysia, and said he already had a shadow Government of Sarawak set up in Singapore. It was agreed between them that the Indonesian role would be apply diplomatic and military pressure from outside while Lee's role was to create political pressure from within. Lee's representatives discussed with the Indonesians what succour they would get from Indonesia if attacked by Malaysia – water from the Rhio islands. Foods, troops - and how' long Indonesian forces would stay in Singapore after the Malaysians had been driven out.³

Sabah pula menghadapi tuntutan dari Filipina. Bagi mengatasi masalah ini, Malaysia hendaklah melepaskan Sabah dan Sarawak dengan cara mengadakan semula pungutan suara. Tetapi, sekiranya penduduk-penduduk di kedua-dua negeri itu memilih untuk kekal dalam Malaysia, ia hanya dibenarkan untuk menyertainya dalam bentuk konfederasi yang longgar dan bukan dalam bentuk kesatuan.

Tetapi, sekiranya Kuala Lumpur enggan memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia, Indonesia akan mempertingkatkan tekanan bersenjata ke atas Malaysia. Soeharto akan menghantar pasukan komandonya bagi membantu kumpulan pemisah di Sabah dan Sarawak untuk membebaskan kedua-dua negeri itu daripada Malaysia. Apabila matlamat itu tercapai, barulah konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia akan ditamatkan.

Selepas mendengar penjelasan Ali Moetopo itu, Ghazali dengan tegas mengingatkan bahawa pemikiran Soeharto itu kurang tepat. Oleh kerana Indonesia tidak pernah menikmati pemerintahan secara berpelembagaan dan kebebasan, maka pada

pandangan mereka masalah hanya dapat diselesaikan secara kekerasan sahaja. Pandangan ini, tegas Ghazali adalah bertentangan dengan 'cara orang Melayu' kerana mereka percaya masalah hanya dapat diselesaikan secara berpelembagaan dan aman. Cara penyelesaian konfrontasi seperti yang dicadang oleh Soeharto itu hanya dapat dicapai dengan cara kekerasan. Ini kerana Malaysia telah bertekad untuk tidak akan melepaskan Sabah dan Sarawak. Cara Soeharto itu juga akan menggagalkan hasratnya untuk menyatukan bangsa Melayu dalam kesatuan bagi menghadapi ancaman dari China. Ghazali juga mempersoalkan sama ada Soeharto percaya bahawa Lee Kuan Yew bekerja untuk Indonesia atau untuk mencapai matlamatnya bagi mengatasi masalah kelebihan penduduk di Singapura. Ini terbukti dari kenyataan bahawa Lee Kuan Yew telah pun mempunyai 'kerajaan bayangan' di Sarawak. Ghazali mengemukakan kepada Ali Moetopo ucapan Lee di Universiti Nanyang sebagai buktinya. Lagipun, dengan membantu puak penentang di Sarawak, Indonesia sebenarnya menghidupkan pergerakan komunis Cina di negeri itu yang mana Indonesia berhasrat hendak menghancurkannya.

Akhir sekali, Ghazali mencadangkan sekiranya Soeharto benar-benar ingin mewujudkan penyatuan bangsa Melayu, cara yang paling baik bagi mencapai matlamat itu ialah kedua-dua kerajaan bekerjasama secara diam-diam bagi menyelesaikan masalah dan perbezaan pendapat antara mereka. Bagaimanapun, tegas Ghazali, luka akibat dari perbalahan antara kedua-dua pihak mungkin akan memakan masa yang agak panjang bagi mengubatnya. Beliau berharap Indonesia akan memberi peluang kepada Malaysia untuk mengubat lukanya, sementara Indonesia pula 'menggosok belakangnya'.

Ghazali tidak merahsiakan perbincangannya dengan Ali Moetopo. Sekembalinya ke Kuala Lumpur, Ghazali telah mengadakan pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi British, Australia dan New Zealand pada 28 April bagi memaklumkan hasil pertemuannya dengan Ali Moetopo di Bangkok. Pada pandangan Ghazali, Indonesia beranggapan bahawa Malaysia, selepas pemisahan Singapura, berada dalam keadaan tidak stabil dan akan runtuh bila-bila masa sahaja. Dari segi ini, Ghazali menyalahkan Jabatan Negara Amerika kerana menyebabkan Indonesia berpandangan demikian.

The Indonesians are encouraged in their belief that Malaysia is on the point of falling apart and ...what the situation in Sarawak is pretty hopeless, that Sarawak and Malaysian leaders are mutually fed up, and that if there is enough trouble the British will withdraw their defences support from Borneo. The American officials went on to say that, as the Indonesians are now good boys. American will support Indonesia but they want Indonesia to end confrontation. How the Indonesians do this is their business. But the Americans will back whatever solution they decide on and will see to it that no outside power (Britain) stops them.⁴

Ghazali bersetuju dengan pandangan Michael Walker, Pesuruhjaya Tinggi British, ia mungkin bukan dasar rasmi Amerika Syarikat, tetapi pandangan sesetengah pegawainya yang bertugas di rantau ini. Mengikut Ghazali lagi, apabila seorang daripada pegawai Ali Moetopo pergi ke Manila, ia telah melihat sukarelawan Sulu sedang dilatih di sebuah pusat latihan oleh pegawai Amerika. Pegawai itu diberitahu bahawa sukarelawan itu akan dihantar untuk menguasai Sabah sekiranya negeri itu diambil alih oleh kerajaan Indonesia pimpinan Soekarno. Tetapi, selepas terbentuk regim baru di Jakarta, pasukan sukarelawan itu telah dibubarkan. Ghazali percaya Amerika tidak akan membantah, sekiranya Sabah diambil alih oleh regim baru pimpinan Soeharto.

Ghazali juga mencurigai Lee Kuan Yew dan percaya dengan dakwaan Ali tentang rundingan sulit antara Lee dengan wakil Indonesia. Michael kurang yakin dengan dakwaan Ghazali, sebaliknya menganggapnya sebagai tipu muslihat Indonesia untuk melaga-lagakan Malaysia dengan Singapura.

On alleged Singapore complicity with Indonesians, I suggested that what Moetopo had told him could well have been an Indonesian plot designed to sow more discord between Malaysia and Singapore.⁵

Ghazali membala dengan merujuk kepada laporan risikan British bagi mengukuhkan hujahnya. Tetapi, Michael berpendapat itu juga mungkin tipu helah Indonesia. Beliau mencadangkan supaya Malaysia sentiasa berunding dengan Singapura.

Pada 29 April, Walker melaporkan butir-butir rundingan Ghazali dengan Ali Moetopo di Bangkok kepada Pejabat Komanwel. Beliau berpendapat bahawa Ghazali memberikan keterangan yang *genuine* tentang pertemuan *extraordinary* dengan

Ali Moetopo. Laporan itu menggambarkan bahawa Soeharto berpegang kepada pandangan itu dan percaya perbezaan pandangan antara Soeharto dengan Adam Malik adalah semata-mata bertujuan untuk mengelirukan Britain, Malaysia dan Singapura.

Bagaimanapun, Murray menganggapnya sebagai *an odd story* Beliau menjelaskan bahawa:

It seems out of keeping with the deviousness of the Javanese mentality that Colonel Moetopo should have told Ghazali so bluntly that it was still Indonesian policy to dismember Malaysia. It is surprising too, that in a policy designed to check the encroachment of the Chinese, a first step should be to conspire with the Chinese Lee Kwan Yew to set up a presumably Chinese state in Sarawak.⁶

Atas pandangan itu, Murray menganggap Ali Moetopo mungkin seorang *twister*.

If Moetopo is a twister or an over-maginative emissary, the sooner he can be discredited the better, before he does any more harm.

Walau bagaimanapun, pertemuan sulit antara Ali Moetopo dengan Ghazali Shafie membuka ruang untuk Malaysia dan Indonesia berdialog bagi menamatkan konfrontasi. Ini terbukti apabila pertemuan berlangsung antara Adam Malik dengan Ghazali di Bangkok pada 30 April 1966.

Rundingan Adam Malik dengan Ghazali

Pada 30 April 1966, Adam Malik telah berangkat ke Bangkok atas alasan untuk mengadakan rundingan dengan Menteri Luar Filipina N. Ramos bagi memulihkan semula kerjasama serantau. Sebenarnya, Adam Malik menggunakan kesempatan itu sebagai pelindung bagi menemui Ghazali Shafie, yang telah pun berada di kota itu secara sulit untuk membincang tentang syarat-syarat perdamaian.

Pada malam 30 April 1966, Ghazali mengadakan pertemuan sulit dengan Adam Malik. Pertemuan itu berlangsung selama dua jam setengah tanpa pengetahuan kerajaan Thai.⁷ Inilah kali pertama Ghazali bertemu dengan Adam Malik.

Adam Malik memulakan perbincangan tentang Soekarno. Beliau menyentuh tentang kedudukan Soekarno. Beliau secara

peribadi ingin melihat Soekarno digugurkan kerana *he was a source of constant friction*. Tetapi, pimpinan tentera lebih suka Soekarno berundur secara sukarela dengan cara *make life so uncomfortable for him*. Tentang Singapura, Malik menyatakan perasaan kecewanya terhadap reaksi Kuala Lumpur terhadap cadangannya untuk mengiktiraf Singapura. Tujuannya beliau menyatakan demikian adalah semata-mata sebagai *step towards ending confrontation*. Beliau juga percaya bahawa dengan mengiktiraf Singapura tanpa sebarang syarat seperti penutupan pangkalan tentera British, yang merupakan tuntutan asal penamatkan konfrontasi, beliau telah mengambil langkah penting ke arah perdamaian dengan Malaysia. Di samping itu, Adam Malik menunjukkan bahawa pemulihhan hubungan itu akan meningkatkan lagi dagangan. Lagipun terdapat beberapa orang Jeneral dan Laksamana yang terlibat dalam perdagangan itu.

Ghazali menerima penjelasan Adam Malik. Tetapi beliau bimbang tindakan Indonesia mengiktiraf Singapura akan mengecewakan Kuala Lumpur. Dengan itu beliau berharap Indonesia tidak akan tergesa-gesa mengiktiraf Singapura.

Berbalik kepada soal konfrontasi, Adam Malik menegaskan, beliau tidak bersetuju dengan dasar itu. Beliau juga tidak bersetuju dengan cadangan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia. Kedua-dua buah wilayah itu mesti kekal dalam Malaysia, sekiranya tidak, kemungkinan salah satu ataupun kedua-duanya sekali akan dikuasai oleh China. Menjawab pertanyaan Ghazali, Adam Malik menafikan sekeras-kerasnya bahawa pemisahan Sabah dan Sarawak sebagai syarat penamatkan konfrontasi.

Adam Malik juga memberi jaminan bahawa atas arahan Soeharto askar-askar Indonesia tidak lagi akan menceroboh wilayah Malaysia, malah sedang membuat persiapan untuk mengundurkan 10 kilometer dari perbatasan. Beliau mengharapkan askar-askar Komanwel juga akan membuat demikian. Ghazali bersetuju dengan cadangan itu malah mencadangkan supaya kedua-dua pasukan tentera menjalankan operasi bersama untuk membanteras pengganas-pengganas komunis di kawasan perbatasan.

Tentang cara menamatkan konfrontasi, Malik berpendapat bahawa *withering away was too slow*. Beliau mencadangkan pungutan suara diadakan semula di Sabah dan Sarawak sebagai *face-saving formula*. Ghazali menolak cadangan pungutan suara.

Malaysian Government would never accept this. Full ascertainment had already been carried out and Government could not be expected to agree to repetition. Moreover the two States would themselves accept the idea and Central Government had no constitutional power to enforce it. Elections were too remote to be considered as possible substitute.⁸

Seterusnya Adam Malik bertanya tentang sama ada kerajaan Malaysia menerima penubuhan Suruhanjaya. Ghazali menganggap cadangan itu agak terlewat. Walau bagaimanapun, beliau bersetuju untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya kecil yang dianggotai oleh dua atau tiga negara sahabat bagi mengesahkan keputusan yang telah dicapai.

Ghazali dan Adam Malik bersetuju untuk memikirkan *face-saving formula* serta mengekalkan hubungan langsung.

Sekembalinya ke Kuala Lumpur, Ghazali telah melaporkan hasil rundingan itu kepada Tunku dan Tun Razak. Tunku kurang senang dengan cadangan Adam Malik mengenai pungutan suara dan suruhanjaya Afro-Asia, tetapi bersedia untuk menimbang negara sahabat seperti Thailand ataupun Jepun sebagai 'orang tengah' bagi menyelesaikan konfrontasi.

Perkembangan itu disambut baik oleh pihak British. Pejabat Hubungan Komanwel menganggap pertemuan antara Adam Malik dengan Ghazali sebagai petanda baik ke arah perdamaian.

Sementara itu di Jakarta, Adam Malik memaklumkan kepada Soeharto hasil perbincangannya dengan Ghazali. Beliau mencadangkan supaya Malaysia dan Singapura diberi pengiktirafan serentak dan juga rakyat Sabah dan Sarawak diberikan peluang untuk menyatakan pendirian mereka tentang keanggotaan mereka dalam Malaysia melalui proses pilihan raya biasa.

Seperti yang dipersetujui, Ghazali terus mengadakan hubungan secara peribadi dengan Adam Malik. Hasil hubungan itu satu *face-saving formula* tidak rasmi telah tercapai. Adam Malik bersetuju tidak akan membangkit soal kedaulatan Malaysia ke atas Sabah dan Sarawak dan dalam masa yang sama tidak akan menjelaskan air muka Indonesia.

Dengan persetujuan Tunku, pada 12 Mei 1966, Ghazali mengirim surat kepada Adam Malik mencadangkan supaya mesyuarat peringkat Menteri Luar diadakan untuk membincangkan tentang perlantikan Thailand ataupun Jepun sebagai Suruhanjaya Pemerhati.⁹ Peranan Suruhanjaya ini adalah untuk menjadi per-

antara kedua-dua belah pihak, iaitu selepas melawat Malaysia, ia akan mengeluarkan laporan mengesahkan bahawa Sabah dan Sarawak berhasrat untuk kekal dalam Malaysia atau pilihan mereka sendiri. Surat itu juga meminta pihak Indonesia menangguhkan cadangannya untuk mengiktiraf Singapura. Ini memandangkan bahawa perbincangan Malaysia dengan Indonesia telah berada ditahap yang membanggakan. Kedua-dua negara itu hendaklah diberi pengiktirafan sekali. Sekiranya pengiktirafan diberikan ke atas Singapura ia mungkin akan menjelaskan rundingan kerana pemimpin-pemimpin Malaysia terpaksa memikir soal kepentingan keselamatan dan ekonomi daripada soal konfrontasi. Lagipun, Indonesia tidak mungkin dapat mengaut keuntungan daripada hubungan dagangnya dengan Singapura apabila Malaysia mengenakan sekat.

Ghazali juga meminta pihak tentera mengirim misi ke Kuala Lumpur sekiranya Indonesia benar-benar berhasrat untuk menamatkan konfrontasi. Seperti dinyata oleh Ghazali:

Since Indonesians had throughout been the aggressors, it was appropriate that they should send delegation here to pay respects to Tunku and Government of Malaysia and fact that it included military leaders who had been actively engaged in directing confrontation gave convincing evidence that chapter was now closed. Visit was also important in demonstrating to people of Indonesia - and the Soekarno - that service authorities fully endorsed Malik's policy of ending confrontation and it would enable them to share the credit for it.¹⁰

Misi Muhibah

Cadangan Ghazali itu telah diterima oleh Jeneral Soeharto. Seperti yang dipersetujui, pada 27 Mei 1966, misi muhibah dari Jakarta yang terdiri dari 20 orang pegawai tentera diketuai oleh Laksamana Muda Laut O.B. Syaaf telah tiba di Kuala Lumpur.

Rombongan itu telah disambut di pangkalan tentera di Sungai Besi oleh Ghazali, Salleh IGP dan Major Jeneral Hamid, Ketua Staf Am. Selepas makan pagi dengan Tun Razak, rombongan itu berlepas ke Alor Setar untuk berjumpa dengan Tunku. Misi itu kembali ke Indonesia pada petang hari itu juga.

Pada kenyataan akhbar yang dikeluarkan, kerajaan Malaysia menjelaskan bahawa:

This is the first time since Indonesia's confrontation began that a goodwill visit of this nature has been organised.

The one-day visit is designed for the purpose of expressing respect and fraternal feeling towards the Prime Minister, Tunku Abdul Rahman and the Deputy Premier, Tun Abdul Razak.

It also marks a significant step in the progress towards the ending of Indonesian confrontation against Malaysia followed by restoration of friendly ties between the two nations.

The Government and people of Malaysia welcome this move and the arrival of the Indonesian Delegation with feelings of satisfaction, goodwill and friendship.¹¹

Selepas mesyuarat kabinet pada 27 Mei 1966, sebuah kenyataan akhbar telah dikeluarkan. Kenyataan itu memaklumkan bahawa persidangan damai akan berlangsung di Bangkok pada Isnin 30 Mei 1966, bagi menamatkan konfrontasi.

Pihak British sebenarnya tidak dimaklumkan tentang ran-cangan lawatan misi muhibah tersebut. Dengan itu tidaklah hairan apabila pihak British terasa tersinggung. Bagaimanapun dalam pertemuannya dengan Walker dan Pesuruhjaya Tinggi Australia dan New Zealand pada 28 Mei 1966, Ghazali memohon maaf kerana tidak dapat memaklumkan lebih awal tentang misi tentera Indonesia kerana ketidaktentuan dan kesuntukan masa. Beliau sendiri, tegas Ghazali mendapat kepastian tentang ketibaan misi itu hanya pada pagi Jumaat. Malah tegas Ghazali, anggota-anggota kabinet juga tidak sempat dimaklum.

Selanjutnya, Ghazali memberi jaminan bahawa tiada perbincangan atau perundingan diadakan pada misi itu. Tujuan lawatan ringkas itu adalah semata-mata untuk menyatakan dan menjalin semula hubungan mesra. Ghazali percaya bahawa mereka kini telah membina suatu asas yang kukuh bagi menjayakan rundingan di Bangkok atas prinsip bahawa jika mahu menyelesaikan masalah, jalan terbaik ialah *to feast first and talk afterwards*.

Tentang rundingan di Bangkok, Ghazali menyatakan delegasi Malaysia akan bertolak ke Bangkok pada 29 Mei dan menjangka rundingan awal akan berlangsung pada sebelah tengah hari. Beliau tidak dapat pasti berapa lamakah rundingan itu akan berlangsung, tetapi beliau berpendapat rundingan di Bangkok merupakan rundingan awal ke arah mengakhiri konfrontasi. Matlamat utama

yang ingin dicapai dalam rundingan itu ialah asas-asas politik untuk mengakhiri konfrontasi.

Nampaknya wakil British, Australia dan New Zealand berpuas hati dengan penjelasan Ghazali. Dalam laporannya ke Pejabat Hubungan Komanwel, Walker menyatakan bahawa:

It is quite clear that mission was no more than it purported to be and that it has laid admirable foundation for Bangkok meeting.¹²

Rundingan di Bangkok

Rundingan di Bangkok bermula pada 29 Mei dan berakhir pada 1 Jun 1966. Delegasi Malaysia dipimpin oleh Tun Abdul Razak, manakala delegasi Indonesia pula dipimpin oleh Adam Malik. Sebelum persidangan peringkat Menteri, butir-butir Persetujuan Damai itu telah dibahas dengan teliti di peringkat pegawai. Menyebut tentang rundingan damai ini, seorang pemerhati berkata:

The key figures were Ghazali on the Malaysian side and Ali Moeteopo for the Indonesians... he had nothing but admiration for the way in which Ghazali conducted the negotiations and that Razak, and for that matter Malik, for the Indonesians, provided nothing more than formal window dressing.¹³

Selepas tiga hari berunding, tiga asas penting telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi dijadikan landasan perdamaian. Asas-asas itu adalah seperti berikut:

1. Malaysia akan membenarkan penduduk di Sabah dan Sarawak untuk mengesahkan sekali lagi status mereka dalam Malaysia.
2. Hubungan diplomatik akan disambung dengan serta-merta.
3. Permusuhan antara kedua-dua pihak akan dihenti segera.

Pada 1 Jun 1966, satu kenyataan rasmi dikeluarkan berbunyi seperti berikut:

His Excellency Mr. Adam Malik, the Deputy Prime Minister for Social and Political Affairs of the Republic of Indonesia and His Excellency Tun Abdul Razak Bin Dato Hussien, the Deputy Prime Minister of

Malaysia, met in Bangkok from 29 May to 1 June, 1966. The two Ministers had a free and frank exchange of views in the spirit of the Manila Agreement and brotherliness between the two people bound together by history and culture from time immemorial. Having had careful and through deliberations on problems affecting relations between the two countries, they have agreed to submit for approval to their respective Governments the principle upon which practical steps to restore friendly relations between the two countries should be based. The two-Ministers agree that direct and continuous contacts between their Governments should be maintained. His Excellency Mr. Adam Malik and His Excellency Tun Abdul Razak wish to place on record their profound appreciation of and gratitude for the generous hospitality of His Excellency the Prime Minister, His Excellency the Minister of Foreign Affairs, the Government and people of Thailand in providing facilities for the holding of this historic meeting which has made a signal contribution towards the achievement of peace and unity between the people of Indonesia and Malaysia.¹⁴

Pada 7 Jun 1966, kerajaan Malaysia telah mengesahkan Perjanjian Bangkok. Indonesia tidak dapat berbuat demikian sebelum mendapat pengesahan dari Presiden Soekarno dan Dewan Perwakilan. Sungguhpun begitu Adam Malik telah memberi jaminan kepada Malaysia bahawa dengan Pertukaran Surat Rahsia itu bererti permusuhan antara Malaysia dengan Indonesia telah tamat dengan serta-merta.

Adam Malik ternyata menghadapi masalah untuk mendapatkan persetujuan dari Soekarno. Beliau mendesak supaya pungutan suara diadakan terlebih dahulu di Sabah dan Sarawak sebelum Malaysia diberi pengiktirafan oleh Indonesia.

Perkembangan di Jakarta telah mendapat perhatian serius dari pihak British. Mengulas peristiwa itu, Murray, Duta British di Jakarta mengulas:

It is quite possible that Soekarno may hope to re-establish his position by refusing to ratify; but he would do this only if he was confident that this would meet the wishes of a significant proportion of the various factions in Indonesia.¹⁵

Pendirian tegas Soekarno itu tidak mendapat sokongan manapun faksi politik di Indonesia. Jeneral Soeharto tetap berdiri teguh dengan keputusan Adam Malik dalam menghadapi kemelut itu. Soeharto telah memberi jaminan kepada Malik sekiranya Soekarno

enggan mengesahkan perjanjian damai, beliau sendiri akan menandatangani pengesahannya. Justeru itu, dalam pertemuannya dengan badan-badan politik dan bukan politik di Jakarta, Adam Malik dengan penuh yakin menegaskan bahawa berasaskan pengalaman tidaklah susah bagi mengesahkan keputusan rundingan di Bangkok. Malah, badan-badan tersebut telah memberi sokongan penuh terhadap tujuan Adam Malik menyelesaikan isu tersebut dengan segera serta mendesak supaya Persetujuan di Bangkok itu diluluskan tanpa perlu merujuk kepada Dewan Perwakilan.

Oleh kerana itu, walaupun menghadapi tantangan dari Soekarno, Ghazali telah dijemput ke Jakarta pada 10 Jun untuk berunding dengan Soeharto tentang butir-butir lanjut berkaitan dengan Persetujuan Perdamaian. Ghazali telah diberi layanan 'tetamu istimewa' oleh Jeneral Soeharto. Dalam pertemuan itu, Soeharto menceritakan bahawa beliau tidak dapat meminta Soekarno menerima Perjanjian Bangkok seperti yang terkandung.¹⁶ Kerana beliau bimbang Soekarno akan merayu kepada angkatan tentera bahawa memberi pengiktirafan kepada Malaysia sebelum pungutan suara baru di Malaysia Timur merupakan penyelewengan daripada keputusan Manila (1963). Soeharto menyatakan untuk membolehkan beliau mengasingkan Soekarno daripada angkatan tentera, perjanjian sulit perlu ditandatangkan semasa Perjanjian Bangkok disahkan, di sekitar 5 Julai. Perjanjian sulit ini akan mengandungi persetujuan bahawa pengiktirafan dan pertukaran misi akan berlaku hanya selepas pungutan suara diadakan. Cadangan Soeharto itu telah ditolak oleh Ghazali atas alasan bahawa cadangan itu sama seperti yang dikemukakan oleh Dr. Subandrio. Akibat perbezaan pendapat itu rundingan ditangguhkan untuk seketika.

Perundingan telah disambung semula kemudian. Soeharto menyatakan bahawa beliau akan dapat mengasingkan Soekarno, tetapi syarat ketika Perjanjian itu disahkan hendaklah dilampirkan bersama Perjanjian Sulit bahawa pertukaran misi diplomatik hanya akan berlangsung selepas pungutan suara diadakan di Sabah dan Sarawak. Pada waktu yang sama, konfrontasi akan tamat sebaik sahaja Perjanjian itu ditandatangan. Hubungan dagang dipulihkan dan sebuah pejabat perhubungan perlu dibuka di Jakarta dan Kuala Lumpur sebagai perantaraan kedua-dua kerajaan. Soeharto dan Adam Malik meminta Ghazali merahsiakan persetujuan itu.

Ghazali menerima cadangan itu sebagai kompromi yang memuaskan. Pada pandangan beliau, kelewatian pertukaran misi diplomatik memberi keuntungan kepada Malaysia dari tiga aspek, iaitu:

1. Tidak memerlukan Malaysia menjalankan pengawasan ke atas kedutaan Indonesia.
2. Pembukaan Pejabat Perhubungan memastikan bahawa mesej akan sampai langsung kepada pemerintah Indonesia.
3. Ketiadaan misi diplomatik akan membolehkan pasukan keselamatan negara sahabat berada di Malaysia Timur.

Antara perkara yang dibincangkan oleh Soeharto dengan Ghazali ialah pengunduran pasukan keselamatan dari wilayah perbatasan dan kerja sama sempadan untuk melumpuhkan pergerakan pengganas komunis.

Ghazali kembali ke Kuala Lumpur pada 14 Jun bersama-sama dengan beberapa orang pegawai kanan tentera dan awam Indonesia yang diketuai oleh Jeneral Moerdani.

Pada 18 Jun, Jeneral Ali Moetopo tiba di Kuala Lumpur. Pada 21 Jun Ali Moetopo dan rombongannya mengadakan pertemuan dengan Tun Abdul Razak di Kuala Lumpur tentang penyelesaian konfrontasi. Hadir sama ialah Ghazali. Pada pertemuan itu, Razak memberitahu cadangan awal tentang pertukaran misi diplomatik diubah daripada kaitan dengan pungutan suara kepada ketetapan kerajaan masing-masing. Cadangan itu diterima oleh pihak Indonesia untuk pertimbangan pihak berkuasa di Jakarta.

Beberapa hari selepas itu, iaitu pada 25 Julai, Soeharto selaku Presidium telah mengumumkan di Jakarta bahawa konfrontasi akan berakhir dalam tempoh dua minggu lagi. Pada 30 Julai, Kogam menyetujui rundingan di Bangkok. Persetujuan Kogam itu disahkan oleh Presiden Soekarno pada 3 Ogos 1966.

Pada 4 Ogos, Jeneral Ali Moetopo kembali ke Jakarta bersama-sama dengan pegawai Malaysia bagi menyiapkan penandatanganan persetujuan.

Perjanjian Pemulihan Hubungan

Majlis menandatangan Perjanjian Damai berlangsung pada 11 Ogos 1966, di Jakarta tepat pada pukul 11 pagi waktu Indonesia dan 12 tengah hari waktu Malaysia. Perjanjian itu ditandatangan

oleh Adam Malik bagi pihak Indonesia, sementara Tun Abdul Razak mewakili Malaysia. Turut menyaksikan majlis bersejarah itu ialah Jeneral Soeharto dan pegawai-pegawai kanan tentera dan awam dari kedua-dua belah pihak. Presiden Soekarno tidak hadir dalam majlis itu kerana sedang 'bercuti' di pulau Bali.

Perjanjian itu mengandungi empat fasil.

Fasal I Perjanjian itu menyebut bahawa untuk menyelesaikan masalah-masalah antara kedua-dua negara 'sebagai akibat pembentukan Malaysia' kedua-dua pihak bersetuju untuk memberikan kesempatan kepada rakyat Sabah dan Sarawak untuk 'menegaskan kembali keputusan yang telah diambil sebelumnya' mengenai statusnya dalam Malaysia, melalui pemilihan umum yang bebas dan demokratik. Fasal II menyebut bahawa kedua-dua pemerintah setuju untuk memulihkan hubungan diplomatik. Sedang fasal III menyebut bahawa tindakan permusuhan antara kedua-dua negara akan segera dihentikan.

Persetujuan Jakarta itu merupakan kompromi. Indonesia merasa puas kerana pada bahagian pendahuluan telah dicantumkan perlunya hubungan persahabatan antara kedua-dua negara 'dalam semangat Persetujuan Manila', dan telah disebutkannya pula hak rakyat Sabah dan Sarawak untuk menentukan nasibnya sendiri. Sedang Malaysia merasa puas, kerana kehendak rakyat Sabah dan Sarawak akan ditentukan kembali melalui pilihan raya umum, hal ini dipandang tidak perlu mengubah komitmen mereka yang semula telah diberikan, yakni komitmen berupa kesepakatan untuk masuk dalam Persekutuan Malaysia.

Pada 12 Ogos, Adam Malik mengetuai satu rombongan ke Malaysia bersama-sama dengan Tun Abdul Razak. Justeru itu, bermula satu era baru dalam hubungan Malaysia – Indonesia yang telah terputus selama 33 bulan.

Pemulihan hubungan antara Malaysia dan Indonesia disambut dengan meriah oleh rakyat kedua-dua buah negara. Tunku Abdul Rahman, dalam ucapannya di Dewan Rakyat pada 22 Ogos 1966, mengharapkan bahawa 'Perjanjian yang telah dibuat di Bangkok pada 11 haribulan Ogos itu akan mengeratkan kembali perhubungan kedua-dua buah negara yang berjiran. Ini demi kepentingan bersama dan kemakmuran di seluruh Tenggara Asia'. Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, pula menganggap kejayaan menamatkan konfrontasi dan memulihkan hubungan antara dua rumpun itu adalah disebabkan oleh keikhlasan di

antara kedua-dua pihak. Pihak kerajaan kita, rakan-rakan saya dan pegawai kita bersungguh-sungguh berikhtiar mencari dasar dan cara-cara pengertian yang boleh dipersetujukan oleh kedua-dua pihak.

Kerajaan British juga turut menyampaikan tahniah kepada pucuk pemimpin kedua-dua buah negara. Harold Wilson, Perdana Menteri British, dalam mesejnya kepada Tunku, menyifatkan kejayaan menamatkan konfrontasi itu adalah justeru *the exercise of real and patient statemenship by yourself and your colleagues*.¹⁷ Manakala kepada Adam Malik pula, beliau mengharapkan berakhirnya konfrontasi akan membawa kepada kelahiran era baru yang akan membawa keamanan dan kemakmuran kepada Indonesia dan jiran-jirannya.

Nota

1. Djakarta - Foreign Office, 2 Apr. 1966, PREM 12/1006.
2. Kuala Lumpur - CRO, 29 April 1966, PREM 13/1006.
3. Ibid.
4. Ibid.
5. Ibid.
6. Djakarta - Foreign Office, 2 Mei 1966, PREM 13/1006.
7. Kuala Lumpur - CRO, 8 Mei 1966, PREM 13/1006.
8. Ibid.
9. Kuala Lumpur - CRO, 21 Mei 1966, FO 371/187564.
10. Ibid.
11. Kuala Lumpur - CRO, 27 Mei 1966, FO 371/187564.
12. Kuala Lumpur - CRO, 28 Mei 1966, FO 371/187564
13. W. Bentley - R. Hanbury-Tenison, 6 Jun 1966, FO 371/187565.
14. Djakarta - Foreign Office, 8 Jun 1966, FO 317/187565.
15. Djakarta - Foreign Office, 12 Jun 1966, FO 371/187565.
16. Kuala Lumpur - Foreign Office, 17 Jun 1966, FO 371/187565.
17. Foreign Office - Kuala Lumpur, 11 Ogos 1966, FO 371/181567.

Kesimpulan

Gagasan Malaysia yang dikemukakan oleh Tunku pada 27 Mei 1961 telah mencetuskan kontroversi apabila Indonesia dan Filipina membantah penubuhannya atas pelbagai alasan. Presiden Macapagal membantah penyertaan Borneo Utara ataupun Sabah atas alasan bahawa wilayah itu adalah miliknya. Justeru Filipina menuntut agar soal Borneo Utara terlebih dahulu diselesaikan sebelum wilayah itu menyertai Malaysia. Manakala Presiden Soekarno pula membantah penubuhan Malaysia kerana ia dianggap sebagai neokolonialis dan bertujuan untuk mengepung Indonesia. Pemberontakan di Brunei pada awal Disember 1962 digunakan oleh Soekarno untuk mengesahkan tohmahannya bahawa rakyat Borneo menentang penyertaan mereka dalam Malaysia.

Bantahan dan tekanan negara-negara jiran tidak melemahkan Tunku untuk memperjuangkan gagasan Malaysia. Bagi Tunku, hanya melalui gagasan Malaysia sahaja beliau dapat membantu membebaskan wilayah-wilayah British di Borneo daripada belenggu penjajahan. Tunku sedar bahawa wilayah-wilayah itu tidak mampu untuk berdikari dan menghadapi risiko ditelan oleh jiran-jirannya yang lebih besar. Filipina menuntut Borneo Utara, manakala Indonesia pula berminat untuk memperluaskan wilayah pengaruhnya mengikut kerangka 'Indonesia Raya'.

Walaupun British pada dasarnya menyokong gagasan Malaysia, Tunku menghadapi pelbagai rintangan dari pihak British sendiri untuk merealisasikan gagasan itu. Pada awalnya British tidak bersetuju wilayah-wilayah Borneo bergabung dalam Malaysia. Pada British wilayah-wilayah Borneo hendaklah terlebih dahulu bercantum dalam satu konfederasi sebelum menyertai Malaysia. Bagaimanapun British terpaksa mengalah apabila ia menghadapi masalah di Singapura. Bimbang dengan kemungkinan PAP kecundang dalam pilihan raya umum dan kemungkinan Barisan Sosialis berkuasa, British tidak ada pilihan lain kecuali mencan-

tumkan Singapura dengan Tanah Melayu. Pihak British cuba mempengaruhi Tunku supaya menerima Singapura, tetapi ditolak oleh Tunku atas alasan bahawa Singapura adalah 'koloni Cina'.

Tunku bertegas dengan pendirian itu kecuali, British membezakan wilayah-wilayah Borneo daripada belenggu penjajahannya dan membenarkan wilayah-wilayah tersebut bercantum dengan Tanah Melayu dalam Gagasan Malaysia. Tunku telah mengemukakan cadangannya itu secara terbuka semasa berucap di Majlis Wartawan Asia di Singapura pada 27 Mei 1961, disusuli kemudian dengan memorandum Tunku kepada MacMillan pada 26 Jun 1961. British tidak ada pilihan, sekiranya ia mahu menyelamatkan kerajaan PAP pimpinan Lee Kuan Yew yang probat serta pangkalannya, tuntutan Tunku terpaksa diterima. Oleh hal demikian, pada 23 November 1961, Perdana Menteri British Harold MacMillan dan Tunku mengumumkan hasrat mereka untuk menubuhkan Malaysia. Pada tahun itu juga Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan untuk meninjau pandangan penduduk di wilayah Borneo, pungutan suara diadakan di Singapura dan rundingan berlangsung dengan Sultan Brunei Sir Omar tentang kemasukan Brunei ke dalam gagasan baru itu.

Gagasan Malaysia itu menghadapi bantahan daripada Filipina dan Indonesia. Filipina membantah kemasukan Borneo Utara ke dalam Malaysia atas alasan bahawa wilayah itu hak milik Filipina. Manakala Indonesia pula menganggap Gagasan Malaysia itu sebagai neokolonialisme yang bertujuan mengepung dan menghancurkan Indonesia. Filipina cuba membawa soal Borneo Utara ke PBB, tetapi gagal mendapatkan sokongan. Indonesia pula mengambil kesempatan daripada pemberontakan di Brunei pada awal Disember 1963 untuk menghalang pembentukan Malaysia, kerana ia ditubuhkan tanpa mengambil kira hak penduduk berdasarkan prinsip 'menentu nasib diri' atau *self-determination*. Pada 20 Januari 1963, Indonesia dengan rasminya mengisyitiharkan dasar berkonfrontasi dengan Tanah Melayu dan Britain.

Tekanan Filipina dan Indonesia tidak melemahkan semangat Tunku. Tunku dan MacMillan bertekad untuk menubuhkan Malaysia pada tarikh yang ditetapkan. Ketegasan ini bukan bermakna Tunku tidak bersedia untuk berunding dengan Indonesia dan Filipina tentang gagasan itu. Tunku bersedia untuk bertolak ansur dan menimbang bantahan Filipina dan Indonesia asalkan Malaysia dapat ditubuhkan. Pada bulan Mei 1963, Tunku meng-

adakan rundingan dengan Soekarno di Tokyo yang kemudiannya disusuli pula dengan rundingan di Manila pada bulan Jun 1963.

Tunku menerima keputusan Sidang Kemuncak di Manila pada bulan Jun 1963 untuk membenarkan Jawatankuasa Penyiasat PBB mengkaji kehendak penduduk di Sabah dan Sarawak, walaupun dibantah oleh pihak British. Keputusan Jawatankuasa itu memihak kepada Malaysia. Justeru itu pada 16 September 1963, Malaysia ditubuhkan dengan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak sebagai komponennya. Brunei, walaupun pada awalnya ghairah hendak menyertainya, memutus untuk berada di luar Malaysia atas alasan-alasan tertentu.

Sungguhpun keputusan rakyat di Sabah dan Sarawak disahkan oleh Setiausaha Agung PBB, Filipina dan Indonesia, memilih untuk tidak mengiktirafnya atas pelbagai alasan. Indonesia bertindak dengan lebih agresif lagi. Gerakan pencerobohannya ke atas wilayah Malaysia, khususnya di Sarawak dan Sabah telah dipertingkatkan lagi. Negara-negara sahabat, seperti Amerika Syarikat, Thailand dan Jepun cuba menyelesaikan krisis tersebut secara rundingan tidak kecapaian. Rundingan di Bangkok dan Tokyo pada tahun 1964 menemui jalan buntu.

Dalam menghadapi ancaman Indonesia, Malaysia telah mendapat sokongan daripada negara-negara sahabat dalam pakatan ANZAM – Britain, Australia dan New Zealand. Pada tahap ancaman ketenteraan Indonesia memuncak pada penghujung tahun 1964, Malaysia dan sekutu-sekutunya telah merancang pelbagai operasi ketenteraan untuk bertindak balas sekiranya Indonesia melancar serangan besar-besaran terhadap Malaysia. Operasi merentas sempadan sehingga 10,000 elang ke dalam wilayah Indonesia di Kalimantan dan pusat-pusat tentera Indonesia di Pulau Riau dan pulau-pulau di perairan Selat Melaka juga dilancarkan, selain daripada perang saraf melalui siaran radio dan seumpamanya. Pada masa yang sama, Malaysia juga menghebahkan kepada masyarakat antarabangsa tentang sikap agresif Indonesia dengan mengadu kepada Majlis Keselamatan PBB dan juga forum antarabangsa.

Dalam kegawatan menghadapi tekanan dari Indonesia, Malaysia juga tidak terlepas daripada masalah dalaman. Keutuhan Malaysia tercabar apabila pertelingkahan tercetus antara pimpinan pusat dengan pimpinan Singapura berhubung soal perlembagaan. Pertelingkahan itu juga telah membawa kepada

tercetusnya rusuhan kaum di Singapura yang mengorbankan banyak nyawa. Demi untuk menyelamatkan Singapura daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965, Singapura telah dipisah dari Malaysia.

Pemisahan Singapura dari Malaysia pada bulan Ogos 1965, tidak menjelaskan keutuhan Malaysia, sebaliknya mengukuhkan lagi kedudukannya serta melepaskan dirinya daripada beban politik. Tun Abdul Razak menganggap kehadiran Singapura dalam Malaysia seumpama 'duri dalam daging'.

Kejatuhan PKI di Indonesia selepas 30 September 1965, menjadi titik tolak penting dalam hubungan Indonesia-Malaysia. Harapan untuk berdamai mula kelihatan. Hubungan dan rundingan sulit telah berlangsung antara Malaysia dan pimpinan tentera darat. Pihak Malaysia mengendalikan perundingan itu dengan cemerlang. Selepas yakin bahawa Adam Malik dan Jeneral Soeharto serta pemimpin kanan tentera yang lain benar-benar berhasrat untuk berdamai, dasar Malaysia adalah mengadakan rundingan secara langsung antara kedua-dua negara. Rundingan kemudiannya berlangsung di Bangkok pada 29 hingga 1 Jun 1966. Kedua-dua pimpin – Adam Malik dan Tun Abdul Razak – mencapai kata sepakat di Bangkok untuk menamatkan konfrontasi dan memulihkan hubungan kedua-dua negara serumpun itu. Pada 11 Ogos 1966, Perjanjian Pemulihan Hubungan ditandatangan di Jakarta.

Dengan itu tamatlah konfrontasi yang berlarutan selama 33 bulan tanpa tujuan dan habuan yang konkret. Adam Malik menganggapnya sebagai 'kemenangan untuk bangsa Melayu', manakala Tun Abdul Razak pula menganggapnya sebagai 'membuka era baru dalam hubungan bangsa serumpun'. Bagaimanapun yang paling bersyukur dengan peristiwa itu ialah Tunku Abdul Rahman, Bapa Malaysia. Tunku menyahut pemulihan hubungan itu dengan mengucap kesyukuran kepada Allah yang Maha Besar serta berharap ia 'akan mengeratkan kembali perhubungan kedua-dua buah negara yang berjiran demi kepentingan bersama dan kemakmuran seluruh Tenggara Asia'.

Lampiran

Memorandum Tunku

Memorandum Tunku Abdul Rahman kepada Harold Macmillan,
Perdana Menteri British mengenai Gagasan Malaysia



My dear Prime Minister Macmillan/61

I was gratified to read your encouraging statement in Parliament last week about the proposed assimilation of the Borneo territories, Singapore and the Federation of Malaya. As you may already be aware, I have written to Mr. Sandys regarding this, in particular about the future relationship of Brunei and the Federation. I am now forwarding a memorandum giving in some detail our further thoughts on the subject, which I hope may serve as a basis for discussions.

Yours sincerely
Tunku Abdul Rahman

(TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA)

Right Honourable Harold Macmillan, M.P.,
Prime Minister of the United Kingdom,
London.

R u j u k a n

A: SUMBER RASMI

Sumber Public Record Office, Kew

Siri FO 371, Surat menyurat Umum: Jabatan-Jabatan Politik

Siri CO 1030, Surat Menyurat Jabatan Asia Tenggara dan Jabatan Bersama Malaysia/Indonesia

PREM 11-13

CAB 128

DEFE 4-6

B: PENERBITAN RASMI

Background to Indonesia's Policy towards Malaysia. 1964. Jabatan Penerangan: Kuala Lumpur.

Communication with the Security Council on Indonesia Aggression, 11th. August 1964 to 28 May 1965. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Foreign Relations of the United States, 1961-1963, Southeast Asia. Vol. XXIII. 1994. Washington.: US Government Printing.

Indonesian Intention towards Malaysia. 1964. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan.

Indonesian Involvement in Eastern Malaysia. 1964. Jabatan Penerangan: Kuala Lumpur.

Let the World Judge. 1964. Jabatan Penerangan: Kuala Lumpur.
Malaysia/Indonesia Relations, 31st. August 1957 - 15th September 1963. 1963. Kuala Lumpur.: Jabatan Penerangan.

Malaysia's Case in the United Nations Security Council. 1964. Kuala Lumpur: Kementerian Luar Negeri.

Parliamentary Debates: Dewan Rakyat. Laporan Rasmi pelbagai tahun (1958-1970).

C: AKHBAR

- Berita Harian (Kuala Lumpur) 1961-66.
The Straits Times (Singapore) 1961-66.
Utusan Melayu (Kuala Lumpur) 1961-66.
Akhbar Merdeka (Kuala Lumpur) 1963-65.

D: BUKU

- Abdul Rahman. 1980. *Tunku Pandang Balik*. Kuala Lumpur: Heinemann Education Book.
- Abdullah Ahmad. 1987. *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia 1963-1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Anderson, B. R dan Ruth T. McV. 1971. *A Preliminary Analysis of the October 1, 1965, Coup in Indonesia*. Itacha: Cornell University.
- Fletcher, N. Mc. H. 1969. *The Separation of Singapore from Malaysia*. New York: Cornell University.
- Gordon, B.K. 1966. *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Hidayat Mukmin. 1991. *TNI Dalam Politik Luar Negeri: Studi Kasus Penyelesaian Konfrontasi Indonesia-Malaysia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Hussainmiya, B.A. 1995. *Sultan Omar Ali Saifuddin III and Britain*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ide Anak Agung. 1973. *Twenty Years Indonesian Foreign Policy, 1945-1965*. The Hague: Mouton.
- Jones, H. P. 1971. *Indonesia: The Possible Dream*. New York: Jovonovich Inc.
- Kahin, A. R. dan George McT. K. 1995. *Subversion as Foreign Policy: The Secret Eisenhower and Duke Deback in Indonesia*. New York: The New York Press.
- Kunaseelan a/l Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia Indonesia, 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Lau, A. 1998. *A moment of Auguish: Singapore in Malaysia and the Politics of Disengagement*. Singapore: Times Academic Press.
- Lee Kuan Yew. 1998. *Memoirs of Lee Kuan Yew: The Singapore Story*. Sinagapore: Singapore Press Holdings.
- Leifer, M. 1983. *Indonesia's Foreign Policy*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Muhammad Ghazali Shafie. 1982. *Malaysia: International Relations*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise.
- Muhammad Ghazali Shafie. 1998. *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

- Siregar, M.R. 1995. *Tragedi Manusia dan Kemanusiaan: Kasus Indonesia*. Amsterdam: CIP-gegevens kohinkluke bibliotheek.
- Mackie, G. 1974. *Confrontations: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Masashi Nishihara. 1994. *Sukarno, Ratna Sari Dewi dan pampasan Perang: Hubungan Indonesia-Jepang. 1951-1966*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Mezerik, A.G. (ed.) 1963. *Malaysia-Indonesia Conflict*. New York: International Review Service.
- Miller, H. 1965. *The Story of Malaysia*. London: Faber and Faber.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mortimer, A. R. 1974. *Indonesia Communism under Sukarno: Ideology and Politics 1959-1965*. New York: Chicago University Press.
- Pluvier, J. M. 1965. *Confrontations: A Study in Indonesian Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roeder, O.G. 1969. *The Smiling General: President Soeharto of Indonesia*. Jakarta: Gunung Agung.
- Saravanamuttu, J. 1983. *The Dilemma of Independence: The Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Soegiarso Soerojo. 1989. *Siapa Menabur Angin akan menuai Badai: G30S PKI dan Perang Bung Karno*. Jakarta.
- Sundhausen, Uif. 1982. *The Road to Power: Indonesia Military Politics 1945-1965*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Weinstein, F. B. 1969. *Indonesia Abandons Confrontation: An Inquiry into the Function of Indonesian Foreign Policy*. New York: Cornell University Press.

E: RENCANA

- Abdul Rahman, Tunku. 1965. 'Malaysia: Key Area in Southeast Asia'. *Foreign Affairs*. 43(4): Julai.
- Armstrong, H.F. 1963. 'The Troubled Birth of Malaysia'. *Foreign Affairs*. 41(4): Julai.
- Butwell, R. 1964. 'Malaysia and Its Impact on the International Relations'. *Asian Survey*. 10 (7): Julai.
- Davies, D. 1966. 'Interview with Dr. Adam Malik, Indonesian Foreign Minister'. *FEER*. LIII(5): 4 Ogos.
- Davis, D. 1966. 'Sprouting Olives'. *FEER*. LII(9): 2 Jun.
- Derkach, N. 1965. 'The Soviet Policy Towards Indonesia in the

- West Irian and the Malaysian Disputes'. *Asian Survey*. V(11). November.
- Green, L. C. 1965. 'Indonesia: The United Nations and Malaysia'. *Journal of Southeast Asia History*. 6(2).
- Hindley, D. 1964. 'Indonesia's Confrontation with Malaysia: A Search for Motives'. *Asian Survey*. VI(6). Jun.
- Kahin, G. McT. 1964. 'Malaysian and Indonesia'. *Pacific Affairs*. 37(3). Fall.
- Kroef, J. M. V. der. 1961. 'Nasution, Sukarno and the West New Guinea Dispute'. *Asian Survey*. I(6). Ogos.
- Kroef, J. M. V. der. 1963. 'Indonesia, Malaya and North Borneo Crisis'. *Asian Survey*. III(4). April.
- Leifer, M. 1966. 'Indonesia and Malaysia: The Changing Face of Confrontation'. *The World Today*. 22(9). September.
- Means, G. P. 1963. 'Malaysia - A New Federation in Southeast Asia'. *Pacific Affairs*. 36(2).
- Nik Anuar Nik Mahmud 'Tuntutan Waris Kesultanan Sulu dan Republik Filipina terhadap Borneo Utara dan Reaksi British, 1961-1963', dlm. Kemaruzaman Yusof & at. el. (editor), *Sejarah, Bahasa dan Sastera dalam Pembinaan Negara Bangsa*, FSKK, UKM. Bangi.
- Weatherbee, D. E. 1965. 'Indonesia and Malaysia: Confrontation in Southeast Asia'. *Orbis*. VII(2). September.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1980. 'Confrontation: A Study of Malaysia-Indonesia Relations: Its Implications'. *Nusantara*. 5 (Julai).

Indeks

- Abdul Razak, Tun 104
dengan Narashima 105
dengan Lord Head 105-106, 175
persidangan Menteri-Menteri Luar di Bangkok 132, 135, 137, 164
persidangan Menteri-Menteri Luar di Tokyo 143
dengan Jeneral Walker 143
dengan MacMillan di London 168
dengan Bottomley 169, 200
kenyataan di Parlimen 191
rundingan damai di Bangkok 229
kenyataan rasmi perdamaian 219-230
perjanjian Bangkok (7 Jun 1966) 230
- Abdullah Ahmad 169
Adam Malik 216, 217, 220
rundingan sulit 224-226
rundingan damai 229-230
perjanjian Bangkok 230
Adams 170
Addas, Hechanova 116
Addington, rancangan ketenteraan 174
Ahmad Boestaman 15
Ali Moetopo 220
rundingan sulit 220, 222
bertemu Tun Razak 232
Allen, Denis, Sir 19, 21
Althorpe 174, 175
Anzus, Mesyuarat di Washington 123-125
Azahari, A.M 68, 91
ASA 73, 126, 127
- Barisan Pemuda Indonesia 115
Barisan Sosialis 11
Barwick, G 123
Begg Varl, Sir Admiral 169, 173
Berger, Col. 153
Bottomley, J.A 157, 158, 200
Brown, A.J 207
Butler, R.A 131
- Cayco, Librado 115
Chairul Salih 161, 219
CIA 206
Claret, rancangan ketenteraan 170
- Dean, Patrick, Sir 136, 148, 151
De Silva 218
- Fry, Leslie 67-69, 72
- Gamboa, M.T 83, 87
Gestapu (Gerakan 30 September) 206
Ghazali Shafie, Dato' 47, 90, 143, 157, 163, 209, 210, 213, 218, 220
dengan Ali Moetopo 220-222
Pesuruhjaya Tinggi British, Australia dan New Zealand 222-223
dengan Adam Malik 224-226
surat kepada Adam Malik 226-227
rundingan di Bangkok 230
dengan Soeharto 231
- Gilchrist, Andrew, Sir 6, 107, 114, 130, 156, 209, 216-217
Djatikusumo, Lt. Jen 63
Goh Keng Swee 195
Gore, David Ormsby 123
Goode, William Sir 34
- Headley, D 200
Harrisson, G 124
Head, Lord 203, 208, 213
Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) 212
Home, Lord 3, 92, 104, 126
kerahan tenaga 138
askar Indonesia 171-172, 175, 185
berjumpa Tunku 136, 187, 188
menjawab surat Tunku 139
Hong Lim, pilihanraya kecil (April 1961) 26
Hussein, Mohamed Osman 169
- Ibrahim Hj. Yaacob 15
Ikatan Pendukung Kemerdekaan Indonesia (IPKI) 212
Ikeda 129
Independence Olalayan Party 15
Ismail bin Abdul Rahman 15
di PBB 146-150
sikap Lee Kuan Yew 190
- Jamalul-Kiram 80
- Kadir Samsuddin 59
Kalong Ningkan 202
Kerajaan Revolusi Negara Kalimantan Utara 92

- Kennedy, Robert 129
 dengan Sockarno 129-130
 dengan Ikeda 129
 dengan Dr. Subandrio 131
 Khoeman, Thanat, Tun 121, 126
 dengan Mohamad Sopiee 133
- Lee Kuan Yew 27-30, 33-36, 46
 rancangan Malaysian Malaysia 190
 dengan Lord Head 193-194
 perpisahan Singapura dari Malaysia 195
 Leimena, Dr 68
 Leon Soh 154-156
 Lim Chin, Siong 11
 Lopez, Salvador, P 88, 111, 127
 mesyuarat di Bangkok 133-134
 Luce, David 172
- Macapagal, D 79, 80, 83, 100, 126
 MacDonald, Malcolm 16
 MacMillan, Harold 24, 44-45
 kenyataan tentang 'Grand Design' 53, 92
 Malay Solidarity Convention 190
 Malayan Union 15
 Maphilindo 126
 Mason, rancangan ketenteraan 174, 175
 Melayu Raya 15
 MCA 176
 McIntosh, Alistair 123
 Michelmore, Lawrence 111
 Mills 196
 Minsford 157
 Misi Muhibab dari Jakarta 227
 kenyataan akbar Malaysia 228
 Mohamad Sopiee 126
 Morozov 147
 Mountbatten, Louis, Lord 187
 Murray 224
- Narasimban 74
 Napoleon, G. Rama 80
 Nasakom 208
 North Borneo News 85
- Omar Ali Saifuddin 17
 lawatan ke Tanah Melayu 18
 Ong Yoke Lin 165
 Operasi menggugur risalah di Indonesia 164-166
 Ordinan Perkhidmatan Kebangsaan (1952) 138
 Ovendain, J.C 80
- PAP 15, 185, 187
 Parti Komunis Indonesia 65, 66, 128
 PAS 197
- Pemuda Nahdatul Ulama (Pemuda NU) 212
 Perjanjian London (9 Julai 1963) 109
 Persidangan Afro-Asian 65
 Persidangan Kuasa-kuasa Bersekutu di London 203-204
 Persidangan Manila 106
 Persidangan Menteri-menteri Luar pertama 132-135
 kedua 137
 Persidangan di Tokyo 141
 Perth, Lord 11
 Pelaez, Emmanuel 81
 Pemberontakan di Brunei (Disember 1962) 66
 reaksi Indonesia 91
 Pendataran tentera Indonesia di Semenanjung Malaysia 145-146, 161
 Malaysia mengadu kepada Majlis Keselamatan 176
 Persidangan Majlis Keselamatan 146-150
 Perpisahan Singapura dari Malaysia 195-197
 Perjanjian Bangkok 230
 Perjanjian Pemulihkan Hubungan Indonesia-Malaysia 232-234
 Philippines Herald 84
 Picher, J. 81, 84
 pertemuan dengan Lopez 90-91
 pertemuan dengan Macapagal 91-92
 PKI (Partai Komunis Indonesia) 207
 Pritchard, Neil, Sir 172
 Pungutan suara di Singapura 64-65
- Ramani 140, 146, 151, 167
 Ramos G. 81
 Resolusi Norway 149
 Resolusi Ramos 81
 Rundall 129
 Rundingan Filipina dengan Britain 93-99
- Sabah Times 85
 Sambas Atmadinata, Brig-Jen 67
 Sandys, Duncan 25
 dengan Tun Razak 25
 reaksi terhadap gagasan Malaysia 33, 41, 43
 Sastora Midjoya 65
 Seato 36, 200
 Selkirk, Lord 23
 komen terhadap deraf 'Grand Design' 29-30
 memorandum kepada Menteri Luar Iain Macleod 36-40
 surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan 51-53
 surat kepada Reginald Mardy 54-55

- Seydoux 149
Snelling, Arthur, Sir 89
Soegih Arto 134
Socharto, Jeneral 208, 220
Soekarno 127, 150-151
 dengan Robert Kennedy 129-130, 210-213
 Gestapu 206
Spillikin 174
Stephen, Donalds 202
Subandrio, Dr. 63, 67, 69, 70, 72, 73, 100, 131, 143, 198, 199, 207, 219
Sudjarwo 147
Surat Perintah 11 Maret 219
Suruhanjaya Afro-Asia 151
Sutowo, Jen 152
Syed Jaafar Albar 185

Tebudu; serangan askar Indonesia 103
 reaksi British 104
Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) 67
Toh Chin Chye 195
Tory, Geoffrey 18, 30, 32, 59
Tunku Abdul Rahman 15, 22
 percantuman wilayah Borneo Utara
 dengan Persekutuan Tanah Melayu 23
 dengan Lee Kuan Yew 27, 46, 188, 189
ucapan di Kelab Wartawan Asia 32
memorandum kepada MacMillan 40-41, 48-50, 54
jawapan MacMillan 45-46

usul Malaysia ke Parlimen 55-57
kerahan tenaga 138-139
tuntutan Filipina ke atas Sabah 81
dengan Robert Kennedy 130
dengan Soekarno 142-143
risalah 162
dengan Bottomley 164
dengan Lord Head 187, 191-193
surat Tunku kepada Harold Wilson 170-171, 189
Tunku Yaacob 136

Untung, Lt. Kol 206
UPKO 200
U Thant 113
Umar Dhani 206
UMNO 15, 185, 187, 194
UMNO Singapura 184
UMNO-Perikatan 184

Wallace, W.I.J 17
Walker, Jeneral 134, 140, 143, 217, 218, 223
Walston, Lord 169
Wilson, Harold 168
 surat kepada Tunku 171, 202
Waris Kesultanan Sulu 79
Warner, F.A 85, 92, 111
Wyldebole-Smith, Olajor-Jen 140

Zain Azrai 89
Zaiton Ibrahim 115